BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

KEPERLUAN BERKANUN

Mengikut seksyen 13 Akta Bank Negara Malaysia 2009, Bank Negara Malaysia dengan ini menerbitkan dan telah mengemukakan kepada Menteri Kewangan satu naskhah Laporan Tahunan ini berserta dengan satu salinan Penyata Kewangan Tahunannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2013, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Penyata Kewangan Tahunan ini akan juga diterbitkan di dalam Warta.

Bagi maksud seksyen 115 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, laporan tahunan berhubung dengan pentadbiran Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 2013 dimasukkan ke dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2013 yang merupakan satu bahagian penting Laporan Tahunan 2013.



Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi
Lembaga Pengarah

19 Mac 2014

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
D.K. (Johor), P.S.M., S.S.A.P., S.U.M.W., D.P.M.J.
Gabenor dan Pengerusi

Dato' Muhammad bin Ibrahim
P.J.N., D.P.M.S.
Timbalan Gabenor

Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus
P.M.W.
Timbalan Gabenor

Dr. Sukhdave Singh
Timbalan Gabenor

Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah
P.S.M., S.S.A.P., D.C.S.M., D.P.S.K., D.I.M.P., S.A.P.

Datuk Oh Siew Nam
P.J.N.

Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang bin Mohd. Nor
P.S.M., D.A., P.N.B.S., J.S.M., J.B.S., A.M.N., P.B.J., P.P.D.(Emas)

Dato' N. Sadasivan
D.P.M.P., J.S.M., K.M.N.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman bin Mahbob
P.S.M., P.J.N., S.S.A.P., D.J.B.S., J.S.M., S.M.J., P.M.P., K.M.N., A.M.N.

Encik Chin Kwai Yoong

Encik Chin Kwai Yoong telah dilantik semula menjadi Ahli Lembaga Pengarah berkuat kuasa 1 Mac 2013.

Dr. Sukhdave Singh telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah berkuat kuasa 16 April 2013.

Dato' Muhammad bin Ibrahim telah dilantik semula menjadi Ahli Lembaga Pengarah berkuat kuasa 16 Jun 2013.

Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus telah dilantik semula menjadi Ahli Lembaga Pengarah berkuat kuasa 16 November 2013.

AHLI-AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH

Dr. Mohd Daud bin Bakar
Pengerusi

Prof. Madya Dr. Mohamad Akram bin Laldin
Timbalan Pengerusi

Tun Abdul Hamid bin Mohamad
S.S.M, D.U.P.N, S.P.C.M, D.M.P.N, D.P.C.M, K.M.N, P.J.K

Tan Sri Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman
P.S.M, P.J.N, D.S.D.K, S.D.K, A.M.N

Y.B. Dato' Seri Haji Hassan bin Haji Ahmad
P.M.P, D.S.P.N, P.J.N, D.G.P.N

Prof. Dr. Ashraf bin Md. Hashim

Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali

Prof. Madya Dr. Rusni binti Hassan

Prof. Madya Dr. Asmadi bin Mohamed Naim

Dr. Shamsiah binti Mohamad

En. Burhanuddin bin Lukman

Gabenor	Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Timbalan Gabenor	Dato' Muhammad bin Ibrahim
Timbalan Gabenor	Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus
Timbalan Gabenor	Dr. Sukhdave Singh
Setiausaha Lembaga Pengarah	Abu Hassan Alshari bin Yahaya
Penolong Gabenor	Bakarudin bin Ishak
Penolong Gabenor	Norzila binti Abdul Aziz
Penolong Gabenor	Jessica Chew Cheng Lian
Penolong Gabenor	Donald Joshua Jaganathan
Penolong Gabenor	Abu Hassan Alshari bin Yahaya
Penolong Gabenor	Marzunisham bin Omar
Pengarah	
Pejabat Gabenor	Vivienne Leong Sook Leng
Komunikasi Strategik	Shariffuddin bin Khalid
Audit Dalam	Mohamad Muhsin bin Mohd Anas
Ekonomi	
Ekonomi	Fraziali bin Ismail
Analisis dan Strategi Monetari	Dr. Norhana binti Endut
Antarabangsa	Nazrul Hisyam bin Mohd Noh
Perkhidmatan Statistik	Toh Hock Chai
Pengawalan	
Pembangunan Sektor Kewangan	Aznan bin Abdul Aziz
Perbankan Islam dan Takaful	Wan Mohd Nazri bin Wan Osman
Pemantauan dan Pengawasan Kewangan	Madelena binti Mohamed
Dasar Kewangan Pruden	Mohd Zabidi bin Md Nor
Kewangan Pembangunan dan Enterpris	Marina binti Abdul Kahar
Dasar Sistem Pembayaran	Tan Nyat Chuan
Konsumer dan Amalan Pasaran	Suhaimi bin Ali
Pengawalan Perkhidmatan Perniagaan Wang	Shahariah binti Othman
Penyeliaan	
Penyeliaan Konglomerat Kewangan	Che Zakiah binti Che Din
Penyeliaan Insurans dan Takaful	Yap Lai Kuen
Penyeliaan Perbankan	Cindy Siah Hooi Hoon
Unit Pakar Risiko	Charles Sandanasamy*
Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan	Abd. Rahman bin Abu Bakar
Pelaburan dan Operasi	
Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan	Adnan Zaylani bin Mohamad Zahid
Pentadbiran Pertukaran Asing	Shamsuddin bin Mohd Mahayidin
Pengurusan dan Operasi Matawang	Azman bin Mat Ali
Pembangunan Organisasi	
Pengurusan Strategik dan Risiko	Mohd. Adhari bin Belal Din
Modal Insan Strategik	Jennora Bahari
Kewangan	Eugene Hon Kah Weng
Undang-Undang	-
Pusat Pembangunan Modal Insan	Thomas Tan Koon Peng
LINK dan Pejabat Wilayah	Arlina binti Ariff
Perkhidmatan IT	Alizah binti Ali
Unit Promosi MIFC	Nik Mohamed Din bin Nik Musa
Perkhidmatan Sokongan Berpusat	
Pengurus Besar	Dato' Mohd Nor bin Mashor
Pejabat Pengurusan Perkhidmatan Sokongan Berpusat	Azmi bin Abd Hamid
Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti	Myrzela binti Sabtu
Perkhidmatan Hospitaliti	Lim Foo Thai
Perkhidmatan Keselamatan	Dato' Badaruddin bin Mohd Isa
Muzium, Galeri Seni dan Perkhidmatan Pusat Pengurusan Ilmu Pengetahuan	Lucien de Guise
Ketua Perwakilan	
Pejabat Perwakilan Beijing	Albert See Choon Kwang
Pejabat Perwakilan London	Azizul bin Amiludin*
Pejabat Perwakilan New York	Harris bin Hassan
Pejabat Wilayah	
Johor Bahru	Raman A/L Krishnan
Pulau Pinang	Mohd Daud bin Dahar
Pengurus Cawangan	
Kota Kinabalu	Kamalullail bin Ramli
Kuching	Rosnani binti Mahamad Zain
Shah Alam	Yusoff bin Yahaya
Kuala Terengganu	Omar bin Moin

* Ketua (secara pentadbiran)

Kandungan

PERUTUSAN GABENOR

RINGKASAN EKSEKUTIF

PERKEMBANGAN EKONOMI PADA TAHUN 2013

11 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa
17 Ekonomi Malaysia
22 Sektor Luar Negeri
23 *Rencana: Industri Berasaskan Sumber di Malaysia Menjadi Lebih Pelbagai*
32 *Rencana: Memperluas Pengawasan Ekonomi Melalui Pejabat Wilayah Bank Negara Malaysia*
35 Perkembangan Inflasi

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN

41 Keadaan Monetari dan Kewangan Antarabangsa
43 *Rencana: Limpahan Pelonggaran Kuantitatif Terhadap Asia*
48 Keadaan Monetari dan Kewangan Domestik
53 Pembiayaan Ekonomi

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2013

57 Dasar Monetari
59 Operasi Monetari

PROSPEK DAN DASAR PADA TAHUN 2014

65 Prospek Ekonomi Antarabangsa
68 Ekonomi Malaysia
73 *Rencana: Evolusi Kedudukan Kewangan Isi Rumah dan Implikasi Terhadap Penggunaan Swasta*
81 *Rencana: Menganggarkan Keluaran Potensi Malaysia*
85 Prospek Dasar Monetari
86 Prospek Dasar Fiskal

TADBIR URUS, PEMBANGUNAN ORGANISASI DAN KOMUNIKASI

91 Tadbir Urus
95 Pembangunan Organisasi
101 Komunikasi

PENYATA KEWANGAN TAHUNAN

113 Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2013
114 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013
115 Nota-nota bagi Penyata Kewangan

TAMBAHAN

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PERUTUSAN GABENOR

Tahun 2014 menandakan tahun peralihan untuk ekonomi dunia. Seiring dengan pemulihan yang berterusan dalam ekonomi maju utama, dasar monetari akomodatif yang berpanjangan akan kembali kepada keadaan yang normal. Meskipun pelarasan struktur dan perubahan keinstitusian yang sedang dilaksanakan akan turut menyumbang kepada pengukuhan proses pertumbuhan, namun masih wujud cabaran untuk mengurus tempoh peralihan ini agar proses pemulihan tidak terjejas. Ekonomi sedang pesat membangun, terutamanya di Asia, kekal berdaya tahan semasa tempoh kelembapan ekonomi global yang berlarutan ini, dan akan mendapat manfaat daripada pemulihan global ini. Kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun telah meneruskan usaha pembaharuan bagi mengukuhkan prospek pertumbuhan jangka sederhana, di samping menangani bidang-bidang yang mempunyai kelemahan.

Meskipun usaha untuk mengembalikan keadaan monetari ekonomi maju kepada keadaan yang normal akan memberikan kesan positif kepada ekonomi dunia memandangkan ia mencerminkan keadaan ekonomi yang bertambah baik, bagaimanapun usaha ini telah disusuli oleh ketidaktentuan yang semakin ketara dalam pasaran kewangan antarabangsa. Dalam tempoh ini, ekonomi sedang pesat membangun mengalami pertukaran arah aliran modal yang mendadak. Limpahan dasar dan kesan penularan merupakan risiko yang mungkin dihadapi oleh ekonomi sedang pesat membangun semasa tahun peralihan ini. Kesan daripada perkembangan tersebut kepada ekonomi sedang pesat membangun adalah berbeza-beza. Walau bagaimanapun, pembaharuan yang dilaksanakan sebelum ini dan instrumen dasar yang lebih pelbagai, telah membolehkan kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun mengurus dengan lebih berkesan keadaan yang amat tidak pasti dan tidak menentu ini.

Keadaan ekonomi di Malaysia terus bertambah baik dan ekonomi negara dijangka terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil semasa melangkah ke tahun 2014 dan 2015. Meskipun ekonomi akan terus meraih manfaat daripada pemulihan global yang berlaku secara beransur-ansur, permintaan dalam negeri yang diterajui sektor swasta, masih merupakan pemacu utama pertumbuhan. Pembaharuan dan inisiatif yang diperkenalkan sebelum ini banyak memberikan manfaat kepada ekonomi negara, dengan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan swasta. Perbelanjaan modal yang menyeluruh merentas sektor ekonomi dan kawasan geografi yang diunjurkan mencatat pertumbuhan kukuh buat tahun kelima berturut-turut, mencerminkan usaha yang sedang dilaksanakan berhubung dengan peralihan negara ke arah menjadi ekonomi bernilai tambah tinggi. Sektor isi rumah juga kekal berdaya tahan. Aktiviti penggunaan swasta disokong oleh kenaikan pendapatan yang mampan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil.

Malaysia, sebagai ekonomi yang sangat terbuka dengan sistem kewangan yang semakin liberal, telah menerima kesan yang nyata daripada perkembangan di luar negeri. Meskipun ketidaktentuan aliran modal meningkat dalam beberapa bulan kebelakangan ini, pasaran kewangan domestik kekal teratur, dan pengantaraan kewangan tidak mengalami sebarang gangguan. Ini sebahagian besarnya merupakan hasil pembaharuan yang dilaksanakan sejak sedekad yang lalu untuk membangunkan sistem kewangan domestik yang lebih berdaya tahan. Selain itu, paras rizab antarabangsa yang tinggi, hutang luar negeri yang rendah dan lebihan akaun semasa dalam imbangan pembayaran, terus memperkukuh ekonomi negara dan keupayaannya untuk menangani kejutan luaran. Walaupun berdepan ketidaktentuan jangka pendek, pelarasan struktur dan transformasi ekonomi negara yang sedang dilaksanakan akan mengukuhkan asas-asas ekonomi dan prospek pertumbuhan dalam jangka masa sederhana.

Bagi ekonomi dalam negeri pula, fokus ditumpukan pada pengurusan beberapa cabaran besar untuk mengukuhkan potensi kemampanan prospek pertumbuhan jangka sederhana negara. Susulan kos yang semakin meningkat, ekonomi dalam negeri sedang memasuki tempoh paras harga yang lebih tinggi. Inflasi pada tahun 2014 dan 2015 diunjurkan melebihi paras purata yang pernah dicatatkan, iaitu antara 3% hingga 4%. Semakan terhadap harga ditadbir beberapa barangan, faktor-faktor kos domestik yang lebih tinggi dan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) pada tahun 2015, dibuat ketika harga komoditi dunia adalah agak sederhana, tekanan permintaan dalam negeri yang sederhana serta jangkaan inflasi tegar. Oleh itu, pelarasan harga ini dijangka mempunyai kesan sementara kepada inflasi. Kesan pelarasan ini akhirnya akan luput dan inflasi dijangka stabil sekitar kadar purata jangka panjangnya pada 3%. Peningkatan dalam produktiviti dan kecekapan yang lebih tinggi dalam sektor perniagaan menyumbang ke arah usaha mengawal pindahan kos yang lebih tinggi kepada pengguna.

Ketika Kerajaan meneruskan pelaksanaan rancangannya untuk mengawal defisit fiskal dan tahap hutang sektor awam, cabaran yang wujud adalah untuk mencapai kemampanan fiskal dan pada masa yang sama, menyokong pertumbuhan. Pembaharuan fiskal adalah penting untuk memperkukuh daya tahan ekonomi secara keseluruhan, dan meningkatkan ruang bagi dasar fiskal mengurus kejutan yang tidak dijangka pada masa hadapan. Proses konsolidasi fiskal telah sebahagian besarnya dilaksanakan secara berperingkat untuk mengurangkan kemungkinan kesan yang buruk terhadap ekonomi. Ini turut disokong oleh langkah-langkah menggalakkan pertumbuhan, untuk mengelakkan daripada terjadinya gangguan terhadap aktiviti ekonomi dan juga penyisihan segmen masyarakat yang lemah. Kedudukan hasil yang bertambah baik dan perbelanjaan sektor awam yang lebih cekap akan meningkatkan potensi untuk pembangunan sistem perlindungan sosial yang lebih komprehensif dan pelaburan yang berterusan dalam pembangunan infrastruktur di Malaysia.

Dalam persekitaran yang lebih kompleks dan mencabar ini, tumpuan pelaksanaan pelbagai dasar yang wajar oleh Bank, adalah untuk memelihara kestabilan makroekonomi dan kewangan, selain menangani risiko yang wujud daripada ketidakstabilan yang berpunca daripada ketidakseimbangan kewangan, dan pada masa yang sama, menyokong pertumbuhan yang inklusif. Walaupun dasar monetari

merupakan instrumen dasar yang penting, Bank juga bergantung kepada pelbagai instrumen dasar untuk mencapai objektif ini. Fokus dasar monetari terus tertumpu pada usaha untuk mengekalkan kestabilan harga dalam persekitaran pertumbuhan yang mampan. Walau bagaimanapun, turut tersirat dalam pertimbangan dasar tersebut adalah untuk memastikan penetapan kadar faedah tidak mengakibatkan herotan kewangan yang meluas atau amalan pengambilan risiko yang keterlaluan dalam ekonomi. Bagi menangani risiko ketidakseimbangan kewangan mengikut sektor, pendekatan khusus yang lebih bersasaran, dalam bentuk langkah-langkah kehematan makro dan mikro, telah dilaksanakan. Walaupun dasar yang lebih pelbagai digunakan, langkah-langkah ini bukanlah pengganti kepada pendirian dasar monetari yang konsisten dengan prospek keadaan ekonomi dan kewangan di negara ini.

Pada tahun 2013, inisiatif juga terus dijalankan untuk menambah baik lagi struktur sistem kewangan, bagi membantu pengantaraan yang lebih berkesan dan menjadikan amalan pengurusan risiko lebih baik. Dalam perkembangan pasaran bon yang selanjutnya, terbitan nota dengan tempoh matang 30 tahun oleh Kerajaan memperdalam lagi pasaran bon negara, sekali gus menjadi tanda aras pembiayaan projek jangka panjang oleh sektor swasta. Satu lagi perkembangan penting yang dijangka berlaku pada tahun 2015 ialah pengenalan kadar rujukan yang baharu, iaitu Kadar Asas (Base Rate). Kadar Asas yang menentukan kos pinjaman kadar terapung oleh bank akan menggantikan Kadar Pinjaman Asas yang telah digunakan selama lebih 30 tahun. Penambahbaikan kepada rangka kerja kadar faedah ini bertujuan menjadikan kadar rujukan baharu ini lebih relevan bagi sektor kewangan, selain mengukuhkan mekanisme penentuan kos yang lebih berasaskan pasaran, dan pada masa yang sama, dapat memastikan ketelusan yang lebih tinggi bagi isi rumah dan perniagaan.

Seiring dengan integrasi kewangan yang lebih kukuh, kerjasama antara bank pusat untuk meningkatkan daya tahan bersama juga diperkukuh pada tahun 2013. Kerjasama telah diperkukuh dalam bidang pengawasan merentas sempadan, dan pembentukan rangka kerja pengurusan krisis yang bersepadu untuk menangani lebih awal ancaman terhadap kestabilan makroekonomi dan kewangan serantau. Sumber kewangan yang diperuntukkan untuk pengurusan krisis telah, dan akan terus, ditambah menerusi pengaturan cagaran merentas sempadan dan pengaturan swap pelbagai hala yang baharu. Insiatif Multilateralisasi Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM) juga sedang ditambah baik untuk mengukuhkan jaring keselamatan kewangan serantau. Secara keseluruhannya, inisiatif-inisiatif tersebut memajukan dan mengukuhkan pengaturan dan mekanisme keinstitusian, sebagai sebahagian daripada seluruh arkitektur kewangan serantau untuk menyokong kestabilan serantau.

Pada tahun 2013, Bank menubuhkan Pejabat Perwakilan Bank Negara Malaysia di Beijing dan ini merupakan suatu pencapaian penting bagi Bank. Sebagai pejabat perwakilan yang ketiga di luar negeri selepas London dan New York, Pejabat Perwakilan Bank Negara Malaysia di Beijing ini berperanan sebagai pusat penghubung yang penting dengan pengawal selia dan juga peserta pasaran kewangan China untuk menghasilkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan negara tersebut.

Di Bank, usaha-usaha untuk menambah baik keupayaan institusi terus dilaksanakan untuk memastikan Bank melaksanakan mandatnya dengan berkesan. Sama pentingnya adalah untuk berada dalam keadaan bersedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan pada masa hadapan. Pelaburan yang sedang dilaksanakan dalam pengurusan tenaga mahir sejak beberapa tahun yang lalu telah menyumbang kepada daya tahan institusi kita yang kukuh. Pada tahun 2013, lebih banyak program latihan berstruktur diperkenalkan untuk mempercepat pencapaian kompetensi, manakala lebih banyak program pembangunan kepemimpinan yang berfokus disediakan untuk jawatan-jawatan kritikal misi. Dengan berpandukan pelan urusan dan amalan pengurusan risiko Bank, tumpuan yang jelas pada hasil strategik dan kesedaran mengenai bidang yang mempunyai potensi risiko, memastikan langkah pengurangan dan persediaan diwujudkan untuk membantu pengurusan risiko dan perkembangan yang tidak dijangka. Pengurusan kewangan dan pengendalian operasi yang cukup rapi terus menyokong peruntukan sumber secara yang berkesan, serta pengurusan pelbagai permintaan dengan tahap keutamaan yang berbeza. Pada tahun 2013, perbincangan dan interaksi Bank dengan institusi lain, termasuk institusi antarabangsa, juga terus ditingkatkan, dengan termeterainya beberapa pengaturan formal untuk meningkatkan usaha kerjasama yang lebih erat.

Melangkah ke hadapan, kita menyedari bahawa persekitaran antarabangsa dan domestik akan terus memberi tekanan terhadap kapasiti dan keupayaan Bank. Kesediaan dan keberkesanan Bank yang berterusan dalam menjalankan tanggungjawabnya memerlukan tenaga kerja yang bersepadu yang komited untuk mencapai prestasi terbaik selain jalinan kerjasama yang teguh dengan institusi-institusi rakan Bank. Bagi pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan, saya ingin merakamkan penghargaan kami yang setulusnya kepada semua kakitangan Bank atas komitmen dan profesionalisme mereka untuk memastikan Bank terus berkhidmat demi kepentingan negara. Saya juga merakamkan terima kasih saya atas sokongan padu dan bimbingan daripada Lembaga Pengarah, yang merupakan tonggak penting dalam tadbir urus Bank. Bank akan terus berusaha dengan gigih untuk mencapai standard kecemerlangan tertinggi dalam menyempurnakan tanggungjawabnya dan memenuhi kepercayaan yang diamanahkan kepada kami dengan sebaiknya.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
19 Mac 2014

2013

RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pada tahun 2013, ekonomi global berkembang pada kadar sederhana dalam keadaan pertumbuhan yang tidak sekata merentas ekonomi. Dalam ekonomi maju, pertumbuhan bertambah baik secara beransur-ansur. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan adalah agak sederhana dengan ketidakpastian dasar dan kekangan struktur yang terus menjejaskan permintaan secara keseluruhan. Pertumbuhan dalam ekonomi sedang pesat membangun menjadi sederhana memandangkan permintaan dalam negeri terjejas oleh kelemahan permintaan luar negeri yang berpanjangan. Dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun, pertumbuhan juga menerima kesan daripada langkah dasar yang diperkenalkan untuk mengurus kelemahan dalam negeri. Selain itu, perubahan dalam jangkaan pasaran terhadap pengurangan tahap akomodasi dasar monetari Amerika Syarikat (AS) menjelang separuh kedua tahun 2013 menyebabkan kebalikan aliran modal yang besar daripada ekonomi sedang pesat membangun. Berlatarkan perkembangan ini, kadar inflasi global menurun, mencerminkan keadaan permintaan yang sederhana dalam kebanyakan ekonomi dan harga komoditi bukan tenaga yang lebih rendah.

Meskipun persekitaran luaran adalah lebih lemah, ekonomi Malaysia terus berkembang pada tahun 2013, didorong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang kukuh. Laporan Tahunan 2013 ini memberikan analisis perkembangan ekonomi Malaysia dan dasar yang dilaksanakan oleh Bank pada tahun 2013. Laporan ini juga mengandungi penilaian mengenai prospek ekonomi Malaysia berlatarkan perkembangan ekonomi dan kewangan global, serta cabaran utama pada masa hadapan. Laporan ini juga menunjukkan perubahan organisasi dalam Bank untuk mengukuhkan lagi tadbir urus dan keupayaannya menerusi penambahbaikan dalam pengurusan strategik, pengurusan risiko dan pembangunan tenaga mahir.

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2013

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.7% pada tahun 2013 (2012: 5.6%), didorong oleh pertumbuhan dalam negeri yang terus kukuh. Meskipun persekitaran luaran lebih lemah pada separuh pertama tahun 2013, permintaan dalam negeri terus berdaya tahan sepanjang tahun 2013, didorong oleh aktiviti sektor swasta yang teguh. Penggunaan swasta disokong terutamanya oleh keadaan guna tenaga dan kenaikan pendapatan yang menggalakkan. Pelaburan swasta disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perlombongan, perkhidmatan dan perkilangan. Prestasi pertumbuhan yang lebih sederhana pada tahun 2013 sebahagian besarnya disebabkan oleh perkembangan dalam sektor luaran. Permintaan daripada ekonomi maju dan serantau yang lebih perlahan pada separuh pertama tahun 2013 menyumbang kepada kemerosotan keseluruhan eksport benar pada tahun tersebut. Ini diburukkan oleh import benar yang terus meningkat sepanjang tahun 2013 berikutan pertumbuhan mampan dalam pelaburan dan penggunaan dalam negeri, yang menyebabkan penguncupan eksport bersih.

Pertumbuhan penggunaan swasta kekal kukuh pada 7.6% pada tahun 2013, disokong terutamanya oleh keadaan guna tenaga dan kenaikan pendapatan yang menggalakkan. Penggunaan swasta juga disokong oleh bantuan Kerajaan kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana serta akses kepada pembiayaan yang berterusan untuk peminjam yang mempunyai rekod kredit yang baik. Penggunaan awam mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada 6.3% pada tahun 2013 disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

Meskipun kadar aktiviti pelaburan menjadi sederhana berbanding dengan pertumbuhan yang sangat kukuh pada tahun 2012, ia terus disokong oleh perbelanjaan modal sektor swasta. Pelaburan swasta terus mencatat kadar pertumbuhan dua angka sebanyak 13.6% didorong oleh perbelanjaan modal pelabur dalam negeri dan juga pelabur asing dalam sektor perlombongan, perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan awam mencatat pertumbuhan positif yang kecil sebanyak 0.7%, berikutan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang menurun. Walau bagaimanapun, ia diimbangi oleh peningkatan perbelanjaan modal oleh perusahaan awam, yang disalurkan terutamanya kepada sektor minyak dan gas, serta pengangkutan dan tenaga.

Dari perspektif penawaran, peningkatan permintaan dalam negeri yang terus kukuh menyumbang kepada pengembangan aktiviti berkaitan dalam negeri bagi sektor perkhidmatan dan perkilangan pada tahun 2013. Industri berorientasikan eksport dalam sektor perkilangan mendapat manfaat daripada keadaan luaran yang bertambah baik pada separuh kedua tahun 2013. Aktiviti yang mantap dalam subsektor kediaman dan kejuruteraan awam menyumbang kepada pertumbuhan sektor pembinaan yang terus kukuh.

Keadaan pasaran pekerja kekal menggalakkan pada tahun 2013 apabila pengembangan aktiviti ekonomi merentas semua sektor telah menyokong permintaan terhadap pekerja. Guna tenaga mencatat pertumbuhan kukuh 4.8%, manakala jumlah pemberhentian pekerja pula menurun, menyarankan bahawa kebanyakan syarikat berupaya untuk membuat penyesuaian terhadap dasar gaji minimum. Pada tahun 2013, kadar pengangguran kekal rendah pada 3.1%.

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), kekal sederhana pada 2.1% pada tahun 2013 (2012: 1.6%). Inflasi purata adalah rendah pada 1.7% pada lapan bulan pertama tahun 2013 sebelum meningkat kepada 2.9% pada empat bulan terakhir tahun itu. Inflasi yang lebih tinggi pada tempoh tersebut didorong oleh faktor kos dan bekalan dalam negeri, disebabkan pelarasan menaik terhadap harga ditadbir dan kekurangan penawaran dalam negeri akibat faktor berkaitan cuaca. Meskipun terdapat pertumbuhan penggunaan swasta yang kukuh dan peningkatan gaji yang mampan pada tahun itu, kapasiti produktif yang mencukupi dalam ekonomi telah membantu membendung tekanan permintaan. Oleh itu, inflasi teras, iaitu penunjuk tekanan harga berasaskan permintaan, menjadi sederhana kepada 1.8% pada tahun 2013.

Sektor luar negeri Malaysia kekal berdaya tahan pada tahun 2013 dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global yang mencabar. Imbangan pembayaran keseluruhan terus kukuh, disebabkan oleh lebihan akaun semasa yang lebih daripada mengimbangi aliran keluar bersih dalam akaun kewangan. Pada separuh pertama tahun 2013, akaun semasa mencatat lebihan yang lebih kecil sebanyak RM11.2 bilion, disebabkan oleh lebihan perdagangan yang lebih kecil walaupun defisit akaun perkhidmatan dan pendapatan lebih rendah. Kelemahan ekonomi negara maju yang berterusan, pertumbuhan yang lebih perlahan daripada jangkaan dalam ekonomi serantau serta harga komoditi utama Malaysia yang lebih rendah menyebabkan kemerosotan yang ketara dalam eksport Malaysia. Selain itu, defisit akaun perkhidmatan dan pendapatan menjadi kecil disebabkan terutamanya oleh penerimaan perjalanan bersih yang lebih tinggi berikutan pelancongan dalam rantau yang bertambah kukuh, dan pembayaran pendapatan utama bersih yang lebih rendah, mencerminkan keuntungan lebih tinggi syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri. Pada separuh kedua tahun 2013, lebihan akaun semasa meningkat kepada RM26.1 bilion apabila pertumbuhan eksport kembali positif, didorong oleh permintaan lebih tinggi terhadap produk perkilangan dan komoditi. Ini terus diperkukuh oleh harga minyak sawit mentah (CPO) dan gas asli cecair (LNG) yang lebih menggalakkan berbanding dengan separuh pertama tahun 2013. Pertumbuhan import kekal kukuh sepanjang tahun 2013, berikutan permintaan dalam negeri yang teguh. Bagi keseluruhan tahun 2013, akaun semasa mencatat lebihan sebanyak RM37.3 bilion (2012: RM57.3 bilion).

Akaun kewangan terus mengalami aliran dua hala yang mampan, melibatkan urus niaga kewangan merentas sempadan oleh pemastautin dan bukan pemastautin. Prestasi ekonomi dan prospek pertumbuhan terus menyokong keyakinan pelabur antarabangsa, lantas menyebabkan aliran pelaburan langsung masuk yang nyata lebih tinggi. Aliran masuk pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) agak meluas merentas sektor, dengan aliran masuk yang ketara ke dalam sektor perkilangan dan perlombongan. Walau bagaimanapun, pelaburan langsung keluar menjadi sederhana selaras dengan prospek pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih sederhana. Pasaran modal Malaysia yang mendalam dan prospek pertumbuhan yang secara relatif menggalakkan kekal menarik bagi pelabur portfolio asing. Walau bagaimanapun, aliran portfolio ini mengalami turun naik yang ketara pada tahun 2013. Aliran masuk bersih pelaburan portfolio bukan pemastautin adalah kukuh pada awal tahun 2013, tetapi berikutan penunjuk yang diberikan oleh Federal Reserve (Fed) bahawa pengecilan skala program pembelian asetnya mungkin berlaku pada lewat bulan Mei, telah mengakibatkan aliran keluar portfolio yang ketara antara bulan Mei hingga Ogos. Bagi tahun 2013, pelaburan portfolio bukan pemastautin

mencatat aliran masuk bersih yang lebih kecil. Secara keseluruhan, akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM15 bilion pada tahun 2013.

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM318.1 bilion (USD95.8 bilion) pada akhir tahun 2013 (2012: RM252.8 bilion), bersamaan dengan 33.5% daripada Pendapatan Negara Kasar atau PNK (2012: 27.9% daripada PNK). Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang yang lebih tinggi pada tahun 2013 sebahagian besarnya mencerminkan pengeluaran bersih peminjaman luar negeri oleh perusahaan awam dan sektor swasta bukan bank. Kerajaan Persekutuan terus mencatat pembayaran balik bersih hutang luar negeri. Sementara itu, hutang luar negeri jangka pendek yang lebih tinggi pada tahun 2013 sebahagian besarnya adalah hasil daripada pengeluaran bersih peminjaman antara bank, terutamanya untuk pengurusan kedudukan mudah tunai pertukaran asing. Pengukuhan nilai beberapa mata wang utama dan serantau berbanding dengan ringgit pada tahun 2013 juga menyumbang kepada hutang luar negeri yang lebih tinggi dalam nilai ringgit. Secara keseluruhan, hutang luar negeri Malaysia kekal terurus. Profil hutang terus tertumpu pada struktur matang yang lebih panjang, dengan hutang jangka sederhana dan jangka panjang mencakupi 59.7% daripada jumlah hutang luar negeri.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak RM14.6 bilion kepada RM441.9 bilion pada akhir tahun 2013 (akhir tahun 2012: RM427.2 bilion). Pada 28 Februari 2014, paras rizab berjumlah RM427.6 bilion (bersamaan dengan USD130.6 bilion), memadai untuk membiayai 9 bulan import tertangguh dan ialah 3.3 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab antarabangsa Bank kekal boleh digunakan dan tiada halangan untuk menggunakannya.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2013

Dasar monetari pada tahun 2013 tertumpu pada usaha mengimbangi risiko antara prospek pertumbuhan dalam negeri dan inflasi. Berlatarkan ketidakpastian yang meningkat dalam imbangan risiko prospek pertumbuhan dan inflasi, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% pada tahun 2013. Walaupun risiko kepada pertumbuhan dalam negeri dan inflasi dinilai secara amnya seimbang pada awal tahun 2013, namun ketidakpastian berhubung dengan imbangan risiko meningkat menjelang separuh kedua tahun 2013. Meskipun momentum pertumbuhan dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun 2013 hingga ke tahun 2014, ketidakpastian mengenai kekukuhan pemulihan global dan sejauh mana konsolidasi fiskal dan rasionalisasi subsidi akan menjejaskan permintaan dalam negeri, kekal sebagai risiko utama kepada pertumbuhan menjadi lebih perlahan. Berikutan pelarasan menaik terhadap harga ditadbir pada akhir tahun, dinamik inflasi beralih dan inflasi dijangka meningkat pada bulan-bulan seterusnya dalam tahun 2013 hingga ke tahun 2014. Berdasarkan penilaiannya terhadap kemungkinan risiko pertumbuhan yang lebih rendah dan risiko inflasi menjadi tinggi, MPC berpendapat bahawa dengan mengekalkan paras OPR akan memberikan hasil terbaik untuk mencapai matlamat dasar monetari. MPC juga memutuskan bahawa memandangkan risiko ketidakseimbangan kewangan hanya wujud dalam segmen tertentu ekonomi sahaja, instrumen lain adalah lebih sesuai untuk menangani risiko-risiko tersebut. Oleh itu, langkah kehematan makro diperkenalkan pada bulan Julai untuk mengurus risiko ketidakseimbangan kewangan melalui perlaksanaan secara bersasaran.

Perkembangan utama pada separuh kedua tahun 2013 ialah kebalikan aliran modal daripada ekonomi pasaran sedang pesat membangun berikutan penunjuk daripada Fed mengenai kemungkinan berlakunya pengecilan skala program pembelian asetnya. Meskipun saiz dan turun naik dalam aliran keluar modal meningkat sejak bulan Mei 2013, pelarasan mata wang domestik dan pasaran kewangan adalah teratur. Sistem kadar pertukaran apungan terurus memberikan fleksibiliti kepada kadar pertukaran ringgit untuk memudahkan pelarasan. Kedalaman sistem kewangan juga memastikan bahawa pengantaraan bagi aliran yang tidak menentu ini tidak menyebabkan gangguan terhadap aktiviti ekonomi. Permintaan yang semakin bertambah daripada pelabur institusi dalam negeri memberi sokongan asas kepada pasaran bon dan membendung kenaikan kos peminjaman yang ditanda aras kepada kadar hasil bon. Oleh itu, limpahan terhadap ekonomi adalah minimum.

Prestasi ringgit pada tahun 2013 dipengaruhi terutamanya oleh aliran portfolio dan perdagangan dua hala, mencerminkan perkembangan

antarabangsa dan domestik. Pada empat bulan pertama tahun 2013, ringgit secara relatifnya stabil. Selepas itu, terdapat penunjuk mengenai kemungkinan pengecilan skala program pembelian aset oleh Fed, lantas mengubah jangkaan pasaran dan mendorong kebalikan aliran portfolio daripada kebanyakan pasaran serantau, sekali gus menyebabkan penyusutan nilai dalam kebanyakan mata wang serantau, termasuk ringgit. Bagi tahun 2013 secara keseluruhan, ringgit telah menyusut nilai sebanyak 6.8% kepada RM3.2815 berbanding dengan dolar AS pada akhir tahun 2013.

Pada tahun 2013, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) didorong terutamanya oleh faktor luaran. Sementara penunjuk yang diberikan oleh Fed mengenai kemungkinan pengecilan skala program pembelian asetnya telah menyebabkan kebalikan portfolio yang ketara dalam pasaran bon, kenaikan kadar hasil MGS pada amnya lebih kecil berbanding dengan pasaran di seluruh rantau ini. Ini berikutan sokongan institusi domestik terhadap pasaran MGS. Dalam pasaran sekuriti hutang swasta (Private debt securities, PDS), kos pembiayaan sekuriti hutang swasta meningkat tetapi kekal menyokong aktiviti pemerolehan dana. Indeks komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) meningkat sebanyak 10.5% (2012: 10.3%) untuk ditutup pada 1867.0 mata. Prestasi asas pasaran yang kukuh itu disokong oleh keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi yang positif bagi Malaysia.

Keadaan mudah tunai kekal stabil sepanjang tahun 2013, walaupun terdapat turun naik yang ketara dalam pasaran kewangan global dan kebalikan aliran modal. Meskipun terdapat pengeluaran bersih mudah tunai yang disebabkan oleh aliran keluar asing bersih pada tahun 2013, lebihan mudah tunai keseluruhan yang disimpan di Bank Negara Malaysia kekal tinggi. Mudah tunai sektor swasta, seperti yang diukur oleh wang secara luas atau M3, terus berkembang, tetapi pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 8.1% pada tahun tersebut (2012: 9.0%).

Pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Walaupun pertumbuhan pembiayaan bersih menjadi sederhana, paras pinjaman yang dikeluarkan dan dana yang diperoleh dalam pasaran modal kekal menggalakkan. Permintaan keseluruhan terhadap pembiayaan kasar oleh perniagaan kekal mampan berikutan aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta yang terus kukuh. Permintaan untuk pinjaman oleh isi rumah juga mampan, disokong oleh keadaan guna tenaga dan peningkatan gaji yang menggalakkan. Yang penting, kadar pertumbuhan pinjaman terkumpul untuk *kegunaan peribadi* menjadi sederhana kepada 4.6% pada tahun 2013 (2012: 9.1%), sebahagiannya disebabkan oleh langkah awalan yang diperkenalkan oleh Bank pada bulan Julai 2013 untuk memperkukuh amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab. Bagi tahun 2013, pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran PDS meningkat pada kadar tahunan 9.8% (2012: 12.4%).

Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2014

Ekonomi Malaysia dijangka terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil pada tahun 2014, dan diunjurkan berkembang sebanyak 4.5%-5.5%. Permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan yang teguh untuk tahun kelima berturut-turut, didorong oleh projek jangka panjang yang sedang dilaksanakan serta permintaan luar negeri yang bertambah baik. Pelaburan awam dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong perbelanjaan modal oleh Kerajaan dan perusahaan awam. Penggunaan swasta akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang kukuh dan peningkatan pendapatan yang mampan. Penggunaan awam dijangka mencatat pertumbuhan lebih rendah disebabkan konsolidasi fiskal yang sedang dilaksanakan.

Selaras dengan peningkatan permintaan luar negeri, prestasi eksport Malaysia dalam kebanyakan kategori produk dijangka meningkat pada tahun 2014. Eksport dijangka terus disokong pertumbuhan positif yang kecil dalam eksport komoditi dan eksport perkhidmatan yang lebih kukuh, disokong oleh Tahun Melawat Malaysia 2014. Pada masa yang sama, import kasar dijangka meningkat pada kadar yang lebih cepat, didorong terutamanya oleh import barangan pengantara yang lebih tinggi. Dengan pertumbuhan import yang terus teguh, lebihan akaun semasa dijangka lebih kecil pada tahun 2014.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2014. Sektor perkhidmatan dan perkilangan akan menjadi pendorong utama pertumbuhan

keseluruhan, kerana mendapat manfaat daripada persekitaran ekonomi global yang bertambah baik. Sektor pembinaan dijangka terus mencatat pertumbuhan yang tinggi, walaupun pada kadar yang lebih sederhana, berikutan siapnya beberapa projek kejuruteraan awam yang besar yang akan lebih daripada mengimbangi kemajuan projek-projek sedia ada dalam sektor pengangkutan, utiliti, serta minyak dan gas. Pertumbuhan sektor pertanian dijangka bertambah baik berikutan pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi disebabkan kadar hasil dan bilangan pokok kelapa sawit matang yang meningkat. Dalam sektor perlombongan, prestasi yang lebih baik diunjurkan hasil daripada pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi daripada medan laut dalam dan marginal; serta penemuan minyak yang lebih banyak.

Inflasi diunjurkan pada purata 3%-4% pada tahun 2014, disebabkan terutamanya oleh faktor kos dalam negeri. Ini termasuk pelarasan harga baru-baru ini berikutan rasionalisasi subsidi dan kesan limpahan daripada pelarasan terhadap harga barangan dan perkhidmatan lain. Tekanan kos yang lebih tinggi, bagaimanapun, akan dibendung sebahagiannya oleh tekanan harga luaran yang rendah, pengembangan berterusan dalam kapasiti dalam negeri serta permintaan dalam negeri yang lebih sederhana.

Walaupun permintaan dalam negeri menjadi sederhana, asas-asas ekonomi Malaysia terus kukuh. Pertumbuhan dijangka didorong oleh sektor swasta merentas aktiviti ekonomi yang pelbagai. Yang penting, guna tenaga kekal kukuh dan pendapatan semakin meningkat. Sistem kewangan berdaya tahan dengan pengantaraan kewangan dijangka memberikan sokongan yang berterusan kepada aktiviti pelaburan dan penggunaan. Kekukuhan kedudukan luaran Malaysia juga kekal menggalakkan, dengan paras rizab antarabangsa yang tinggi dan hutang luar negeri pada tahap yang berhemat.

Walau bagaimanapun, risiko pertumbuhan global menjadi lebih perlahan dijangka boleh memberikan kesan kepada prestasi ekonomi dalam negeri pada tahun 2014. Ekonomi maju dijangka terus mengalami lebihan kapasiti dalam pasaran pekerja dan produk, sementara ketidaktentuan fiskal boleh menjejaskan kadar pemulihan. Dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun, permintaan dalam negeri mungkin menjadi lebih perlahan daripada jangkaan ekoran langkah-langkah dasar yang dilaksanakan untuk menangani risiko yang berpunca daripada pertumbuhan yang tinggi dalam kredit dan harga aset. Di samping itu, turun naik dalam pasaran kewangan global boleh menyumbang kepada aliran modal yang besar dan tidak menentu. Walaupun persekitaran akan terus mencabar, ekonomi negara juga boleh mencatat prestasi pertumbuhan yang lebih kukuh jika kadar pemulihan global melebihi jangkaan.

Pengurusan Ekonomi dan Kewangan pada Tahun 2014

Dasar Kerajaan dan Bank Negara Malaysia akan tertumpu pada usaha menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan, di samping mengurangkan risiko yang timbul daripada persekitaran global, inflasi dan pembentukan ketidakseimbangan kewangan.

Matlamat dasar monetari pada tahun 2014 adalah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan di samping mengurangkan kelemahan yang mungkin timbul daripada inflasi dan pembentukan dalam ketidakseimbangan kewangan. Walaupun tekanan harga dijangka lebih tinggi, sumber inflasi berpunca terutamanya daripada dorongan faktor kos. Pengawasan monetari, bagaimanapun, akan terus tertumpu pada usaha mengenal pasti tanda-tanda yang menunjukkan inflasi akan menjadi lebih meluas dan berpanjangan. Dalam keadaan ini, tindak balas dasar monetari adalah wajar. Yang penting, keadaan kadar faedah antarabangsa dan domestik yang agak rendah untuk tempoh yang berpanjangan boleh menggalakkan amalan pengambilan risiko yang berlebihan. Seandainya ini berlaku dalam segmen ekonomi tertentu, instrumen dasar bersasaran yang lain, seperti langkah-langkah kehematan makro, akan digunakan untuk menangani risiko tersebut. Walau bagaimanapun, langkah-langkah tersebut merupakan pelengkap dan bukan pengganti kepada dasar kadar faedah. Memandangkan jangkaan perubahan yang besar dalam mudah tunai dan aliran modal global, adalah penting untuk memastikan bahawa keadaan monetari dan pembiayaan tidak mengakibatkan sebarang ketidakstabilan malah terus memberikan sokongan kepada ekonomi.

Matlamat dasar fiskal pada tahun 2014 adalah untuk memperkukuh dan melaksanakan konsolidasi kedudukan fiskal, di samping memastikan sokongan yang berterusan kepada pertumbuhan dalam negeri dan usaha memelihara kesejahteraan rakyat. Pembaharuan fiskal akan dilaksanakan secara beransur-ansur supaya tidak

menjejaskan pertumbuhan. Serentak dengan itu, sumber fiskal akan ditumpukan ke arah sektor ekonomi utama untuk mempercepat peralihan kepada ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi. Pada bulan Jun 2013, Jawatankuasa Dasar Fiskal (Fiscal Policy Committee, FPC) telah ditubuhkan untuk berperanan sebagai jawatankuasa penggubal dasar pusat untuk merumuskan dan melaksanakan strategi fiskal serta memberikan pertimbangan sewajarnya kepada kesan strategi tersebut ke atas makroekonomi secara keseluruhan.

Pembangunan Organisasi dan Tadbir Urus

Pada tahun 2013, Bank telah melaksanakan sebahagian besar inisiatif yang disasarkan untuk tahun itu dan meneruskan pelaksanaan Pelan Urusan tiga tahunnya. Pada tahun itu, Lembaga Pengarah bermesyuarat setiap bulan untuk membincangkan keadaan ekonomi dan kewangan yang utama, dan tindak balas dasar Bank terhadap keadaan tersebut, serta membincangkan keadaan kewangan Bank, pengurusan rizab dan mata wang serta isu-isu pengurusan tenaga mahir. Pembukaan rasmi Pejabat Perwakilan Bank di Beijing menyaksikan mesyuarat Lembaga Pengarah yang pertama kali diadakan di luar negeri, di samping aktiviti lain untuk memperkukuh lagi hubungan dua hala dengan Republik Rakyat China. Lembaga Pengarah Bank disokong oleh tiga Jawatankuasa Lembaga bukan eksekutif, iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga (Board Governance Committee, BGC), Jawatankuasa Audit Lembaga (Board Audit Committee, BAC) dan Jawatankuasa Risiko Lembaga (Board Risk Committee, BRC).

Strategi pembangunan organisasi Bank menyasarkan kepada kemampanan dan kesediaan Bank untuk terus melaksanakan mandat terasnya dalam persekitaran kewangan dan ekonomi global yang mencabar. Ini dicapai melalui kejelasan dan tumpuan terhadap hasil utama dan pencapaian di seluruh organisasi yang bertunjangkan Pelan Urusan. Pada tahun 2013, langkah-langkah telah diambil untuk terus menyepadukan elemen strategi perniagaan, risiko, modal insan dan sumber kewangan untuk pandangan yang lebih holistik mengenai pengurusan prestasi organisasi dan membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Peranan komunikasi Bank telah dipertingkatkan pada tahun 2013 sejajar dengan cabaran dan ketidakpastian yang semakin meningkat, terutamanya dalam persekitaran global. Interaksi (engagement) yang lebih intensif diadakan dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk menjelaskan mengenai perkembangan kewangan dan ekonomi antarabangsa dan dalam negeri serta implikasinya kepada ekonomi dan sistem kewangan Malaysia. Usaha komunikasi juga tertumpu pada usaha memacu inisiatif strategik Bank termasuk memberikan penerangan mengenai akta baharu, iaitu Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, dan menganjurkan kempen di seluruh negara mengenai 'Gunalah IBG' ('Experience IBG'), atau Giro Antara Bank (Interbank Giro, IBG) untuk menggalakkan peralihan daripada penggunaan cek kepada IBG.

Bank terus berinteraksi dengan komuniti bank pusat pusat global termasuk dalam bidang bina upaya. Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggubal dasar dan pengawal selia pada peringkat global dalam merealisasikan rangkuman kewangan yang lebih besar, Bank bersama-sama dengan Persekutuan untuk Rangkuman Kewangan (Alliance of Financial Inclusion, AFI) telah menandatangani Surat Kerjasama bagi inisiatif bina upaya pada bulan Ogos 2013. Bank turut mempergiat usaha bina upaya bagi menyokong agenda integrasi kewangan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) menerusi pelaksanaan program-program kerjasama teknikal. Program bina upaya dalam pembangunan sistem kewangan Islam yang berkesan dan dikawal selia dengan baik juga terus menjadi bidang yang menjadi tumpuan utama pada tahun 2013.

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2013

Kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia, yang telah diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, kekal kukuh pada tahun 2013. Aset Bank Negara Malaysia berjumlah RM474.2 bilion, dengan keuntungan bersih sebanyak RM5.5 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Bank Negara Malaysia mengumumkan pembayaran dividen sebanyak RM1.5 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2013.

1

PERKEMBANGAN EKONOMI PADA TAHUN 2013

11 Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

17 Ekonomi Malaysia

22 Sektor Luar Negeri

23 *Rencana: Industri Berasaskan Sumber di Malaysia Menjadi Lebih Pelbagai*

32 *Rencana: Memperluas Pengawasan Ekonomi Melalui Pejabat Wilayah Bank Negara Malaysia*

35 Perkembangan Inflasi

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada tahun 2013, dengan momentum pertumbuhan yang tidak sekata antara ekonomi. Dalam ekonomi maju, pertumbuhan terus bertambah baik secara beransur-ansur, dipacu oleh pemulihan sektor swasta di Amerika Syarikat (AS). Kawasan euro pulih daripada kemelesetan manakala aktiviti ekonomi di Jepun bertambah baik berikutan pengenalan dasar yang merangsang pertumbuhan. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan adalah sederhana kerana ketidakpastian dasar dan kekangan struktur terus menjejaskan permintaan secara keseluruhan. Berikutan pertumbuhan yang lebih tinggi daripada trend lazim sejak beberapa tahun yang lalu, pertumbuhan dalam ekonomi sedang pesat membangun menjadi sederhana kerana kelemahan yang berpanjangan dalam permintaan luar negeri menular ke dalam ekonomi domestik. Beberapa ekonomi sedang pesat membangun juga memperkenalkan langkah-langkah dasar untuk menangani kelemahan dalam negeri yang mungkin wujud, lantas menyebabkan permintaan dalam negeri menjadi agak sederhana. Di samping itu, perubahan jangkaan pasaran terhadap dasar monetari AS yang kembali kepada kedudukan yang wajar menjelang separuh kedua tahun 2013 menyebabkan kebalikan aliran modal yang besar daripada ekonomi sedang pesat membangun. Berlatarkan perkembangan ini, inflasi global menurun, mencerminkan keadaan permintaan yang sederhana dalam banyak ekonomi dan harga komoditi bukan tenaga yang lebih rendah.

Pemulihan global sederhana dan tidak sekata

Meskipun persekitaran ekonomi global bertambah baik secara beransur-ansur pada tahun 2013, pertumbuhan agak lemah pada awal tahun itu. Ketidakpastian dasar memberikan kesan kepada kadar pertumbuhan ekonomi maju. Kenaikan cukai gaji pekerja dan pengurangan perbelanjaan kerajaan secara automatik di AS telah memperlahankan aktiviti penggunaan dan menyebabkan perbelanjaan kerajaan terus merosot. Di kawasan euro, ketidakpastian yang berpunca daripada krisis di Cyprus mencetuskan semula kebimbangan mengenai hutang kerajaan dan terus menjejaskan sentimen sektor swasta yang sedia lemah. Di Asia, kelemahan persekitaran luaran yang berpanjangan dan faktor khusus sesebuah negara telah menjejaskan kekukuhan aktiviti ekonomi dalam negeri. Di Republik Rakyat China (RR China), usaha berterusan untuk menyeimbangkan semula pertumbuhan ke landasan yang lebih mampan dan dipacu penggunaan juga telah menghasilkan pertumbuhan yang lebih sederhana. Walaupun permintaan dalam negeri kekal sebagai penyumbang utama pertumbuhan dalam ekonomi ASEAN, kesan langkah rangsangan sebelum ini yang semakin berkurang dan keadaan permintaan luar negeri yang lemah telah menjejaskan aktiviti ekonomi.

> Ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada tahun 2013, dengan momentum pertumbuhan yang tidak sekata merentas ekonomi

Momentum pertumbuhan global secara keseluruhan mula meningkat pada suku kedua tahun 2013. Peningkatan dalam ekonomi maju telah didorong oleh faktor-faktor yang berlainan lantas menunjukkan wujudnya perbezaan dalam dinamik pertumbuhan. Pemulihan ekonomi di AS mendapat manfaat daripada pasaran pekerja dan perumahan yang meningkat secara beransur-ansur. Walaupun terdapat risiko fiskal susulan daripada perbahasan mengenai had hutang dan penutupan perkhidmatan kerajaan AS pada penghujung tahun 2013, pelaburan swasta mula meningkat dan terus memberi sokongan kepada pertumbuhan yang didorong sektor swasta. Di kawasan euro, aktiviti ekonomi meningkat sedikit, disokong oleh kadar konsolidasi fiskal yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, permintaan sektor swasta kekal lemah, dikekang oleh halangan struktur pascakrisis seperti pengangguran yang tinggi, keadaan kredit yang

ketat dan tahap hutang yang tinggi. Di Jepun, pengenalan rangsangan fiskal dan monetari yang diselaraskan di bawah kepimpinan baharu ('Abenomics') menghasilkan sentimen perniagaan dan pengguna yang lebih baik, seterusnya mengurangkan tekanan deflasi.

Berikutan tanda-tanda pemulihan yang lebih nyata dalam pasaran pekerja, Federal Reserve (Fed) menyatakan kemungkinan mengecilkan skala pelonggaran kuantitatif (quantitative easing, QE) pada bulan Mei 2013. Laporan ini menyebabkan pelabur menilai dan mengimbangkan semula kedudukan portfolio mereka dalam pasaran sedang pesat membangun sebagai respons kepada jangkaan keadaan kewangan yang lebih ketat dan perbezaan kadar faedah yang lebih kecil. Ini telah menyebabkan aliran keluar modal daripada ekonomi sedang pesat membangun dan mencetuskan pergerakan yang nyata dalam pasaran kewangan global, dan mengakibatkan kesan buruk ke atas pasaran pertukaran asing serta pasaran ekuiti dan bon dalam ekonomi sedang pesat membangun. (Perbincangan lanjut mengenai topik ini terkandung dalam rencana 'Limpahan QE ke atas Asia' dalam Bab 2).

Jadual 1.1

Ekonomi Dunia: Penunjuk Ekonomi Utama

	Pertumbuhan KDNK Benar (%)		Inflasi (%)	
	2012	2013*a*	2012	2013*a*
Pertumbuhan Dunia	**3.1**	**3.0**	**-**	**-**
Perdagangan Dunia	**2.7**	**2.7**	**-**	**-**
Ekonomi Maju				
Amerika Syarikat	2.8	1.9	2.1	1.5
Jepun	1.4	1.5	0.0	0.4
Kawasan euro[1]	-0.7	-0.5	2.5	1.4
United Kingdom	0.2	1.8	2.8	2.6
Asia Sedang Pesat Membangun[2]	**6.5**	**6.4**	**2.7**	**2.7**
Negara Maju Asia Yang Lain	**1.8**	**2.7**	**2.6**	**1.6**
Korea	2.0	2.8	2.2	1.3
China Taipei	1.5	2.1	1.9	0.8
Singapura	1.9	4.1	4.6	2.4
Hong Kong SAR[3]	1.5	2.9	4.1	4.3
Republik Rakyat China	**7.7**	**7.7**	**2.6**	**2.6**
ASEAN-4	**6.3**	**5.1**	**3.3**	**4.4**
Malaysia	5.6	4.7	1.6	2.1
Thailand	6.5	2.9	3.0	2.2
Indonesia	6.3	5.8	4.3	7.0
Filipina	6.8	7.2	3.2	3.0
India	**4.7**	**4.6**	**9.7**	**10.1**

[1] Merujuk kepada EU-17
[2] Asia Sedang Pesat Membangun merujuk kepada China Taipei, Hong Kong SAR, Indonesia, Korea, Malaysia, Filipina, RR China, Singapura dan Thailand
[3] Inflasi merujuk kepada indeks harga komposit
a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pihak Berkuasa Negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan ini, bagaimanapun, memberikan kesan yang kecil ke atas aktiviti ekonomi di Asia. Sejajar dengan pemulihan dalam ekonomi maju, tanda-tanda awal peningkatan pertumbuhan kelihatan pada separuh kedua tahun 2013, terutamanya dalam ekonomi yang lebih terbuka. Yang penting, dalam beberapa ekonomi maju di Asia, kelemahan luaran yang semakin lenyap dan langkah rangsangan bersasaran telah memberikan sedikit sokongan kepada pertumbuhan. Di RR China, ekonominya mendapat manfaat daripada langkah-langkah rangsangan 'kecil' yang dilaksanakan kerajaan pada bulan Julai 2013. Ini termasuk potongan cukai bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS), penyelarasan peraturan kastam untuk memudahkan eksport dan pembaharuan dalam Cukai Nilai Ditambah.

Inflasi global menjadi sederhana

Inflasi di kesemua rantau menjadi sederhana, mencerminkan keadaan permintaan yang lembap dalam banyak ekonomi. Pengurangan dalam tekanan harga sebahagiannya juga disebabkan harga komoditi yang lebih rendah.

Dalam keadaan peningkatan penawaran yang lebih tinggi dan pertumbuhan permintaan yang lebih rendah daripada ekonomi sedang pesat membangun utama pada tahun 2013, harga komoditi terus menjadi sederhana daripada paras tertingginya pada awal tahun 2011. Pengeluaran bijirin pada paras tertinggi yang pernah dicapai, terutamanya jagung dan beras, serta stok yang lebih tinggi telah menyebabkan harga makanan turun. Peningkatan bekalan logam dalam keadaan permintaan yang lemah telah menyebabkan harga komoditi bukan tenaga lebih rendah. Harga minyak pada tahun 2013 kekal pada paras purata tahun 2012. Pada separuh pertama tahun 2013, harga minyak jatuh akibat kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi pengimport minyak utama di Asia. Walau bagaimanapun, apabila kebimbangan ini reda, perkembangan geopolitik di Timur Tengah pula menjadi perhatian utama. Harga minyak mentah Brent meningkat

ke paras tertinggi dalam tempoh enam bulan, kepada USD118 setong pada bulan Ogos ekoran ketegangan geopolitik di Mesir dan Syria yang semakin meruncing. Harga minyak menjadi stabil pada akhir tahun 2013 untuk berpurata pada USD109 setong pada tahun ini.

Bagi ekonomi maju, kadar inflasi teras, tidak termasuk harga makanan dan tenaga, kekal rendah berikutan permintaan dalam negeri yang lemah memandangkan pengangguran yang tinggi terus menjejaskan upah dan penggunaan. Di AS dan kawasan euro, kadar inflasi keseluruhan menurun ke tahap di bawah sasaran bank pusat. Pelarasan menurun terhadap upah di negara yang dilanda krisis di kawasan euro lantaran penjajaran semula kos pekerja seunit untuk meningkatkan daya saing terus memberikan tekanan menurun terhadap inflasi yang sedia rendah. Sebaliknya, paras harga di Jepun mencapai tahap tertingginya sejak akhir tahun 2008, disebabkan sebahagiannya oleh kenaikan kos tenaga. Yang nyata, inflasi teras menjadi positif menjelang akhir tahun 2013, disokong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Di Asia, harga komoditi yang lebih rendah dan kadar pertumbuhan yang sederhana telah memberikan tekanan menurun ke atas inflasi. Namun, India dan Indonesia mengalami kadar inflasi yang tinggi, mencerminkan kesan buruk daripada penurunan nilai mata wang dan pelarasan harga bahan api yang ditadbir. Di India, inflasi juga didorong oleh kadar kenaikan harga makanan yang pantas, terutamanya sayur-sayuran, selain upah yang semakin meningkat dan kekangan rantaian bekalan.

Tindak balas dasar global terus menyokong pertumbuhan

Berdepan dengan persekitaran operasi yang mencabar, pembuat dasar telah mengambil langkah-langkah untuk menyokong pertumbuhan dan mengurangkan kebimbangan yang berpunca daripada faktor-faktor dalam negeri. Dasar monetari kekal akomodatif merentas rantau. Bagi ekonomi maju, pihak berkuasa monetari memberikan penekanan yang lebih terhadap pendirian dasar monetari (forward guidance) untuk mengurangkan ketidakpastian pasaran mengenai hala tuju dasar pada masa akan datang. Kadar konsolidasi fiskal dalam beberapa ekonomi maju menjadi sederhana manakala sokongan fiskal bersasaran mula diperkenalkan di beberapa ekonomi Asia. Langkah kehematan makro juga dilaksanakan di Asia untuk menangani ketidakseimbangan kewangan, seperti pertumbuhan kredit yang pesat dan kenaikan harga aset.

Dalam ekonomi maju, dasar dijuruskan untuk menyokong pemulihan ekonomi. Dalam persekitaran kadar dasar yang rendah, pihak berkuasa monetari menggunakan pendirian dasar monetari, iaitu satu alat komunikasi, untuk mengurus jangkaan pasaran terhadap kadar faedah akan datang. Meskipun Fed mengekalkan paras ambang berangka yang diperkenalkan pada bulan Disember 2012 untuk kadar pengangguran dan inflasi, Fed menjelaskan pada akhir tahun 2013 bahawa kadar faedah akan kekal pada paras yang rendah, jauh lebih rendah daripada paras ambang apabila kadar pengangguran jatuh di bawah 6.5%. Berikutan keadaan pasaran pekerja yang secara kumulatifnya bertambah baik, Fed mengumumkan akan mengurangkan pembelian asetnya sebanyak USD10 bilion pada bulan Disember 2013 dan seterusnya mengurangkan pembelian asetnya kepada USD65 bilion sebulan pada bulan Januari 2014. Bank of England (BoE) juga menyatakan bahawa paras ambang kadar pengangguran, iaitu 7%, akan digunakan sebelum mempertimbangkan pelarasan terhadap Kadar Bank. Selain itu, BoE mengumumkan perubahan dalam Skim Pembiayaan Pemberian Pinjaman, dengan menyalurkan semula insentif daripada isi rumah kepada PKS. Sementara itu, European Central Bank (ECB) menurunkan kadar dasar utamanya pada bulan Mei dan November sebanyak 50 mata asas kepada 0.25% disebabkan tekanan harga asas yang rendah. Selanjutnya, ECB menyatakan bahawa kadar faedah utama akan kekal pada kadar semasa atau lebih rendah untuk tempoh yang lebih panjang tanpa mengumumkan paras ambang yang nyata.

Dari segi dasar fiskal, konsolidasi masih berterusan, walaupun kadar pelaksanaannya berbeza-beza antara ekonomi. AS telah mengelakkan cenuram fiskal[1] melalui `American Taxpayer Relief Act´ yang memperuntukkan pelanjutan kekal dan sementara

[1] Cenuram fiskal merujuk kepada satu set kenaikan cukai dan potongan perbelanjaan yang dijangka dapat mengurangkan defisit fiskal AS sebanyak USD502 bilion pada tahun kewangan 2013. Pejabat Bajet Kongres membuat unjuran bahawa jika dasar ini telah dilaksanakan, ekonomi AS akan kembali kepada kemelesetan pada tahun kewangan 2013. `American Taxpayer Relief Act´ pada bulan Januari 2013 telah menghapuskan sebahagian daripada cenuram fiskal tersebut.

Jadual 1.2

Malaysia - Penunjuk Ekonomi Utama

	2011	2012	2013*a*	2014*r*
Penduduk (juta orang)	29.1	29.5	29.9	30.4
Tenaga kerja (juta orang)	12.7	13.1	13.8	14.3
Guna tenaga (juta orang)	12.3	12.7	13.3	13.8
Pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.1	3.0	3.1	3.1
Pendapatan Per Kapita (RM)	29,683	30,667	31,698	34,175
(USD)	9,700	9,928	10,060	10,337[6]
KELUARAN NEGARA (% perubahan)				
KDNK benar pada harga tahun 2005[1]	5.1	5.6	4.7	4.5 ~ 5.5
(RM bilion)	711.4	751.5	786.7	828.1
Pertanian, perhutanan dan perikanan	5.8	1.0	2.1	3.8
Perlombongan dan kuari	-5.5	1.4	0.5	1.6
Perkilangan	4.7	4.8	3.4	3.5
Pembinaan	4.7	18.1	10.9	10.0
Perkhidmatan	7.0	6.4	5.9	6.2
PNK nominal	11.9	4.9	4.9	9.4
(RM bilion)	862.7	905.2	949.3	1,038.8
PNK benar	4.9	3.9	5.1	5.8
(RM bilion)	666.9	693.1	728.3	770.2
Agregat permintaan dalam negeri benar[2]	7.9	10.6	7.6	6.9
Perbelanjaan swasta	7.6	10.7	9.0	8.3
Penggunaan	6.8	7.7	7.6	6.9
Pelaburan	10.5	21.9	13.6	12.6
Perbelanjaan awam	8.9	10.3	3.7	2.9
Penggunaan	15.8	5.1	6.3	3.0
Pelaburan	1.0	17.1	0.7	2.9
Tabungan negara kasar (% daripada PNK)	35.7	33.1	31.2	31.4
IMBANGAN PEMBAYARAN (RM bilion)				
Imbangan barangan	151.6	125.6	102.7	93.7
Eksport	699.6	703.2	690.9	714.6
Import	548.0	577.5	588.2	620.9
Imbangan perkhidmatan	-6.3	-14.0	-15.0	-11.9
Pendapatan primer, bersih	-21.8	-36.0	-35.2	-34.9
Pendapatan sekunder, bersih	-21.1	-18.2	-15.2	-16.0
Imbangan akaun semasa	102.4	57.3	37.3	30.8
(% daripada PNK)	11.9	6.3	3.9	3.0
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[3]	423.3	427.2	441.9	-
(dalam bilangan bulan import tertangguh)	9.6	9.5	9.5	-
HARGA (% perubahan)				
IHP (2010=100)[4]	3.2	1.6	2.1	3.0 ~ 4.0
IHPR (2005=100)[5]	9.0	0.1	-1.9	-
Upah benar bagi setiap pekerja dalam sektor perkilangan	0.6	4.7	5.6	-

[1] Mulai tahun 2012, KDNK benar telah diubah kepada harga tahun 2005, daripada harga tahun 2000 sebelum ini
[2] Tidak termasuk stok
[3] Semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank
[4] Bermula tahun 2011, Indeks Harga Pengguna merujuk kepada tahun asas baharu 2010=100 daripada tahun asas 2005=100 sebelum ini
[5] Bermula tahun 2010, Indeks Harga Pengeluar merujuk kepada tahun asas baharu 2005=100 daripada tahun asas 2000=100 sebelum ini
[6] Berdasarkan kadar pertukaran purata dolar AS bagi tempoh Januari-Februari 2014
a Awalan
r Ramalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Jadual 1.3

Malaysia - Penunjuk Kewangan dan Monetari

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM bilion)	2011	2012	2013*a*
Hasil	185.4	207.9	213.4
Perbelanjaan mengurus	182.6	205.5	211.3
Perbelanjaan pembangunan bersih	45.3	44.3	40.7
Imbangan keseluruhan	-42.5	-42.0	-38.6
Imbangan keseluruhan (% daripada KDNK)	-4.8	-4.5	-3.9
Pembelanjaan pembangunan bersih sektor awam	101.3	135.2	180.2
Imbangan keseluruhan sektor awam (% daripada KDNK)	-3.4	-4.5	-13.6
HUTANG LUAR NEGERI			
Jumlah hutang (RM bilion)	257.4	252.8	318.1
Hutang jangka sederhana dan panjang	153.6	159.8	190.0
Hutang jangka pendek[1]	103.8	93.0	128.1
Nisbah khidmat bayaran hutang[2] (% daripada eksport barangan dan perkhidmatan)			
Jumlah hutang	10.4	10.1	10.3
Hutang jangka sederhana dan panjang	10.3	10.1	10.3

WANG DAN PERBANKAN	Perubahan 2011		Perubahan 2012		Perubahan 2013	
	RM bilion	%	RM bilion	%	RM bilion	%
Bekalan wang M1	34.6	15.4	30.8	11.9	37.8	13.0
M3	155.6	14.3	111.2	9.0	109.5	8.1
Deposit sistem perbankan	160.9	14.1	109.4	8.4	119.1	8.5
Pinjaman sistem perbankan[3]	120.2	13.6	104.5	10.4	117.7	10.6
Nisbah pinjaman-deposit (pada akhir tahun)[4]	80.9		82.1		84.6	
Nisbah pembiayaan-deposit[4, 5]	86.2		88.7		91.2	

KADAR FAEDAH (PADA AKHIR TAHUN)	2011	2012	2013
	%	%	%
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.00	3.00
Kadar antara bank (1 bulan)	3.05	3.06	3.20
Bank perdagangan			
Deposit tetap 3 bulan	2.99	2.97	2.97
12 bulan	3.22	3.15	3.15
Deposit tabungan	1.15	1.03	0.99
Kadar pinjaman asas (BLR)	6.53	6.53	6.53
Bil perbendaharaan (3 bulan)	2.99	3.04	3.00
Sekuriti Kerajaan Malaysia (1 tahun)[6]	2.82	3.01	3.03
Sekuriti Kerajaan Malaysia (5 tahun)[6]	3.23	3.24	3.66

KADAR PERTUKARAN	2011	2012	2013
Pergerakan Ringgit (pada akhir tahun)	%	%	%
Perubahan berbanding dengan SDR	-2.8	3.9	-7.3
Perubahan berbanding dengan USD[7]	-2.9	3.9	-6.8

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Termasuk prabayaran hutang jangka sederhana dan panjang
[3] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[4] Tidak termasuk transaksi antara institusi kewangan
[5] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pemegangan PDS oleh sistem perbankan kepada deposit sistem perbankan
[6] Merujuk kepada data daripada FAST, Bank Negara Malaysia
[7] Ringgit telah ditetapkan pada kadar RM3.80=USD1 pada 2 September 1998 dan beralih kepada apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang pada 21 Julai 2005
a Awalan

langkah fiskal termasuk pelepasan cukai. Walau bagaimanapun, kerajaan membenarkan potongan perbelanjaan secara automatik berkuat kuasa pada bulan Mac di bawah Akta Kawalan Bajet 2011 (`Budget Control Act 2011´). Di kawasan euro, kadar konsolidasi fiskal menjadi perlahan memandangkan pembuat dasar memperkenalkan strategi menyokong pertumbuhan, termasuk langkah-langkah untuk meningkatkan pemberian pinjaman kepada PKS dan menambah jumlah pekerjaan untuk golongan belia. Yang penting, Perancis, Sepanyol dan Portugal diberikan pelanjutan tempoh masa untuk mengurangkan defisit bajet mereka.


Di Jepun, `Abenomics´ telah diperkenalkan, iaitu pelan serampang tiga mata yang mengandungi rangsangan fiskal, pelonggaran dasar monetari dan pembaharuan struktur. Rangsangan fiskal diumumkan pada bulan Januari dan dijuruskan kepada usaha mempercepat pembinaan semula selepas bencana, mengelak bencana dan merangsang pelaburan swasta. Bajet tambahan yang diumumkan pada bulan Disember bertujuan mengimbangi impak yang mungkin timbul akibat kenaikan cukai penggunaan pada bulan April 2014. Ini mengesahkan usaha kerajaan untuk menyeimbangkan antara sokongan kepada pertumbuhan dengan tindakan mengurangkan hutang awam yang tinggi. Dari segi dasar monetari, Bank of Japan memperkenalkan Pelonggaran Dasar Monetari Kuantitatif dan Kualitatif pada bulan April untuk mencapai sasaran inflasi 2% dalam tempoh dua tahun. Menjelang separuh kedua tahun 2013, pembaharuan struktur yang merangkumi pelbagai langkah untuk pasaran pekerja, pelaburan swasta dan daya saing telah dirumuskan.

Dasar di Asia telah dirumuskan terutamanya untuk menangani kebimbangan dalam negeri dalam persekitaran luaran yang mencabar. Pada sebahagian besar separuh pertama tahun 2013, kebimbangan mengenai pertumbuhan yang timbul daripada kelemahan dalam persekitaran luaran yang berpanjangan telah mendorong kebanyakan pihak berkuasa negara untuk melaksanakan dasar monetari yang akomodatif bagi menyokong pertumbuhan dalam keadaan tekanan inflasi yang rendah. Bank pusat di India, Thailand dan Korea menurunkan kadar dasarnya sebanyak antara 25 hingga 75 mata asas. Walau bagaimanapun, pada bulan Mei 2013, berikutan penunjuk daripada Fed mengenai kemungkinan pengecilan skala QE, pelabur mula menilai semula strategi pelaburan mereka. Faktor-faktor kekukuhan ekonomi di Asia lebih diteliti dan negara yang mencatat defisit berkembar dalam akaun semasa dan fiskal mengalami kebalikan modal yang besar. Bank Indonesia menaikkan kadar tanda arasnya untuk mengukuhkan gabungan dasarnya yang bertujuan untuk menegarkan jangkaan inflasi, sambil menstabilkan rupiah dan memastikan kemampanan kedudukan akaun semasa. Reserve Bank of India juga menaikkan kadar faedah ekoran kebimbangan mengenai inflasi dan merumuskan langkah-langkah untuk mengurangkan defisit akaun semasa. Kebanyakan ekonomi Asia menunjukkan daya tahan dalam menguruskan turun naik yang berpunca daripada aliran modal, sebahagiannya disebabkan oleh penampan yang lebih kukuh, selepas Krisis Kewangan Asia serta langkah pencegahan awalan yang diambil untuk memastikan aliran keluar modal tidak menimbulkan gangguan.

Bagi menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri, beberapa buah negara Asia juga mengumumkan langkah rangsangan fiskal. Pakej rangsangan ini direka untuk membantu PKS, memudahkan pelaburan dalam projek infrastruktur, menyediakan insentif cukai dan menyokong eksport. Menyedari ketidakseimbangan kewangan yang berbangkit daripada kenaikan paras hutang dan harga aset, beberapa pihak berkuasa negara memperkenalkan langkah-langkah dasar kehematan makro selanjutnya. Antara langkah tersebut ialah meningkatkan nisbah minimum bagi pinjaman kepada nilai, menaikkan duti setem dan mengurangkan tempoh pinjaman untuk menangani kenaikan harga harta tanah.

Rajah 1.1

Pergerakan Kadar Dasar Kumulatif (Jan 2013 - Feb 2014)



[1] Reserve Bank of India menurunkan kadar dasarnya sebanyak 75 mata asas pada ST1 2013, menaikkannya sebanyak 50 mata asas pada ST2 2013 dan kemudian menaikkannya lagi sebanyak 25 mata asas pada tahun 2014

Nota: Kadar dasar semasa dalam kurungan adalah pada akhir bulan Februari 2014

Sumber: Pihak Berkuasa Negara

EKONOMI MALAYSIA

Tinjauan Keseluruhan

Ekonomi Malaysia meningkat 4.7% pada tahun 2013 (2012: 5.6%), didorong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang terus kukuh. Meskipun persekitaran luar negeri lebih lemah pada separuh pertama tahun 2013, permintaan dalam negeri kekal berdaya tahan sepanjang tahun, dipacu aktiviti sektor swasta yang teguh. Penggunaan swasta kukuh, disokong terutamanya oleh keadaan guna tenaga dan pertumbuhan gaji yang menggalakkan. Pelaburan swasta mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 2013, meneruskan momentum pertumbuhan tahun sebelumnya. Pertumbuhan disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perlombongan, perkhidmatan dan perkilangan. Walaupun perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan berkurang pada tahun 2013, pertumbuhan pelaburan awam kekal positif hasil daripada perbelanjaan modal perusahaan awam yang terus tinggi.

Jadual 1.4

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2005=100)

	2012	2013*a*	2012	2013*a*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Permintaan Dalam Negeri[1]	**10.6**	**7.6**	**9.2**	**6.9**
Penggunaan	7.1	7.3	4.5	4.7
Sektor swasta	*7.7*	*7.6*	*3.8*	*3.8*
Sektor awam	*5.1*	*6.3*	*0.7*	*0.8*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	19.9	8.2	4.7	2.2
Sektor swasta	*21.9*	*13.6*	*3.0*	*2.1*
Sektor awam	*17.1*	*0.7*	*1.7*	*0.1*
Perubahan dalam Stok			**0.6**	**-0.2**
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan	**-31.7**	**-22.9**	**-4.2**	**-2.0**
Eksport	*-0.1*	*-0.3*		
Import	*4.7*	*1.9*		
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**5.6**	**4.7**	**5.6**	**4.7**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 1.5

KDNK Benar Mengikut Sektor (2005=100)

	2012	2013*a*	2012	2013*a*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)[1]	
Pertanian	1.0	2.1	0.1	0.2
Perlombongan dan kuari	1.4	0.5	0.1	0.0
Perkilangan	4.8	3.4	1.2	0.8
Pembinaan	18.1	10.9	0.6	0.4
Perkhidmatan	6.4	5.9	3.5	3.2
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**5.6**	**4.7**	**5.6**	**4.7**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import
a Awalan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Ekonomi Malaysia meningkat 4.7% pada tahun 2013, didorong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang terus kukuh, dalam keadaan persekitaran luar negeri yang lemah pada separuh tahun pertama

Prestasi pertumbuhan yang lebih sederhana pada tahun 2013 disebabkan sebahagian besarnya oleh perkembangan di sektor luaran. KDNK benar mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana pada 4.3% pada separuh pertama tahun 2013 (ST1 2012: 5.4%), akibat terjejas oleh kelemahan permintaan luar negeri yang berpanjangan. Permintaan terhadap eksport Malaysia, terutamanya produk elektronik dan elektrik (E&E), telah menerima kesan akibat pertumbuhan yang perlahan di AS dan aktiviti ekonomi yang lemah di kebanyakan negara Eropah. Permintaan daripada ekonomi maju yang berterusan lemah juga telah memberikan kesan kepada beberapa ekonomi serantau, yang seterusnya melembapkan permintaan terhadap produk bukan E&E Malaysia. Akibatnya, eksport barangan dan perkhidmatan benar merosot sebanyak 2.9% pada separuh

pertama tahun 2013. Sebaliknya, import barangan dan perkhidmatan benar terus berkembang pada separuh tahun pertama berikutan pertumbuhan yang mampan dalam pelaburan dan penggunaan dalam negeri. Ini telah menyumbang kepada penguncupan lebih besar dalam eksport bersih. Akibat daripada prestasi eksport yang lemah, unjuran pertumbuhan Malaysia bagi tahun 2013 telah dikurangkan kepada 4.5%-5% pada bulan Ogos, daripada unjuran awal 5%-6%. Unjuran pertumbuhan juga dikurangkan oleh beberapa ekonomi serantau yang lain. Susulan momentum pertumbuhan global yang secara keseluruhannya meningkat pada awal suku kedua 2013, eksport benar Malaysia bertambah baik untuk mencatat pertumbuhan positif 2.3% pada separuh kedua tahun 2013. Berikutan itu, meskipun import benar meningkat dengan lebih kukuh, eksport bersih mencatat penguncupan lebih kecil pada separuh kedua tahun 2013.

Dari sudut penawaran, pertumbuhan permintaan dalam negeri yang terus mantap sepanjang tahun 2013 telah menyumbang kepada pengembangan aktiviti berkaitan dalam negeri di sektor perkhidmatan dan perkilangan, manakala industri berorientasikan eksport di sektor perkilangan mendapat manfaat daripada keadaan luar negeri yang bertambah baik pada separuh tahun kedua. Sementara itu, aktiviti yang memberangsangkan dalam subsektor kediaman dan kejuruteraan awam telah menyumbang kepada pertumbuhan sektor pembinaan yang terus kukuh.

Permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan

Permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu utama ekonomi Malaysia, apabila meningkat sebanyak 7.6% pada tahun 2013 (2012: 10.6%). Peningkatan ini disebabkan oleh pertumbuhan yang teguh dalam penggunaan dan pelaburan swasta. Pertumbuhan perbelanjaan awam pula lebih sederhana, namun kekal menyokong pertumbuhan keseluruhan.

Penggunaan swasta terus mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 7.6% pada tahun 2013. Perbelanjaan disokong terutamanya oleh keadaan guna tenaga dan pertumbuhan gaji yang menggalakkan. Pada tahun itu, gaji pekerja industri berorientasikan dalam negeri di sektor perkilangan mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh (10.3%; 2012: 6.6%), sementara gaji dalam industri berorientasikan eksport pula mampan (5%; 2012: 5.2%). Pelaksanaan dasar gaji minimum pada 1 Januari 2013 juga menyumbang kepada tahap gaji yang lebih tinggi. Dasar baharu ini memberikan kesan yang kecil kepada guna tenaga dan kesannya terhad, terutamanya pada suku keempat 2012, ketika pemberhentian pekerja meningkat lebih tinggi buat sementara waktu apabila syarikat mula melaksanakan dasar tersebut.

Penggunaan swasta kukuh, disokong terutamanya oleh keadaan guna tenaga dan pertumbuhan gaji yang menggalakkan

Bantuan Kerajaan kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana terus menyokong penggunaan swasta, walaupun pada tahap yang lebih rendah berbanding tahun 2012. Bantuan ini termasuklah Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) dan bantuan persekolahan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah, yang kesemuanya berjumlah sebanyak RM3.8 bilion. Penggunaan swasta juga disokong oleh akses berterusan kepada pembiayaan untuk isi rumah yang mempunyai rekod kredit yang baik. Kredit penggunaan terkumpul kepada isi rumah terus berkembang, walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu 8.5% (2012: 13.3%), yang sebahagiannya disebabkan langkah kehematan makro awalan yang diperkenalkan Bank pada bulan Julai 2013.

Penggunaan awam mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada 6.3% pada tahun 2013 (2012: 5.1%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan. Perbelanjaan untuk emolumen pula mampan.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) mencatat pertumbuhan yang lebih rendah pada 8.2% pada tahun 2013, selepas peningkatan kukuh sebanyak 19.9% pada tahun 2012. Bahagian pelaburan swasta kepada PMTK meningkat kepada 61% (2012: 58%), mencerminkan pertumbuhan pelaburan swasta yang terus kukuh dalam keadaan pelaburan awam yang lebih sederhana.

PMTK disokong oleh pelaburan dalam struktur, serta jentera dan kelengkapan. Pelaburan dalam struktur meningkat sebanyak 11.1% (2012: 25.1%), dan ini jelas dalam semua

Keadaan Pasaran Pekerja Menggalakkan

Pada tahun 2013, pasaran pekerja kekal menggalakkan, apabila pengembangan berterusan dalam aktiviti ekonomi merentas semua sektor telah menyokong permintaan terhadap pekerja. Pada tahun 2013, guna tenaga mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 4.8% (2012: 3.6%), yang merupakan pertambahan bersih jumlah pekerjaan sebanyak 613,000 berbanding tahun sebelumnya. Kadar pengangguran kekal rendah pada 3.1% (2012: 3.0%).

Pasaran pekerja yang menggalakkan juga dicerminkan oleh pengurangan jumlah pemberhentian yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia. Jumlah pemberhentian pekerja menurun kepada 11,195 orang daripada 11,494 orang pada tahun sebelumnya. Ini memandangkan pemberhentian pekerja yang lebih tinggi dalam sektor perkilangan (7,940 orang; 2012: 7,616 orang) telah diimbangi oleh pemberhentian pekerja yang lebih rendah dalam sektor perkhidmatan (2,605 orang; 2012: 2,639 orang) dan pembinaan (353 orang; 2012: 1,002 orang). Dari segi sentimen, pekerja lebih optimistik dalam mencari pekerjaan, seperti ditunjukkan oleh Indeks Keyakinan Pekerja JobStreet yang lebih tinggi pada 50.3 (2012: 48.8). Majikan juga optimistik mengenai pasaran pekerjaan seperti dicerminkan oleh Indeks Prospek Pekerjaan JobStreet yang lebih tinggi pada 54.4 (2012: 52.5).

Sektor perkhidmatan mencatat pertambahan pekerjaan paling banyak pada tahun 2013, dengan bahagian sebanyak 65% daripada pertambahan pekerjaan bersih, diikuti sektor pertanian (18%) dan pembinaan (16%). Pekerja berkemahiran sederhana menyumbang hampir tiga perempat kepada pertambahan pekerjaan bersih, diikuti pekerja berkemahiran rendah (19%) dan berkemahiran tinggi (10%).

Dari segi struktur guna tenaga, sektor perkhidmatan masih merupakan majikan terbesar dengan mencakupi 60% daripada guna tenaga, diikuti sektor perkilangan (17%), pertanian (13%), pembinaan (9%) dan perlombongan (0.7%). Profil guna tenaga mengikut tahap kemahiran juga kekal tidak berubah, dengan pekerja berkemahiran sederhana mencakupi 63% daripada guna tenaga, diikuti pekerja berkemahiran tinggi (25%) dan berkemahiran rendah (13%).

Pada tahun 2013, jumlah pekerja asing yang berdaftar meningkat dengan nyata kepada 2.47 juta orang (2012: 1.57 juta orang). Peningkatan yang nyata ini disebabkan oleh langkah pemutihan pekerja asing melalui program 6P. Kebanyakan pekerja asing bekerja dalam sektor perkilangan (35% daripada jumlah pekerja asing), diikuti sektor pertanian (26%) dan pembinaan (20%).

Dasar gaji minimum kebangsaan telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013. Pertumbuhan guna tenaga yang lebih tinggi dan pemberhentian pekerja yang lebih rendah menyarankan bahawa kebanyakan syarikat boleh membuat penyesuaian dengan dasar gaji minimum. Berdasarkan tinjauan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, gaji purata sektor swasta naik 6.6% pada tahun 2013 (2012: 6.0%). Secara purata, pekerja kumpulan eksekutif mencatat kenaikan gaji sebanyak 6.3% (2012: 6.3%) manakala pekerja bukan eksekutif mencatat kenaikan sebanyak 6.7% (2012: 5.8%), sejajar dengan dasar gaji minimum.

Jadual 1

Penunjuk Pasaran Pekerja Terpilih

	2009	2010	2011	2012	2013*a*
Guna tenaga ('000 orang)	10,899	11,900	12,284	12,723	13,336
Tenaga kerja ('000 orang)	11,315	12,304	12,676	13,120	13,763
Kadar pengangguran (% daripada tenaga kerja)	3.7	3.3	3.1	3.0	3.1
Pemberhentian pekerja (bil. orang)	25,064	7,085	9,450	11,494	11,195
Pekerja asing ('000 orang)	1,918	1,818	1,573	1,572	2,470


a Awalan

Nota: Mulai tahun 2010, data guna tenaga dan tenaga kerja adalah berdasarkan anggaran penduduk yang baharu dan tidak boleh dibandingkan secara langsung dengan tahun-tahun sebelumnya

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.2

Pelaburan Swasta Benar mengikut Sektor



a Anggaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

subsektor pembinaan. Pelaburan dalam jentera dan kelengkapan meningkat sebanyak 5.1% (2012: 16.9%). Pertumbuhan sederhana dalam pelaburan untuk jentera dan kelengkapan dicerminkan oleh penurunan dalam import jentera untuk sektor perkilangan (2013: -2.9%; 2012: 21%), import kelengkapan pejabat (2013: -8.7%; 2012: 3.5%) dan import lokomotif (2013: -96.9%; 2012:186.6%).

Aktiviti pelaburan meningkat pada kadar sederhana berbanding pertumbuhan yang sangat kukuh pada tahun 2012, disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal sektor swasta

Pelaburan swasta terus mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 13.6% (2012: 21.9%), jauh mengatasi kadar pertumbuhan purata 8.8% yang dicatat dalam tempoh tahun 2000 hingga 2012. Pelaburan swasta didorong perbelanjaan modal pelabur tempatan dan asing dalam sektor perlombongan, perkhidmatan dan perkilangan.

Pelaburan perkhidmatan (bahagian sebanyak 48% daripada pelaburan swasta pada tahun 2013) telah disokong oleh perbelanjaan modal dalam subsektor perkhidmatan berorientasikan dalam negeri dan eksport. Dalam sektor perkhidmatan berorientasikan dalam negeri, pelaburan disalurkan terutamanya ke dalam subsektor perdagangan edaran, telekomunikasi dan penjagaan kesihatan peribadi. Pelaburan dalam subsektor berorientasikan eksport pula adalah terutamanya untuk pembesaran dan naik taraf pelabuhan dan terminal penyimpanan petroleum. Pelaburan untuk harta tanah kediaman, yang proksinya adalah pada kerja pembinaan kediaman yang telah siap, terus meningkat dengan kukuh (19.6%). Meskipun meningkat dengan teguh, bahagian pelaburan kediaman kepada pelaburan swasta secara amnya tidak berubah pada 17%, memandangkan sektor lain juga mencatat pertumbuhan yang kukuh.

Pelaburan perlombongan (bahagian sebanyak 17% daripada pelaburan swasta) kekal kukuh pada tahun 2013. Ini mencerminkan perbelanjaan

Semua Sektor Ekonomi Terus Meningkat

Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi terus berkembang pada tahun 2013, didorong terutamanya oleh pertumbuhan berterusan dalam permintaan dalam negeri dan keadaan luaran yang bertambah baik pada separuh tahun kedua.


Sektor perkhidmatan berkembang sebanyak 5.9% pada tahun 2013 dan kekal sebagai penyumbang terbesar pertumbuhan (3.2 mata peratusan daripada pertumbuhan KDNK keseluruhan). Pertumbuhan sektor ini disokong terutamanya oleh subsektor yang memenuhi permintaan dalam negeri. Subsektor perdagangan borong dan runcit mencatat pertumbuhan yang tinggi hasil daripada perbelanjaan runcit isi rumah yang terus kukuh. Dalam subsektor komunikasi, pertumbuhan kekal teguh, terutamanya disebabkan oleh permintaan berterusan terhadap perkhidmatan komunikasi data. Prestasi subsektor pengangkutan dan penyimpanan adalah mampan berikutan pertumbuhan kukuh dalam sektor perjalanan penumpang. Sebaliknya, pertumbuhan yang sederhana dicatat dalam subsektor kewangan dan insurans ekoran margin kadar faedah dan premium insurans yang lebih rendah.

Sektor perkilangan berkembang sebanyak 3.4%, hasil prestasi industri berorientasikan dalam negeri yang terus kukuh dan prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih baik pada separuh kedua tahun 2013. Pengeluaran dalam industri berorientasikan eksport disokong oleh eksport yang lebih kukuh dalam produk E&E dan keluaran kelompok berkaitan sumber, dalam keadaan pemulihan secara beransur-ansur dalam ekonomi global. Industri berorientasikan dalam negeri mencatat pertumbuhan yang mampan, terutamanya didorong oleh penggunaan swasta yang teguh selain aktiviti pembinaan yang terus kukuh.

Pertumbuhan sektor pembinaan kekal kukuh (10.9%), hasil daripada aktiviti pembinaan yang teguh dalam subsektor kediaman dan kejuruteraan awam. Pertumbuhan dalam subsektor kediaman disokong oleh pembinaan harta tanah mewah dan bertingkat tinggi di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor. Dalam subsektor kejuruteraan awam, aktiviti dalam projek infrastruktur, serta yang berkaitan dengan minyak dan gas telah menyokong pertumbuhan. Projek utama termasuk loji jana kuasa Tanjung Bin dan Janamanjung, MRT, Terminal Minyak dan Gas Sabah, Saluran Gas Sabah-Sarawak serta projek Minyak dan Gas Kebabangan.

Rajah 1

KDNK Benar Mengikut Aktiviti Ekonomi



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam sektor pertanian, pertumbuhan adalah lebih kukuh pada 2.1%, kebanyakannya disebabkan pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi, mencerminkan kadar hasil yang lebih menggalakkan berikutan keadaan cuaca yang baik. Pengeluaran komoditi makanan seperti ternakan, sayur-sayuran dan perikanan, juga meningkat pada tahun 2013, hasil daripada usaha untuk meningkatkan tahap jaminan bekalan makanan negara serta usaha berterusan untuk terus memajukan industri makanan asas tani dan akuakultur.

Sektor perlombongan mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 0.5% pada tahun 2013, mencerminkan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah disebabkan kerja-kerja penyenggaraan pada separuh tahun kedua. Pengeluaran gas asli, bagaimanapun, mencatat pertumbuhan lebih kukuh pada tahun tersebut, dipacu oleh permintaan yang lebih tinggi daripada Asia Timur untuk penjanaan elektrik, dan juga pengeluaran yang mulai lebih tinggi daripada telaga minyak kecil dan baharu.

modal yang terus disalurkan ke dalam projek-projek huluan utama, seperti medan minyak laut dalam Gumusut-Kakap, Pemulihan Minyak Dipertingkatkan (Enhanced Oil Recovery) daripada medan minyak Tapis, dan medan-medan minyak marginal Berantai dan Balai. Dalam sektor perkilangan (27% daripada pelaburan swasta), pelaburan dibuat dalam industri berorientasikan eksport seperti E&E dan peralatan perubatan, dan juga dalam industri berorientasikan dalam negeri, terutamanya pengilangan makanan. Pengembangan ini mencerminkan sentimen perniagaan yang bertambah baik berikutan peningkatan beransur-ansur dalam permintaan luar negeri selain penggunaan dalam negeri yang terus kukuh.

Pelaburan awam mencatat pertumbuhan positif yang kecil sebanyak 0.7% (2012: 17.1%), berikutan pengurangan dalam perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, pengurangan ini telah diimbangi oleh perbelanjaan modal perusahaan awam yang lebih tinggi, terutamanya dalam sektor minyak dan gas, serta pengangkutan dan tenaga. Projek utama dalam sektor minyak dan gas ialah Loji Sabah Ammonia-Urea, Saluran Paip Gas Sabah-Sarawak dan pembangunan huluan Non-Associated Gas Kinabalu. Pelaburan dalam subsektor pengangkutan telah disokong oleh pembinaan Aliran Transit Laju MY (MRT) dan kerja-kerja penyambungan Aliran Transit Ringan (LRT). Pelaburan dalam subsektor utiliti termasuk pembinaan loji janakuasa seperti di Tanjung Bin dan Janamanjung. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dalam sektor ekonomi disalurkan terutamanya kepada sektor pengangkutan serta perdagangan dan industri, khususnya untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian.

SEKTOR LUAR NEGERI

Pada tahun 2013, sektor luar negeri Malaysia kekal berdaya tahan dalam keadaan persekitaran ekonomi dan kewangan global yang mencabar. Lebihan akaun semasa mengecil, tetapi lebih daripada mengimbangi aliran keluar bersih dalam akaun kewangan. Paras rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia kekal tinggi dan adalah lebih daripada mencukupi untuk memenuhi obligasi luar negeri jangka pendek dan menyediakan penampan terhadap kejutan luaran.

Perkembangan dalam sektor luar negeri pada tahun 2013 pada amnya dicorakkan oleh dua tempoh yang berbeza. Pada separuh tahun pertama, akaun semasa mencatat lebihan yang lebih kecil sebanyak RM11.2 bilion (ST1 2012: RM24.8 bilion), disebabkan lebihan perdagangan yang lebih kecil di samping defisit perkhidmatan dan pendapatan yang lebih kecil. Keadaan ekonomi yang berterusan lemah dalam ekonomi maju telah mengakibatkan penurunan yang ketara dalam eksport Malaysia (ST1 2013: -4%). Permintaan terhadap produk E&E kekal lemah (ST1 2013: -3.9%), disebabkan eksport komputer peribadi dan barangan elektrik yang terjejas akibat kelewatan dalam kitaran penggantian IT global. Pertumbuhan dalam ekonomi serantau yang lebih rendah daripada jangkaan juga menjejaskan permintaan terhadap barangan perkilangan bukan E&E (ST1 2013: 3.4%), seperti besi dan keluli, kelengkapan optik dan saintifik, serta keluaran kayu dan getah. Di samping itu, penurunan harga komoditi utama Malaysia pada separuh tahun pertama juga menjejaskan prestasi eksport negara. Sebaliknya, aktiviti pelaburan dan penggunaan dalam negeri yang teguh terus memacu pengembangan import (ST1 2013: 4.4%). Defisit perkhidmatan dan pendapatan lebih kecil disebabkan terutamanya oleh penerimaan perjalanan bersih yang lebih tinggi dan pembayaran pendapatan utama bersih yang lebih rendah. Peningkatan dalam penerimaan perjalanan bersih adalah hasil daripada pelancongan dalam rantau yang lebih kukuh, manakala keuntungan yang lebih tinggi bagi syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri, terutamanya dalam subsektor perkhidmatan kewangan, menyumbang kepada penurunan dalam pembayaran pendapatan utama bersih.

Sektor luar negeri kekal berdaya tahan dalam keadaan persekitaran ekonomi global yang mencabar


Pada separuh tahun kedua, lebihan akaun semasa bertambah kepada RM26.1 bilion berikutan pertumbuhan eksport yang kembali positif. Eksport Malaysia yang bertambah baik (ST2 2013: 8.9%) adalah hasil daripada permintaan yang meningkat terhadap keluaran perkilangan dan komoditi. Prestasi eksport terus diperkukuh oleh harga minyak sawit mentah dan LNG yang lebih menggalakkan berbanding dengan paras harga pada separuh pertama tahun 2013. Eksport ke Kesatuan Eropah dan rantau ini adalah lebih tinggi, seiring dengan

Industri Berasaskan Sumber di Malaysia Menjadi Lebih Pelbagai

Pergantungan yang tinggi kepada komoditi utama pada tahun-tahun awal merupakan cabaran yang besar kepada ekonomi Malaysia, terutamanya dari segi kaitan langsungnya kepada turun naik dalam harga komoditi. Pada tahun 1980, komoditi utama mencakupi 33% daripada KDNK dan 77% daripada eksport. Bermula pada awal tahun 1980-an, Malaysia mula melaksanakan strategi mempelbagaikan ekonominya dengan matlamat untuk menjadi negara yang bertumpukan pada aktiviti ekonomi dengan nilai ditambah lebih tinggi, dan juga mengurangkan tumpuan yang berlebihan terhadap komoditi huluan, iaitu bijih timah dan getah. Dengan pelancaran Dasar Perindustrian Negara dan Pelan Induk Perindustrian pada pertengahan tahun 1980-an, Kerajaan telah melaksanakan beberapa siri langkah dasar untuk menggalakkan sektor perkilangan secara agresif dan kemudiannya sektor perkhidmatan pada tahun 1990-an. Langkah-langkah tersebut telah mewujudkan kadar pempelbagaian ekonomi negara secara mendatar yang pesat, dengan pertumbuhan teguh dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan serta pengurangan ketara dalam pergantungan kepada sektor komoditi utama (Rajah 1). Yang nyata, ekonomi Malaysia juga menjadi lebih pelbagai secara menegak apabila bergerak lebih tinggi dalam rantaian nilai komoditi daripada aktiviti huluan (upstream) kepada aktiviti hiliran (downstream) (Rajah 2).

Rajah 1


Pempelbagaian Mendatar ke Arah Sumber Pertumbuhan Lain



Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 2

Pempelbagaian Menegak ke Arah Keluaran Nilai Ditambah Lebih Tinggi




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Industri berasaskan sumber, yang merangkumi terutamanya pengilangan keluaran petrokimia, oleokimia, petroleum ditapis, minyak sawit, sarung tangan getah, tayar dan produk profilaktik, menjadi pemacu pertumbuhan terbesar bagi sektor perkilangan pada dekad yang lalu (2002-2012). Kenaikan harga komoditi dalam tempoh ini telah membawa kepada harga yang lebih tinggi bagi kebanyakan keluaran industri berasaskan sumber, lantas memberikan rangsangan tambahan kepada pertumbuhan sektor ini. Dalam tempoh ini, nilai ditambah industri berasaskan sumber meningkat sebanyak 6.8% pada asas kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (Compounded Annual Growth Rate, CAGR), mengatasi pertumbuhan sebanyak 1.7% bagi industri elektronik dan elektrik (E&E), sekali gus menjadi subsektor perkilangan terbesar sejak tahun 2005 (Rajah 3). Industri berasaskan sumber menyumbang dengan nyata kepada eksport Malaysia melalui pertumbuhan sebanyak 12.4% pada asas CAGR dalam tempoh yang sama, seterusnya menjadikan eksport keluaran berasaskan sumber mencakupi bahagian sebanyak 32% daripada jumlah eksport perkilangan pada tahun 2012, berbanding 17% pada tahun 2002[1] (Rajah 4).

[1] Pertumbuhan yang ketara tinggi dalam eksport industri berasaskan sumber dalam tempoh ini juga disebabkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi selepas tahun 2002.

Rajah 3


Pertumbuhan KDNK dan Bahagian daripada Komponen Utama Perkilangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 4

Eksport dan Bahagian daripada Komponen Utama Perkilangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pempelbagaian dalam industri berasaskan sumber memastikan bahagian eksport perkilangan kepada jumlah eksport kekal tinggi pada 70-75%, walaupun nilai eksport komoditi utama meningkat dalam tempoh tersebut.

Pelan Induk Perindustrian Pertama yang dilancarkan pada tahun 1986 telah memainkan peranan yang penting dalam memacu strategi pembangunan `pengumpulan pelbagai sektor´ (multi-sector agglomeration) bagi sektor perkilangan. Strategi ini telah mempercepat pempelbagaian ekonomi dalam negeri melalui aktiviti perkilangan yang lebih luas di negara ini, lantas mengurangkan tumpuan berlebihan pada komoditi utama. Manfaat daripada pempelbagaian ekonomi dapat dilihat daripada tahap intensiti aktiviti ekonomi yang semakin meningkat dalam pelbagai industri yang saling berkaitan sejak bertahun yang lalu. Berdasarkan Jadual Input-Output[2] ekonomi Malaysia, tahap intensiti aktiviti ekonomi pada tahun 1960 didapati sangat rendah dan tertumpu terutamanya pada beberapa industri utama sahaja. Tahap intensiti aktiviti meningkat melalui peredaran masa dan menjelang tahun 2005, tahap ini naik dengan nyata dan menjadi lebih pelbagai dalam kebanyakan industri dalam ekonomi lantas menyerlahkan tahap pempelbagaian.

Kesan positif daripada pempelbagaian menegak dalam industri berasaskan sumber adalah sangat jelas. Pertama, ia membantu menguatkan rantaian ke-hadapan dan ke-belakang dalam ekonomi, lantas memastikan kesalingbergantungan dan kesalinghubungan yang erat antara pengeluaran huluan dengan hiliran[3]. Yang nyata, ekoran aktiviti pengeluaran hiliran yang lebih giat, keluaran dengan nilai ditambah lebih tinggi telah dapat dijana dalam ekonomi dalam negeri. Kedua, pempelbagaian yang lebih pesat telah menghasilkan keuntungan yang lebih besar kepada firma, kenaikan upah yang mampan, dan hasil cukai yang lebih tinggi kepada Kerajaan. Ketiga, pertumbuhan industri berasaskan sumber telah meningkatkan produktiviti melalui peralihan

[2] Jadual Input-Output menyediakan pengagregatan menyeluruh terhadap semua pengeluaran dalam ekonomi, dengan mengesan semua aspek, daripada sumber input sehingga kepada kegunaan perantaraan dan kegunaan akhir keluaran. Jadual Input-Output Malaysia diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia setiap lima tahun, dengan data terkini yang tersedia pada tahun asas 2005.

[3] Keadaan ini selaras dengan teori `laluan pergantungan´ (path dependency), iaitu hampir mustahil bagi sesebuah negara untuk beralih sepenuhnya daripada sektor tradisional kepada sektor perkilangan berteknologi tinggi dan perkhidmatan tanpa melalui tempoh perubahan yang beransur-ansur (Felipe et al., 2013).

tenaga kerja yang tidak digunakan sepenuhnya atau tenaga kerja lebihan daripada sektor pertanian huluan kepada sektor perkilangan. Kesan daripada peralihan ini ialah bahagian guna tenaga sektor pertanian berkurang daripada 31% dalam tempoh 1980-1990, kepada 15% dalam tempoh 2000-2010. Pengurangan dalam sektor pertanian ini diikuti oleh peningkatan dalam bahagian guna tenaga sektor perkilangan daripada 16% kepada 20%. Akhir sekali, pempelbagaian adalah penting dalam mengurangkan kesan turun naik harga komoditi ke atas ekonomi negara. Secara empirik, pada peringkat firma, syarikat berasaskan komoditi yang mempunyai bahagian dalam pengeluaran hiliran yang lebih besar pada amnya mencatat keuntungan yang lebih positif dan stabil berbanding syarikat dengan bahagian yang lebih besar dalam aktiviti huluan.


Namun, tahap pempelbagaian menegak adalah berbeza-beza merentas subsektor-subsektor industri berasaskan sumber. Dalam industri minyak dan gas, sokongan institusi kukuh yang diberikan oleh PETRONAS dalam menerajui pelaburan dalam aktiviti hiliran merupakan faktor pemboleh utama dalam proses pempelbagaian. Margin keuntungan dan faktor fiskal juga penting dalam menggalakkan PETRONAS membuat pempelbagaian. Harga minyak mentah dan gas asli yang rendah pada tahun 1980-an dan 1990-an dan kadar cukai pendapatan petroleum ke atas pengeluaran minyak dan gas huluan yang lebih tinggi pada 38%, telah menghasilkan keuntungan selepas cukai yang lebih tinggi daripada pelbagai aktiviti perkilangan hiliran. Jenis keluaran minyak yang dihasilkan di Malaysia telah berkembang daripada pengeluaran produk huluan asas seperti petrol, diesel dan petrokimia asas kepada pelincir, bahan api jet khusus dan keluaran petrokimia yang lebih kompleks. Pada masa ini, hampir separuh daripada hasil PETRONAS diperoleh daripada aktiviti hiliran.

Pempelbagaian hiliran dalam industri getah juga penting. Syarikat-syarikat yang pada mulanya hanya merupakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), telah berkembang menjadi entiti-entiti tersenarai awam bernilai berbilion ringgit dan menjadi peneraju dunia dalam pengeluaran sarung tangan getah dan produk profilaktik. Kos input yang lebih rendah ekoran penurunan harga getah asli dan bekalan tenaga kerja asing dengan upah yang rendah telah merangsang pembangunan industri ini pada tahun 1980-an dan 1990-an. Sebaliknya, bagi industri minyak sawit pula masih terdapat skop yang luas untuk pempelbagaian hiliran. Antara faktor yang menyebabkan pempelbagaian hiliran industri minyak sawit masih lagi terhad ialah margin yang lebih tinggi pada peringkat huluan, walaupun ketika harga minyak sawit berada pada paras yang rendah. Tambahan pula, pengecualian cukai ke atas eksport minyak sawit mentah yang diberikan sehingga bulan Mac 2013, juga tidak memberikan banyak galakan untuk beralih kepada aktiviti dengan nilai ditambah lebih tinggi. Secara perbandingan, kebanyakan pesaing Malaysia dalam industri ini telah pun menceburi pelbagai aktiviti hiliran, terutamanya dalam pengeluaran oleokimia dan biodiesel berasaskan sawit.

Strategi pempelbagaian dalam industri berasaskan sumber kini diteruskan oleh industri perkhidmatan berasaskan sumber (resource-based services, RBS). Perkhidmatan berasaskan sumber merupakan aktiviti yang menyediakan perkhidmatan sokongan kepada sektor komoditi, seperti penambahbaikan kepada aktiviti penerokaan dan pengeluaran berkaitan minyak dan gas, serta pemindahan ke kapal dan penggudangan komoditi. Perkhidmatan berasaskan sumber membolehkan Malaysia memperlengkap rantaian nilai dalam sektor komoditi dengan beralih kepada aktiviti dengan nilai ditambah lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan. Dari segi aktiviti berkaitan minyak dan gas, Malaysia telah mencatat pertumbuhan yang tinggi dalam firma perkhidmatan minyak tempatannya, yang kebanyakannya dimajukan di bawah Program Pembangunan Vendor yang diasaskan oleh PETRONAS. Bagi aktiviti pemindahan ke kapal dan penggudangan, Malaysia mempunyai kelebihan dari segi kedudukannya yang hampir dengan negara Asia Pasifik, serta daya saing yang tinggi dan kemudahan logistik yang baik, lantas menarik banyak firma untuk memulakan operasi di Malaysia (Rajah 5). Dengan mencontohi kejayaan industri berasaskan sumber, Kerajaan menjadi peneraju dalam mempromosikan perkhidmatan berasaskan sumber. Sebagai contoh, program Insentif Global bagi Perdagangan (Global Incentive for Trading, GIFT) telah diperkenalkan baru-baru ini untuk mempercepat perdagangan komoditi di negara ini. Program ini disasarkan untuk menarik

Rajah 5

Malaysia Kini Menjadi Pusat Pemunggahan Sementara untuk Komoditi



Sumber: Pelbagai syarikat

syarikat perdagangan antarabangsa menempatkan operasi serantau mereka di negara ini, dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab perdagangan luar pesisir utama di rantau ini.

Melangkah ke hadapan, kedua-dua industri dan perkhidmatan berasaskan sumber merupakan sektor penting yang boleh merealisasikan matlamat Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Malah, terdapat bukti yang jelas kini bahawa Malaysia berada atas landasan kemajuan yang tepat. Beberapa pengilang dalam industri berasaskan sumber telah mula beralih kepada pengeluaran produk dengan nilai ditambah lebih tinggi, seperti sarung tangan berasaskan nitril untuk industri penjagaan kesihatan. Dari segi perkhidmatan berasaskan sumber, peningkatan aktiviti pemunggahan sementara telah dicerminkan oleh kenaikan tahunan yang ketara sebanyak 44% dalam eksport semula pada tahun 2012 dan kenaikan seterusnya sebanyak 40% pada tahun 2013. Perkembangan ini akan menyumbang kepada pengukuhan asas-asas negara ini melalui aktiviti dengan nilai ditambah lebih tinggi dan pempelbagaian sumber pertumbuhan dalam ekonomi.

Rujukan

Felipe J., R. Briones, D.H. Brooks, A. Mehta dan H. Verspagen (2013), `Asia's Economic Transformation: Where to, How, and How Fast?´. Bab khas dalam *Key Indicators for Asia and the Pacific 2013*, Bank Pembangunan Asia (ADB).

Jadual 1.6

Imbangan Pembayaran[1]

Butiran	2012			2013*a*		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM bilion					
Barangan	703.2	577.5	125.6	690.9	588.2	102.7
Perkhidmatan	117.0	131.0	-14.0	125.5	140.5	-15.0
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**820.2**	**708.5**	**111.6**	**816.3**	**728.7**	**87.6**
Pendapatan utama	42.3	78.3	-36.0	47.5	82.6	-35.2
Pendapatan sekunder	6.8	25.1	-18.2	7.3	22.5	-15.2
Imbangan akaun semasa	**869.3**	**812.0**	**57.3**	**871.1**	**833.9**	**37.3**
% daripada PNK			**6.3**			**3.9**
Akaun modal			0.2			-0.0
Akaun kewangan			-23.0			-15.0
Pelaburan langsung[2]			-21.7			-4.1
Aset			*-51.9*			*-40.6*
Liabiliti			*30.2*			*36.5*
Pelaburan portfolio			58.4			-2.8
Aset			*-21.5*			*-31.9*
Liabiliti			*79.8*			*29.1*
Derivatif kewangan			1.0			-0.1
Pelaburan lain			-60.6			-8.1
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-22.9**			**-15.1**
Kesilapan dan ketinggalan[3]			-30.6			-7.5
antaranya:						
Penambahan (+) atau pengurangan (-) nilai rizab disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing			*-7.7*			*18.6*
Kesilapan dan ketinggalan bersih sebagai % daripada jumlah perdagangan			*-1.7*			*-1.9*
Imbangan keseluruhan			**3.9**			**14.6**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih			**427.2**			**441.9**
Nilai bersamaan dengan USD bilion			**139.7**			**134.9**

[1] Imbangan pembayaran disusun mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Aliran aset juga dirujuk sebagai 'pelaburan langsung ke luar' sementara aliran liabiliti juga dirujuk sebagai `pelaburan langsung masuk´
[3] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

bertambah giatnya aktiviti ekonomi dalam ekonomi-ekonomi tersebut. Import meningkat pada kadar yang lebih kukuh (ST2 2013: 9.5%) berikutan permintaan dalam negeri yang kukuh telah menyumbang kepada import barangan modal dan barangan penggunaan. Khususnya, aktiviti pelaburan yang mampan dalam sektor berorientasikan dalam negeri menyebabkan import perkhidmatan telekomunikasi dan pembinaan meningkat. Pengembangan aktiviti perdagangan juga menyebabkan pembayaran yang lebih tinggi untuk perkhidmatan pengangkutan. Pembayaran bersih untuk komponen perkhidmatan lain kekal mampan apabila penerimaan yang bertambah baik telah mengimbangi pembayaran yang lebih tinggi.

Lebihan akaun semasa seperti dicerminkan oleh lebihan tabungan-pelaburan (T-P) mengecil dalam tahun-tahun kebelakangan ini disebabkan terutamanya oleh pengembangan yang lebih kukuh dalam aktiviti pelaburan. Trend ini dijangka berterusan dalam tempoh terdekat berikutan jangkaan bahawa pelaburan akan kekal kukuh ekoran program transformasi yang sedang dilaksanakan ke arah menjadikan Malaysia sebagai ekonomi berpendapatan tinggi. Pembentukan modal kasar nominal

Jadual 1.7

Perdagangan Luar Negeri

	2012	2013*a*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**0.7**	**2.4**
Perkilangan	3.1	5.7
Elektronik dan elektrik (E&E)[1]	*-1.7*	*2.9*
Bukan E&E	*8.4*	*8.4*
Komoditi	-6.4	-5.6
Pertanian	*-15.4*	*-17.0*
Mineral	*2.6*	*3.8*
Import kasar	**5.8**	**7.0**
Barangan modal	19.6	2.8
Barangan pengantara	-3.4	4.3
Barangan penggunaan	10.7	8.7


[1] Termasuk jentera dan kelengkapan
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 12.3% sepanjang tempoh 2012-2013 (2007-2011: 11%). Pada masa yang sama, jumlah tabungan negara kasar kekal berikutan pertumbuhan yang kukuh dalam jumlah penggunaan (9.4%; 2007-2011: 10.1%). Pada tahun 2013, akaun semasa mencatat lebihan yang lebih kecil sebanyak RM37.3 bilion atau 3.9% daripada pendapatan negara kasar (PNK) (2012: RM57.3 bilion, 6.3% daripada PNK), mencerminkan pertumbuhan tabungan negara kasar yang menjadi sederhana kepada 31.2% daripada PNK (2012: 33.1% daripada

Rajah 1.3

Prestasi Eksport




[1] Termasuk jentera dan kelengkapan
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 1.4

Prestasi Import




a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

PNK) dalam keadaan pembentukan modal kasar yang berterusan. Defisit T-P sektor awam yang terus meningkat telah menyumbang kepada lebihan T-P yang lebih kecil pada tahun 2013. Tabungan sektor awam menurun sebanyak 48.7% kepada RM49.2 bilion disebabkan oleh lebihan operasi perusahaan awam yang lebih rendah dalam keadaan pembentukan modal kasar awam yang terus positif (1.9%; 2012: 20.3%). Sebaliknya, lebihan T-P sektor swasta meningkat pada tahun 2013, apabila tabungan meningkat dengan lebih cepat pada kadar 21.1% kepada RM247.1 bilion (2012: -7.4%), manakala pembentukan modal kasar swasta pula berkembang dengan sederhana sebanyak 10.3% (2012: 16.1%).

Rajah 1.5

Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan-Pelaburan



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Kementerian Kewangan

Klasifikasi Pelaburan Langsung dalam BPM6

Mulai suku pertama 2013, Malaysia mengumpulkan dan mengeluarkan kepada umum perangkaan imbangan pembayaran Malaysia (Balance of Payments, BOP) berdasarkan garis panduan yang terkandung dalam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa IMF Edisi Keenam (IMF's Balance of Payments and International Investment Position Manual, BPM6).


Perubahan dalam akaun kewangan adalah terutamanya dari segi format pelaporan pelaburan langsung, berikutan peralihan dalam klasifikasi aliran pelaburan langsung, daripada perspektif mengikut haluan kepada perspektif aset-liabiliti.

Berikutan itu, istilah `pelaburan langsung di Malaysia´ (atau pelaburan langsung asing, FDI) diklasifikasikan semula sebagai aliran liabiliti pelaburan langsung atau `pelaburan langsung masuk´. Walaupun sebahagian besar daripada pelaburan langsung masuk merupakan FDI, ia juga meliputi pinjaman antara syarikat kepada syarikat Malaysia yang diberikan oleh anak syarikat masing-masing di luar negeri. Ini merupakan perubahan yang besar daripada apa yang lazim dilakukan berlandaskan BPM5, yang sebelum ini mencatat aliran ini di bawah pelaburan langsung ke luar negeri (direct investment abroad, DIA). Hasil daripada perubahan ini, pelaburan langsung masuk kini mencerminkan jumlah penanggungan liabiliti asing oleh pemastautin.

Begitu juga, `pelaburan langsung ke luar negeri´ diklasifikasikan semula sebagai aliran aset pelaburan langsung atau `pelaburan langsung keluar´. Walaupun pelaburan langsung keluar terdiri terutamanya daripada aliran DIA, ia juga termasuk pemberian pinjaman antara syarikat oleh syarikat FDI di Malaysia, kepada syarikat induk dan sekutu masing-masing di luar negeri. Bersandarkan BPM5, pemberian pinjaman antara syarikat oleh syarikat FDI akan direkodkan sebagai FDI. Namun, selepas perubahan ini, pelaburan langsung keluar kini akan mencerminkan jumlah pemerolehan aset asing oleh pemastautin.

Rajah 1.6

Pelaburan Langsung Asing Bersih Mengikut Sektor[1]



[1] Pelaburan langsung seperti ditakrifkan mengikut Edisi Kelima Manual Imbangan Pembayaran (BPM5) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

[2] Merujuk kepada sektor pertanian dan pembinaan

a Awalan


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun kewangan terus mencatat aliran masuk dan keluar yang melibatkan urus niaga kewangan antarabangsa oleh pemastautin dan bukan pemastautin. Dalam akaun pelaburan langsung, dari perspektif aset, syarikat Malaysia terus memperluas operasi mereka di arena antarabangsa melalui pelaburan langsung ke luar negeri. Dari perspektif liabiliti, Malaysia terus menarik pelaburan langsung daripada syarikat multinasional. Pasaran modal negara yang besar dan prospek pertumbuhan yang secara relatif menggalakkan, kekal sebagai daya tarikan kepada pelabur portfolio asing. Aliran ini, bagaimanapun, mengalami turun naik yang ketara pada tahun 2013. Susulan itu, akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM15 bilion pada tahun 2013 (2012: aliran keluar bersih sebanyak RM23 bilion).

Prestasi dan prospek pertumbuhan ekonomi negara terus mengukuhkan keyakinan pelabur antarabangsa, lantas merangsang peningkatan aliran masuk pelaburan langsung, sebanyak RM36.5 bilion atau 3.8% daripada PNK (2012: aliran masuk RM30.2 bilion, atau 3.3% daripada PNK). Sebahagian besar daripada aliran ini adalah dalam bentuk pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI), melalui suntikan modal ekuiti dan pinjaman antara syarikat yang

Rajah 1.7

Pelaburan Langsung ke Luar Negeri Bersih Mengikut Sektor[1]



[1] Pelaburan langsung ke luar negeri seperti yang ditakrifkan mengikut Edisi Kelima Manual Imbangan Pembayaran (BPM5) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Merujuk kepada sektor pertanian dan pembinaan
a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

lebih banyak, dalam keadaan tahap perolehan yang disimpan untuk pelaburan semula yang mampan pada tahun itu. Aliran masuk FDI agak meluas merentas sektor. FDI ke dalam sektor berorientasikan eksport seperti perkilangan dan subsektor perkhidmatan terpilih, kekal tinggi walaupun dalam keadaan prestasi eksport yang lembap pada separuh tahun pertama. Pelaburan asing dalam sektor perlombongan meningkat berikutan berterusannya pelaksanaan inisiatif ETP dalam sektor minyak dan gas. FDI dalam sub-sektor perkhidmatan kewangan juga mampan.


Pelaburan langsung keluar menjadi sederhana kepada RM40.6 bilion atau 4.3% daripada PNK pada tahun 2013, sejajar dengan unjuran pertumbuhan yang sederhana bagi ekonomi serantau (2012: aliran keluar sebanyak RM51.9 bilion atau 5.7% daripada PNK). Aliran keluar mencerminkan terutamanya aliran DIA, yang terdiri daripada aliran keluar modal ekuiti dan perolehan yang dilabur semula yang lebih besar, dalam keadaan pemberian pinjaman antara syarikat yang lebih kecil. Bahagian DIA dalam sektor perlombongan meningkat berikutan pengambilalihan sebuah syarikat Norway oleh sebuah syarikat minyak dan gas tempatan. DIA ke dalam sektor perkhidmatan juga mencatat prestasi yang kukuh, terutamanya dalam subsektor perkhidmatan kewangan, mencerminkan operasi yang lebih giat pada peringkat serantau oleh bank domestik Malaysia. Meskipun aliran keluar adalah sederhana pada tahun 2013, pelaburan dalam sektor-sektor ini menguntungkan lantas menyumbangkan kepada pendapatan pelaburan langsung terakru yang lebih besar bagi syarikat domestik dan defisit pendapatan bersih yang lebih kecil dalam akaun semasa.

Aliran pelaburan portfolio pada tahun 2013 sebahagian besarnya dicorakkan oleh dua tempoh yang berbeza. Pada separuh tahun pertama, sentimen pelabur yang positif pada amnya disokong oleh mudah tunai global yang lebih daripada mencukupi dan dasar monetari yang terus akomodatif dalam ekonomi maju. Hasilnya, pada enam bulan pertama 2013, pelaburan portfolio bukan pemastautin mencatat aliran masuk bersih yang kukuh sebanyak RM23.9 bilion, terutamanya ke dalam pasaran ekuiti dalam tempoh sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum ke-13 pada awal bulan Mei, sementara aliran asing ke dalam pasaran sekuriti hutang masih ketara. Penyertaan pelabur asing dalam pasaran ekuiti meningkat secara stabil, sementara pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin dalam pasaran sekuriti hutang meningkat kepada 23.8% daripada jumlah sekuriti hutang terkumpul pada akhir bulan Mei (akhir tahun 2012: 22.3%). Daripada jumlah ini, pemegangan sekuriti Kerajaan oleh bukan pemastautin adalah sebanyak 32.4% daripada jumlah sekuriti Kerajaan terkumpul (akhir tahun 2012: 29.8%).

Pada separuh tahun kedua, aliran masuk portfolio bukan pemastautin menjadi sederhana kepada RM5.2 bilion, berikutan petunjuk daripada Fed tentang kemungkinan untuk mengecilkan program pembelian asetnya (atau QE) pada lewat bulan Mei. Ketidakpastian yang meningkat dalam pasaran

Rajah 1.8

Pelaburan Portfolio



a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

kewangan mengenai masa dan saiz pengecilan QE mengakibatkan ketidaktentuan pasaran kewangan yang amat ketara dan seterusnya kebalikan aliran portfolio yang nyata antara bulan Mei hingga Ogos. Ketidaktentuan dan kebalikan dalam aliran pada amnya dialami oleh ekonomi sedang pesat membangun. Aliran masuk kembali semula pada bulan September dan Oktober, berikutan jangkaan terhadap pengecilan QE berkurang buat sementara berikutan penjelasan lanjut mengenai hala tuju dasar oleh Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (Federal Open Market Committee, FOMC) pada bulan September. Walau bagaimanapun, menjelang akhir tahun 2013, terdapat sentimen pelabur antarabangsa yang lebih berhati-hati disebabkan oleh jangkaan bahawa pengurangan pembelian aset oleh Fed akhirnya akan berlaku. Pengecilan QE akhirnya diumumkan semasa mesyuarat FOMC pada bulan Disember dan berkuat kuasa mulai bulan Januari 2014. Oleh itu, bagi keseluruhan tahun 2013, pelaburan portfolio bukan pemastautin mencatat aliran masuk bersih yang lebih kecil sebanyak RM29.1 bilion (2012: aliran masuk bersih RM79.8 bilion). Pada tahun 2013, pelabur institusi domestik membuat pelaburan luar negeri iaitu aliran keluar bersih sebanyak RM31.9 bilion (2012: aliran keluar bersih RM21.5 bilion). Aliran keluar ini mencerminkan strategi pelabur pemastautin yang berterusan untuk mempelbagaikan pelaburan portfolio mereka di luar negeri. Bagi tahun 2013 secara keseluruhan, jumlah pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih yang kecil sebanyak RM2.8 bilion (2012: aliran masuk bersih RM58.4 bilion).

Walaupun jumlah kasar dan ketidaktentuan aliran portfolio agak besar, kesannya ke atas pasaran kewangan dan ekonomi telah dikurangkan oleh beberapa faktor, iaitu pelarasan dalam kadar pertukaran, kedalaman pasaran kewangan dan peranan pelabur institusi domestik. Peranan pelabur institusi domestik dalam pasaran modal adalah penting kerana mereka menjana permintaan yang berterusan terhadap aset domestik. Tambahan pula, pelabur institusi domestik menunjukkan keupayaan untuk mengimbangi semula portfolio sambil menyerap penjualan oleh bukan pemastautin. Keadaan ini jelas dalam pasaran bon. Apabila pelabur bukan pemastautin beralih kepada sekuriti hutang bertempoh matang lebih pendek pada bulan Mei hingga Ogos, pelabur institusi domestik menambah pembelian sekuriti Kerajaan dan pada masa yang sama mengurangkan pemegangan bil BNM, lantas mengurangkan ketidaktentuan dalam kadar hasil sekuriti-sekuriti tersebut.

Pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih yang lebih kecil sebanyak RM8.1 bilion pada tahun 2013 (2012: aliran keluar bersih RM60.6 bilion), mencerminkan terutamanya pemberian kredit perdagangan yang berterusan di tengah-tengah aliran masuk perbankan. Pada tahun 2013, pengeksport Malaysia memudahkan aktiviti perdagangan dalam persekitaran luaran yang mencabar dengan memberikan kredit perdagangan kepada rakan pengimport mereka. Aliran keluar kredit perdagangan ini diimbangi sebahagiannya oleh aliran masuk dalam sektor perbankan. Dengan aliran masuk portfolio asing dan mudah tunai adalah lebih daripada mencukupi pada suku pertama, sektor perbankan giat membina kedudukan aset luar negeri mereka. Namun, sektor ini kemudiannya melupuskan kedudukan mereka pada suku kedua dan ketiga ketika ketidaktentuan pasaran kewangan semakin memuncak. Selain itu, sektor perbankan domestik juga menerima penempatan deposit yang lebih besar daripada institusi kewangan asing untuk mengurus dedahan mudah tunai pertukaran asing mereka.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat sebanyak RM14.6 bilion kepada RM441.9 bilion pada akhir tahun 2013 (akhir tahun 2012: RM427.2 bilion). Rizab yang lebih tinggi ini mencerminkan lebihan akaun semasa yang berterusan, yang telah mengimbangi aliran keluar modal bersih daripada akaun kewangan. Peningkatan ini turut mengambil kira kenaikan nilai rizab secara kumulatif yang belum direalisasikan, yang terhasil daripada penyusutan nilai ringgit berbanding dengan beberapa mata wang utama dan serantau. Pada 28 Februari 2014, rizab berjumlah RM427.6 bilion (bersamaan dengan USD130.6 bilion), yang memadai untuk membiayai 9 bulan import tertangguh dan ialah 3.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Tahap hutang luar negeri terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM318.1 bilion (USD95.8 bilion) pada akhir tahun 2013 (2012: RM252.8 bilion), bersamaan dengan 33.5% daripada PNK (2012: 27.9% daripada PNK). Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang yang lebih tinggi pada tahun 2013 mencerminkan terutamanya pengeluaran bersih peminjaman luar negeri oleh perusahaan awam dan sektor swasta bukan bank. Sebaliknya, Kerajaan Persekutuan terus mencatat pembayaran balik bersih hutang luar negeri. Hutang luar negeri jangka pendek yang lebih

Memperluas Pengawasan Ekonomi Melalui Pejabat Wilayah Bank Negara Malaysia

Pengawasan ekonomi oleh Bank Negara Malaysia (Bank) sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah diperkukuh melalui perluasan pengawasannya pada peringkat wilayah melalui Pejabat Wilayah Bank (Regional Offices, RO). Pengawasan ekonomi wilayah melibatkan pengumpulan dan sintesis maklumat kuantitatif dan kualitatif mengenai keadaan ekonomi dan kewangan semasa pada peringkat wilayah. Pendekatan ini memerlukan interaksi secara langsung dengan pelbagai ejen ekonomi di wilayah yang berbeza di negara ini. Pengawasan peringkat wilayah ini menjadi pelengkap kepada penilaian ekonomi peringkat makro dengan memberikan perspektif mengenai sejauh mana keadaan wilayah tersebut, berbeza ataupun mencerminkan prospek negara. Pengawasan ini juga memberikan maklumat mengenai perbezaan dalam keadaan ekonomi dan kewangan merentas wilayah dan industri.

Memperkukuh analisis ekonomi menerusi pengawasan ekonomi wilayah

Penumpuan aktiviti ekonomi mengikut geografi di Malaysia semakin meluas dan lebih tersebar sejak beberapa tahun ini. Trend ini semakin nyata berikutan pertumbuhan ekonomi yang pantas dalam koridor ekonomi wilayah. Oleh itu, pengawasan pada peringkat wilayah membolehkan pemantauan yang lebih dekat dan mendalam ke atas nadi aktiviti ekonomi dan kemunculan trend yang baharu (rujuk ruangan mengenai Aktiviti Eksport Semula Memberikan Sokongan yang Meningkat kepada Perdagangan Malaysia dalam Bab 4). Interaksi secara langsung dan kerap dengan sektor perniagaan, pertubuhan industri, persatuan pengguna serta agensi peneraju merupakan sumber maklumat yang luas untuk analisis keadaan ekonomi dan kewangan yang tepat pada waktunya. Pemahaman mendalam yang sering didapati lebih awal daripada pengumuman statistik peringkat makro, memberikan ruang masa yang lebih untuk membuat analisis dan tindak balas dasar. Interaksi secara langsung dengan pihak berkepentingan yang berkenaan juga memberi peluang kepada Bank untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklum balas mengenai isu-isu berkaitan dasar.

Pengalaman penggubal dasar di negara lain

Bank pusat di seluruh dunia telah meluaskan rangka kerja pengawasan mereka dengan melibatkan pemantauan ekonomi wilayah, melalui rangkaian pejabat wilayah (Rajah 1). Sebanyak 12 pejabat wilayah Bank of England (dikenali sebagai Agensi) ditugaskan untuk menilai dan menyediakan analisis awal mengenai keadaan ekonomi kepada Jawatankuasa Dasar Monetari. Begitu juga dengan Reserve Bank of Australia yang melalui empat pejabat negerinya, memantau dan menganalisis perkembangan ekonomi wilayah secara meluas di seluruh Australia. Di rantau ASEAN, bank pusat seperti Bank of Thailand melaporkan keadaan ekonomi dan kewangan

Rajah 1

Bank Pusat Terpilih dengan Pemantauan Ekonomi Serantau



Sumber: Laman sesawang bank pusat
Nota: Cawangan dan pejabat serantau tidak termasuk pejabat perwakilan di luar negeri

dalam negeri dari perspektif wilayah secara berkala. Kepentingan meluaskan pengawasan juga diperakui oleh agensi pelbagai hala seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), terutamanya apabila pengawasan tersebut merangkumi interaksi yang lebih aktif dengan pihak berkepentingan untuk membantu menggalakkan tindak balas dasar yang berkesan dan tepat pada masanya terhadap cabaran dasar dan risiko yang baru timbul[1].

Memperluas peranan Pejabat Wilayah Bank

Sebelum tahun 2009, interaksi langsung dengan syarikat-syarikat diadakan secara berkala dan diperlengkap oleh tinjauan suku tahunan dan tahunan ke atas perniagaan. Sejak tahun 2009, Bank telah mengambil pendekatan yang lebih sistematik dengan liputan yang lebih meluas ke atas syarikat dari segi aktiviti ekonomi dan saiz. Interaksi ini dirangka untuk meninjau keadaan perniagaan pada masa nyata (real-time) dan membuat unjuran bagi pemboleh ubah yang penting seperti hasil, pengeluaran, jualan, harga, pelaburan dan keadaan pasaran pekerja. Pada tahun 2011, Bank melaksanakan inisiatif penting untuk mengembangkan peranan cawangan Bank di Pulau Pinang dan Johor, dengan menjadikan cawangan-cawangan ini sebagai Pejabat Wilayah (RO) dengan matlamat untuk memperluas jangkauan dan operasi Bank pada peringkat wilayah[2]. Kedua-dua RO ini memantau perkembangan di wilayah utara dan selatan Semenanjung Malaysia, yang secara bersama menyumbangkan kira-kira 28% kepada KDNK Malaysia pada tahun 2012[3]. Jangkauan yang luas ini dapat dilihat melalui bertambahnya jumlah interaksi di wilayah utara, tengah dan selatan sejak tiga tahun yang lalu (Rajah 2).

Rajah 2

Jumlah Perbincangan dan Interaksi dari Tahun 2011 hingga 2013



Sumber: Bank Negara Malaysia

Hasil daripada pengawasan ekonomi pada peringkat wilayah boleh dinilai melalui peranan penting RO dalam memperlengkap pengawasan ekonomi secara keseluruhan oleh Bank. Sebagai contoh, apabila Thailand dilanda banjir besar pada bulan Julai 2011, pengawasan oleh RO mendapati berlakunya perpindahan aktiviti pengeluaran secara sementara dari Thailand ke Malaysia, yang seterusnya menghasilkan pengeluaran produk elektrik dan elektronik (E&E) serta makanan dan minuman yang lebih tinggi di Malaysia. Maklumat ini menyediakan penilaian awal tentang pertumbuhan sektor perkilangan pada separuh kedua tahun 2011, jauh lebih awal daripada pengumuman statistik rasmi. Pada tahun 2013, interaksi daripada RO telah memperdalam pemahaman Bank mengenai kesan pelaksanaan gaji minimum ke atas inflasi dan pertumbuhan. Selain itu, peranan RO juga telah menambah baik penilaian ke atas keadaan pembiayaan merentas pelbagai industri di wilayah tersebut. Dalam beberapa bulan kebelakangan ini, interaksi yang dijalankan telah menghasilkan rumusan yang lebih baik mengenai amalan perniagaan dalam memberikan tindak balas kepada pelaksanaan dasar seperti rasionalisasi subsidi dan langkah kehematan makro yang menyasarkan sektor harta tanah.

[1] Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (2012), `The IMF's Financial Surveillance Strategy´.
[2] Selain peranan cawangan sebelum ini yang memastikan kecekapan pengurusan tunai, peranan RO diperluas bagi merangkumi khidmat penyelesaian dan nasihat kewangan pengguna, menjalankan pengawasan ekonomi dan kewangan serta memacu agenda rangkuman kewangan yang lebih luas.
[3] Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia.

Cabaran utama dalam memperluas pengawasan ini adalah untuk memupuk kepercayaan dan mengekalkan hubungan yang boleh dipercayai dengan sektor swasta dan agensi yang berkaitan. Bank mengamalkan dasar kerahsiaan yang ketat untuk memelihara sensitiviti maklumat yang diberikan oleh pihak berkepentingan. Usaha menilai maklumat yang didapati daripada firma perniagaan juga merupakan satu cabaran. Ini memerlukan keseimbangan dalam sintesis maklumat yang hanya mencerminkan pengalaman firma semata-mata dengan maklumat lain, yang memberikan gambaran lebih tepat mengenai keadaan industri secara keseluruhan.

Melangkah ke hadapan

Peranan RO yang lebih besar mencerminkan pentingnya usaha memperluas dan meningkatkan proses pengawasan pada peringkat wilayah sebagai melengkapi pengawasan makroekonomi oleh Bank. Melangkah ke hadapan, rancangan untuk menjadikan cawangan Bank di Kuching dan Kota Kinabalu sebagai RO pada tahun 2014, dijangka terus memperkukuh pengawasan makroekonomi dan kewangan secara keseluruhan oleh Bank.

tinggi sebahagian besarnya adalah hasil daripada pengeluaran bersih peminjaman antara bank, terutamanya untuk pengurusan kedudukan mudah tunai pertukaran asing. Pengukuhan nilai beberapa mata wang utama dan serantau berbanding dengan ringgit pada tahun 2013 juga telah menyumbang kepada hutang luar negeri yang lebih tinggi dalam nilai ringgit.

Secara keseluruhan, hutang luar negeri Malaysia kekal terurus. Profil hutang luar negeri lebih cenderung ke arah struktur kematangan yang lebih panjang, dengan hutang jangka sederhana dan panjang mencakupi sebanyak 59.7% daripada jumlah hutang luar negeri. Nisbah khidmat bayaran hutang kekal rendah pada 10.3% daripada eksport barangan dan perkhidmatan. Selain itu, kira-kira dua pertiga daripada sumber peminjaman sektor swasta bukan bank adalah daripada pemegang saham bukan pemastautin, syarikat induk dan syarikat bersekutu, yakni dalam bentuk pinjaman antara syarikat. Pinjaman ini pada amnya adalah bagi tempoh matang yang lebih panjang dengan syarat yang lebih fleksibel. Hutang luar negeri sistem perbankan adalah kurang daripada aset luar negerinya. Hutang luar negeri ini adalah hanya sebahagian kecil daripada liabiliti keseluruhan sistem perbankan.

Jadual 1.8

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2012	2013*a*	2012	2013*a*
	RM bilion	RM bilion	USD bilion	USD bilion
Jumlah hutang	**252.8**	**318.1**	**81.7**	**95.8**
Jangka sederhana dan panjang	159.8	190.0	51.7	57.2
Jangka pendek[1]	93.0	128.1	30.1	38.6
% daripada jumlah hutang	*36.8*	*40.3*		
% daripada rizab antarabangsa bersih	*21.8*	*29.0*		
% daripada PNK				
Jumlah hutang	27.9	33.5		
Hutang jangka sederhana dan panjang	17.7	20.0		
% daripada eksport barangan dan perkhidmatan				
Jumlah hutang	30.8	39.0		
Hutang jangka sederhana dan panjang	19.5	23.3		
Nisbah khidmat bayaran hutang (%)[2]	**10.1**	**10.3**		

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Termasuk prabayaran hutang jangka serderhana dan panjang
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Daya tahan terhadap kejutan luaran

Sebagai ekonomi yang sangat terbuka dengan integrasi yang semakin kukuh dengan ekonomi dan pasaran kewangan global, pengalaman Malaysia pada tahun 2013 sekali lagi menunjukkan bahawa negara ini tidak terlindung daripada risiko yang berpunca daripada persekitaran luaran. Malaysia, bagaimanapun, berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi kejutan luaran sedemikian. Asas-asas dalam negeri kekal teguh, lantas membolehkan daya tahan yang kukuh terhadap kelemahan yang mungkin timbul daripada persekitaran luaran. Pasaran modal yang mantap, pengantara kewangan yang kukuh, dan pelabur institusi domestik yang besar, telah menjadikan sistem kewangan lebih berdaya tahan. Rangkaian instrumen monetari yang pelbagai, tahap rizab antarabangsa yang tinggi dan tahap hutang luar negeri yang terurus, memberikan negara ini fleksibiliti dasar untuk menyerap kejutan luaran.


PERKEMBANGAN INFLASI

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), kekal sederhana pada 2.1% pada tahun 2013 (2012: 1.6%). Kadar inflasi tahunan berpurata pada paras yang rendah dalam julat ramalan 2%-3% yang diunjurkan sebelum ini oleh Bank. Sepanjang lapan bulan pertama tahun 2013, kadar inflasi mencatat purata yang rendah pada 1.7%, iaitu peningkatan daripada 1.3% pada bulan Januari kepada 1.9% pada bulan Ogos. Walau bagaimanapun, kadar inflasi purata untuk empat bulan seterusnya meningkat kepada 2.9%, berikutan pelarasan menaik bagi harga ditadbir. Inflasi teras[2], iaitu penunjuk tekanan harga berasaskan

[2] Inflasi teras ialah ukuran kadar inflasi asas, setelah dikeluarkan barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir, iaitu barangan yang pergerakan harganya mungkin tidak ada kaitan dengan perubahan dalam keadaan permintaan. Walau bagaimanapun, memandangkan pemisahan yang jelas antara inflasi berkaitan permintaan dengan inflasi berkaitan penawaran tidak dapat dilakukan, harga barangan dan perkhidmatan dalam kumpulan IHP teras mungkin turut menggambarkan perubahan sementara dalam faktor kos dan penawaran, seperti penambahbaikan dalam keadaan penawaran, gangguan bekalan dan pelarasan harga.

Rajah 1.9

Inflasi Harga Pengguna



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

permintaan, menjadi sederhana kepada 1.8% pada tahun 2013 (2012: 2.1%).


Dari segi komponen, penyumbang utama inflasi ialah *makanan dan minuman bukan alkohol; pengangkutan;* serta *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain*. Ketiga-tiga kategori ini mencakupi 87% daripada peningkatan keseluruhan dalam harga pengguna pada tahun 2013. Inflasi dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* meningkat kepada 3.6% (2012: 2.7%), disebabkan oleh harga yang lebih tinggi dalam subkategori *ikan dan makanan laut, daging,* dan *sayur-sayuran*. Inflasi dalam kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* berpurata pada 1.7% (2012: 1.6%), mencerminkan kadar sewa yang lebih tinggi bagi perumahan, terutamanya pangsapuri dan kondominium, serta harta tanah di kawasan bandar. Inflasi dalam kategori *pengangkutan* meningkat lebih dua kali ganda kepada 2.0% (2012: 0.7%), berpunca daripada harga bahan api yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, inflasi yang lebih tinggi pada tahun itu sebahagiannya diimbangi oleh penurunan harga yang berterusan dalam kategori *komunikasi* serta *pakaian dan kasut* (masing-masing -0.7% dan -0.6%). Secara keseluruhan, hanya empat kategori barangan dan perkhidmatan pengguna mencatat kadar inflasi yang lebih tinggi. Enam kategori mencatat kadar inflasi yang lebih rendah, manakala dua kategori kekal stabil.

Dari segi penentu, inflasi pada tahun 2013 didorong terutamanya oleh faktor kos dan penawaran dalam negeri. Harga kos makanan ternakan ayam itik yang lebih tinggi pada awal tahun itu serta gangguan bekalan makanan dalam negeri berikutan keadaan cuaca yang buruk, seperti banjir di pantai timur Semenanjung Malaysia, merupakan faktor utama yang menyebabkan peningkatan inflasi makanan. Menjelang akhir tahun 2013, pelarasan menaik terhadap harga beberapa barangan yang ditadbir turut menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi dalam kategori *pengangkutan; makanan dan minuman bukan alkohol;* serta *minuman alkohol dan tembakau.*

Dari segi faktor luaran, harga komoditi global bagi tahun 2013 menjadi sederhana disebabkan oleh bekalan komoditi yang bertambah baik dalam keadaan peningkatan yang sederhana dalam permintaan global. Harga minyak global lebih rendah pada tahun itu disebabkan oleh bekalan minyak mentah yang lebih tinggi dari Amerika Syarikat dan pengeluaran yang stabil dari negara-negara anggota OPEC. Meskipun harga makanan global tahunan mencatat purata yang lebih tinggi sedikit berbanding dengan tahun 2012, harga jatuh dengan ketara pada separuh kedua tahun 2013 berikutan peningkatan hasil tuaian, terutamanya disebabkan oleh kawasan tanaman yang lebih luas dan keadaan cuaca yang bertambah baik di Amerika Syarikat dan Eropah. Di samping itu, inflasi di negara rakan import utama Malaysia juga lebih rendah,

Rajah 1.10

Sumbangan kepada Inflasi



Nota: Lain-lain merujuk kepada *komunikasi; pakaian dan kasut; kesihatan; perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan; hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah; restoran dan hotel; pendidikan;* dan *pelbagai barangan dan perkhidmatan*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 1.9

Pelarasan terhadap Harga Ditadbir Tahun 2013


Tarikh	Butiran	Kuantum pelarasan	
		RM	%
15 Januari	Tol Kesas	-20 sen	-9.1
3 Jun	Rokok	+30 sen/pek 20 batang	2.9
3 September	Petrol RON95 Diesel	+20 sen/liter +20 sen/liter	10.5 11.1
30 September	Rokok	+RM1.50/pek 20 batang	14.3
26 Oktober	Gula	+34 sen/kg	13.6

mencerminkan penurunan harga komoditi global dan keadaan permintaan dalam negeri masing-masing yang sederhana.

Dalam keadaan tekanan harga luaran yang sederhana, harga pengeluar, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar (IHPR), merosot sebanyak 1.9% pada tahun 2013 (2012: 0.1%). Penurunan dalam inflasi harga pengeluar membantu meredakan tekanan kos yang dihadapi oleh syarikat perniagaan dan membendung tahap kesan pindahan daripada pelarasan harga ditadbir terhadap harga barangan dan perkhidmatan lain. Kesan daripada pelarasan harga bahan api terhadap kos pengeluaran turut terkawal. Berdasarkan

Rajah 1.11

Harga Minyak Mentah dan Makanan Global




Nota:
1. Indeks Harga Minyak Mentah IMF merangkumi purata mudah bagi tiga harga spot; Dated Brent, West Texas Intermediate, dan Dubai Fateh
2. Indeks Harga Makanan IMF merangkumi indeks harga bijirin, minyak sayur-sayuran, daging, makanan laut, gula, pisang dan oren

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Rajah 1.12

Inflasi Harga Pengeluar dan Inflasi Harga Komoditi IMF



Nota: 1. Komponen berkaitan komoditi dalam Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merangkumi *bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan; bahan api galian, pelincir, dll.*; dan *minyak dan lemak binatang* dan *sayur-sayuran*
2. Komponen bukan komoditi dalam IHPR merangkumi *makanan; minuman dan tembakau; bahan kimia; barang-barang keluaran kilang; jentera dan kelengkapan pengangkutan; pelbagai barang keluaran kilang;* dan *pelbagai urus niaga dan komoditi*

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Negara Malaysia

kaji selidik yang dibuat oleh Bank, kos pengangkutan mencakupi bahagian yang secara relatifnya kecil daripada kos operasi firma[3] secara keseluruhan. Selain itu, hasil kaji selidik itu menunjukkan bahawa kebanyakan syarikat perniagaan lebih cenderung untuk mengambil langkah-langkah peningkatan produktiviti dan menanggung kenaikan kos berbanding dengan menaikkan harga runcit barangan dan perkhidmatan. Oleh itu, kesan pindahan adalah terhad. Selepas pelarasan harga bahan api dibuat pada bulan September, harga tidak ditadbir[4] meningkat pada kadar purata 0.2% sahaja dalam tempoh empat bulan terakhir tahun 2013, dengan hampir 78% barangan IHP mencatat kadar inflasi 3% dan lebih rendah.

Meskipun penggunaan swasta mencatat pertumbuhan yang kukuh dan pertumbuhan gaji yang mapan pada tahun 2013, tekanan harga yang didorong permintaan kekal

[3] Berdasarkan kaji selidik suku tahunan Bank, kos pengangkutan hanya mencakupi 1.6%–4.8% daripada jumlah kos operasi bagi firma yang menghasilkan produk dan perkhidmatan pengguna.

[4] Merujuk kepada IHP tidak termasuk barangan yang harganya ditadbir oleh Kerajaan seperti petrol RON95, diesel, bekalan elektrik dan rokok.

sederhana dengan inflasi teras meningkat beransur-ansur daripada 1.6% pada bulan Januari kepada 2.3% pada bulan Disember 2013. Pada tahun itu, kapasiti produktif dalam ekonomi negara adalah mencukupi untuk membantu membendung tekanan permintaan. Ini dicerminkan oleh KDNK benar yang kekal hampir pada paras potensinya pada tahun 2013, dan kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan yang berkurang kepada 79% (2012: 81%). Di samping itu, tekanan kos yang sederhana turut membantu mengurangkan tekanan harga.

2013

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN

41 Keadaan Monetari dan Kewangan Antarabangsa

43 *Rencana: Limpahan Pelonggaran Kuantitatif Terhadap Asia*

48 Keadaan Monetari dan Kewangan Domestik

53 Pembiayaan Ekonomi

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN ANTARABANGSA

Pada tahun 2013, pasaran kewangan global terus menghadapi rintangan akibat ketidakpastian dasar dalam ekonomi maju. Pasaran kewangan dalam ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun menunjukkan trend yang jelas berbeza sebelum dan selepas 22 Mei 2013, yang terjadi selari dengan penunjuk pertama oleh Federal Reserve (Fed) mengenai kemungkinan pengecilan skala dalam program pembelian asetnya.


Pasaran kewangan global terus dipengaruhi ketidakpastian dasar dalam ekonomi maju, dalam keadaan pemulihan global yang sederhana dan tidak sekata

Pasaran kewangan global secara relatifnya stabil pada permulaan tahun 2013, dalam keadaan mudah tunai global yang lebih daripada mencukupi dan tempoh kadar faedah rendah yang berpanjangan dalam ekonomi maju. Meskipun ketidakpastian berterusan, terutamanya berhubung dengan kebimbangan fiskal di kawasan euro dan AS, sentimen pelabur antarabangsa pada amnya positif dalam tempoh ini. Sentimen positif ini sebahagian besarnya mencerminkan keadaan ekonomi yang beransur-ansur pulih dalam kebanyakan ekonomi maju. Hasilnya, aliran masuk modal bersih sebanyak kira-kira USD62.5 bilion[1] dianggarkan telah diterima oleh ekonomi sedang pesat membangun antara bulan Januari hingga April. Dalam tempoh tersebut, pasaran ekuiti serantau meningkat antara 1.7% hingga 21.2%, manakala perubahan dalam kadar hasil bon kerajaan 5 tahun serantau adalah dalam lingkungan penurunan 99 mata asas dengan peningkatan 12 mata asas.

[1] Sumber: Emerging Market Portfolio Research (EPFR) Global

Rajah 2.1

Turun Naik Pasaran Kewangan Global



Nota: [1]Merujuk kepada Indeks VIX
[2]Merujuk kepada Indeks MOVE

Sumber: Bloomberg

Walau bagaimanapun, turun naik dalam pasaran kewangan global semakin ketara pada bulan Mei berikutan meningkatnya ketidakpastian mengenai penyelarasan dasar monetari dalam ekonomi maju. Dengan prospek ekonomi yang lebih cerah, pernyataan oleh Fed dilihat sebagai permulaan kemungkinan Fed mengecilkan skala program pembelian asetnya. Jangkaan pengurangan dalam pembelian sekuriti jangka panjang dan penurunan seterusnya dalam harga bon di AS telah mendorong penjualan bon jangka panjang AS kerana pelabur memilih untuk membeli sekuriti jangka pendek dan ekuiti yang lebih cair. Ini seterusnya menyebabkan kadar hasil bon tanda aras meningkat serta merta dan mendorong penyeimbangan semula pelaburan portfolio di seluruh dunia. Akibatnya, kesan daripada perkembangan tersebut menular ke dalam pelbagai kelas aset dan menyebabkan penurunan harga aset dan penyusutan nilai mata wang. Pasaran sedang pesat membangun khususnya, amat terjejas oleh pertukaran arah aliran portfolio yang ketara antara bulan Mei hingga Ogos. Kadar aliran keluar portfolio daripada pasaran sedang pesat membangun menjadi lebih ketara berikutan sentimen negatif yang berkisar pada prospek pertumbuhan ekonomi sedang pesat membangun yang lebih sederhana berikutan harga komoditi yang lebih rendah dan dasar yang dilaksanakan pihak berkuasa untuk menangani risiko ketidakseimbangan kewangan.

Rajah 2.2

Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.3

Spread Indeks Bon Pasaran Sedang Pesat Membangun (EMBI) JP Morgan



Sumber: Bloomberg

Di beberapa negara, kebimbangan mengenai kedudukan akaun semasa dan fiskal terus mendorong aliran keluar portfolio. Bagi mengurus aliran keluar yang ketara ini, beberapa negara melaksanakan langkah-langkah pengurusan akaun semasa, termasuk mengenakan atau menaikkan duti import tertentu, serta mengehadkan pelaburan langsung luar negeri oleh pemastautin. Antara bulan Mei hingga Ogos, Indeks Pasaran Sedang Pesat Membangun MSCI menurun sebanyak 10.6% manakala spread Indeks Bon Pasaran Sedang Pesat Membangun JP Morgan (JP Morgan Emerging Market Bond Index, EMBI) meningkat sebanyak 83.8 mata asas apabila ekonomi sedang pesat membangun mencatat aliran keluar modal bersih sebanyak USD60.5 bilion.

Keadaan pasaran kewangan menjadi agak stabil menjelang akhir tahun 2013. Dalam ekonomi maju, susulan berakhirnya penutupan kerajaan AS dan terdapatnya pertumbuhan positif di kawasan euro, telah memberikan rangsangan positif terhadap sentimen pasaran. Dalam ekonomi sedang pesat membangun, penunjuk ekonomi yang lebih baik, khususnya daripada sektor luaran, meredakan sebahagian daripada kebimbangan awal mengenai asas-asas ekonomi dalam ekonomi tersebut. Meskipun Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (Federal Open Market Committee, FOMC) mengumumkan pada 18 Disember 2013 untuk mengurangkan pembelian bon bulanannya, kesannya kepada ekonomi sedang pesat membangun secara relatifnya kecil berbanding dengan tempoh masa antara bulan Mei hingga Ogos. Berikutan itu, ukuran turun naik, seperti Chicago Board Options Exchange Volatility Index (VIX) dan indeks Merrill Lynch Option Volatility Estimate (MOVE), menurun ke paras yang sama seperti pada awal tahun, manakala kadar aliran keluar modal daripada ekonomi sedang pesat membangun menjadi sederhana kepada USD28.2 bilion pada tempoh bulan September hingga Disember. Indeks Pasaran Sedang Pesat Membangun MSCI pulih sebanyak 7.8% dan spread EMBI JP Morgan mengecil sebanyak 47.9 mata asas.

Turun naik pasaran yang mendadak dari semasa ke semasa berkemungkinan terus menjadi ciri biasa dalam landskap kewangan global ketika ekonomi global beralih kepada persekitaran monetari yang kurang akomodatif. Bagi ekonomi maju, tahap kejelasan yang lebih tinggi dan komunikasi yang tepat pada masanya adalah penting untuk mengelakkan tindak balas pasaran yang keterlaluan. Penyelesaian kebimbangan yang berterusan berhubung dengan kemampanan fiskal juga penting. Bagi ekonomi sedang pesat membangun, cabaran yang dihadapi adalah untuk memastikan pelarasan yang dibuat berikutan aliran keluar modal adalah teratur dan tidak menimbulkan risiko kepada ekonomi dan sistem kewangan domestik. Penambahbaikan daya tahan pasaran kewangan dan keupayaan mengantara aliran keluar yang mungkin berlaku menunjukkan bahawa ekonomi sedang pesat membangun kini lebih bersedia untuk mengurus kesan limpahan yang buruk (lihat rencana `Kesan Limpahan Pelonggaran Kuantitatif Terhadap Asia´). Walau bagaimanapun, penggubal dasar hendaklah terus berwaspada ketika menangani sebarang tanggapan kelemahan dalam negeri, yang boleh memburukkan lagi turun naik dalam pasaran kewangan.

Limpahan Pelonggaran Kuantitatif Terhadap Asia

Pengenalan


Krisis Kewangan Global (Global Financial Crisis, GFC) mencetuskan intervensi dasar yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini dalam ekonomi maju yang dilanda krisis tersebut. Bank-bank pusat utama mengurangkan kadar faedah dasar kepada kadar hampir sifar dan melaksanakan dasar monetari yang bukan konvensional seperti suntikan mudah tunai dalam jumlah yang besar melalui pelonggaran kuantitatif (quantitative easing, QE). Langkah-langkah tersebut telah menyebabkan kesan limpahan yang ketara kepada keadaan ekonomi dan kewangan global. Dasar-dasar ini sedikit sebanyak telah menyumbang kepada penstabilan keadaan kewangan dan menyokong usaha pemulihan yang semakin giat dalam ekonomi tersebut. Meskipun usaha untuk mengelak kemelesetan ekonomi global yang lebih teruk telah memberikan manfaat kepada ekonomi sedang pesat membangun, namun pelaksanaan dasar sedemikian dalam tempoh yang agak lama telah mengakibatkan kesan yang tidak diingini, khususnya aliran masuk modal yang besar ke dalam banyak ekonomi sedang pesat membangun untuk mendapatkan kadar pulangan pelaburan yang lebih tinggi. Apabila pemulihan ekonomi dalam ekonomi maju menjadi lebih kukuh, penggubal dasar akhirnya perlu menghentikan suntikan mudah tunai yang belum pernah dilaksanakan sebelum ini, untuk mengembalikan keadaan monetari ke tahap yang lebih wajar (normal monetary conditions). Peralihan ini, bagaimanapun, mungkin mempunyai kesan terhadap negara-negara lain di dunia melalui pelbagai saluran dan pada tahap yang berbeza-beza. Rencana ini mengupas kesan limpahan QE terhadap Asia dan menilai kekuatan dan kelemahan rantau ini dalam menghadapi cabaran yang akan timbul akibat penamatan langkah-langkah dasar monetari yang bukan konvensional oleh ekonomi maju.

Kesan QE terhadap Asia

Pengenalan QE telah menyebabkan suntikan mudah tunai secara besar-besaran ke dalam sistem kewangan ekonomi maju. Kedudukan kewangan Federal Reserve (Fed) misalnya, meningkat kira-kira empat kali ganda antara bulan Disember 2006 hingga Ogos 2013. Kedudukan kewangan Bank of England meningkat enam kali ganda, manakala kedudukan kewangan European Central Bank dan Bank of Japan meningkat sekali ganda. Secara kumulatif, mudah tunai global, seperti yang ditunjukkan oleh M2 berwajaran KDNK bagi AS, kawasan euro, Jepun dan UK, telah meningkat daripada USD7.3 trilion pada suku ketiga 2008, kepada kira-kira USD10 trilion pada suku pertama 2013. Pengumpulan mudah tunai yang amat banyak ini dan pencarian hasil telah menyebabkan aliran masuk modal yang besar ke dalam ekonomi sedang pesat membangun, memandangkan prospek pertumbuhan adalah lebih menggalakkan dan terdapat kadar pulangan yang lebih tinggi dalam ekonomi tersebut. Antara tahun 2009 hingga 2013, Asia menerima aliran masuk portfolio berjumlah USD597.7 bilion, bersamaan dengan 2.4% daripada gabungan KDNKnya[1] (Rajah 1).

Rajah 1

Kesan Pelonggaran Kuantitatif Terhadap Asia




Sumber: Haver dan Pihak Berkuasa Negara

[1] Rantau Asia termasuk China Taipei, India, Indonesia, Korea, Malaysia, Filipina, Republik Rakyat China, Singapura dan Thailand.

Aliran masuk modal secara mendadak ini menyebabkan tekanan menaik yang ketara dalam pasaran mata wang, ekuiti dan bon ekonomi Asia (Rajah 2). Kemerosotan dalam kadar hasil bon yang sejajar dengan trend ekonomi maju, menyumbang kepada pengurangan kos pembiayaan dalam negeri. Persekitaran kadar faedah yang lebih rendah dan keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi mungkin telah menyumbang kepada penentuan risiko yang tidak setimpal, lantas menggalakkan pelaburan yang berlebihan dalam aset yang berisiko serta menyebabkan ketidakseimbangan kewangan yang lebih nyata. Berikutan itu, beberapa ekonomi Asia mencatat pertumbuhan kredit yang tinggi dan harga harta tanah yang semakin meningkat.

Rajah 2

Kesan Pelonggaran Kuantitatif Terhadap Mata Wang dan Pasaran Kewangan Asia



Sumber: Bloomberg dan Bank Negara Malaysia


Dengan momentum pemulihan ekonomi maju semakin meningkat, dasar yang bukan konvensional dan keadaan monetari yang amat akomodatif ini akan dimansuhkan secara beransur-ansur. Peralihan ini, jika tidak diurus dengan baik, boleh menyebabkan kebalikan aliran modal secara tiba-tiba dan mendadak daripada ekonomi sedang pesat membangun, yang seterusnya mencetuskan gangguan dalam pasaran kewangan global dan menjejaskan kadar pemulihan global. Keadaan ini jelas dilihat pada bulan Mei 2013 berikutan wujudnya tanda-tanda awal kemungkinan pengecilan skala QE. Ketidakpastian mengenai masa dan magnitud pengecilan skala QE serta jangkaan yang semakin meningkat mengenai perbezaan kadar faedah yang makin kecil antara ekonomi maju dengan ekonomi sedang pesat membangun, telah mendorong pelabur untuk mengimbangkan semula kedudukan portfolio mereka dan melupuskan dengan segera kedudukan pelaburan mereka dalam ekonomi sedang pesat membangun. Aliran keluar modal yang besar telah menyebabkan tekanan menurun yang ketara terhadap mata wang dan harga dalam pasaran ekuiti dan bon ekonomi sedang pesat membangun antara bulan Mei hingga Ogos 2013 (Rajah 3). Dalam beberapa pasaran, kebalikan aliran telah menyebabkan turun naik yang ketara dalam pasaran bon dan ekuiti, dan kadar pertukaran yang melebihi paras lazimnya.

Sebaliknya, pengumuman oleh Fed pada bulan Disember 2013 untuk mula mengurangkan kadar pembelian aset pada awalnya mempunyai kesan yang lebih terhad merentas semua ekonomi. Ini kerana pelabur telah pun menjangkakan bahawa pengecilan skala QE lambat laun akan berlaku. Pengumuman mengenai pendirian dasar monetari akan datang (forward guidance) dalam pernyataan FOMC bulan Disember telah menjajarkan semula jangkaan pasaran mengenai masa kenaikan pertama kadar faedah oleh Fed ke tarikh yang kemudian. Namun, keputusan yang dibuat pada bulan Disember 2013 itu hanya menandakan permulaan kepada peralihan dasar di AS. Tanda-tanda yang ada menunjukkan bahawa usaha ke arah menjadikan dasar monetari kembali ke paras yang wajar dijangka

dilakukan secara beransur-ansur dan dalam jangka masa tertentu, selain bergantung pada kekukuhan pemulihan ekonomi. Semasa peralihan ini, ekonomi sedang pesat membangun akan beroperasi dalam persekitaran yang amat tidak menentu dengan turun naik pasaran kewangan yang ketara dan kerap apabila pelabur menilai semula dan membuat perubahan terhadap kedudukan pelaburan mereka. Pada awal tahun 2014, turun naik dalam pasaran kewangan antarabangsa makin nyata, dengan beberapa ekonomi sedang pesat membangun menerima kesan buruk akibat aliran keluar modal secara besar-besaran. Pembezaan yang lebih ketara antara ekonomi sedang pesat membangun juga jelas, apabila pelabur menilai dengan teliti asas-asas ekonomi di setiap negara. Namun, risiko penularan masih wujud dan semakin meningkat.

Rajah 3

Kesan Kemungkinan Pengecilan Skala Pelonggaran Kuantitatif terhadap Mata Wang dan Pasaran Kewangan Asia



Sumber: Bloomberg dan Bank Negara Malaysia


Cabaran dan tindak balas dasar di Asia

Meskipun Asia kini berada pada kedudukan yang lebih baik berbanding tempoh sebelum berlakunya Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC), perkembangan baru-baru ini menunjukkan cabaran utama yang dihadapi oleh ekonomi sedang pesat membangun dalam persekitaran aliran modal yang amat tidak menentu. Ini termasuk kemampanan kedudukan luaran, kecukupan keupayaan dasar dan kekukuhan kedudukan kewangan dalam negeri. Khususnya, negara-negara yang mencatat defisit berkembar dianggap lebih banyak bergantung pada pendanaan jangka pendek dan mudah terdedah kepada kebalikan aliran modal (Rajah 4). Walaupun lebihan akaun semasa ekonomi sedang pesat membangun yang semakin mengecil selepas GFC pada mulanya disambut baik sebagai suatu tanda pengimbangan semula global, ini kemudiannya dilihat sebagai meningkatkan kemungkinan wujudnya tekanan pendanaan sekiranya ekonomi tersebut banyak bergantung pada aliran luaran jangka pendek. Defisit fiskal yang semakin besar dan hutang awam yang tinggi susulan pelaksanaan langkah rangsangan yang besar semasa GFC, menimbulkan kebimbangan mengenai kos membayar balik hutang yang tinggi dan kecukupan keupayaan fiskal untuk memulakan dasar kitaran balas pada masa hadapan. Satu lagi kebimbangan ialah aliran keluar modal yang pantas boleh menyebabkan penurunan harga aset yang mendadak dengan kesan yang serius terhadap kedudukan kewangan isi rumah.

Tindak balas dasar oleh penggubal dasar Asia dalam menangani cabaran yang dinyatakan di atas boleh dibahagikan kepada dua fasa. Pada fasa selepas GFC, kedudukan kewangan isi rumah merupakan kebimbangan dasar yang utama. Oleh itu, sejak tahun 2009, penggubal dasar di Asia melaksanakan dasar secara berperingkat untuk menangani keberhutangan isi rumah yang semakin meningkat.

Rajah 4

Pergerakan Kadar Pertukaran dan Kadar Hasil Bon Berbanding dengan Imbangan Akaun Semasa



Sumber: Bloomberg dan Haver

Khususnya, negara-negara seperti Hong Kong SAR, Singapura dan Malaysia, telah mengambil langkah awalan termasuk pelaksanaan dasar kehematan makro (macroprudential) dan pengurusan permintaan, untuk menangani kemungkinan pertumbuhan pasaran harta tanah menjadi terlalu tinggi dan memperlahankan pertumbuhan kredit. Bermula tahun 2013, fokus dasar di beberapa negara Asia telah diperluas untuk menangani isu defisit berkembar. Negara-negara ini memperkenalkan beberapa dasar, termasuk pelonggaran peraturan eksport dan pengurusan mudah tunai pertukaran asing yang lebih baik untuk memperkukuh kedudukan luaran masing-masing. Di beberapa ekonomi, kadar dasar telah dinaikkan. Pelan konsolidasi fiskal, termasuk pembaharuan cukai dan rasionalisasi subsidi, juga sedang dilaksanakan untuk memulihkan kedudukan kewangan kerajaan. Pelan ini menjadi lebih berwibawa berikutan komitmen terhadap pencapaian sasaran fiskal yang jelas dalam jangka pendek dan sederhana.

Membina daya tahan lebih teguh bagi menghadapi kejutan luaran

Selain cabaran semasa yang sedang dihadapi, langkah proaktif telah diambil dalam tahun-tahun kebelakangan ini untuk memastikan aliran masuk modal dan kebalikan arah alirannya kelak tidak menyebabkan gangguan besar terhadap sistem kewangan dan aktiviti ekonomi dalam negeri. Usaha ini turut dilengkapi dengan pembaharuan struktur yang telah dilaksanakan dengan lancar sejak AFC untuk meningkatkan daya tahan ekonomi negara dan juga serantau.

Pertumbuhan ekonomi sedang pesat membangun yang kukuh dalam tempoh lima tahun selepas GFC telah disokong oleh sumber pertumbuhan yang lebih pelbagai. Khususnya, permintaan dalam negeri bagi rantau Asia mencakupi 86% daripada KDNK pada tahun 2012 (1990: 81%). Pada masa yang sama, rakan perdagangan ekonomi serantau semakin pelbagai, dengan perdagangan dalam rantau mencakupi hampir 50% daripada jumlah perdagangan pada tahun 2012 (1990: 37%). Daya tahan Asia juga diperkukuh oleh sistem kadar pertukaran yang lebih fleksibel dan sektor kewangan yang lebih maju dan kukuh. Berbanding tempoh sebelum AFC, kebanyakan ekonomi Asia yang kini kurang bergantung pada pendanaan hutang jangka pendek telah memperluas sumber pendanaan bagi ekonomi selain mempunyai paras rizab pertukaran asing yang lebih tinggi. Selain itu, kualiti pendanaan

hutang asing juga bertambah baik memandangkan terdapat pasaran modal yang lebih mendalam dan meluas dalam banyak negara di rantau ini. Ini telah meningkatkan daya tahan rantau Asia dengan nyata dalam berhadapan dan bertindak balas terhadap kejutan luaran dan memelihara kestabilan kewangan dan makroekonomi dalam negeri.

Selain itu, integrasi dan kerjasama kewangan serantau kini lebih meluas. Sepanjang dekad yang lalu, inisiatif serantau telah dipertingkatkan untuk menyediakan rangka kerja bantuan kewangan merentas sempadan yang lebih kukuh, bagi meningkatkan kesediaan rantau ini untuk menghadapi krisis. Ini termasuk penambahbaikan bantuan mudah tunai pelbagai hala dalam kalangan ekonomi Asia, seperti Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM), yang dilengkapi oleh pengawasan ekonomi oleh Pejabat Penyelidikan Makroekonomi ASEAN+3 (ASEAN+3 Macroeconomic Research Office, AMRO) dan Jawatankuasa Kestabilan Monetari dan Kewangan bagi Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP). Rangka Kerja Pengurusan dan Penyelesaian Krisis dalam kalangan negara anggota EMEAP yang baru-baru ini dipertingkatkan juga berperanan sebagai mekanisme untuk tindak balas dasar, pengawasan dan perkongsian maklumat secara kolektif. Pengaturan kewangan yang baharu untuk membantu pembiayaan dan penyelesaian perdagangan dalam mata wang domestik, terutamanya melalui pengaturan swap mata wang tempatan antara bank pusat serantau, turut menambah tahap daya tahan kerana pengaturan ini telah mengurangkan pendedahan perdagangan serantau terhadap turun naik pasaran kewangan global.

Rumusan

Pelaksanaan rangsangan monetari yang bukan konvensional dalam ekonomi maju adalah untuk mencapai matlamat dasar dalam ekonomi-ekonomi tersebut, namun telah mengakibatkan kesan limpahan yang meluas ke seluruh dunia. Apabila kadar pemulihan ekonomi dalam ekonomi maju semakin meningkat, peralihan ke arah dasar yang lebih wajar akhirnya akan berlaku. Peralihan ini akan mempunyai implikasi kepada aliran modal global, terutamanya melalui pengimbangan semula aliran portfolio daripada ekonomi sedang pesat membangun kepada ekonomi maju. Berlatarkan persekitaran ini, penggubal dasar di Asia berhadapan dengan cabaran untuk mengurus kesan kebalikan aliran modal ke atas keadaan ekonomi dan kewangan dalam negeri masing-masing. Secara keseluruhan, rantau Asia telah membuktikan daya tahannya yang lebih kukuh berbanding dekad-dekad yang lalu, yang sebahagiannya mencerminkan hasil langkah pembaharuan yang dilaksanakan selepas AFC. Selain itu, instrumen dasar yang lebih banyak dan lebih baik akan membantu mengurus faktor luaran negatif yang mungkin timbul. Kesemua ini tidak semestinya melindungi sepenuhnya ekonomi Asia daripada kesan limpahan berikutan pelaksanaan dasar yang lebih wajar dalam ekonomi maju. Walau bagaimanapun, tindak balas awalan akan membolehkan rantau Asia mengurangkan sebahagian daripada kesan ini dan mengekalkan daya tahan rantau ini.

KEADAAN MONETARI DAN KEWANGAN DOMESTIK

Kadar pertukaran

Kadar pertukaran ringgit dipengaruhi terutamanya oleh aliran dua hala portfolio dan perdagangan yang mencerminkan perkembangan luaran dan dalam negeri. Ringgit secara relatifnya stabil dalam empat bulan pertama tahun 2013, dan diurusniagakan dalam julat antara RM3.0040 hingga RM3.1400 berbanding dengan dolar AS. Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13 yang berakhir pada awal bulan Mei telah menyumbang kepada pengukuhan ringgit, dengan nilai ringgit mencecah RM2.9600 berbanding dengan dolar AS pada 6 Mei 2013, iaitu paras tertinggi sejak 2 Ogos 2011.

Pada tahun 2013, kebanyakan mata wang pasaran sedang pesat membangun, termasuk ringgit, menerima kesan daripada perkembangan yang berkaitan dengan kemungkinan pengecilan skala program pembelian aset di AS. Jangkaan pasaran terhadap pengurangan dalam program pembelian aset oleh Fed telah mendorong kebalikan dalam aliran portfolio daripada kebanyakan pasaran kewangan serantau lantas menyebabkan kebanyakan mata wang serantau menyusut nilai sejak bulan Mei hingga Ogos. Susulan pengukuhan sementara mata wang, trend penyusutan nilai ini bersambung semula. Ini ekoran jangkaan yang timbul semula terhadap langkah dasar sedemikian sejak akhir bulan Oktober dan pengumuman yang akhirnya dibuat pada akhir tahun 2013 mengenai pengurangan saiz program pembelian aset Fed bermula bulan Januari 2014.

Ringgit menyusut nilai dalam keadaan meningkatnya turun naik pasaran kewangan global

Dalam persekitaran pasaran yang turun naiknya lebih ketara, lebih banyak pelabur, syarikat korporat dan syarikat pemastautin mengurus dedahan mata wang masing-masing secara proaktif dengan menggunakan derivatif. Jumlah urus niaga hadapan dan swap ringgit adalah lebih tinggi antara bulan Mei hingga Ogos berbanding empat bulan pertama tahun 2013. Jumlah urus niaga pertukaran asing hadapan khususnya, meningkat sebanyak 11.3%. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh syarikat pemastautin yang membuat perlindungan nilai terhadap dedahan mata wang asing mereka bagi transaksi perdagangan antarabangsa. Permintaan yang meningkat terhadap perlindungan nilai, ditambah dengan turun naik pasaran yang tinggi telah menyebabkan peningkatan dalam kos peminjaman dolar AS melalui pasaran swap mata wang bersilang USD/RM. Kadar swap mata wang bersilang USD/RM 5 tahun meningkat daripada 84 mata asas pada bulan Mei kepada 145 mata asas pada bulan Jun. Walau bagaimanapun, kadar ini kemudiannya merosot kepada kira-kira 70 mata asas menjelang akhir tahun 2013 apabila turun naik pasaran menjadi reda.

Rajah 2.4

Ringkasan Prestasi Ringgit Malaysia (RM) berbanding dengan Mata Wang Utama dan Serantau




Nota: (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang asing

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.5

Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia (RM) dan Mata Wang Serantau Terpilih berbanding dengan Dolar AS



[1]Mata wang serantau: renminbi China, rupiah Indonesia, won Korea, peso Filipina, dolar Singapura, dolar Taiwan Baharu dan baht Thailand. Setiap mata wang bewajaran seimbang.

Nota: Peningkatan indeks menunjukkan penambahan nilai ringgit atau mata wang serantau terpilih berbanding dengan dolar AS

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bagi tahun 2013 secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 6.8% untuk mengakhiri tahun ini pada paras RM3.2815 berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro dan paun sterling, tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menunjukkan prestasi yang bercampur-campur. Kadar Pertukaran Efektif Nominal (Nominal Effective Exchange Rate, NEER) ringgit, iaitu pengukur prestasi ringgit berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia, menyusut nilai sebanyak 2.2%.

Dalam jangka masa terdekat, turun naik mata wang yang mendadak yang berlaku sekali-sekala akan kekal sebagai ciri pasaran kewangan antarabangsa. Sentimen akan terus dipengaruhi oleh ketidakpastian mengenai kemajuan dalam usaha untuk mengembalikan keadaan kewangan kepada keadaan yang wajar dalam ekonomi maju dan juga daya tahan beberapa ekonomi sedang pesat membangun. Meskipun begitu, seperti yang dilihat sepanjang tahun, keupayaan ekonomi dan sistem kewangan Malaysia untuk menghadapi kesan limpahan daripada kejutan dalam persekitaran luaran, telah bertambah baik.

Kadar faedah, kadar hasil bon dan harga ekuiti


Dalam mengimbangi risiko berkaitan dengan prospek pertumbuhan ekonomi dan inflasi dalam negeri, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% sepanjang tahun 2013. Sebagai mencerminkan paras OPR yang tidak berubah ini, kadar pasaran wang pada amnya kekal stabil sepanjang tahun. Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman (average overnight interbank rate, AOIR) diurusniagakan hampir ke paras OPR dalam julat yang kecil antara 2.88-3.00% dalam tempoh tersebut. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain secara relatif juga stabil. Walau bagaimanapun, pergerakan dalam kadar pasaran wang jangka sederhana telah dipengaruhi oleh perkembangan pasaran kewangan global. Kadar bagi swap kadar faedah (interest rate swap, IRS) meningkat menjelang pertengahan tahun 2013 apabila jangkaan pasaran mengenai pengecilan skala dalam program pembelian aset oleh Fed mendorong kenaikan kadar hasil pasaran kewangan global. Saiz dan urus niaga pasaran IRS ringgit terus kukuh, dengan jumlah kontrak nosional terkumpul pada RM595 bilion dan urus niaga sebanyak RM269 bilion pada tahun 2013. Dari segi jangkaan kadar faedah dalam negeri, peserta pasaran terus menjangkakan bahawa Bank Negara Malaysia akan mengekalkan kadar OPR pada paras yang sama, seperti yang dicerminkan oleh kestabilan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) 6 bulan pada tahun itu.

Kadar faedah kekal stabil dan menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri

Kadar pinjaman runcit pada amnya stabil sepanjang tempoh tersebut dan tidak terjejas oleh turun naik pasaran kewangan yang ketara pada pertengahan tahun 2013. Kadar pinjaman tanda aras, seperti yang diukur oleh kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata, kekal pada 6.53%. Kadar pinjaman bagi pinjaman baharu kepada sektor perniagaan dan isi rumah pada amnya stabil merentas sektor dan dari segi tujuan pinjaman. Kadar pinjaman runcit yang stabil mencerminkan pendirian dasar monetari yang tidak berubah dan profil kredit peminjam yang terus kukuh. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul terus mencatat trend penurunan secara beransur-ansur, yang telah bermula pada tahun 2011 (Januari 2013: 5.49%; Disember 2013: 5.36%). Keadaan ini mencerminkan tamatnya tempoh pinjaman yang dibuat semasa

Rajah 2.6


Kadar Pasaran Wang dan Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Rajah 2.7

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

kos peminjaman adalah lebih tinggi sebelum pengurangan OPR pada tahun 2008 dan 2009, serta penambahan pinjaman baharu yang dibuat pada kadar yang lebih rendah.

Kadar deposit bank perdagangan kekal stabil sepanjang tahun 2013. Purata bagi kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut untuk tempoh matang antara 1 hingga 12 bulan secara relatifnya tidak berubah, masing-masing pada 2.91% dan 3.15% pada akhir bulan Disember 2013. Pendeposit terus mendapat manfaat daripada kadar pulangan benar yang positif, walaupun pulangan benar menjadi sederhana secara beransur-ansur apabila inflasi meningkat menjelang akhir tahun 2013.

Meskipun persekitaran luaran tidak menentu, kesan limpahan kepada kadar hasil MGS secara relatifnya terkawal kerana mendapat sokongan pelabur institusi domestik


Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) didorong terutamanya oleh faktor luaran, dipengaruhi ketidakpastian mengenai dasar dalam ekonomi maju. Seperti juga dengan pasaran sedang pesat membangun yang lain, Malaysia mencatat aliran masuk dana portfolio yang berterusan sejak awal tahun 2009. Sebahagian besar daripada aliran masuk dana portfolio ini disalurkan kepada instrumen hutang Kerajaan, terutamanya MGS.

Kadar aliran masuk dana portfolio semakin meningkat berikutan selesainya Pilihan Raya Umum ke-13 pada bulan Mei lantas menyebabkan tekanan menurun terhadap kadar hasil. Menjelang pertengahan bulan Mei, pemegangan instrumen hutang kerajaan oleh bukan pemastautin meningkat kepada 32.4% (Disember 2012: 29.8%) apabila bahagian pemegangan MGS oleh bukan pemastautin mencecah 49.8% (Disember 2012: 44.4%). Kadar hasil MGS merosot antara 11 hingga 41 mata asas bagi semua tempoh matang. Dedahan yang sebegitu besar kepada pemegangan oleh bukan pemastautin telah mencetuskan kebimbangan mengenai kemungkinan sistem kewangan domestik terjejas oleh pelupusan pelaburan yang banyak dan mendadak oleh bukan pemastautin dalam pasaran MGS. Sehingga kini, risiko tersebut masih terkawal, disokong oleh bilangan pelabur domestik yang banyak, terdiri daripada institusi kewangan, syarikat insurans dan kumpulan wang simpanan. Memandangkan permintaan daripada kumpulan pelabur ini semakin meningkat terhadap aset boleh labur seiring dengan peningkatan liabiliti mereka, pelupusan pemegangan portfolio oleh bukan pemastautin membuka peluang kepada pelabur institusi domestik untuk membeli aset domestik ini pada kadar hasil yang menguntungkan. Apabila pelabur institusi domestik ini memasuki pasaran untuk membeli aset tersebut, pasaran kewangan domestik menjadi lebih stabil.

Sokongan institusi domestik dalam pasaran MGS jelas dilihat menjelang akhir bulan Mei. Tanda-tanda bahawa Fed mungkin mengurangkan skala program pembelian asetnya mencetuskan perubahan jangkaan dalam pasaran kewangan global ke arah kemungkinan keadaan kewangan global akan menjadi lebih ketat. Akibatnya, pasaran bon mula mengalami pertukaran arah aliran dana portfolio yang nyata, lantas menyaksikan peningkatan kadar hasil di seluruh rantau. Aliran keluar dana portfolio yang besar sebanyak RM19.0 bilion daripada pasaran MGS antara bulan Mei hingga Ogos menyebabkan kadar hasil MGS bagi tempoh matang 1 hingga 10 tahun meningkat antara 16 hingga 68 mata asas. Peningkatan ini pada amnya lebih kecil berbanding peningkatan yang dicatat di seluruh rantau. Pasaran bon domestik yang lebih mendalam dan meluas telah memastikan bahawa aliran dana yang tidak menentu ini dapat diuruskan tanpa menyebabkan gangguan yang tidak diingini dalam pasaran kewangan. Sejajar dengan usaha untuk memperdalam dan mempelbagaikan pasaran bon

Rajah 2.8


Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.9

Kadar Hasil Bon Kerajaan 5 Tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

domestik, MGS dengan tempoh matang 30 tahun bernilai RM2.5 bilion juga diterbitkan pada tahun 2013. Meskipun persekitaran adalah tidak menentu, MGS jangka panjang yang julung-julung kali diterbitkan ini berjaya menjana nisbah bida kepada lindungan (bid-to-cover ratio) sebanyak 2.44 kali, mencerminkan keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi jangka panjang Malaysia.

Kadar hasil PDS terus menggalakkan aktiviti perolehan dana

Pada tahun 2013, kos pembiayaan hutang swasta kekal menggalakkan, meskipun perkembangan di luar negeri adalah tidak menentu. Kadar hasil sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) adalah stabil, terutamanya pada separuh pertama tahun 2013, sebelum mencatat kenaikan dalam tempoh berikutnya. Pada tahun 2013, kadar hasil bagi sekuriti berpenarafan AAA, AA dan A dengan tempoh matang 5 tahun mencatat sedikit kenaikan, masing-masing pada 15.4 mata asas, 10.4 mata asas dan 3.7 mata asas. Kadar hasil PDS yang stabil ini memastikan aktiviti perolehan dana dalam pasaran PDS terus menyokong ekonomi. Keadaan mudah tunai dan kredit dalam pasaran PDS juga kekal kukuh pada tahun 2013. Jumlah urus niaga adalah sebanyak RM143.2 bilion (2012: RM159.7 bilion), manakala bilangan penarafan negatif pada tahun 2013 berkurang kepada 23 (2012: 25).


Pada tahun 2013, Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) meningkat sebanyak 10.5% (2012: 10.3%) untuk ditutup pada 1867.0 mata. Meskipun sentimen pasaran dipengaruhi oleh faktor-faktor dalam dan luar negeri, prestasi asas pasaran ekuiti disokong oleh keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi Malaysia yang positif.

Meskipun FBM KLCI menerima kesan daripada perkembangan di luar dan dalam negeri, keyakinan pelabur tetap teguh bertunjangkan prospek ekonomi yang positif

Pasaran ekuiti dalam negeri memulakan tahun 2013 dalam keadaan sentimen yang berhati-hati berikutan ketidakpastian mengenai tarikh Pilihan Raya Umum ke-13 Malaysia, yang seterusnya menyebabkan pelabur domestik mengurangkan pemegangan ekuiti mereka. Apabila Pilihan Raya Umum selesai pada 5 Mei, FBM KLCI meningkat 3.4%, ke paras tertinggi baharu iaitu 1,752.0 mata pada hari dagangan pertama selepas pilihan raya. Prestasi pasaran ekuiti yang kukuh didorong terutamanya oleh sektor pembinaan dan harta tanah berikutan jangkaan bahawa projek-projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Program, ETP) akan terus dilaksanakan. Selepas itu, sentimen pelabur dipengaruhi oleh perkembangan yang berkisar pada kemungkinan Fed mengecilkan

Rajah 2.10


Indeks Pasaran Ekuiti



Sumber: Bloomberg

Rajah 2.11

Prestasi Indeks Mengikut Sektor



Sumber: Bloomberg


skala program pembelian asetnya, justeru mendorong pelabur bukan pemastautin untuk mengurangkan pemegangan ekuiti mereka dalam pasaran sedang pesat membangun termasuk Malaysia. Kesan tersebut, bagaimanapun, telah dikurangkan oleh sentimen positif terhadap sektor eksport ekoran pemulihan permintaan terhadap keluaran elektrik dan elektronik (E&E) dan juga jangkaan kenaikan harga minyak sawit mentah pada separuh kedua tahun 2013. Hal ini mengekalkan trend menaik pasaran ekuiti dalam negeri, yang mencapai paras tertingginya pada 1872.5 mata pada 30 Disember 2013.

Mudah Tunai dan Agregat Monetari

Keadaan mudah tunai terus menyokong aktiviti ekonomi sepanjang tahun 2013. Meskipun terdapat pengeluaran mudah tunai bersih disebabkan oleh

Rajah 2.12

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (pada akhir tempoh)




Sumber: Bank Negara Malaysia

aliran keluar asing bersih pada tahun itu, lebihan mudah tunai keseluruhan yang disimpan di Bank Negara Malaysia kekal tinggi, dengan kebanyakan institusi perbankan masih beroperasi dalam keadaan mudah tunai yang berlebihan.

Dalam keadaan aliran modal yang semakin tidak menentu, operasi Bank tertumpu pada usaha untuk mengekalkan kestabilan dalam pasaran wang antara bank. Dalam tempoh berlakunya aliran keluar, tekanan terhadap mudah tunai yang membawa kesan penguncupan telah diimbangi oleh pengeluaran bersih dana yang disimpan di Bank. Dalam hal ini, simpanan yang besar oleh bank di Bank

Rajah 2.13

Sumbangan kepada Pertumbuhan M3



Sumber: Bank Negara Malaysia

Negara Malaysia menjadi penampan mudah tunai bagi sistem perbankan secara keseluruhan.

Mudah tunai sektor swasta, seperti yang diukur oleh wang secara luas atau M3, berkembang pada kadar yang lebih sederhana, iaitu 8.1% pada tahun 2013 (2012: 9.0%) disebabkan faktor-faktor dalam dan luar negeri. Dari segi dalam negeri, M3 meningkat dengan lebih sederhana disebabkan oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam pemberian pinjaman oleh bank kepada sektor perniagaan dan isi rumah. Dari segi sektor luaran, pertumbuhan M3 menjadi sederhana disebabkan terdapatnya aliran keluar dalam akaun perdagangan dan akaun kewangan.

PEMBIAYAAN EKONOMI


Pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri pada tahun 2013. Bagi tahun 2013 secara keseluruhan, pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran sekuriti hutang swasta (private debt securites, PDS), berkembang pada kadar tahunan 9.8% (2012: 12.4%).

Meskipun pertumbuhan dalam pembiayaan bersih menjadi sederhana, paras pinjaman yang dikeluarkan dan dana yang diperoleh dalam pasaran modal masih menggalakkan

Pertumbuhan yang sederhana dalam pembiayaan bersih yang diberikan kepada perniagaan melalui sistem perbankan dan pasaran PDS (2013: 8.0%; 2012: 14.5%) sebahagiannya mencerminkan pertumbuhan yang kembali ke paras yang wajar daripada paras yang secara relatifnya tinggi pada tahun 2012. Peningkatan ketara pada tahun 2012 adalah disebabkan oleh pinjaman yang diberikan kepada perniagaan yang terlibat dalam projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Program, ETP) dan sektor berkaitan komoditi. Walaupun pertumbuhan pinjaman terkumpul lebih sederhana, permintaan keseluruhan terhadap

Rajah 2.14

Jumlah Pembiayaan Bersih kepada Sektor Swasta Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Terbitan PDS




Sumber: Bank Negara Malaysia

pembiayaan kasar oleh sektor perniagaan adalah mampan berikutan penggunaan swasta dan aktiviti pelaburan yang terus kukuh. Jumlah pinjaman yang diberikan kepada perniagaan, termasuk PKS, kekal mampan (purata bulanan 2013: RM55 bilion; 2012: RM54.8 bilion) dengan sebahagian besar daripada pinjaman tersebut dikeluarkan kepada sektor *borong dan runcit, restoran dan hotel; pembinaan, pertanian* serta *harta tanah*.

Permintaan perniagaan terhadap pembiayaan daripada pasaran modal pada tahun 2013 juga kekal menggalakkan berbanding tahap permintaan pada masa yang lalu, meskipun tiada terbitan berskala besar untuk projek infrastruktur berkaitan ETP dan inisiatif pengurangan

Rajah 2.15


Pinjaman Terkumpul Mengikut Peminjam



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.16

Terbitan Kasar PDS Mengikut Sektor



Sumber: Bank Negara Malaysia

pelaburan oleh kerajaan seperti yang pernah berlaku pada tahun 2012. Terbitan PDS baharu berjumlah RM83.9 bilion pada tahun 2013 (2012: RM121.1 bilion; purata tahun 2010-2012: RM80.9 bilion)[2]. Sebahagian besar daripada terbitan ini adalah oleh sektor *kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan* serta *bekalan elektrik, gas dan air*. Pembiayaan melalui pasaran ekuiti berjumlah RM16 bilion (2012: RM27.4 bilion), dengan sebahagian besar daripadanya oleh sektor *perdagangan dan perkhidmatan.*

Permintaan terhadap pinjaman oleh isi rumah juga berterusan, dengan pertumbuhan pinjaman sistem perbankan terkumpul kepada isi rumah secara relatifnya kekal stabil pada 12% pada tahun 2013 (2012: 11.6%). Ini disokong oleh keadaan guna tenaga dan kenaikan upah yang menggalakkan. Yang jelas, kadar pertumbuhan pinjaman terkumpul untuk *kegunaan peribadi* menurun kepada 4.6% pada tahun 2013 (2012: 9.1%), sebahagiannya disebabkan langkah awalan yang dilaksanakan oleh Bank pada bulan Julai 2013 untuk mengelakkan paras keberhutangan isi rumah yang berlebihan dan juga untuk memperkukuh amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, pertumbuhan keseluruhan pinjaman isi rumah secara relatifnya stabil ekoran kadar pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi untuk *pembelian sekuriti* dan *kemudahan kad kredit*, serta pertumbuhan pinjaman yang berterusan untuk *pembelian harta tanah*.

[2] Terbitan PDS pada tahun 2012 nyata lebih tinggi, sebanyak RM121.1 bilion ekoran satu terbitan bernilai RM30.6 bilion oleh Projek Lebuhraya Usahasama Berhad.

3

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2013

57 Dasar Monetari

59 Operasi Monetari


DASAR MONETARI

Pada tahun 2013, dengan berlatarkan ketidaktentuan yang meningkat dalam imbangan risiko yang mempengaruhi prospek pertumbuhan dalam negeri dan kadar inflasi, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00%.

Pada awal tahun 2013, ekonomi Malaysia dijangka kekal pada trajektori pertumbuhan yang stabil, dengan kadar pertumbuhan KDNK dijangka sekitar 5%-6%. Permintaan dalam negeri dijangka menjadi pemacu utama pertumbuhan, dengan pertumbuhan global dijangka bertambah baik secara beransur-ansur. Penggunaan swasta dijangka terus mendapat sokongan daripada pertumbuhan pendapatan dan keadaan guna tenaga yang stabil. Aktiviti pelaburan akan berterusan, diterajui perbelanjaan modal dalam industri berorientasikan dalam negeri, sektor minyak dan gas serta projek-projek infrastruktur yang sedang dilaksanakan. Namun, disedari bahawa terdapat risiko prospek pertumbuhan akan menjadi lebih rendah, berpunca terutamanya daripada perkembangan dalam persekitaran luaran. Pertumbuhan yang agak terhad dalam ekonomi maju berikutan langkah konsolidasi fiskal dan keadaan pasaran pekerja yang lemah boleh menjejaskan sektor luaran Malaysia.

Rajah 3.1

Prospek Pertumbuhan KDNK Benar pada tahun 2013




*Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam
**Ekonomi Perindustrian Baharu Asia. Data bulan Julai 2013 bagi NIE tidak diterbitkan.

Sumber: IMF, WEO Oktober 2012, Januari, April, Julai dan Oktober 2013; Pengiraan Bank Negara Malaysia

Rajah 3.2

KDNK dan Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), dijangka sekitar 2%-3% pada tahun 2013, berbanding 1.6% yang dicatat pada tahun 2012. Unjuran inflasi yang lebih tinggi ini adalah berdasarkan jangkaan harga makanan dalam negeri yang lebih tinggi disebabkan oleh kenaikan harga komoditi makanan utama dunia, kos yang lebih tinggi berpunca daripada pelaksanaan dasar gaji minimum dan kemungkinan berlakunya pelarasan terhadap harga yang ditadbir. Walau bagaimanapun,tekanan yang didorong oleh permintaan tidak dijangkakan menjadi faktor utama kenaikan harga memandangkan ekonomi mempunyai keupayaan produktif yang mencukupi untuk menghasilkan bekalan baharu. Walau bagaimanapun, terdapat risiko inflasi akan menjadi lebih tinggi kerana harga komoditi dunia yang lebih tinggi, pelaksanaan rasionalisasi subsidi yang lebih cepat ataupun tekanan permintaan yang lebih tinggi daripada jangkaan boleh menyebabkan kadar inflasi melebihi julat yang diunjurkan.


MPC telah membuat penilaian bahawa risiko kepada pertumbuhan dalam negeri dan kadar inflasi pada amnya seimbang. Pertumbuhan dalam negeri dijangka berdaya tahan tetapi berhadapan dengan risiko pertumbuhan menjadi lebih rendah akibat persekitaran luaran. Risiko inflasi pula

cenderung untuk meningkat. Memandangkan terdapat ketidaktentuan berhubung dengan imbangan risiko kepada prospek pertumbuhan dan inflasi, MPC berpendapat bahawa perubahan OPR tidak diperlukan. MPC juga mengambil kira kelebihan menggunakan OPR untuk mengurus pembentukan ketidakseimbangan kewangan. Mengekalkan persekitaran kadar faedah yang terlalu rendah untuk jangka masa yang berpanjangan membawa risiko pembentukan ketidakseimbangan kewangan lantas boleh menimbulkan risiko jangka sederhana kepada kestabilan makroekonomi dan kewangan. MPC memutuskan bahawa paras OPR adalah wajar, dan memandangkan risiko ketidakseimbangan kewangan hanya wujud dalam segmen tertentu ekonomi sahaja, instrumen lain adalah lebih sesuai untuk menangani risiko-risiko tersebut. Susulan itu, langkah-langkah kehematan makro diperkenalkan pada bulan Julai untuk mengurus risiko ketidakseimbangan kewangan melalui pelaksanaan secara bersasaran (lihat Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2013).

Walau bagaimanapun, menjelang pertengahan tahun 2013, dinamik pertumbuhan dalam negeri dan inflasi telah berubah dan ini telah meningkatkan ketidaktentuan terhadap imbangan risiko. Pengumuman mengenai data pertumbuhan KDNK suku pertama ekonomi maju menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan yang dicapai adalah lebih rendah daripada jangkaan terdahulu kerana menerima kesan daripada ketidakpastian dasar. Akibatnya, unjuran pertumbuhan bagi tahun 2013 dan 2014 bagi beberapa ekonomi maju telah dikaji semula dan dikurangkan. Kelemahan yang sama didapati dalam data pertumbuhan KDNK suku pertama beberapa ekonomi Asia yang disebabkan terutamanya oleh kesan limpahan daripada kelemahan yang berpanjangan dalam permintaan luaran. Di RR China, kadar pertumbuhan menjadi sederhana, lebih rendah daripada jangkaan awal kerana kerajaan negara itu menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap usaha pengimbangan semula ekonomi. Kesannya, unjuran pertumbuhan beberapa ekonomi Asia juga dikurangkan setelah mengambil kira momentum pertumbuhan yang lebih perlahan dalam ekonomi maju dan RR China.

Rajah 3.3

Prospek Pertumbuhan KDNK Benar pada tahun 2014



*Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Vietnam
**Ekonomi Perindustrian Baharu Asia. Data bulan Julai 2013 bagi NIE tidak diterbitkan.

Sumber: IMF, WEO Oktober 2012, Januari, April, Julai dan Oktober 2013; Pengiraan Bank Negara Malaysia

Bagi ekonomi dalam negeri, pertumbuhan sebanyak 4.3% pada separuh pertama tahun 2013 adalah lebih rendah daripada unjuran awal. Pertumbuhan eksport bersih adalah lemah kerana pertumbuhan eksport telah terjejas oleh pertumbuhan perlahan yang berpanjangan di Amerika Syarikat serta aktiviti ekonomi yang lemah di kebanyakan ekonomi Eropah. Import terus berkembang berikutan pertumbuhan yang berterusan dalam pelaburan dan penggunaan dalam negeri. Hasilnya, unjuran KDNK bagi tahun 2013 telah diubah menjadi lebih rendah kepada sekitar 4.5%-5.0% pada bulan Ogos. Walaupun pertumbuhan tahunan dikurangkan selepas semakan dibuat berikutan pengembangan lebih perlahan dalam aktiviti ekonomi pada separuh tahun pertama, momentum pertumbuhan dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun 2013 hingga ke tahun 2014. Ini selaras dengan jangkaan peningkatan perdagangan global dalam keadaan terdapatnya pemulihan dalam momentum pertumbuhan ekonomi maju sejak separuh kedua tahun 2013. Walau bagaimanapun, masih terdapat ketidaktentuan berhubung dengan prospek pertumbuhan dalam negeri bagi tahun 2014, terutamanya berhubung dengan kekukuhan pemulihan global. Terdapat juga ketidakpastian mengenai sejauh mana faktor dalam negeri seperti konsolidasi fiskal yang berterusan, rasionalisasi subsidi dan langkah yang bersasaran untuk mengurangkan risiko daripada kelemahan dalam sektor isi rumah, akan memberi kesan kepada permintaan dalam negeri.

Inflasi dijangka berada pada paras yang lebih rendah dalam julat ramalan, memandangkan faktor pendorong utama inflasi yang dikenal pasti pada awal tahun 2013 tidak berlaku sepenuhnya seperti yang dijangkakan. Harga ditadbir tidak berubah manakala unjuran bagi harga makanan global telah disemak ke bawah sejajar dengan peningkatan dalam pengeluaran global. Tarikh berkuat kuasanya


pelaksanaan dasar gaji minimum yang dilanjutkan terus meredakan tekanan kos. Walau bagaimanapun, sejak bulan September, dinamik inflasi beralih dan inflasi dijangka meningkat bagi bulan-bulan seterusnya pada tahun 2013 hingga ke tahun 2014. Perubahan ini telah didorong terutamanya oleh pelarasan menaik terhadap harga runcit produk petroleum dan gula, masing-masing pada bulan September dan Oktober; duti eksais yang lebih tinggi ke atas produk tembakau pada akhir tahun 2013 dan pengumuman pelarasan tarif elektrik berkuat kuasa bulan Januari 2014. Risiko utama yang perlu dipertimbangkan oleh MPC ialah sama ada pelarasan harga ini berpotensi mengakibatkan peningkatan harga yang berterusan merentas ekonomi. Tekanan harga luaran yang rendah dan keadaan permintaan dalam negeri yang sederhana merupakan faktor utama yang mengurangkan risiko kepada prospek kenaikan harga yang menyeluruh. Penilaian ke atas risiko inflasi pusingan kedua juga mendapati kesannya adalah terhad, memandangkan peningkatan dalam jangkaan inflasi (inflation expectations) kekal terhad kepada harga makanan dan pengangkutan. Tekanan upah adalah sederhana, dengan pertumbuhannya dijangka sejajar dengan purata yang pernah dicatatkan dahulu. Setelah mempertimbangkan faktor-faktor ini, MPC berpandangan bahawa risiko kenaikan harga yang lebih menyeluruh adalah terhad.

Berdasarkan penilaian kemungkinan terdapatnya risiko kepada pertumbuhan yang lebih rendah dan risiko inflasi yang lebih tinggi, MPC berpendapat bahawa dengan mengekalkan paras OPR akan memberikan hasil terbaik untuk mencapai matlamat dasar monetari. Paras kadar faedah disifatkan sebagai menyokong kegiatan ekonomi. Berdasarkan faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan dan kemampanan kadar inflasi, tindak balas monetari dianggap sebagai tidak perlu.

Perkembangan penting pada separuh kedua tahun 2013 ialah berhubung kebalikan aliran modal daripada ekonomi sedang pesat membangun berikutan jangkaan bahawa terdapat pengecilan skala program pembelian aset oleh Federal Reserve (Fed). Walaupun terdapat peningkatan dalam saiz dan turun naik dalam aliran keluar modal sejak bulan Mei 2013, pelarasan mata wang dan pasaran kewangan domestik adalah teratur. Sistem kadar pertukaran apungan terurus memberikan fleksibiliti kepada kadar pertukaran ringgit untuk memudahkan pelarasan. Kedalaman sistem kewangan juga memastikan bahawa pengantaraan aliran yang tidak menentu ini berlaku tanpa sebarang gangguan yang tidak wajar kepada aktiviti ekonomi. Permintaan yang makin bertambah daripada pelabur institusi domestik menyediakan sokongan kepada pasaran bon dan mengawal peningkatan kos peminjaman yang ditanda aras kepada kadar hasil bon. Susulan itu, kesan limpahan kepada ekonomi benar adalah minimum.

Rajah 3.4

Mudah Tunai Terkumpul yang Disimpan di Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia


OPERASI MONETARI

Mudah tunai sistem perbankan kekal stabil sepanjang tahun 2013, walaupun terdapat turun naik yang ketara dalam pasaran global dan keluar masuk aliran modal yang lebih nyata berikutan ketidaktentuan yang semakin meningkat berhubung dengan pengecilan skala program pembelian aset oleh Fed. Keadaan pasaran wang ringgit adalah stabil dan terus beroperasi dalam persekitaran lebihan mudah tunai, dengan peserta industri menyimpan lebihan mudah tunai bersih dengan Bank sepanjang tahun 2013. Agregat lebihan mudah tunai bagi tahun 2013 meningkat daripada RM370.8 bilion pada akhir tahun 2012 kepada paras tertinggi, iaitu RM376.9 bilion pada bulan Mei 2013, sebelum menurun kepada RM336.8 bilion pada akhir tahun 2013, selaras dengan trend aliran modal.

Pada tahun 2013, jumlah urus niaga pasaran wang antara bank, yang terdiri daripada deposit, penerimaan jurubank (banker's acceptance, BA), dan instrumen deposit boleh niaga (negotiable instrument of deposits, NID) dalam pasaran wang konvensional dan Islam adalah sebanyak RM3.1 trilion, lebih rendah sebanyak 11.2% berbanding dengan tahun 2012. Deposit konvensional, iaitu peminjaman dan

Rajah 3.5

Mudah Tunai Terkumpul yang Disimpan di Bank Negara Malaysia (Konvensional-Islam)




Sumber: Bank Negara Malaysia

pinjaman tidak bercagar, menjadi instrumen urus niaga utama dengan mencakupi 71.8% daripada jumlah keseluruhan. Walau bagaimanapun, urus niaga deposit ini lebih rendah pada tahun 2013, berjumlah RM2.2 trilion berbanding RM2.6 trilion pada tahun 2012. Jumlah urus niaga yang lebih rendah bagi tahun 2013 ini adalah disebabkan oleh jumlah urus niaga yang lebih rendah sejak bulan Jun hingga akhir tahun berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Ini terjadi selari dengan pengurangan mudah tunai keseluruhan dalam sistem berikutan aliran keluar yang berpunca daripada ketidaktentuan dalam pasaran kewangan global terhadap program pembelian aset oleh Fed. Bank-bank mengambil langkah berhati-hati dalam mengurus lebihan mudah tunai mereka dan lebih berhemat dalam pemberian pinjaman antara bank untuk mengekalkan mudah tunai mereka sebagai langkah berjaga-jaga untuk menangani sebarang kemungkinan aliran keluar. Meskipun begitu, jangkaan terhadap kadar faedah dalam negeri adalah tegar (well-anchored), tanpa sebarang perubahan dijangkakan pada OPR. Kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR), yang mengikuti dengan rapat kadar OPR, adalah antara 2.88% hingga 3.00%, dengan sisihan purata (iaitu AOIR tolak OPR) sebanyak 1 mata asas. Kadar antara bank bagi semua tempoh matang diniagakan dalam julat yang agak kecil, dengan urus niaga tertumpu pada tempoh matang sehingga 1 bulan.

Sementara mudah tunai dan urus niaga dalam pasaran wang ringgit membuat pelarasan terhadap aliran keluar merentas seluruh ekonomi sedang pesat membangun dari bulan Mei hingga Ogos, Bank mengubah profil operasi monetarinya untuk lebih menggunakan instrumen jangka pendek. Sehubungan dengan itu, operasi Lelongan Julat Tempoh Kematangan (Range Maturity Auction, RMA) lebih kerap digunakan sepanjang tempoh itu berbanding operasi mingguan yang biasa. Ini bertujuan untuk memberikan fleksibiliti yang lebih kepada institusi kewangan mengurus lebihan mudah tunai mereka. Pada tahun 2013, peminjaman jangka pendek, yang terdiri daripada peminjaman pasaran wang konvensional, Penerimaan Wadiah dan Program Komoditi Murabahah, meningkat daripada 32% pada tahun 2012 kepada 43% daripada jumlah operasi monetari. Pada masa yang sama, penggunaan

Rajah 3.6


Komposisi Urus Niaga Pasaran Wang Antara Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.7


Urus Niaga Pasaran Wang Antara Bank Konvensional



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.8


OPR dan Kadar Antara Bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.9

Jumlah BNMN Terkumpul




Sumber: Bank Negara Malaysia

urus niaga berasaskan sekuriti berkurang secara beransur-ansur, sebahagiannya mencerminkan permintaan terhadap sekuriti yang lebih rendah dalam tempoh aliran keluar. Tempoh masa purata peminjaman keseluruhan menurun kepada 45.3 hari pada tahun 2013 daripada 56.1 hari pada tahun 2012.

Turun naik dalam mudah tunai sistem perbankan telah mendorong kepada pengurusan aktif terbitan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN). Bank mula mengurangkan terbitan BNMN sejak suku pertama 2013, setelah mendapati terdapat pengurangan dalam permintaan pelabur bukan pemastautin. Strategi ini berterusan sepanjang tahun 2013 berikutan turun naik pasaran global dan juga aliran keluar. Berikutan itu, jumlah BNMN terkumpul menurun daripada RM154.3 bilion pada awal bulan Januari 2013 kepada RM106.7 bilion pada akhir tahun itu. Kadar hasil kekal stabil dan berpurata 6 mata asas di bawah OPR pada tahun 2013. Ini berlaku walaupun kadar hasil didapati lebih tinggi sejak awal bulan Februari hingga Mac dalam tempoh peralihan selepas Bank menetapkan penggunaan USD/MYR dalam negeri untuk semua pesanan pertukaran asing dalam negeri yang diurusniagakan ketika penetapan harga pada 11.00 pagi. Bagi

Rajah 3.10


Komposisi Instrumen Dasar Monetari Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 3.11

Kadar Hasil BNMN dan OPR




Sumber: Bank Negara Malaysia

urus niaga BNMN yang terdiri daripada BNMN konvensional dan Islam, jumlah keseluruhan ialah RM640.0 bilion pada tahun 2013 atau penurunan sebanyak 15.7% berbanding dengan tahun 2012. Walau bagaimanapun, bahagian urus niaga BNMN Islam meningkat daripada 41% kepada 59%. Jumlah urus niaga BNMN Islam meningkat sebanyak 21.0% kepada RM377.6 bilion untuk memenuhi permintaan pelabur konvensional dan pelabur Islam terhadap sekuriti-sekuriti ini selain mencerminkan penerimaan instrumen Islam yang lebih meluas dalam kalangan pelabur global.

Bank Negara Malaysia meneruskan beberapa inisiatif untuk mengukuhkan kerjasama serantau dan memudahkan pengurusan mudah tunai yang lebih berkesan oleh institusi kewangan dalam pasaran domestik dan serantau. Pada tahun 2013, Bank membentuk pengaturan cagaran merentas sempadan (cross-border collateral arrangement, CBCA) dengan People's Bank of China, iaitu CBCA ketiga yang diperkenalkan selepas pengaturan dengan Monetary Authority of Singapore dan Bank of Thailand pada tahun-tahun sebelumnya. Dengan pengaturan terbaharu ini, institusi kewangan di Malaysia kini boleh mengemukakan sekuriti kerajaan dan sekuriti bank pusat China sebagai cagaran kepada Bank untuk mendapatkan mudah tunai dalam ringgit. Bagi pasaran wang Islam, Bank telah memperkenalkan Lelongan Julat Tempoh Kematangan Islam (iRMA), iaitu lelongan yang serupa dengan RMA konvensional yang dilancarkan pada tahun 2011. Ini bertujuan meningkatkan kecekapan pengurusan operasi monetari Islam. iRMA memberi bank-bank Islam fleksibiliti untuk memilih tempoh matang bagi simpanan mereka dengan Bank dalam bentuk Penerimaan Wadiah atau Program Komoditi Murabahah.

Rajah 3.12

Urus Niaga BNMN Konvensional dan BNMN Islam



Sumber: Bank Negara Malaysia

3

PROSPEK DAN DASAR PADA TAHUN 2014

65 Prospek Ekonomi Antarabangsa

68 Ekonomi Malaysia

73 *Rencana: Evolusi Kedudukan Kewangan Isi Rumah dan Implikasi Terhadap Penggunaan Swasta*

81 *Rencana: Menganggarkan Keluaran Potensi Malaysia*

85 Prospek Dasar Monetari

86 Prospek Dasar Fiskal

PROSPEK EKONOMI ANTARABANGSA


Pemulihan ekonomi global yang berlaku secara beransur-ansur pada tahun 2013 dijangka berterusan pada tahun 2014. Pertumbuhan global akan disokong oleh pemulihan ekonomi yang lebih meluas dalam ekonomi maju dan pertumbuhan yang mampan dalam ekonomi sedang pesat membangun. Peningkatan yang berterusan dalam ekonomi maju akan menyebabkan limpahan positif kepada negara-negara lain di dunia, khususnya kepada ekonomi yang mempunyai kesalinghubungan perdagangan yang meluas. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan dijangka kekal sederhana, dengan aktiviti ekonomi global berkembang di bawah kadar pertumbuhan purata yang dicapai pada tempoh tahun 2000-2007.

Pertumbuhan global akan bertambah baik pada tahun 2014, disokong oleh pemulihan ekonomi yang lebih meluas dalam ekonomi maju dan pertumbuhan yang mampan dalam ekonomi sedang pesat membangun

Faktor yang menyumbang kepada trend ini ialah isu struktur yang masih wujud dalam ekonomi maju, khususnya pengangguran struktur yang tinggi dan aktiviti pembiayaan yang lemah dalam keadaan terdapatnya konsolidasi fiskal dan aktiviti pembayaran balik hutang yang berterusan. Dalam persekitaran ini, ekonomi sedang pesat membangun kini beralih ke arah kadar pertumbuhan yang lebih sederhana disebabkan sebahagiannya oleh pendirian dasar yang diterima pakai untuk menangani risiko dalam negeri seperti pertumbuhan kredit yang kukuh dan harga harta tanah yang semakin meningkat. Ekonomi sedang pesat membangun juga menghadapi cabaran dalam mengurus risiko luaran. Khususnya, apabila dasar dalam ekonomi maju utama kembali kepada keadaan yang normal, ini akan menyebabkan limpahan dalam pasaran kewangan antarabangsa memandangkan kesalinghubungan yang tinggi dalam sistem kewangan antarabangsa. Kebimbangan utama adalah terhadap kadar dan magnitud kebalikan aliran modal dan risiko penularan kepada ekonomi terbuka yang kecil serta kesan susulan perkembangan ini terhadap momentum pemulihan global.

Rajah 4.1

Pertumbuhan Dunia, Perdagangan Dunia dan Pertumbuhan Ekonomi Maju Utama (2013-2014)



[1] Merujuk kepada EU-17
a Anggaran
r Ramalan
Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

Pemulihan ekonomi **AS** dijangka mampan disebabkan oleh peningkatan yang berterusan dalam sektor swasta, yang disokong seterusnya oleh kekangan fiskal yang lebih rendah. Kadar konsolidasi fiskal dijangka menjadi perlahan dalam jangka masa terdekat, kerana persetujuan belanjawan AS baru-baru ini telah meningkatkan had perbelanjaan yang berdasarkan pertimbangan kerajaan dan mengelakkan risiko penutupan kerajaan untuk dua tahun akan datang. Ini dijangka menambah baik sentimen, lantas menghasilkan kesan positif kepada sektor swasta. Yang penting, momentum perbelanjaan modal mungkin lebih pantas kerana disokong keyakinan perniagaan yang meningkat dan pemberian pinjaman yang lebih akomodatif. Jangka masa purata penggunaan

kelengkapan dan perisian juga pada paras rekod yang tinggi, lantas menandakan bahawa kitaran penukaran yang telah lama tertangguh dahulu mungkin berlaku tahun ini. Pelaburan dalam pasaran perumahan juga dijangka bertambah baik, didorong permintaan yang lebih tinggi dan inventori yang rendah. Di sektor perumahan, harga yang semakin meningkat akan terus mengurangkan jumlah gadai janji yang dikenali sebagai `underwater´[1], lantas menyumbang kepada kedudukan kewangan isi rumah yang lebih baik dan peningkatan mobiliti pekerja isi rumah. Pemulihan kekayaan isi rumah hasil daripada nilai ekuiti dan harta tanah yang lebih tinggi juga telah meningkatkan keyakinan pengguna, lantas merangsang perbelanjaan pengguna. Penggunaan swasta juga akan disokong oleh pasaran pekerja yang bertambah baik dan hutang yang lebih rendah. Selepas empat tahun pembayaran balik hutang yang mencakupi kira-kira 122% daripada pendapatan boleh guna pada suku pertama 2009, hutang isi rumah berkurang kepada 100.3% pada suku keempat 2013, lebih rendah daripada purata 100.7% dalam tempoh tahun 2000-2005. Meskipun terdapat trend yang positif ini, kekukuhan tahap pemulihan akan menerima tekanan daripada kelemahan struktur selepas krisis. Pasaran pekerja terus mengalami kadar penyertaan pekerja yang merosot dan kadar pengangguran jangka panjang yang tinggi. Perbezaan paras pendapatan yang nyata dan pertumbuhan gaji yang lebih rendah juga akan mempengaruhi kadar pertumbuhan.

Meskipun peningkatan aktiviti ekonomi secara beransur-ansur di **kawasan euro** dijangka berterusan, kadar pemulihan dijangka rendah dan tidak sekata merentas wilayah ini. Kekukuhan permintaan dalam negeri, khususnya dalam ekonomi yang terjejas oleh krisis, masih tertekan oleh keadaan pasaran pekerja yang lemah, perbezaan keadaan pembiayaan antara negara dan pelarasan yang sedang dijalankan terhadap kedudukan kewangan sektor swasta dan awam. Meskipun kadar pengangguran semakin stabil, ia kekal pada paras tertinggi dalam sejarah, dengan perbezaan yang ketara merentas negara, daripada 5.3% di Jerman kepada lebih daripada 25% di Greece dan Sepanyol. Namun, penggunaan kerajaan dijangka mencatat penguncupan yang lebih kecil berikutan kadar konsolidasi fiskal yang lebih perlahan. Momentum sektor luaran kawasan euro, bagaimanapun, semakin meningkat sejajar dengan persekitaran ekonomi global yang bertambah baik. Dalam keadaan terdapatnya prospek pertumbuhan yang masih lemah, keputusan dasar untuk melaksanakan pembaharuan struktur dan sektor kewangan yang selanjutnya, temasuk pengurangan dalam peraturan pasaran pekerja, pengurangan hutang awam dan pembentukan kesatuan perbankan, akan terus menjadi elemen penting untuk menggalakkan keyakinan dan menyokong pemulihan ekonomi yang mampan.


Aktiviti ekonomi di **Jepun** dijangka disokong oleh penerusan dasar-dasar rangsangan tahun 2013, dengan itu mengekalkan sentimen positif dalam ekonomi. Pengenalan pakej rangsangan fiskal sebanyak ¥18.6 trilion pada bulan Disember 2013 akan mengurangkan sebahagian daripada kesan buruk akibat peningkatan berjadual cukai penggunaan pada bulan April 2014. Dari segi luaran, prestasi eksport akan mendapat manfaat daripada pemulihan ekonomi global. Walau bagaimanapun, prospek pemulihan yang lebih kukuh dan mampan bergantung kepada kemajuan pembaharuan struktur, pertumbuhan gaji yang positif dan peningkatan perbelanjaan modal.

Momentum pertumbuhan keseluruhan di **Asia** dijangka mampan, disokong oleh peningkatan secara beransur-ansur dalam permintaan luaran. Walau bagaimanapun, tahap peningkatan eksport mungkin berbeza merentas rantau. Dalam beberapa ekonomi maju di Asia, pertumbuhan eksport diunjurkan menjadi kukuh, hasil daripada peningkatan permintaan terhadap produk elektronik pengguna dan jentera perindustrian, selaras dengan pemulihan dalam ekonomi maju. Walau bagaimanapun, pengeksport komoditi mungkin mencatat prestasi eksport yang lebih perlahan jika peningkatan dalam jumlah eksport diimbangi oleh harga komoditi yang lebih rendah. Meskipun permintaan dalam negeri kekal sebagai pemacu pertumbuhan utama dalam kebanyakan ekonomi ASEAN, keteguhan aktiviti ekonomi bergantung kepada faktor khusus sesebuah negara itu. Dalam beberapa ekonomi ini, aktiviti penggunaan swasta dan pelaburan swasta mungkin terjejas oleh peningkatan harga dan inflasi. Pertumbuhan di RR China akan berkembang pada kadar yang lebih sederhana berikutan usaha untuk mengimbangi

[1] Gadai janji `underwater´ merujuk kepada gadai janji isi rumah yang telah melebihi nilai rumah mereka akibat daripada kejatuhan harga rumah yang ketara semasa kemelesetan pada tahun 2007-2009.

Rajah 4.2

Ekonomi Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar



r Ramalan
[1] Merujuk kepada tahun fiskal

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pihak Berkuasa Negara

semula ekonomi ke arah model pertumbuhan lebih mampan yang didorong oleh penggunaan. Usaha pembaharuan dalam bidang utama seperti liberalisasi kewangan serta pembaharuan fiskal dan sosial kekal sebagai keutamaan dasar yang utama bagi kerajaan RR China pada tahun 2014.

Inflasi global dijangka sederhana, sejajar dengan tekanan harga yang lebih rendah dalam pasaran komoditi berikutan keadaan penawaran yang bertambah baik. Peningkatan dalam pengeluaran tenaga di AS dan jangkaan pengurangan risiko geopolitik di Timur Tengah akan mengurangkan kekangan bekalan minyak mentah, seterusnya menyebabkan tekanan menurun terhadap harga. Harga makanan juga dijangka turun disebabkan oleh pengeluaran tanaman yang meningkat. Walau bagaimanapun, prospek inflasi dijangka berbeza antara ekonomi maju dengan ekonomi sedang pesat membangun. Dalam kebanyakan ekonomi maju, jurang keluaran negatif yang berterusan dan pertumbuhan gaji yang perlahan akan mengehadkan kenaikan harga. Sebaliknya, beberapa ekonomi di Asia diunjurkan mengalami inflasi dorongan kos yang lebih tinggi dalam persekitaran pasaran pekerja yang lebih ketat.

Walaupun prospek pertumbuhan bertambah baik, ekonomi global terus menghadapi **risiko pertumbuhan** yang lebih rendah. Kebimbangan utama adalah terhadap kapasiti lebihan dalam ekonomi yang terus wujud dalam ekonomi maju meskipun pertumbuhan bertambah baik baru-baru ini. Kadar pengangguran kekal tinggi berbanding tahap sebelum berlakunya krisis dalam banyak ekonomi maju, manakala kapasiti lebihan terus tinggi dalam beberapa ekonomi, lantas mengurangkan prospek pertumbuhan pelaburan yang lebih tinggi. Dalam keadaan inflasi yang rendah, pertumbuhan yang lemah dan berpanjangan mungkin menjuruskan beberapa ekonomi ke arah risiko deflasi. Ketidakpastian fiskal juga terus berlarutan, khususnya dalam ekonomi maju. Di AS, masih terdapat cabaran fiskal, seperti penyelesaian yang lebih berkekalan terhadap had hutang dan defisit struktur yang berpunca daripada perbelanjaan mandatori yang lebih tinggi. Di kawasan euro, meskipun penjimatan fiskal telah menyebabkan defisit belanjawan yang semakin kecil, namun langkah ini telah menjejaskan aktiviti sektor swasta dan seterusnya pertumbuhan keseluruhan. Tambahan pula, hutang awam kekal tinggi, lantas mengehadkan sokongan dasar kepada ekonomi.

Dalam keadaan perkembangan global ini, ekonomi sedang pesat membangun menghadapi risiko dalam negeri yang secara relatifnya berbeza-beza. Ketidakseimbangan kewangan telah menjadi kebimbangan utama ekoran pertumbuhan kredit dan harga aset yang kukuh. Ini telah mengakibatkan paras hutang isi rumah yang tinggi dalam banyak ekonomi sedang pesat membangun, termasuk di Asia. Di RR China, risiko kewangan timbul akibat pertumbuhan aktiviti perbankan bayangan (shadow banking) yang pesat, iaitu sumber pembiayaan yang semakin penting bagi pelaburan harta tanah dan infrastruktur. Beberapa ekonomi sedang pesat membangun juga mengalami defisit berkembar. Khususnya, kedudukan akaun semasa berubah menjadi defisit dalam beberapa negara apabila pemulihan dalam permintaan luaran yang lemah diiringi oleh pertumbuhan dalam negeri yang kukuh, yang seterusnya menyebabkan import meningkat. Trend menaik dalam paras hutang awam berserta defisit fiskal wujud dalam beberapa ekonomi ini, sebahagian besarnya disebabkan oleh rangsangan fiskal yang dilaksanakan semasa kemelesetan global pada tahun 2008-2009. Tambahan pula, beberapa ekonomi sedang pesat membangun juga menghadapi cabaran struktur seperti masalah kekangan penawaran (supply bottlenecks), jurang pendapatan yang semakin nyata serta pergantungan yang berlebihan terhadap sumber pertumbuhan tradisional.

Dengan prospek pertumbuhan ekonomi maju yang bertambah baik, dasar monetari pasti akan beransur-ansur kembali kepada kedudukan yang wajar, seperti yang dilihat daripada pengecilan skala pelonggaran kuantitatif (quantitative easing, QE) baru-baru ini di AS. Pelaksanaan QE pada tahap yang belum pernah dilaksanakan sejak tahun 2009 menunjukkan bahawa keputusan memansuhkan QE mungkin akan memberikan kesan merentas pasaran kewangan global, selain menjadi cabaran besar kepada penggubal dasar. Berlatarkan turun naik dalam aliran portfolio global yang lebih ketara, kebimbangan mengenai faktor dalam negeri bagi ekonomi sedang pesat membangun boleh memburukkan lagi sentimen negatif pelabur, seterusnya menyebabkan kebalikan aliran modal yang tidak menentu. Selanjutnya, ini akan terus mengganggu pengantaraan kredit dan pembetulan yang tidak seimbang dalam harga aset. Meskipun terdapat pembezaan yang lebih nyata antara negara berdasarkan penilaian kekukuhan dan kelemahan setiap ekonomi, risiko penularan telah meningkat. Kesalinghubungan yang semakin meningkat dalam sistem kewangan global telah menyebabkan penularan kejutan kewangan yang pantas merentas pasaran, rantau dan kelas aset, khususnya apabila kegiatan mengelakkan risiko berlaku secara serentak dan berkemungkinan mencetuskan tingkah laku berkelompok (herd behaviour). Walau bagaimanapun, apa yang diperhatikan ialah meskipun limpahan dasar global akan menimbulkan cabaran yang besar kepada rantau ini, banyak ekonomi di Asia terus menunjukkan daya tahan yang disokong oleh asas-asas kukuh berikutan pembaharuan selama sedekad selepas Krisis Kewangan Asia. Kadar pertukaran yang lebih fleksibel, rizab pertukaran asing yang lebih tinggi dan sistem kewangan yang lebih maju telah meningkatkan daya tahan Asia dengan ketara untuk menghadapi kejutan luaran dan memelihara kestabilan makroekonomi dan kewangan (Perbincangan lanjut mengenai perkara ini terdapat dalam rencana `Limpahan Pelonggaran Kuantitatif Terhadap Asia´ dalam Bab 2).

EKONOMI MALAYSIA

Tinjauan Keseluruhan

Ekonomi Malaysia dijangka kekal pada trajektori pertumbuhan yang stabil, berkembang sebanyak 4.5%-5.5% pada tahun 2014 (2013: 4.7%). Momentum pertumbuhan akan disokong oleh prestasi sektor luar negeri yang lebih baik dalam persekitaran permintaan dalam negeri yang lebih sederhana.

Permintaan dalam negeri akan kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan, walaupun meningkat pada kadar yang lebih sederhana, mencerminkan konsolidasi sektor awam yang berterusan. Pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan yang teguh untuk tahun kelima berturut-turut, didorong oleh pelaksanaan berterusan projek jangka panjang dan permintaan luar negeri yang bertambah baik. Penggunaan swasta akan disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang kukuh dan pertumbuhan pendapatan yang mampan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan isi rumah dijangka menjadi sederhana ke arah trend pertumbuhan jangka panjangnya, mencerminkan sebahagiannya kesan inflasi yang lebih tinggi. Penggunaan awam dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih rendah berikutan konsolidasi dalam kedudukan fiskal Kerajaan yang berterusan, manakala pelaburan awam dijangka mencatat pertumbuhan lebih tinggi, disokong oleh perbelanjaan modal Kerajaan dan perusahaan awam.

Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan yang stabil sebanyak 4.5%–5.5% pada tahun 2014

Selaras dengan permintaan luar negeri yang bertambah baik, prestasi eksport Malaysia dalam kebanyakan kategori produk dijangka meningkat pada tahun 2014. Eksport elektronik dan elektrik (E&E) akan meraih manfaat daripada permintaan yang lebih tinggi daripada ekonomi maju, manakala eksport bukan E&E akan disokong permintaan serantau terhadap produk berasaskan sumber. Prestasi eksport kasar dijangka terus disokong oleh pertumbuhan positif yang kecil dalam eksport komoditi selepas mengalami penguncupan selama dua tahun berturut-turut. Eksport perkhidmatan dijangka meningkat berikutan akaun perjalanan yang lebih kukuh, yang akan dirangsang oleh Tahun Melawat Malaysia 2014. Pada masa yang sama, import kasar dijangka meningkat pada kadar yang lebih cepat, didorong terutamanya oleh import barangan pengantara yang lebih tinggi. Dengan pertumbuhan import kekal teguh, lebihan akaun semasa dalam imbangan pembayaran dijangka lebih kecil pada tahun 2014. Walau bagaimanapun,

Pertumbuhan Lebih Tinggi Berikutan Peningkatan Semua Sektor Ekonomi

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan positif pada tahun 2014. Pemacu utama kepada pertumbuhan keseluruhan ialah sektor perkhidmatan dan perkilangan, yang akan mendapat manfaat daripada persekitaran ekonomi global yang bertambah baik meskipun pertumbuhan permintaan dalam negeri adalah lebih sederhana.

Jadual 1

KDNK Benar Mengikut Sektor (2005=100)

	2013*a*	2013*a*	2014*r*	2013*a*	2014*r*
	% daripada KDNK[1]	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)[1]	
Perkhidmatan	55.2	5.9	6.2	3.2	3.4
Perkilangan	24.5	3.4	3.5	0.8	0.9
Perlombongan dan kuari	8.1	0.5	1.6	0.0	0.1
Pertanian	7.1	2.1	3.8	0.2	0.3
Pembinaan	3.7	10.9	10.0	0.4	0.4
KDNK Benar	**100.0**	**4.7**	**4.5 ~ 5.5**	**4.7**	**4.5 ~ 5.5**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Sektor perkhidmatan dijangka terus berada di laluan pertumbuhan yang teguh pada tahun 2014. Pertumbuhan akan disokong terutamanya oleh aktiviti berkaitan pengeluaran seperti borong, pengangkutan dan penyimpanan sejajar dengan aktiviti perdagangan luar yang meningkat. Aktiviti berkaitan dengan penggunaan termasuk perdagangan runcit serta penginapan dan restoran akan disokong oleh perbelanjaan isi rumah, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Walau bagaimanapun, jumlah ketibaan pelancong yang lebih tinggi bersempena Tahun Melawat Malaysia 2014 akan memberikan sokongan kepada pertumbuhan. Dalam subsektor kewangan dan insurans, pertumbuhan dijangka bertambah baik terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi dalam segmen insurans. Segmen kewangan akan disokong oleh permintaan berterusan terhadap pembiayaan, terutamanya daripada entiti perniagaan.

Prospek bagi sektor perkilangan juga menggalakkan, diterajui oleh industri berorientasikan eksport, yang dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, sejajar dengan permintaan luar negeri yang bertambah baik (lihat `Prestasi Sektor Perkilangan Bertambah Baik Didorong Kelompok E&E dan Keluaran Berkaitan Sumber´). Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri, khususnya kelompok keluaran berkaitan pengguna seperti kelengkapan pengangkutan serta makanan dan minuman, dijangka lebih rendah daripada tahun 2013 sejajar dengan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana. Kelompok keluaran berkaitan pembinaan akan terus disokong oleh pelaksanaan berterusan pelbagai projek pembinaan.

Sektor pembinaan dijangka terus mencatat pertumbuhan yang tinggi pada tahun 2014, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Ini berikutan siapnya beberapa projek kejuruteraan awam yang besar yang akan lebih daripada mengimbangi kemajuan projek yang sedia ada dalam pengangkutan, utiliti, serta minyak dan gas. Walaupun beberapa projek lebuh raya dan loji tenaga dijangka mula dilaksanakan pada tahun 2014, projek-projek ini dijangka tidak akan memberikan sokongan yang besar kepada pertumbuhan keseluruhan sektor pembinaan pada tahun 2014.

Dalam sektor komoditi, pertumbuhan dalam pertanian dijangka bertambah baik disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi memandangkan kadar hasil dan jumlah pokok kelapa sawit yang telah matang meningkat. Pertumbuhan juga akan disokong oleh komoditi makanan, terutamanya ternakan dan perikanan. Prestasi yang lebih baik dijangka berlaku dalam sektor perlombongan disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi daripada medan minyak laut dalam dan marginal; serta penemuan minyak yang lebih banyak.

dengan prestasi eksport yang bertambah baik, eksport barangan dan perkhidmatan bersih dijangka memberi sumbangan negatif yang lebih rendah kepada pertumbuhan ekonomi pada tahun 2014.

Inflasi keseluruhan dijangka berada pada purata 3%-4% pada tahun 2014 (2013: 2.1%) disebabkan terutamanya oleh faktor kos dalam negeri. Ini termasuk pelarasan harga baru-baru ini berikutan rasionalisasi subsidi dan kesan limpahan pelarasan tersebut terhadap harga barangan dan perkhidmatan lain. Walau bagaimanapun, tekanan kos yang lebih tinggi akan dibendung sebahagiannya oleh tekanan harga luar negeri yang lebih rendah berikutan jangkaan harga makanan dan tenaga global yang lebih rendah. Peningkatan berterusan dalam kapasiti dalam negeri serta permintaan dalam negeri yang lebih sederhana juga akan menyumbang kepada pengurangan tekanan kos.

Meskipun permintaan dalam negeri lebih sederhana, asas-asas ekonomi Malaysia kekal kukuh. Pertumbuhan akan dipacu oleh sektor swasta merentas pelbagai aktiviti ekonomi. Yang penting, guna tenaga terus kukuh dan pendapatan semakin meningkat. Sistem kewangan adalah berdaya tahan, dengan pengantaraan kewangan dijangka memberikan sokongan berterusan kepada aktiviti pelaburan dan penggunaan. Di samping itu, kedudukan luaran Malaysia kekal teguh, dengan rizab antarabangsa berada pada paras yang kukuh manakala hutang luar negeri pula berada pada paras yang berhemat.

Meskipun tumpuan utama prospek ekonomi Malaysia adalah berlandaskan andaian peningkatan beransur-ansur dalam permintaan luar negeri, namun risiko pertumbuhan global akan menjadi lebih rendah masih lagi wujud. Risiko pertumbuhan akan menjadi lebih rendah ini boleh menjejaskan prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 2014. Dalam ekonomi maju, kapasiti berlebihan dalam pasaran pekerja dan produk masih wujud manakala ketidakpastian fiskal pula mungkin mempengaruhi kadar pemulihan. Ekonomi sedang pesat membangun juga mungkin mengalami permintaan dalam negeri yang lebih perlahan daripada jangkaan berikutan langkah-langkah dasar untuk menangani risiko dalam negeri akibat pertumbuhan yang tinggi dalam kredit dan harga aset. Seperti pada tahun 2013, turun naik dalam pasaran kewangan global boleh menyumbang kepada kemunculan semula potensi aliran modal yang besar dan tidak menentu. Namun demikian, pengalaman lalu telah menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai keupayaan untuk bertahan dalam menghadapi aliran modal yang tidak menentu. Sebagai contoh, berikutan pembayaran balik hutang yang ketara semasa kemuncak krisis dalam ekonomi maju, Malaysia mengalami kebalikan modal oleh bukan pemastautin yang berjumlah RM113.4 bilion antara suku kedua 2008 dengan suku kedua 2009, tanpa menganggu proses pengantaraan kewangan. Pasaran modal Malaysia yang lebih maju, kedudukan luaran yang berdaya tahan serta sistem perbankan yang kukuh akan terus memberikan keupayaan dan fleksibiliti dasar kepada negara untuk menyerap turun naik dalam aliran modal. Walau bagaimanapun, ekonomi boleh mencapai prestasi pertumbuhan lebih kukuh jika kadar pemulihan global melebihi jangkaan.

Permintaan dalam negeri terus menjadi tonggak pertumbuhan

Permintaan dalam negeri dijangka berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 6.9% pada tahun 2014 (2013: 7.6%), mencerminkan konsolidasi sektor awam yang sedang dijalankan. Permintaan dalam negeri akan disokong oleh penggunaan swasta dan pelaburan.

Permintaan dalam negeri swasta menjadi tonggak pertumbuhan berikutan perbelanjaan awam yang lebih rendah

Pertumbuhan **pelaburan swasta** dijangka kekal teguh pada kadar 12.6% pada tahun 2014, iaitu pertumbuhan dua angka untuk tahun kelima berturut-turut. Unjuran kadar pertumbuhan adalah lebih tinggi berbanding pertumbuhan purata 8.8% dalam tempoh tahun 2000-2012. Hasil dapatan daripada tinjauan yang dijalankan oleh Bank terhadap sektor perniagaan menyarankan bahawa pelaburan adalah menyeluruh dan lebih pelbagai dari segi geografi, disokong oleh permintaan luar negeri yang bertambah baik dan pertumbuhan yang berterusan dalam

penggunaan dalam negeri. Iklim pelaburan yang terus bertambah baik juga akan menarik pelaburan baharu dan terus menyokong pelaksanaan projek yang sedang dijalankan yang mempunyai tempoh penyiapan yang panjang. Ini termasuk projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan pembangunan koridor ekonomi wilayah.

Dalam sektor perkhidmatan, pelaburan swasta dijangka didorong oleh pelaburan dalam sektor berorientasikan pasaran dalam negeri. Perbelanjaan modal dalam sektor penjagaan kesihatan dan pendidikan dijangka disokong oleh permintaan yang semakin tinggi, sejajar dengan pembangunan Malaysia sebagai hab perubatan dan pendidikan. Pelaburan dalam segmen telekomunikasi dan penerbangan akan disokong oleh infrastruktur yang dinaik taraf dan pengembangan kapasiti, manakala pelaburan hotel dan runcit akan berkembang, disokong oleh aktiviti perbelanjaan dalam negeri dan pelancongan. Pelaburan dalam segmen harta kediaman juga dijangka kekal kukuh, disokong oleh pembinaan harta kediaman kos sederhana. Ini selaras dengan langkah yang telah diambil oleh pemaju swasta dan Kerajaan untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat terhadap rumah mampu milik oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan juga dijangka meningkat pada tahun 2014, didorong pelaburan yang lebih tinggi dalam sektor E&E dan juga pelaburan yang berterusan dalam kelompok perkilangan berorientasikan dalam negeri. Pemulihan dalam permintaan luar negeri dijangka menyokong pelaburan dalam teknologi baharu dalam sektor E&E, manakala pempelbagaian yang berterusan ke dalam bidang pertumbuhan baharu, seperti kelengkapan perubatan, optik dan solar, akan terus menyumbang kepada pemulihan dalam pelaburan perkilangan. Di samping itu, pelaburan dalam kelompok keluaran berkaitan dengan pembinaan, khususnya keluli dan simen, akan terus disalurkan ke arah memenuhi permintaan untuk pelaksanaan projek pembinaan yang sedia ada. Tambahan pula, seperti yang diumumkan dalam Bajet 2014, pakej bersepadu RM120 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada PKS akan membolehkan syarikat perniagaan meningkatkan keupayaan dan melabur dalam penjenteraan (mechanisation) dan teknologi baharu dalam menghadapi kos yang lebih tinggi. Ini dijangka menyokong peningkatan produktiviti dan peralihan PKS kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi.

Jadual 4.1

KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan (2005=100)

	2013*a*	2014*r*	2013*a*	2014*r*
	Perubahan tahunan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)	
Permintaan Dalam Negeri[1]	**7.6**	**6.9**	**6.9**	**6.4**
Perbelanjaan sektor swasta	9.0	8.3	5.9	5.7
Penggunaan	*7.6*	*6.9*	*3.8*	*3.6*
Pelaburan	*13.6*	*12.6*	*2.1*	*2.1*
Perbelanjaan sektor awam	3.7	2.9	0.9	0.7
Penggunaan	*6.3*	*3.0*	*0.8*	*0.4*
Pelaburan	*0.7*	*2.9*	*0.1*	*0.3*
Perubahan dalam Stok			**-0.2**	**-0.5**
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan	**-22.9**	**-10.3**	**-2.0**	**-0.6**
Eksport	-0.3	2.1		
Import	1.9	3.1		
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar	**4.7**	**4.5 ~ 5.5**	**4.7**	**4.5 ~ 5.5**

[1] Tidak termasuk stok
a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pelaburan dalam sektor perlombongan akan berterusan disokong oleh pembinaan kemudahan pengeluaran berkaitan dengan projek medan minyak laut dalam yang sedia ada dan juga pelaburan dalam medan minyak marginal. Di samping itu, harga tenaga yang kukuh akan terus menggalakkan penerokaan dan penemuan medan minyak baharu.

Penggunaan swasta dijangka berkembang sebanyak 6.9% pada tahun 2014 (2013: 7.6%). Pengembangan sederhana ini ke arah pertumbuhan purata jangka panjangnya sebanyak 6.6% (1990-2013) adalah selepas pertumbuhan kukuh dua tahun berturut-turut. Pertumbuhan yang lebih sederhana dalam perbelanjaan isi rumah adalah susulan keadaan harga yang lebih tinggi serta ketidaktentuan yang lebih ketara.

Walau bagaimanapun, prospek pendapatan yang menggalakkan dijangka menyokong penggunaan swasta pada masa hadapan. Pertumbuhan gaji dalam sektor berorientasikan eksport dijangka bertambah baik memandangkan sektor ini mendapat manfaat daripada prestasi sektor luar negeri yang lebih baik. Gaji dalam sektor berorientasikan pasaran dalam negeri dijangka kekal stabil. Pelaksanaan dasar gaji minimum oleh sebilangan syarikat juga akan menyokong gaji walaupun pada takat yang lebih rendah berbanding tahun 2013. Di samping itu, bantuan Kerajaan yang disasarkan kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana dijangka meringankan sebahagian daripada beban kenaikan harga terhadap perbelanjaan isi rumah tersebut.

Pasaran pekerja dijangka terus menyokong penggunaan swasta, dengan kadar pengangguran dijangka kekal stabil pada 3.1% (2013: 3.1%). Pertumbuhan guna tenaga dijangka terus melebihi purata 3% yang dicatat selepas Krisis Kewangan Global (GFC), tetapi lebih sederhana berbanding 4.8% pada tahun 2013. Permintaan terhadap pekerja akan disokong oleh keadaan ekonomi global yang bertambah baik, yang terutamanya akan memberikan manfaat kepada industri berorientasikan eksport, dan pengembangan yang mampan dalam aktiviti ekonomi dalam negeri.

Pertumbuhan dalam kredit isi rumah dijangka menjadi lebih perlahan pada tahun 2014, disebabkan sebahagiannya oleh pelbagai langkah yang dilaksanakan oleh Bank pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, kesan langkah-langkah ini terhadap pertumbuhan penggunaan swasta dijangka kecil memandangkan isi rumah dengan kedudukan kredit yang baik akan terus mempunyai akses kepada kredit.

Perbelanjaan sektor awam dijangka menjadi sederhana pada tahun 2014, selaras dengan komitmen Kerajaan yang berterusan terhadap konsolidasi fiskal. **Penggunaan awam** dijangka mencatat pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 3%, mencerminkan perbelanjaan lebih sederhana ke atas bekalan dan perkhidmatan; dan emolumen.

Pelaburan awam akan mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 2.9%, disokong pelaburan perusahaan awam (PA) dan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan. Pelaburan oleh PA mencerminkan pelaksanaan berterusan projek infrastruktur utama, khususnya dalam subsektor minyak dan gas, utiliti dan pengangkutan. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan disalurkan terutamanya ke arah langkah memperbaiki akses dan kesalinghubungan infrastruktur pengangkutan bandar dan luar bandar. Dalam sektor perkhidmatan sosial, perbelanjaan akan disalurkan terutamanya kepada subsektor pendidikan, latihan dan penjagaan kesihatan.

Peningkatan permintaan luar negeri
Sejajar dengan permintaan luar negeri yang bertambah baik, prestasi eksport Malaysia dijangka meningkat pada tahun 2014. Eksport kasar diunjurkan berkembang sebanyak 5.8% pada tahun 2014 berikutan permintaan yang meningkat daripada ekonomi maju dan pertumbuhan mampan negara serantau.

Permintaan luar negeri akan bertambah baik hasil daripada aktiviti ekonomi global yang terus berkembang

Pertumbuhan eksport perkilangan dijangka bertambah baik pada tahun 2014, didorong oleh eksport produk E&E dan bukan E&E. Eksport produk E&E dijangka berkembang pada kadar yang sederhana pada tahun 2014, disokong oleh aktiviti pelaburan di AS yang bertambah baik, khususnya perbelanjaan syarikat untuk kelengkapan berkaitan teknologi maklumat. Meskipun subsegmen komputer peribadi kekal penting, pengilang terus mempelbagaikan rangkaian keluaran mereka untuk memenuhi keperluan subsegmen peranti mudah alih dan automotif yang sedang berkembang pesat. Eksport bukan E&E dijangka terus berkembang, disokong oleh permintaan serantau yang berterusan terhadap keluaran berasaskan sumber dan eksport semula keluaran petroleum berikutan pengembangan berterusan dalam kapasiti penyimpanan petroleum (lihat `Aktiviti Eksport Semula Memberikan Sokongan yang Meningkat kepada Perdagangan Malaysia´).

Prestasi eksport juga akan disokong oleh pertumbuhan positif yang kecil dalam eksport komoditi selepas mengalami penguncupan dua tahun berturut-turut. Prestasi eksport komoditi yang lebih baik ini akan disokong oleh peningkatan permintaan global terhadap komoditi dan penurunan harga komoditi yang lebih kecil. Penurunan harga yang lebih kecil ini disebabkan

Evolusi Kedudukan Kewangan Isi Rumah dan Implikasi Terhadap Penggunaan Swasta

Pengenalan

Kedudukan kewangan isi rumah di Malaysia telah melalui perubahan yang ketara sejak sedekad yang lalu. Saiz kedudukan kewangan telah berkembang dengan nyata sejak beberapa tahun yang lalu, seperti dicerminkan dalam aset dan hutang isi rumah yang semakin meningkat. Komposisi kedudukan kewangan juga telah berubah, dengan pemegangan aset kewangan dan harta tanah yang lebih tinggi. Rencana ini menghuraikan perubahan struktur kedudukan kewangan isi rumah dan membincangkan pemacu utama di sebalik perubahan tersebut. Rencana ini juga mengkaji kesan perubahan ini ke atas penggunaan swasta dan menggariskan implikasi dasar pada masa depan.


Evolusi Kedudukan Kewangan Isi Rumah[1]

Kedudukan kewangan isi rumah memberikan gambaran tentang aset dan liabiliti isi rumah. Aset mencerminkan sumber untuk perbelanjaan pada masa akan datang, dan adalah dalam bentuk aset mudah tunai[2] (contohnya, deposit, dana unit amanah dan pelaburan langsung dalam pasaran saham) dan aset yang secara relatif kurang mudah tunai (contohnya, kekayaan perumahan[3] dan caruman wajib kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja). Hutang isi rumah merupakan liabiliti yang perlu dibayar balik pada masa akan datang dan terdiri daripada pinjaman untuk membeli harta tanah dan sekuriti, serta membiayai penggunaan[4].

Terdapat dua trend utama dalam kedudukan kewangan isi rumah di Malaysia. Pertama, saiz kedudukan kewangan telah berkembang sejak tahun 2002. Jumlah aset isi rumah berkembang pada kadar tahunan purata 10.4% dalam tempoh 2003-2013 kepada 321.6% daripada KDNK pada akhir tahun 2013, manakala hutang isi rumah meningkat sebanyak 12.7% setiap tahun kepada 86.8% daripada KDNK pada akhir tahun 2013 (Rajah 1 dan 2). Dari segi tahap, aset isi rumah terus melebihi hutang sebanyak 3.7 kali. Trend ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan pendapatan isi rumah, yang membantu pengumpulan aset melalui penambahan dalam simpanan dan peminjaman.

Rajah 1

Komposisi Aset Isi Rumah




a Anggaran, data kekayaan perumahan hanya boleh diperoleh sehingga S3 2013

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 2

Komposisi Hutang Isi Rumah



Sumber: Bank Negara Malaysia

[1] Hanya aset dan liabiliti dalam negeri dimasukkan dalam analisis ini kerana tiada pecahan mengikut ejen ekonomi dalam statistik Kedudukan Pelaburan Antarabangsa mengenai aset dan liabiliti luar negeri.
[2] Aset mudah tunai ialah aset yang boleh ditukar kepada wang tunai dengan cepat dan dengan kerugian nilai yang minimum.
[3] Kekayaan perumahan dianggarkan dengan mendarabkan purata harga rumah kebangsaan dengan jumlah bilangan harta kediaman, tidak termasuk unit yang tidak terjual.
[4] Pinjaman untuk penggunaan terdiri daripada pinjaman untuk membeli kenderaan bermotor, untuk kegunaan peribadi dan kemudahan kad kredit.

Kedua, komposisi aset isi rumah kini lebih pelbagai. Meskipun tahap deposit terus meningkat, namun bahagiannya daripada jumlah aset menunjukkan trend yang semakin sederhana. Pada masa yang sama, pengumpulan aset dalam dana unit amanah dan ekuiti semakin bertambah (Rajah 3). Trend ini bukan sahaja mencerminkan pasaran kewangan domestik yang lebih maju yang menawarkan pelbagai rangkaian produk dan perkhidmatan, tetapi juga disebabkan oleh permintaan kewangan isi rumah yang lebih canggih dan peningkatan tahap kesedaran mengenai instrumen simpanan alternatif. Sementara itu, kekayaan perumahan terus menjadi komponen terbesar aset isi rumah[5].


Dari perspektif pengagihan, kebanyakan daripada pengumpulan kekayaan disumbangkan oleh isi rumah berpendapatan tinggi yang mampu menyimpan bahagian yang lebih besar daripada pendapatan mereka. Rajah 4 menunjukkan taburan isi rumah mengikut kumpulan pendapatan dan proksi pemilikan aset berdasarkan data aliran merentas kumpulan pendapatan[6]. Berbanding dengan isi rumah berpendapatan rendah, isi rumah dengan pendapatan bulanan melebihi RM5,000 (mencakupi bahagian sebanyak 33.7% daripada jumlah isi rumah) mencatat bahagian lebih besar daripada perbelanjaan yang disalurkan kepada pengumpulan aset kewangan (65.8%) dan perolehan daripada pendapatan sewa[7] (60.1%).

Implikasi Terhadap Penggunaan Swasta

Perubahan saiz dan struktur kedudukan kewangan isi rumah mempunyai implikasi yang penting terhadap penggunaan swasta. Dari segi aset, pengumpulan aset harta tanah dan kewangan telah membolehkan isi rumah di Malaysia mendapat manfaat daripada kenaikan harga aset sejak kebelakangan ini, lantas menyokong penggunaan swasta. Secara konsepnya, harga aset mempengaruhi perbelanjaan isi rumah yang memiliki aset melalui tiga saluran utama (Skudelny, 2009). Pertama, isi rumah boleh menjual aset mereka untuk membiayai perbelanjaan. Saluran ini lebih kukuh bagi aset kewangan yang lebih mudah tunai, memandangkan keuntungan modal dapat ditunaikan dengan lebih cepat. Kedua, apabila aset berfungsi sebagai simpanan persaraan, kenaikan dalam nilai aset ini menyebabkan berkurangnya jumlah yang dianggap perlu disimpan sekarang bagi pembiayaan

Rajah 3

Jumlah Aset Isi Rumah Mengikut Komponen




a Anggaran, data kekayaan perumahan hanya boleh diperoleh sehingga S3 2013

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 4

Pendapatan Sewa dan Perbelanjaan bagi Pengumpulan Aset Kewangan Mengikut Kumpulan Pendapatan



Sumber : Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2009/2010 dan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2012, Jabatan Perangkaan Malaysia

[5] Bagi liabiliti isi rumah, pinjaman untuk pembelian harta kekal sebagai komponen terbesar. Pinjaman peribadi menyumbang bahagian yang lebih besar sejak tahun 2002 walaupun pertumbuhannya menjadi sederhana pada tahun 2013. Rujuk Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2013 untuk analisis terperinci mengenai liabiliti isi rumah.

[6] Statistik tentang stok aset isi rumah mengikut kumpulan pendapatan tidak boleh didapati.

[7] Pendapatan sewa, bagaimanapun, hanya membentuk sebahagian kecil daripada jumlah pendapatan bagi semua golongan pendapatan.

perbelanjaan masa depan. Akhir sekali, aset boleh dijadikan cagaran untuk membolehkan isi rumah membuat pinjaman berdasarkan nilai aset mereka. Meskipun ketiga-tiga saluran tersebut memberi manfaat kepada pemilik aset, namun harga aset yang lebih tinggi, terutamanya harta tanah, meningkatkan kecenderungan untuk menambah hutang dalam kalangan pembeli rumah. Ini mengurangkan pendapatan boleh guna isi rumah tersebut pada masa depan, yang mungkin akan mengimbangi sebahagian daripada kesan kekayaan yang positif terhadap penggunaan swasta.

Dari segi liabiliti, peminjaman untuk membiayai penggunaan telah membolehkan isi rumah melaraskan corak perbelanjaan mereka. Isi rumah yang mempunyai akses kepada kredit boleh membuat pinjaman bagi membeli barangan tahan lama dan juga menampung penggunaan sepanjang tempoh pendapatan yang lebih rendah. Namun, sebahagian daripada pendapatan perlu diketepikan untuk membayar balik hutang pada masa depan. Penggunaan tidak ditingkatkan secara tetap tetapi sebaliknya diawalkan, lantas mengehadkan peningkatan penggunaan akan datang. Oleh itu, kemampanan penggunaan swasta memerlukan keupayaan isi rumah untuk membayar balik yang selaras dengan obligasi hutang mereka pada masa akan datang.

Untuk memahami peranan saluran-saluran tersebut bagi penggunaan swasta, fungsi penggunaan agregat bagi ekonomi Malaysia telah dianggarkan[8]. Penentu yang diambil kira ialah pendapatan, kekayaan perumahan, kekayaan kewangan[9], pengeluaran kredit penggunaan dan pembayaran balik kredit penggunaan. Sumbangan setiap penentu kepada penggunaan swasta dianggarkan dan ditunjukkan dalam Rajah 5.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendapatan ialah pendorong penggunaan swasta yang paling penting, dengan sumbangan purata sebanyak 67.4% daripada pertumbuhan penggunaan swasta dalam tempoh tersebut. Ini menunjukkan bahawa penggunaan swasta disokong secara konsisten oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pertumbuhan pendapatan yang mampan. Sejak tahun 2005, kekayaan perumahan dan kewangan telah menyokong penggunaan swasta, masing-masing mencakupi sebanyak 14.5% dan 13.7% daripada pertumbuhan penggunaan swasta. Sumbangan

Jadual 1


Sumbangan Purata Penentu Pertumbuhan Penggunaan Swasta (2005-S2 2013)

Penentu	Sumbangan (%)
Pendapatan boleh guna	67.4
Kekayaan perumahan	14.5
Kekayaan kewangan	13.7
Pengeluaran kredit penggunaan	0.3
Pembayaran balik kredit penggunaan	-0.2
Lain-lain	4.3

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 5

Pemacu Pertumbuhan Penggunaan Swasta



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

[8] Error correction model (ECM) digunakan. Kekayaan perumahan dan kewangan dianggarkan sebagai nilai kekayaan bersih daripada nilai pinjaman terkumpul yang digunakan untuk membelinya (contohnya, kekayaan kewangan ditolak pinjaman terkumpul bagi pembelian sekuriti).

[9] Kekayaan kewangan merujuk kepada pemegangan dana unit amanah oleh isi rumah. Pemegangan ekuiti langsung dikecualikan kerana tiada data suku tahunan yang sesuai.

ini telah meningkat dalam tempoh selepas krisis kewangan global. Meskipun peranan pengeluaran kredit penggunaan secara purata kecil, namun ia menyumbang dengan nyata kepada penggunaan swasta dalam tempoh tertentu[10]. Ini menunjukkan bahawa kredit penggunaan tidak meningkatkan perbelanjaan secara tetap, tetapi sebaliknya membantu isi rumah untuk mengagihkan semula penggunaan dari semasa ke semasa atau membeli barangan tahan lama[11].

Dapatan daripada kajian ekonometrik tersebut adalah berkaitan dengan penggunaan swasta agregat. Penentu penggunaan swasta dijangka berbeza mengikut kumpulan pendapatan. Pendapatan dijangka menyumbang bahagian yang lebih besar kepada pertumbuhan penggunaan swasta bagi isi rumah berpendapatan rendah, memandangkan mereka mempunyai kecenderungan mengguna sut (marginal propensity to consume) yang lebih tinggi (Murugasu, Ang dan Tng, 2013). Oleh itu, agihan pendapatan isi rumah yang lebih baik dijangka menyokong penggunaan swasta secara keseluruhan. Sementara itu, kesan kekayaan mungkin lebih besar bagi isi rumah berpendapatan tinggi memandangkan mereka cenderung untuk memiliki lebih banyak aset perumahan dan kewangan.

Implikasi Dasar

Dapatan kajian menyarankan bahawa perkembangan kedudukan kewangan menjadi pertimbangan yang semakin penting untuk analisis dasar atas dua sebab utama. Pertama, perubahan harga aset mempunyai kesan penting ke atas perbelanjaan isi rumah. Contohnya, pertukaran arah dalam peningkatan harga aset dalam tahun-tahun kebelakangan ini dijangka mengurangkan kekayaan, yang mungkin akan menyebabkan isi rumah mengurangkan perbelanjaan mereka. Oleh itu, dasar perlu memberikan tumpuan pada kemampanan harga aset dan kesan limpahannya kepada ekonomi. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada kesan ini telah berkurangan kerana bahagian yang lebih besar daripada kekayaan perumahan dan kewangan dipegang oleh isi rumah berpendapatan tinggi yang mempunyai penampan simpanan yang lebih besar. Isi rumah dengan pendapatan bulanan melebihi RM5,000 menyimpan kira-kira satu perlima daripada pendapatan mereka dan lebih mampu menampung penggunaan dalam keadaan pergerakan harga aset yang ketara. Namun, usaha memastikan harga aset mencerminkan asas ekonomi terus menjadi keutamaan dasar, memandangkan kemungkinan wujudnya implikasi negatif daripada pembetulan mendadak harga aset terhadap kestabilan makroekonomi dan kewangan.

Kedua, perubahan dalam pendapatan isi rumah kini boleh menimbulkan implikasi besar kepada ekonomi benar dan kestabilan kewangan. Ia bukan sahaja menjejaskan keupayaan isi rumah untuk berbelanja dalam tempoh tertentu bahkan keupayaan mereka untuk membayar hutang. Sebagai contoh, jika individu yang bertanggungjawab untuk menyara hidup isi rumah yang berhutang hilang pekerjaannya, maka isi rumah mungkin terpaksa terus mengurangkan perbelanjaan untuk membayar balik hutang atau berhadapan dengan kemungkiran. Walau bagaimanapun, kebimbangan ini sebahagiannya telah dikurangkan oleh pemegangan aset. Aset kewangan mudah tunai isi rumah ialah 1.6 kali hutang terkumpul, cukup untuk menampung liabiliti mereka sekiranya berlaku kejutan pendapatan. Di samping itu, 52% daripada hutang isi rumah digunakan untuk membeli harta tanah, justeru hutang disokong oleh aset fizikal. Walau bagaimanapun, dari perspektif pengagihan, Bank terus memantau rapi pemberian pinjaman kepada isi rumah berpendapatan rendah. Isi rumah berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan mempunyai tanggungan hutang yang lebih banyak berbanding mereka dalam kumpulan pendapatan lain, dan oleh itu lebih mudah terjejas oleh kejutan pendapatan. Oleh itu, amat penting bagi dasar untuk terus memastikan bahawa isi rumah hanya meminjam mengikut kemampuan mereka.

Dengan mengambil kira kesemua faktor ini, Kerajaan dan Bank telah melaksanakan dasar awalan untuk mengelakkan kedudukan kewangan isi rumah daripada menjadi sumber risiko sistemik. Dalam

[10] Sebagai contoh, antara S2 hingga S4 2009, pengeluaran kredit penggunaan secara purata menyumbang sebanyak 0.6 mata peratusan kepada pertumbuhan sebanyak 1.0% dalam penggunaan swasta keseluruhan. Ini sejajar dengan penurunan Kadar Dasar Semalaman oleh Bank untuk menyokong pemulihan ekonomi dalam tempoh ini.

[11] Pembayaran balik pinjaman tidak memberi kesan besar ke atas penggunaan swasta dalam model ini. Perkara ini mungkin mencerminkan ketiadaan episod pembayaran balik hutang (deleveraging episode) yang meluas terhadap kedudukan kewangan isi rumah dalam tempoh kajian. Pembayaran balik pinjaman dijangka menjejaskan penggunaan dalam episod tersebut. Sebagai contoh, Dynan (2012) mendapati pemilik rumah dengan hutang yang tinggi di Amerika Syarikat mengalami pengurangan yang lebih besar dalam penggunaan antara tahun 2007 hingga 2009, selepas mengambil kira kesan kekayaan daripada harga rumah yang lebih rendah.

Bajet 2014, Kerajaan telah menaikkan cukai keuntungan harta tanah (real property gains tax, RPGT) dan harga minimum harta tanah yang boleh dibeli oleh warga asing. Langkah-langkah ini bertujuan membendung spekulasi dan memastikan kenaikan harga harta tanah adalah selaras dengan asas ekonomi. Bank juga telah memperkenalkan langkah kehematan makro secara berperingkat sejak tahun 2010 untuk mengelak hutang isi rumah yang berlebihan dan memastikan amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab. Langkah-langkah ini adalah sebahagian daripada trend meluas penggunaan dasar kehematan makro yang lebih aktif untuk menguruskan risiko yang berkaitan dengan ketidakseimbangan kewangan dan pengambilan hutang yang berlebihan. RR China, China Taipei, Hong Kong SAR, Singapura dan Indonesia telah memperkenalkan langkah-langkah kehematan makro untuk menguruskan harga harta tanah atau mengurangkan peningkatan yang tidak wajar dalam paras hutang isi rumah.

Kesimpulan

Kedudukan kewangan isi rumah telah berkembang sepanjang dekad yang lalu dari segi aset dan hutang, selain menjadi lebih pelbagai. Perkembangan ini telah membantu menyokong penggunaan swasta dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Pada masa akan datang, kedudukan kewangan isi rumah akan terus berkembang dan mempunyai implikasi ke atas kebajikan isi rumah, penggunaan swasta dan pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, adalah disedari bahawa pengambilan hutang berlebihan yang tidak sepadan dengan pendapatan akan menyebabkan isi rumah lebih terdedah kepada kejutan negatif, dan seterusnya menimbulkan risiko kepada perbelanjaan isi rumah dan pertumbuhan yang mampan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk terus menilai perkembangan kewangan dan mengambil tindakan awalan untuk mengurangkan peningkatan dalam ketidakseimbangan, apabila perlu.

Rujukan

Dynan, K. (2012), `Is a Household Debt Overhang Holding Back Consumption?´ Brookings Papers on Economic Activity, (Spring 2012), pp. 299-362.

Murugasu, D., Ang, J.W. & Tng, B.H. (2013), `The Marginal Propensity to Consume across Household Income Groups´, Bank Negara Malaysia Working Paper Series, WP2/2013.

Prestasi Sektor Perkilangan Bertambah Baik Didorong Kelompok E&E dan Keluaran Berkaitan Sumber

Permintaan luar negeri yang bertambah baik berikutan pemulihan dalam pertumbuhan global dijangka memberikan manfaat kepada sektor perkilangan. Ini secara khususnya berkaitan dengan industri berorientasikan eksport, yang terdiri daripada kelompok E&E dan kelompok keluaran berkaitan sumber, dengan kedua-duanya mencakupi 80% daripada pengeluaran perkilangan di Malaysia. Dalam kelompok E&E, pertumbuhan akan didorong terutamanya oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap separa konduktor, khususnya untuk kegunaan akhir dalam peranti mudah alih, tablet dan kenderaan bermotor. Berikutan prestasi pertumbuhan separa konduktor yang positif sejak beberapa tahun kebelakangan ini serta kelembapan prestasi segmen komputer peribadi dan komponen selepas tercetusnya GFC, separa konduktor kini menjadi penyumbang terbesar kepada eksport E&E Malaysia, mencakupi bahagian sebanyak 39.7% daripada jumlah eksport E&E (2006: bahagian sebanyak 31.1%). Pertumbuhan turut disokong kelompok keluaran berkaitan sumber, yang disokong permintaan serantau yang berterusan terhadap kimia, petroleum bertapis dan keluaran getah.

oleh kenaikan harga minyak sawit mentah (MSM), yang sebahagiannya akan mengimbangi harga gas asli cecair (LNG), minyak mentah dan getah yang lebih rendah.

Import kasar dijangka meningkat pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 8.9% pada tahun 2014. Import barangan pengantara, yang membentuk sebahagian besar daripada import Malaysia, dijangka meningkat pada tahun 2014 kerana pengilang meningkatkan pengeluaran untuk memenuhi tempahan eksport yang lebih tinggi. Di samping itu, pertumbuhan yang berterusan bagi aktiviti pelaburan dalam negeri dan penggunaan, masing-masing akan terus menyokong import barangan modal dan barangan penggunaan.

Dalam akaun perkhidmatan, unjuran defisit yang lebih kecil akan disokong oleh peningkatan jumlah ketibaan pelancong dan perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi bersempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2014. Namun, pertumbuhan import akan didorong oleh pembayaran yang berterusan untuk pengangkutan dan perkhidmatan lain, sejajar dengan pengembangan aktiviti perdagangan dan pelaburan pada tahun 2014.

Dalam akaun pendapatan, pendapatan daripada syarikat Malaysia di luar negeri dijangka meningkat berikutan prospek ekonomi global yang bertambah baik. Namun, peningkatan pendapatan ini mungkin diimbangi oleh keuntungan dan dividen terakru kepada syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia berikutan pemulihan dalam eksport perkilangan. Oleh itu, akaun pendapatan dijangka terus mencatat aliran keluar bersih pada tahun 2014.

Secara keseluruhan, dengan pemulihan beransur-ansur dalam eksport, eksport barangan dan perkhidmatan bersih akan memberikan sumbangan negatif yang lebih rendah kepada pertumbuhan benar pada tahun 2014. Namun demikian, dengan pertumbuhan import yang terus kukuh dan pemulihan eksport yang sederhana, lebihan akaun semasa imbangan pembayaran pada tahun 2014

Jadual 4.2

Perdagangan Luar Negeri

	2013*a*	2014*r*
	Perubahan tahunan (%)	
Eksport kasar	**2.4**	**5.8**
antaranya:		
Perkilangan	5.7	7.2
Pertanian	-17.0	8.5
Mineral	3.8	-4.1
Import kasar	**7.0**	**8.9**
antaranya:		
Barangan modal	2.8	7.2
Barangan pengantara	4.3	6.0
Barangan penggunaan	8.7	8.5
Imbangan perdagangan	**-26.4**	**-22.7**

a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Aktiviti Eksport Semula Memberikan Sokongan yang Meningkat kepada Perdagangan Malaysia

Satu perkembangan yang ketara dalam struktur perdagangan Malaysia dalam tahun-tahun kebelakangan ini ialah peningkatan dalam aktiviti eksport semula. Pada dasarnya, eksport sesuatu barangan dianggap sebagai eksport semula jika barangan itu dieksport ke luar negeri dalam bentuk yang sama seperti ketika diimport tanpa melalui apa-apa perubahan besar. Barangan untuk dieksport semula dicatat dalam data perdagangan Kastam bagi eksport dan import. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada barangan ini tidak termasuk dalam kompilasi akaun barangan dalam statistik Imbangan Pembayaran (Balance of Payments, BOP). Ini termasuk barangan yang diimport dan kemudian dieksport tanpa melibatkan sebarang pertukaran dalam pemilikan.

Aktiviti eksport semula merupakan sebahagian daripada perdagangan Malaysia untuk beberapa dekad, tetapi sehingga tahun 2010, ia hanya menyumbang bahagian yang kecil sahaja daripada jumlah eksport. Pertumbuhan kukuh aktiviti eksport semula Malaysia dalam tahun-tahun kebelakangan ini dikaitkan dengan peningkatan pesat dalam eksport semula produk petroleum. Ini mencerminkan penambahan berterusan kapasiti penyimpanan petroleum, memandangkan Malaysia berusaha untuk menjadi hab penyimpanan dan perdagangan minyak serantau, seperti digariskan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Seterusnya, bahagian eksport semula kepada jumlah eksport kasar meningkat lebih sekali ganda kepada 12.8% pada tahun 2013 daripada 5.6% pada tahun 2010.


Dari segi komposisi, bahagian eksport semula produk petroleum berkembang dengan nyata dalam tahun-tahun kebelakangan ini berikutan terdapatnya kapasiti penyimpanan yang lebih besar. Pada masa ini, produk petroleum merupakan bahagian terbesar daripada jumlah eksport semula Malaysia, mengatasi eksport semula produk E&E. Di samping itu, peningkatan aktiviti penggudangan (warehousing) untuk logam di Johor juga menyebabkan peningkatan dalam bahagian eksport semula barangan perkilangan logam.

Aktiviti eksport semula memberikan kesan limpahan positif terhadap ekonomi. Pertama, ia meningkatkan nilai ditambah industri berkaitan yang lain, termasuk subsektor perkhidmatan pengangkutan dan perkhidmatan penyimpanan serta sektor perkilangan dan pembinaan. Kedua, ia menyumbang kepada pewujudan peluang pekerjaan kemahiran pertengahan hingga tinggi, seperti jurutera dan pengendali dalam bidang masing-masing, lantas mewujudkan guna tenaga yang lebih tinggi, dan seterusnya peningkatan aktiviti penggunaan. Ketiga, pertumbuhan aktiviti eksport semula memberikan kesan positif secara langsung terhadap eksport perkhidmatan bersih dan pelaburan dalam terminal penyimpanan dan infrastruktur pelabuhan. Bagi Malaysia, walaupun limpahan positif daripada aktiviti eksport semula terhadap ekonomi masih agak kecil, namun ia dijangka meningkat dengan pesat pada masa akan datang. Pada ketika ini, kebanyakan aktiviti tertumpu sekitar perkhidmatan penggudangan dan perkhidmatan sokongan atau perkhidmatan tambahan lain mengikut keperluan pelanggan, seperti pemanasan dan pengadunan (heating and blending).

Pertumbuhan kukuh eksport semula produk petroleum dijangka berterusan, disokong oleh pengembangan seterusnya dalam kapasiti terminal penyimpanan petroleum. Ini akan terus meningkatkan sumbangan eksport semula kepada pertumbuhan Malaysia pada tahun-tahun yang akan datang.

Rajah 1

Bahagian Jumlah Eksport Semula Malaysia



[1]Termasuk jentera dan kelengkapan
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.3

Imbangan Pembayaran

	2013*a*	2014*r*
	RM bilion	
Barangan	102.7	93.7
Perkhidmatan	-15.0	-11.9
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**87.6**	**81.8**
Pendapatan utama	-35.2	-34.9
Pendapatan sekunder	-15.2	-16.0
Imbangan akaun semasa	**37.3**	**30.8**
% daripada PNK	***3.9***	***3.0***
Akaun modal	-0.0	
Akaun kewangan	-15.0	
Imbangan akaun modal dan kewangan	**-15.1**	
Kesilapan dan ketinggalan antaranya:	-7.5	
Penambahan nilai rizab disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing	*18.6*	
Imbangan keseluruhan	**14.6**	

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

dijangka lebih kecil pada RM30.8 bilion atau 3% daripada PNK.

Prospek Inflasi

Inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata pada 3%-4% pada tahun 2014 (2013: 2.1%) disebabkan terutamanya oleh faktor kos dalam negeri. Faktor ini termasuklah pelarasan harga yang dilaksanakan baru-baru ini ekoran rasionalisasi subsidi, dan kesan limpahan pelarasan ini terhadap harga barangan dan perkhidmatan yang lain. Walau bagaimanapun, tekanan yang lebih tinggi daripada faktor kos dalam negeri ini sebahagiannya akan dibendung oleh tekanan harga luaran yang lemah berikutan jangkaan harga makanan dan tenaga dunia yang lebih rendah. Peningkatan kapasiti dalam negeri yang berterusan dan permintaan dalam negeri yang sederhana juga akan membantu mengurangkan tekanan kos. Antara faktor yang boleh menjadikan risiko kepada inflasi menjadi lebih tinggi termasuklah permintaan dalam negeri yang lebih kukuh berikutan permintaan luar negeri yang lebih baik daripada jangkaan, kenaikan ketara dalam harga komoditi dunia dan kenaikan gaji berlebihan yang mengakibatkan kesan pusingan kedua. Walau bagaimanapun, selepas dibuat penilaian, risiko-risiko ini secara relatifnya rendah.

Di luar negeri, inflasi global akan kekal rendah disebabkan wujudnya kapasiti produktif yang berlebihan dan penawaran komoditi yang mencukupi untuk memenuhi permintaan global yang dijangka meningkat. Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Food and Agriculture Organisation of the United Nations, FAO)[2] mengunjurkan harga makanan dunia yang lebih rendah pada tahun 2014 kerana pengeluaran tanaman makanan utama, seperti jagung dan gandum, dijangka meningkat dengan ketara. Sementara itu, harga minyak mentah dunia dijangka kekal stabil, berpurata pada USD103.70 setong pada tahun 2014[3] (2013: USD104 setong). Penawaran minyak *shale* yang belum pernah terjadi sebelum ini serta pengeluarannya yang meningkat di AS, dan pengeluaran minyak mentah yang stabil oleh pengeluar minyak utama yang lain dijangka mencukupi untuk menampung permintaan minyak yang meningkat. Selain itu, risiko geopolitik di Timur Tengah yang semakin reda juga akan mengurangkan risiko gangguan penawaran minyak mentah. Sejajar dengan harga komoditi dunia yang rendah, tekanan inflasi yang berpunca daripada rakan import utama Malaysia juga dijangka sederhana. Tekanan harga luaran yang lebih sederhana ini akan membantu mengurangkan tekanan terhadap kos pengeluaran dalam negeri.

Inflasi keseluruhan akan didorong oleh faktor kos dalam negeri

Di dalam negeri pula, pelarasan menaik terhadap harga produk petroleum dan gula serta duti eksais yang lebih tinggi terhadap keluaran tembakau pada bulan-bulan terakhir 2013, bersama-sama dengan kenaikan tarif elektrik baru-baru ini pada bulan Januari 2014, akan menyumbang kepada inflasi yang lebih tinggi pada tahun 2014. Sementara pelarasan ini juga mungkin menyebabkan sedikit kesan limpahan terhadap harga barangan dan perkhidmatan

[2] Terbitan bertajuk `November 2013 Food Outlook´
[3] Harga purata minyak mentah Brent, Dubai dan West Texas Intermediate (WTI), dengan wajaran yang sama, seperti yang diunjurkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam laporan `World Economic Outlook´ bulan Januari 2014.

Menganggarkan Keluaran Potensi Malaysia

Keluaran potensi mencerminkan kapasiti produktif sesebuah ekonomi. Ia merupakan jumlah maksimum barangan dan perkhidmatan yang boleh dihasilkan oleh sesebuah ekonomi dalam jangka panjang tanpa memberikan tekanan menurun atau menaik terhadap harga. Jurang keluaran ialah ukuran perbezaan antara keluaran sebenar ekonomi dengan keluaran potensinya. Penggubal dasar membuat pemantauan teliti terhadap keluaran potensi dan jurang keluaran atas dua sebab utama. Pertama, anggaran pertumbuhan potensi bukan sekadar menunjukkan kepada penggubal dasar mengenai kadar pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam jangka panjang tetapi juga pemacu pertumbuhan. Kedua, jurang keluaran menggambarkan setakat mana sumber ekonomi telah terlebih atau terkurang digunakan, dan dengan itu memberikan pemahaman mendalam mengenai trend inflasi yang didorong permintaan. Sebagai contoh, jurang keluaran yang negatif menunjukkan wujud kelembapan dalam ekonomi dan tekanan harga akan menjadi rendah berikutan keadaan permintaan yang lemah. Sebaliknya, jurang keluaran yang positif menandakan ekonomi beroperasi melebihi paras potensinya. Jika keadaan ini berterusan, permintaan berlebihan yang sedia ada akan menyebabkan tekanan harga yang menaik terhadap faktor pengeluaran lantas menyebabkan paras harga umum meningkat.

Rencana ini mengetengahkan tiga pendekatan berbeza untuk menilai keluaran potensi dan jurang keluaran Malaysia[1] (Jadual 1). Pendekatan ini terdiri daripada kaedah penurasan berasaskan statistik, kaedah penuras multivariat berasaskan model makroekonomi dan kaedah struktur. Ketiga-tiga pendekatan ini melengkapi kaedah unjuran yang sedia ada yang menggunakan pendekatan fungsi pengeluaran, justeru meningkatkan lagi pemahaman mengenai hubungan antara keluaran potensi, jurang keluaran dan aktiviti ekonomi.

Jadual 1

Pelbagai Kaedah Penganggaran Jurang Keluaran

Kaedah Penganggaran	
Univariat	Trend Linear
	Univariate State Space
	Hodrick-Prescott
Multivariat	Penuras Kalman Multivariat (MVKF)
	Penuras Multivariat (MV)
Struktur	Struktur Vektor Autoregresi (SVAR)
	Fungsi pengeluaran Cobb-Douglas (CDPF)

Pada masa lalu, keluaran potensi dianggarkan melalui trend linear mekanistik yang mengandaikan keluaran potensi berkembang pada kadar malar sepanjang masa. Teknik unjuran telah menjadi semakin maju sehingga membawa kepada penggunaan pendekatan yang lebih canggih yang mengambil kira hubungan ekonomi, lantas dapat mengenal pasti dinamik dan pemacu keluaran potensi. Penuras multivariat berasaskan model makroekonomi mewujudkan hubung kait yang lebih teguh antara anggaran keluaran potensi dan jurang keluaran dengan pemboleh ubah makroekonomi utama yang lain, termasuk inflasi dan kadar pengangguran bukan pemacu inflasi (non-accelerated inflation rate of unemployment, NAIRU). Pendekatan struktur vektor autoregresi (structural vector autoregression, SVAR) membolehkan kejutan harga dibahagikan kepada kejutan permintaan dan kejutan penawaran, yang akan mempunyai implikasi dasar yang penting. Sementara itu, pendekatan fungsi pengeluaran Cobb-Douglas membolehkan pertumbuhan dibahagikan mengikut sumbangan pelbagai faktor pengeluaran. Selain mengambil kira kemajuan yang telah dicapai, tugas menganggarkan keluaran potensi dan jurang keluaran masih lagi mencabar kerana kedua-duanya tidak boleh dilihat secara langsung dan boleh berubah dengan ketara apabila ekonomi mengalami perubahan struktur.

Setiap model adalah berbeza dari segi konsepnya dan dengan itu menunjukkan hasil yang berbeza. Namun, hasil anggaran yang pelbagai ini boleh digunakan untuk tujuan semakan silang, lantas memberikan kefahaman yang lebih mendalam mengenai keluaran potensi dan jurang keluaran ekonomi.


[1] Perbincangan mendalam mengenai pelbagai teknik unjuran boleh didapati dalam Kertas Kerja Bank Negara Malaysia yang akan diterbitkan bertajuk *Estimating Malaysia's Potential Output*.

Anggaran Keluaran Potensi Ekonomi Malaysia

Berdasarkan tiga pendekatan yang berbeza ini, keluaran potensi dianggarkan akan berada dalam julat 4.7% hingga 5.1% pada tahun 2013 (purata 4.9%) dan diunjurkan mencatat pertumbuhan sebanyak 4.6% hingga 5% pada tahun 2014 (purata 4.8%) (Rajah 1). Berdasarkan unjuran pertumbuhan ekonomi ini, anggaran jurang keluaran adalah pada paras positif yang kecil, masing-masing 0.3% dan 0.5% pada tahun 2013 dan 2014.

Rajah 1

Pertumbuhan KDNK dan Keluaran Potensi, 1996-2014*r*




a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Dari segi profil suku tahunan, penuras univariat (Rajah 2) dan penuras multivariat[2] (Rajah 3) menunjukkan ekonomi mencatat jurang keluaran negatif yang kecil pada dua suku pertama 2013, sebelum bertukar positif sedikit pada suku ketiga tahun itu. Jurang keluaran positif yang kecil ini dijangka berkekalan pada tahun 2014. Anggaran yang diperoleh daripada kaedah berasaskan penuras ini dilihat memberikan gambaran kitaran perniagaan Malaysia yang munasabah pada masa lalu dan kekal hampir dengan julat anggaran model struktur[3]. Secara khusus, kedua-dua penuras ini menganggarkan jurang keluaran positif yang besar dalam tempoh sebelum Krisis Kewangan Asia (AFC) dan Krisis Kewangan Global (GFC), dan jurang keluaran negatif semasa krisis-krisis tersebut. Trend ini turut disokong oleh profil jurang keluaran yang serupa daripada model struktur, iaitu pendekatan fungsi pengeluaran dan model SVAR (Rajah 4).

Rajah 2

Anggaran Jurang Keluaran Penuras Univariat, 1995-2014*r*




a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 3

Anggaran Jurang Keluaran Penuras Multivariat, 1995-2014*r*



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

[2] Penuras Kalman multivariat menggunakan maklumat mengenai lebihan permintaan dalam pasaran pekerja yang digunakan sebagai proksi untuk permintaan dalam pasaran produk. Sebaliknya, penuras multivariat, yang mengambil kira interaksi antara harga, keluaran, pengangguran dan penggunaan kapasiti, terus menambah baik anggaran keluaran potensi.

[3] Apabila saiz sampel dikecilkan pada tahun 2008, ramalan di luar sampel yang dihasilkan oleh penuras multivariat berasaskan model bagi Malaysia menunjukkan bahawa profil anggaran jurang keluaran masih lagi selaras dengan anggaran yang menggunakan sampel penuh. Benes et al. membuat ramalan ex-post terhadap pelbagai negara dan mereka mendapati penuras multivariat menunjukkan prestasi yang baik berbanding perjalanan rawak (lihat Benes, J. et al. (2010). *Estimating Potential Output with a Multivariate Filter*, Kertas Kerja IMF, WP/10/285).

Dari segi pemacu pertumbuhan, kaedah fungsi pengeluaran menunjukkan keluaran potensi tahun 2014 akan terus disokong oleh pelaburan swasta yang kukuh dan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan.

Sementara profil jurang keluaran model berasaskan penuras pada amnya hampir serupa dengan model struktur, saiz jurang keluaran yang dianggarkan oleh dua kelas model tersebut adalah berbeza[4]. Model berasaskan penuras univariat dan penuras multivariat menganggarkan jurang keluaran berada dalam julat yang lebih kecil berbanding dengan model struktur (masing-masing 0.04%-0.7% dan 0.4%-1.3%) (Jadual 2). Ini disebabkan oleh perbezaan utama dari segi cara kedua-dua kelas model ini dibentuk. Berdasarkan pembentukannya, anggaran daripada model struktur ditentukan oleh hubungan secara teori antara tahap guna tenaga, modal dan kemajuan teknologi dalam ekonomi. Yang penting, dalam menghasilkan anggaran tersebut, magnitud kesalinghubungan antara kesemua pemboleh ubah ini diandaikan tidak berubah sepanjang masa. Oleh itu, model struktur memberikan anggaran yang baik mengenai keluaran potensi ekonomi untuk jangka masa yang lebih panjang. Walau bagaimanapun, model struktur mungkin membuat anggaran jurang keluaran jangka pendek yang berlebihan kerana ia tidak secara jelas mengambil kira perubahan terkini yang berlaku dalam ekonomi. Sebaliknya, model berasaskan penuras menggabungkan maklumat daripada trend asas terkini dengan hubungan secara teori antara pemboleh ubah makroekonomi. Sebagai contoh, model berasaskan penuras multivariat menghasilkan anggaran jurang keluaran dengan mengambil kira trend terkini daripada pemboleh ubah makroekonomi seperti inflasi, penggunaan kapasiti dan pengangguran. Bagi memastikan ketekalan, maklumat mengenai trajektori trend daripada pemboleh ubah ini dikaitkan dengan beberapa hubungan bersyarat yang disokong teori ekonomi seperti keluk Phillips yang mengaitkan jurang keluaran dengan inflasi; versi dinamik hukum Okun yang mengaitkan pengangguran dengan jurang keluaran; dan persamaan bagi penggunaan kapasiti yang menghubungkan kadar penggunaan kapasiti dengan jurang keluaran. Dalam kata lain, berdasarkan pembentukannya, model berasaskan penuras adalah lebih cekap dalam mengesan dinamik terkini jangka pendek yang sedang berlaku dalam ekonomi. Dalam hal ini, keluaran potensi berkemungkinan telah ditingkatkan oleh pertumbuhan pelaburan yang memberangsangkan dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

Jadual 2

Penganggaran Jurang Keluaran, 2014*r*


Kaedah Penganggaran	Julat (%)
Univariat	0.2 - 0.7
Multivariat	0.04 - 0.4
Struktur	0.4 - 1.3

r Ramalan

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 4

Anggaran Jurang Keluaran Model Struktur, 2000-2014*r*



a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

[4] Contohnya, dalam kes New Zealand, Claus et al. menunjukkan amplitud jurang keluaran yang lebih besar terhasil daripada VAR struktur dan penuras Kalman, berbanding amplitud jurang daripada penuras HP dan multivariat HP (lihat Claus, I. et al, (2000). *The Output Gap: Measurement, Comparisons and Assessment, Kertas Kajian Reserve Bank of New Zealand, no. 44*). Mc Morrow dan Röger pula mendapati penuras HP menghasilkan jurang keluaran yang lebih besar berbanding penuras Kalman di negara-negara EU (lihat Mc Morrow K, dan Röger, W. (2001). *Potential Output: Measurement Methods, "New" Economy Influences and Scenarios for 2001-2010,* Kertas Ekonomi ECFIN, no. 150).

Rumusan

Meskipun saiz jurang keluaran yang dianggarkan didapati berbeza mengikut model, profil jurang keluaran pada amnya serupa dan kesemuanya menunjukkan ekonomi beroperasi hampir pada paras potensinya pada tahun 2013 dan sehingga tahun 2014. Melangkah ke hadapan, evolusi keluaran potensi akan ditentukan oleh ciri struktur dan persekitaran di tempat ekonomi itu beroperasi. Walaupun peningkatan dalam kuantiti modal dan pekerja mungkin meningkatkan keluaran potensi, namun pertumbuhan yang mampan dalam jangka panjang banyak bergantung pada kualiti modal dan pekerja, serta sejauh mana faktor-faktor ini digunakan secara cekap. Produktiviti faktor menyeluruh, yang dikaitkan dengan inovasi dan pengetahuan teknologi juga akan menjadi elemen penting dalam menentukan potensi pertumbuhan negara dalam jangka panjang. Oleh yang demikian, kejayaan mewujudkan ekosistem yang menggalakkan persaingan, kemahiran, pengetahuan dan inovasi, akan memainkan peranan penting dalam memastikan manfaat produktiviti dapat diraih.

yang lain, magnitud limpahan ini dijangka terkawal memandangkan pelarasan ini dibuat semasa tempoh inflasi yang rendah dan keadaan permintaan yang sederhana. Tekanan terhadap harga daripada faktor permintaan dalam negeri juga dijangka agak sederhana disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah yang lebih perlahan dan kenaikan gaji benar yang lebih rendah. Oleh itu, meskipun ekonomi dijangka berkembang hampir pada paras potensinya (lihat rencana `Menganggarkan Keluaran Potensi Malaysia´), ia dijangka tidak akan menyebabkan tekanan harga dalam negeri yang ketara.

Namun demikian, risiko bahawa inflasi akan menjadi lebih tinggi masih wujud. Pemulihan permintaan luar negeri yang lebih baik daripada jangkaan akan menghasilkan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Ini boleh menyebabkan peningkatan tekanan inflasi berasaskan permintaan, yang seterusnya mendorong kesan limpahan yang lebih tinggi ke seluruh ekonomi. Harga makanan dan tenaga dunia juga boleh meningkat dengan ketara sekiranya terdapat gangguan terhadap penawaran komoditi global lantas menyebabkan harga input dan tekanan inflasi yang diimport menjadi lebih tinggi. Risiko kesan pusingan kedua terhadap inflasi juga wujud sekiranya jangkaan inflasi (inflation expectations) meningkat secara keterlaluan, yang seterusnya diikuti oleh kenaikan gaji berlebihan yang tidak mencerminkan peningkatan produktiviti. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat yang ada, penilaian yang dibuat pada masa ini menunjukkan bahawa kemungkinan untuk risiko-risiko ini terjadi secara relatifnya adalah rendah.

PROSPEK DASAR MONETARI

Matlamat dasar monetari pada tahun 2014 adalah untuk menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan sambil pada masa yang sama mengurangkan sebarang kelemahan yang mungkin wujud akibat inflasi dan ketidakseimbangan kewangan. Ekonomi Malaysia dijangka terus berada atas landasan pertumbuhan yang stabil, disokong oleh prestasi sektor luaran yang lebih baik, dalam keadaan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana. Berbanding dengan tahun 2013, inflasi dijangka lebih tinggi. Namun demikian, inflasi yang lebih tinggi ini sebahagian besarnya disebabkan oleh faktor kos, dengan inflasi asas dijangka kekal terkawal. Dalam persekitaran kadar faedah global dan dalam negeri yang berterusan rendah, adalah penting untuk berwaspada terhadap sebarang pembentukan ketidakseimbangan kewangan.

Ekonomi global dijangka terus bertambah baik pada tahun 2014, disokong oleh pemulihan lebih meluas dalam ekonomi maju dan juga pertumbuhan yang mampan dalam ekonomi sedang pesat membangun. Pemulihan dalam ekonomi maju akan menyebabkan kesan limpahan yang positif kepada negara-negara lain di dunia dan memberikan sokongan kepada ekonomi sedang pesat membangun tatkala ekonomi ini beralih kepada keadaan kadar pertumbuhan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana. Walau bagaimanapun, masih terdapat ketidakpastian dalam persekitaran makroekonomi dan kewangan global. Dalam ekonomi maju, kebimbangan utama ialah lebihan kapasiti yang ketara dan kesan konsolidasi fiskal terhadap kadar pemulihan. Dalam masa yang sama, ekonomi sedang pesat membangun berhadapan cabaran untuk mengurus risiko luaran. Peralihan dasar monetari dalam ekonomi maju boleh meningkatkan ketidaktentuan dalam kadar pertukaran, pasaran kewangan dan aliran modal, yang seterusnya boleh menyebabkan ketidakstabilan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi sedang pesat membangun. Ekonomi sedang pesat membangun juga mungkin mengalami permintaan dalam negeri yang lebih sederhana berikutan langkah-langkah dasar yang diambil untuk menangani risiko dalam negeri.

Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4.5%–5.5% pada tahun 2014. Permintaan dalam negeri akan terus memacu pertumbuhan tetapi dijangka meningkat pada kadar yang lebih sederhana. Pelaburan swasta diunjurkan terus mencatat pertumbuhan teguh, manakala penggunaan swasta pula dijangka menjadi sederhana ke arah trend pertumbuhan jangka panjangnya. Perbelanjaan sektor awam juga dijangka mengembang pada kadar yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, ekonomi negara dijangka mendapat manfaat daripada pemulihan yang beransur-ansur dalam ekonomi maju. Prospek guna tenaga dijangka kekal menggalakkan. Risiko utama terhadap prospek pertumbuhan dalam tempoh terdekat hingga jangka sederhana sebahagian besarnya berpunca daripada sektor luaran, ekoran risiko pertumbuhan global menjadi lebih lembap. Ekonomi negara juga mungkin mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sekiranya kadar pemulihan global melebihi jangkaan.

Tekanan harga dijangka lebih ketara pada tahun 2014, berbanding persekitaran inflasi yang secara relatif rendah hampir sepanjang tahun 2013. Inflasi keseluruhan dijangka berpurata 3%–4% pada tahun 2014, disebabkan terutamanya oleh faktor kos dalam negeri. Tekanan yang lebih tinggi daripada faktor kos ini sebahagiannya akan dibendung oleh tekanan harga luaran yang rendah, peningkatan kapasiti dalam negeri yang berterusan dan kadar pengembangan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana. Walau bagaimanapun, terdapat risiko bahawa harga komoditi dunia yang lebih tinggi dan keadaan permintaan yang lebih kukuh daripada jangkaan boleh memberikan tekanan menaik terhadap inflasi. Jangkaan inflasi yang meningkat dan kenaikan gaji yang berlebihan, sekiranya berlaku, juga boleh menimbulkan risiko inflasi yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, berdasarkan penilaian yang dibuat, risiko-risiko ini adalah terkawal setakat ini.

Berdasarkan ciri faktor di sebalik peningkatan inflasi, dasar monetari bukan merupakan instrumen dasar terbaik untuk mengurus keadaan ini. Sebagai instrumen pengurusan permintaan, pergantungan kepada dasar monetari untuk menangani tekanan inflasi dorongan kos adalah kurang. Pergantungan adalah lebih kepada dasar-dasar lain seperti langkah pengembangan kapasiti dalam negeri, menambah baik saluran pengagihan serta menggalakkan kecekapan dan daya saing pasaran. Walau bagaimanapun, inflasi dorongan kos yang lebih tinggi boleh menyebabkan jangkaan inflasi menjadi tidak terkawal, seterusnya menyebabkan kadar kenaikan gaji lebih tinggi daripada peningkatan produktiviti. Ini boleh mewujudkan keadaan yang mendorong kenaikan inflasi yang lebih ketara. Menyedari risiko ini, pengawasan monetari akan terus difokuskan pada usaha mengenal pasti tanda-tanda yang menunjukkan inflasi akan menjadi lebih meluas dan berterusan. Dalam keadaan ini, tindak balas dasar monetari adalah lebih sesuai.

Memandangkan terdapat keadaan kadar faedah antarabangsa dan dalam negeri yang secara relatifnya rendah untuk tempoh yang berpanjangan, keadaan ini boleh mendorong pengambilan risiko yang berlebihan. Peningkatan pengambilan hutang yang berlebihan dan ketidakjajaran harga aset susulan daripada pengambilan risiko yang berlebihan ini boleh menjejaskan kestabilan makroekonomi dan kewangan sekiranya ketidakseimbangan ini terungkai secara yang tidak teratur. Apabila amalan pengambilan risiko atau pun kenaikan harga aset yang berlebihan seperti ini berlaku dalam segmen ekonomi tertentu, instrumen dasar bersasaran lain seperti langkah-langkah kehematan makro akan dilaksanakan untuk menangani risiko tersebut. Langkah-langkah tersebut, bagaimanapun, hanyalah sebagai pelengkap dan bukannya pengganti bagi dasar kadar faedah.

Peralihan yang besar dalam mudah tunai dan aliran modal global dijangka berlaku memandangkan bank pusat beberapa ekonomi maju terus mengurangkan tahap dasar monetari akomodatif mereka. Ini boleh menyebabkan turun naik mata wang dan pasaran kewangan yang ketara dalam ekonomi sedang pesat membangun, termasuk di rantau ini, serta mempengaruhi keadaan monetari dan kewangan dalam negeri. Penambahan penampan dan pengukuhan asas-asas secara berterusan sejak beberapa tahun yang lalu telah meningkatkan daya tahan ekonomi dan sistem kewangan Malaysia terhadap kejutan luaran. Daya tahan ini penting untuk memastikan episod aliran keluar modal tidak menyebabkan keadaan monetari terlalu ketat, yang tidak dirancang. Lebih penting lagi ialah keadaan monetari dan pembiayaan tidak mengakibatkan ketidakstabilan malah terus menyokong ekonomi.

PROSPEK DASAR FISKAL

Dasar fiskal pada tahun 2014 dijuruskan ke arah memperkukuh kedudukan fiskal di samping memastikan sokongan berterusan kepada pertumbuhan dalam negeri dan usaha memelihara kesejahteraan rakyat. Memandangkan persekitaran di dalam dan luar negeri adalah mencabar, pembaharuan fiskal kini sedang dilaksanakan secara beransur-ansur tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Pada masa yang sama, sumber fiskal akan disalurkan ke dalam sektor ekonomi utama untuk mempercepat peralihan negara ke arah ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi.

Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka terus dirasionalkan kepada 3.5% daripada KDNK pada tahun 2014, daripada 3.9% daripada KDNK pada tahun 2013, disokong oleh peningkatan hasil yang berterusan dan perbelanjaan yang lebih cekap. Berdasarkan pelaksanaan konsolidasi fiskal, Kerajaan dijangka mencapai sasaran defisit

Jadual 4.4

Kewangan Kerajaan Persekutuan


	RM bilion		Perubahan %	
	2013*a*	2014*B*	2013*a*	2014*B*
Hasil	213.4	224.1	2.6	5.0
Jumlah perbelanjaan	253.5	262.2	0.4	3.4
Perbelanjaan mengurus	*211.3*	*217.7*	*2.8*	*3.0*
Perbelanjaan pembangunan kasar	*42.2*	*44.5*	*-10.1*	*5.4*
Terimaan balik pinjaman	1.5	0.9		
Imbangan keseluruhan	**-38.6**	**-37.1**		
% daripada KDNK	**-3.9**	**-3.5**		
Sumber pembiayaan:				
Peminjaman dalam negeri bersih	39.5	-		
Peminjaman luar negeri bersih	-0.2	-		
Harta boleh jual[1] dan pelarasan	-0.7	-		

[1] Tanda negatif (-) menunjukkan pertambahan dalam aset
a Awalan
B Bajet
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Rajah 4.3

Imbangan Fiskal dan Hutang Kerajaan Persekutuan



a Awalan
B Bajet

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

fiskal 3% daripada KDNK pada tahun 2015 dan seterusnya bajet seimbang menjelang tahun 2020. Pelaksanaan pembaharuan perbelanjaan adalah penting untuk mengurangkan defisit fiskal pada masa hadapan. Paling utama ialah penstrukturan semula subsidi untuk mencapai kemampanan fiskal. Peralihan ini akan membawa kepada peruntukan sumber dalam ekonomi yang lebih cekap.

Sumber fiskal pada tahun 2014 akan diperuntukkan terutamanya untuk projek-projek pelaburan berimpak tinggi yang diusahakan bersama-sama dengan sektor swasta. Antaranya ialah projek MRT yang giat dilaksanakan, perluasan infrastruktur jalur lebar dan pembangunan koridor ekonomi wilayah yang dipertingkatkan. Pelaburan dalam infrastruktur awam akan meningkatkan mobiliti, kesalinghubungan dan menggalakkan pembangunan di seluruh negara, yang sekali gus juga akan terus meningkatkan produktiviti dalam ekonomi. Aktiviti yang mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi, terutamanya dalam sektor pertanian dan logistik, akan digalakkan untuk menarik penglibatan lebih aktif dalam rantaian bekalan global. Insentif untuk meningkatkan produktiviti perusahaan kecil dan sederhana adalah bertujuan meningkatkan daya saing perniagaan. Usaha membangunkan modal insan akan diperkukuh melalui program latihan berkualiti tinggi dan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Penambahbaikan terhadap kualiti tenaga mahir adalah amat penting untuk mempercepat kemajuan Malaysia ke arah pencapaian status negara berpendapatan tinggi. Langkah-langkah untuk menggalakkan perumahan mampu milik, khidmat penjagaan kesihatan yang berkualiti, keselamatan dan ketenteraman awam serta pemuliharaan alam sekitar akan membantu meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat.

Pada bulan Jun 2013, Jawatankuasa Dasar Fiskal (Fiscal Policy Committee, FPC) ditubuhkan untuk berperanan sebagai jawatankuasa penggubal dasar pusat untuk perumusan dan pelaksanaan strategi fiskal dan memberikan pertimbangan sewajarnya kepada kesan strategi tersebut terhadap makroekonomi keseluruhan. Objektif penubuhan FPC adalah untuk menyediakan suatu rangka kerja fiskal yang holistik dan mekanisme keinstitusian untuk kejayaan pelaksanaan pembaharuan, termasuk peralihan ke arah sistem percukaian yang lebih luas melalui pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan pada bulan April 2015 untuk memastikan kemampanan fiskal pada masa hadapan.

2013

TADBIR URUS, PEMBANGUNAN ORGANISASI DAN KOMUNIKASI

91 Tadbir Urus

95 Pembangunan Organisasi

101 Komunikasi

Pada tahun 2013, Bank telah melaksanakan sebahagian besar inisiatif yang disasarkan pada tahun itu dan meneruskan pelaksanaan Pelan Urusan untuk tempoh tiga tahun dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global yang semakin mencabar. Fungsi penyelidikan, pemantauan, dasar dan khidmat nasihat Bank tertumpu pada usaha menguruskan risiko yang berpunca daripada persekitaran luaran, aliran modal yang tidak menentu, harga aset yang meningkat, dan paras hutang isi rumah yang tinggi. Beberapa tindakan dasar awalan diambil untuk memelihara kestabilan makroekonomi dan kewangan. Bank terus berbincang, berinteraksi dan memberikan nasihat kepada Kerajaan mengenai isu-isu makroekonomi yang berkaitan bagi mengekalkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Selain itu, Bank mencapai kemajuan selangkah lagi dalam meningkatkan peluang untuk aktiviti bernilai tinggi dalam ekosistem kewangan Malaysia, khususnya dengan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai Pasaran Kewangan Islam Dunia, menerima *Sasana Accord* untuk rangkuman kewangan dan menggalakkan pembiayaan hijau. Dalam bidang insurans, inisiatif yang dilaksanakan termasuk menggalakkan perniagaan insurans motor yang cekap serta rangka kerja insurans dan takaful hayat yang lebih komprehensif untuk menyokong tahap penembusan insurans dan takaful yang lebih tinggi. Bidang-bidang lain termasuk liberasasi peraturan pentadbiran pertukaran asing untuk menambah baik persekitaran perniagaan, mempertingkatkan platform untuk memenuhi keperluan dana pelbagai mata wang dan penyelesaian sekuriti termasuk terbitan serta meningkatkan profil Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa dalam perkhidmatan kewangan. Pencapaian ini disokong oleh penekanan yang berterusan oleh Bank terhadap tadbir urus, pembangunan organisasi dan komunikasi sebagai elemen penting yang strategik dalam melaksanakan mandat Bank.

TADBIR URUS

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap dasar, pentadbiran dan urusan am Bank. Lembaga Pengarah terdiri daripada Gabenor, tiga Timbalan Gabenor dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai ahli ex-officio Lembaga Pengarah serta lima pengarah bebas yang merupakan ahli bukan eksekutif. Timbalan Gabenor yang ketiga dilantik pada bulan April 2013. Lembaga Pengarah melaksanakan pengawasan terhadap pengurusan dan operasi Bank serta mengkaji semula prestasi Bank dalam melaksanakan mandatnya untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan dalam persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berterusan. Lembaga Pengarah turut meneliti perancangan strategik dan amalan pengurusan risiko Bank, pengurusan modal insan, kedudukan kewangan Bank dan juga menyelia urusan pentadbiran lain yang mempengaruhi kecekapan dan keberkesanan operasi Bank.

Pada tahun 2013, Lembaga Pengarah bermesyuarat setiap bulan untuk membincangkan pelbagai aspek operasi Bank dan perkembangan baharu yang berlaku dalam persekitaran serantau dan global. Dengan pembukaan rasmi Pejabat Perwakilan Bank Negara Malaysia di Beijing, mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan buat julung-julung kali di luar negeri, iaitu di Beijing, bersama-sama dengan aktiviti lain untuk memperkukuh hubungan dua hala dengan Republik Rakyat China.

Dalam mesyuaratnya, Lembaga Pengarah membincangkan keadaan ekonomi dan kewangan yang utama, dan bagaimana perkembangan dalam negeri dan luar negeri boleh mempengaruhi ekonomi, kesannya terhadap kestabilan kewangan dan operasi Bank, di samping tindak balas dasar Bank terhadap perkembangan tersebut. Mesyuarat turut membincangkan kedudukan kewangan, pengurusan rizab dan mata wang, serta isu pengurusan tenaga mahir Bank.

Pada tahun 2013, Lembaga Pengarah terus menumpukan peranan pengawasannya kepada tadbir urus dan kawalan dalaman, khususnya yang berkaitan dengan pengurusan projek, arkitektur teknologi maklumat, dan penambahbaikan sistem statistik, yang kesemuanya bertujuan meningkatkan keupayaan Bank untuk menjalankan operasinya dalam persekitaran yang semakin kompleks dan

mencabar. Lembaga Pengarah diberi taklimat sebulan sekali mengenai operasi perbendaharaan dan strategi pelaburan Bank memandangkan terdapatnya ketidakpastian dalam pasaran kewangan global. Lembaga Pengarah turut menyelia amalan perakaunan dan pelaporan yang diterima pakai oleh Bank agar mematuhi prinsip dan amalan standard perakaunan yang diterima umum, dengan mengambil kira kedudukan Bank yang unik sebagai sebuah Bank Pusat. Lembaga Pengarah telah meluluskan rangka kerja baharu untuk memastikan adanya penampan kewangan yang mencukupi bagi mengukuhkan kemampanan kewangan dan operasi Bank. Pada tahun 2013, Lembaga Pengarah juga meluluskan beberapa perjanjian kerjasama serantau dan antarabangsa dengan beberapa badan pengawal selia asing dalam aspek ekonomi dan pembangunan sektor kewangan serta kestabilan kewangan.

Bagi melaksanakan fungsi pengawasannya, Lembaga Pengarah dibantu oleh tiga Jawatankuasa Lembaga, iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga (Board Governance Committee, BGC), Jawatankuasa Audit Lembaga (Board Audit Committee, BAC) dan Jawatankuasa Risiko Lembaga (Board Risk Committee, BRC). Ahli-ahli jawatankuasa ini terdiri hanya daripada pengarah bukan eksekutif untuk mengukuhkan pengawasan yang bebas terhadap operasi Bank. BGC bertanggungjawab untuk menyelia prinsip dan amalan tadbir urus Bank. BGC bermesyuarat sebanyak empat kali pada tahun 2013, dan mengemukakan beberapa cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai isu berkaitan dengan belanjawan dan pelan operasi serta hal berkaitan dengan pelantikan dan pelantikan semula Timbalan-timbalan Gabenor, ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan.

Fungsi BAC adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasan integriti akaun dan penyata kewangan Bank, keberkesanan kawalan dalaman, prestasi fungsi audit dalam, serta pematuhan terhadap keperluan undang-undang dan kawal selia. BAC telah mengadakan lima mesyuarat pada tahun 2013 untuk mengkaji semula dan meluluskan pelan audit, mengkaji semula aktiviti audit dan prestasi fungsi audit dalam, mengkaji semula akaun dan penyata kewangan, mengkaji semula piagam audit serta membincangkan hasil penemuan audit dan tindakan pembetulan yang diambil untuk mengukuhkan kawalan dalaman Bank.

BRC membantu Lembaga Pengarah dalam pengawasan terhadap pengurusan risiko yang boleh menyebabkan Bank mengalami kerugian kewangan, gangguan operasi, kegagalan untuk memenuhi mandatnya atau menyebabkan reputasi Bank terjejas. Pada tahun 2013, BRC bermesyuarat sebanyak tiga kali untuk membincangkan pengurusan risiko oleh Bank di seluruh organisasi. BRC juga membincangkan risiko rentas lintang (transversal risk) Bank, iaitu risiko warga kerja, keselamatan fizikal, keselamatan maklumat dan undang-undang, serta strategi pengurangan risiko yang berkaitan. Dalam aspek Operasi Perbendaharaan, BRC membincangkan proses dan pendekatan Bank untuk melabur dalam kelas aset baharu dan pasaran bagi memastikan kawalan yang secukupnya dilaksanakan untuk menguruskan risiko yang berkaitan.

Pengurusan Risiko dalam Bank

Bank terus mengukuhkan rangka kerja pengurusan risiko untuk meningkatkan ketangkasan dalam menangani risiko baharu yang timbul disebabkan oleh landskap yang berubah dengan pesat. Langkah-langkah ini tertumpu pada keupayaan Bank untuk bertindak balas dengan berkesan dalam situasi sukar, dan merangkumi kemudahan pemulihan, peranan dan tanggungjawab, serta proses urusan yang mengurangkan masa tindak balas, meningkatkan kebolehjangkaan tindak balas dan pelbagai tindak balas yang mungkin diambil. Pengurusan risiko yang mantap merupakan elemen penting yang menyokong kemampanan operasi sekiranya berlaku sebarang perkembangan buruk dalam persekitaran.

Struktur tadbir urus Pengurusan Risiko

Tadbir urus pengurusan risiko Bank memberikan kejelasan berhubung dengan akauntabiliti dan tanggungjawab bagi memastikan strategi pengurusan risiko dilaksanakan dengan berkesan dan risiko-risiko penting diurus dengan sewajarnya. Pengurusan risiko dalam Bank dipantau oleh beberapa jawatankuasa risiko, dengan peranan yang melengkapi satu sama lain.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, Lembaga Pengarah dan BRC mempunyai fungsi pengawasan yang luas terhadap struktur tadbir urus bagi rangka kerja pengurusan risiko. Lembaga Pengarah, dengan dibantu oleh BRC, menentukan hala tuju strategik pengurusan risiko di Bank bagi memastikan Bank memiliki proses, sistem dan sumber yang diperlukan untuk pengurusan risiko yang berkesan. Jawatankuasa

Pengurusan Risiko (Risk Management Committee, RMC) yang dipengerusikan oleh Gabenor, membincangkan risiko-risiko organisasi yang berkaitan dengan pencapaian mandat dan matlamat strategik Bank serta membuat keputusan mengenai dasar yang wajar untuk mengurangkan dan menguruskan risiko tersebut. Isu-isu risiko yang penting dimaklumkan kepada RMC oleh dua jawatankuasa kecil, iaitu Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kewangan, masing-masing dipengerusikan oleh seorang Timbalan Gabenor yang ditetapkan. Jawatankuasa Pengurusan Rizab (Reserves Management Committee, ReMC), yang dipengerusikan oleh Gabenor, dengan ahlinya yang terdiri daripada Timbalan Gabenor dan Penolong Gabenor, menyelia strategi untuk pelaburan rizab antarabangsa, pengurusan risiko yang berkaitan dan pemantauan kesannya kepada kedudukan kewangan Bank. ReMC berbincang mengenai trend ekonomi global dan pasaran kewangan serta jenis risiko yang berbeza, seperti risiko pasaran, risiko kredit dan risiko operasi, yang mungkin timbul ketika melaksanakan strategi pelaburan. Pulangan kewangan dinilai berasaskan pulangan terlaras risiko, dan keputusan pelaburan bertujuan mencapai keseimbangan antara pulangan dengan risiko yang diambil.

Rangka kerja Pengurusan Risiko

Bank telah menerima pakai rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (Enterprise Risk Management, ERM) untuk mendapatkan pandangan menyeluruh mengenai risiko. ERM menggabungkan elemen daripada rangka kerja Pengurusan Risiko Operasi (Operational Risk Management, ORM) dan rangka kerja Pengurusan Risiko Kewangan (Financial Risk Management, FRM). Rangka kerja ORM menggalakkan proses dan amalan pengurusan risiko operasi yang kukuh untuk menguruskan risiko yang mungkin menjejaskan pencapaian mandat dan matlamat Bank. Rangka kerja FRM pula menangani pelbagai aspek pengurusan risiko kewangan bagi memastikan kemampanan kewangan dan tertumpu pada pengenalpastian yang tepat pada masanya dan pengurusan yang berkesan bagi risiko kewangan.

Bank menerima pakai pendekatan pertahanan tiga barisan yang telah terbukti berkesan sebagai alat pengurusan risiko. Barisan pertahanan pertama melibatkan jabatan-jabatan yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti, mengurangkan dan menguruskan risiko dalam bidang operasi mereka. Barisan pertahanan kedua terdiri daripada Pemilik Dasar Risiko (Risk Policy Owners, RPO) dan Jabatan Pengurusan Strategik dan Risiko (Strategic and Risk Management Department, SRMD). Fungsi RPO adalah untuk membantu jabatan-jabatan menguruskan risiko rentas lintang seluruh organisasi, iaitu risiko undang-undang, keselamatan maklumat, keselamatan fizikal, kesinambungan operasi, reputasi, teknologi maklumat dan warga kerja. Barisan pertahanan ketiga ialah Jabatan Audit Dalam, yang memberikan penilaian dan pengesahan yang bebas terhadap keberkesanan dasar dan langkah pengurusan risiko.

Inisiatif utama pada tahun 2013

Pada tahun 2013, prinsip dan rangka kerja ERM disemak untuk mewujudkan integrasi yang lebih kukuh antara perancangan korporat dengan pengurusan risiko melalui dua cara. Pertama, mengenal pasti risiko yang mungkin menghalang pencapaian matlamat yang dihasratkan, yang telah dikenal pasti dalam Pelan Urusan Bank; dan kedua, menerapkan strategi pengurangan risiko yang sewajarnya dalam proses Pelan Urusan dan Operasi Bank.

Usaha mengukuhkan rangka kerja pengurusan risiko Bank mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila Bank terpilih untuk menerajui kumpulan kerja berhubung dengan Pelaporan ERM di mesyuarat Kumpulan Kerja Risiko Operasi Antarabangsa (International Operational Risk Working Group, IORWG) 2013 bagi bank-bank pusat di Rabat, Maghribi. Satu laporan ERM yang baharu telah disediakan dan merangkumi elemen penilaian risiko atas ke bawah (top-down), Penilaian Kendiri Kawalan Risiko (Risk Control Self-Assessment, RCSA) dan penilaian risiko rentas lintang.

Mengukuhkan rangka kerja, alat dan amalan Pengurusan Risiko

Dari segi amalan pengurusan risiko operasi, pertahanan tiga barisan dan kesedaran yang tinggi mengenai risiko diperkukuhkan dengan melaksanakan mekanisme pelaporan insiden sebagai alat untuk merekodkan sebarang kejadian peristiwa risiko yang boleh menyebabkan, atau telah menyebabkan, hasil yang tidak diingini. Dasar tersebut menghendaki kejadian dilaporkan untuk mengurangkan kerugian, mempertingkatkan pemantauan risiko dan memastikan pematuhan

terhadap undang-undang dan dasar. Sesuatu kejadian boleh dilaporkan melalui sistem aplikasi *IReport* dan laporan ini akan dimaklumkan secara automatik kepada pihak yang bertanggungjawab untuk tindakan pemulihan segera, sekiranya wajar.

Selain itu, *IComply* berfungsi sebagai repositori bagi semua dasar dan garis panduan dalaman untuk mempertingkatkan kesedaran kakitangan dan menambah baik budaya pengurusan risiko dalam Bank.

Meningkatkan kesedaran Pengurusan Risiko

Pelbagai program sosialisasi dan kesedaran dilaksanakan untuk mengukuhkan keberkesanan amalan pengurusan risiko sekali gus menambah baik keupayaan Bank untuk bertindak balas dengan cepat terhadap gangguan operasi. Selain menganjurkan bengkel untuk mempertingkatkan pemahaman berhubung dengan risiko rentas lintang dan pengurusan kesinambungan perniagaan, Hari Kesedaran Risiko (Risk Awareness Day, RAD) diadakan untuk berkongsi pengetahuan mengenai dasar, garis panduan, sistem dan proses pengurusan risiko yang terkini. Bank menekankan peranan dan akauntabiliti RPO melalui forum RPO yang diadakan secara berkala dan menggalakkan pengurusan risiko rentas lintang secara berhemat melalui Panduan RPO.

Mempertingkatkan kesediaan dan daya tahan Bank

Bank menyemak Pelan Kesinambungan Perniagaan (Business Continuity Plan, BCP) pada peringkat organisasi melalui penilaian bersepadu pelbagai analisis impak perniagaan dan strategi pemulihan. Skop dan matlamat latihan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (Business Continuity Management, BCM) seperti ujian secara langsung (combined live runs), latihan rantaian panggilan (call tree exercises) dan ujian kesalinghubungan sistem di seluruh Bank terus ditambah baik untuk menguji ketangkasan operasi dan meningkatkan keupayaan pemulihan. Kesedaran mengenai kesinambungan perniagaan disemai dalam kalangan jabatan melalui latihan simulasi desktop mini untuk menangani kekurangan dalam BCP peringkat jabatan.

Pada tahun 2013, Bank memperkukuh peranannya sebagai peneraju industri kewangan dari segi pengurusan kesinambungan perniagaan dan mengambil bahagian dalam latihan siber peringkat kebangsaan yang diadakan setiap tahun. Bank berbincang dan berinteraksi dengan Majlis Keselamatan Negara bagi memastikan pengurusan krisis Bank lebih bersepadu dengan infrastruktur BCM peringkat kebangsaan. Penambahbaikan infrastruktur BCM merangkumi pembangunan Portal BCM untuk memudahkan komunikasi serta kerjasama dalaman dan luaran.

Kawalan Dalaman dan Jaminan

Jabatan Audit Dalam (Internal Audit Department, IAD) membantu BAC dengan memberikan penilaian yang bebas dan objektif terhadap kecukupan dan keberkesanan proses tadbir urus, langkah-langkah pengurusan risiko dan kawalan dalaman bagi fungsi utama dan aktiviti penting Bank. Di samping itu, IAD juga memberikan penilaian berhubung dengan kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman dalam aktiviti penting yang dikenal pasti bagi entiti-entiti berkaitan yang mungkin memberikan kesan terhadap pencapaian mandat dan matlamat Bank.

Tahun 2013 menandakan selesainya pelan audit IAD untuk tempoh tiga tahun dan jabatan itu berjaya menyempurnakan penilaiannya terhadap semua proses teras dan risiko utama dalam aktiviti penting jabatan, cawangan dan pejabat wilayah serta entiti berkaitan Bank. Audit tahunan telah dijalankan terhadap bidang risiko utama seperti pengurusan rizab, pengurusan mata wang (termasuk operasi cawangan), operasi kewangan dan pengurusan perolehan untuk menilai kecukupan kawalan dalaman, pengurusan risiko, dasar dan prosedur, kebolehpercayaan dan ketepatan data, serta integriti sistem teknologi maklumat (information technology, IT) Bank. IAD juga menilai fungsi sumber manusia dari segi perancangan dan pengurusan modal insan serta kepatuhan terhadap kod etika Bank. Pengurusan audit kualiti telah dijalankan terhadap kawalan dan proses tadbir urus fungsi pengawalan, penyeliaan dan pengawasan bagi industri kewangan, termasuk amalan pasaran dan operasi sistem pembayaran, untuk memastikan keberkesanan peranan dan fungsi tersebut. Dalam tempoh tiga tahun kitaran audit itu, satu penilaian bebas telah dijalankan untuk mengukur keberkesanan dasar, proses dan metodologi risiko secara keseluruhan yang digunakan dalam fungsi pengurusan risiko bagi mengenal pasti, mengawal dan memantau risiko-risiko kredit, pasaran, operasi dan reputasi yang mungkin memberikan kesan kepada Bank.

IAD juga berbincang dan berinteraksi dengan pihak pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah

entiti-entiti berkaitan dalam menilai kecukupan persekitaran kawalan risiko. Melalui aktiviti audit, IAD telah meningkatkan tumpuan pihak pengurusan dalam mengukuhkan kawalan dalaman, menambah baik dasar dan prosedur serta mempertingkatkan pengurusan risiko di Bank dan entiti-entiti yang berkaitan dengannya. Bagi memastikan saranan audit dilaksanakan dengan berkesan oleh jabatan dan entiti berkaitan, IAD memantau dengan teliti tindakan pembetulan yang diambil untuk menyelesaikan isu-isu audit yang dibangkitkan oleh juruaudit. Hasil pemantauan ini dilaporkan setiap tiga bulan kepada BAC dan setiap bulan kepada pengurusan kanan.

IAD juga terus memberikan input kepada pelbagai jawatankuasa pengurusan dan jawatankuasa projek sebagai sebahagian daripada peranannya sebagai penasihat bagi memastikan keberkesanan kawalan, proses tadbir urus dan langkah-langkah pengurusan risiko dalam Bank. IAD bertindak sebagai ahli bebas dalam dua projek besar Bank pada peringkat jawatankuasa kerja dan Jawatankuasa Pemandu Projek, dalam struktur akauntabiliti yang telah ditentukan dengan jelas bagi memastikan fungsi tersebut kekal bebas daripada pihak pengurusan. Sebarang isu penting akan dilaporkan kepada BAC.

Pada tahun 2013, IAD telah melaksanakan inisiatif untuk terus mempertingkatkan keberkesanan fungsi audit. IAD mempergiat perbincangan dan interaksi dengan pengawal selia lain untuk menggalakkan peluang pembelajaran rakan sekerja (peer learning) berhubung dengan perkembangan terkini dalam amalan audit termasuk rangka kerja prinsip *Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission* (COSO) yang disemak pada tahun 2013. IAD juga telah menubuhkan kumpulan teknikal khusus dalam jabatan untuk mempertingkatkan asas pengetahuan juruaudit Bank secara kolektif bagi mencerminkan skop operasi Bank yang semakin kompleks dan luas. IAD juga meneruskan kerjasama dengan Jabatan Pengurusan Strategik dan Risiko untuk mengenal pasti dengan berkesan perubahan dalam pemprofilan risiko aktiviti penting, bagi memudahkan penentuan skop audit serta menilai kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman yang terdapat dalam Penilaian Kendiri Kawalan Risiko jabatan masing-masing.

Pelan audit untuk tempoh tiga tahun yang baharu untuk tahun 2014-2016 telah disediakan dan diluluskan oleh BAC pada 18 Disember 2013. Pelan itu akan dikaji semula setiap tahun untuk mencerminkan perubahan dalam aktiviti, pemprofilan risiko dan persekitaran operasi Bank. Pelan itu akan terus memastikan semua jabatan dan entiti berkaitan diaudit dalam tempoh tiga tahun tersebut. Tumpuan dan skop yang lebih besar akan diberikan kepada pengurusan risiko dan tadbir urus bagi tujuan mengenal pasti dan menilai profil risiko aktiviti yang dijalankan oleh jabatan dan entiti berkaitan, serta menggabungkan prinsip COSO 2013 dalam rangka kerja audit. Jabatan-jabatan dan entiti berkaitan yang mempunyai profil risiko yang lebih tinggi akan diberi keutamaan dan diaudit dengan lebih kerap bagi memastikan kawalan dalaman yang mencukupi dan amalan pengurusan risiko yang mantap diwujudkan untuk mengurangkan risiko yang berkaitan dengan operasi masing-masing. Perubahan pesat dalam risiko teknologi maklumat juga memerlukan kajian semula dilakukan secara berkala terhadap kawalan keselamatan sistem IT dan pengurusan projek IT Bank.

PEMBANGUNAN ORGANISASI

Kemampanan dan Kesediaan Organisasi
Bank memberikan penekanan terhadap strategi pembangunan organisasi yang bertujuan untuk mengekalkan kemampanan dan kesediaan Bank sambil terus melaksanakan mandat terasnya dalam keadaan persekitaran kewangan dan ekonomi global yang mencabar. Ini tercapai dengan adanya kejelasan dan tumpuan terhadap matlamat dan pencapaian utama di seluruh organisasi bertunjangkan Pelan Urusan tiga tahun yang mantap, yang menetapkan hala tuju strategik jangka sederhana dan menjajarkan sumber yang diperlukan ke arah mencapai matlamat Bank. Strategi dan pelan tindakan dijajarkan kepada tujuh bidang fokus, iaitu memastikan kestabilan monetari, memelihara kestabilan sistem kewangan, membangunkan sistem kewangan yang lebih inklusif, memastikan pengantaraan kewangan yang berkesan, memastikan perpindahan yang lancar kepada e-pembayaran, menggalakkan peningkatan integrasi Malaysia dalam sistem ekonomi dan kewangan serantau dan global, serta mengekalkan prestasi Bank pada tahap yang tinggi.

Pelan Urusan 2012-2014 membantu pelbagai fungsi dalam Bank untuk mewujudkan pemahaman yang seragam mengenai matlamat dan merancang cara kerjasama yang lebih

berkesan dalam inisiatif atau aktiviti silang fungsian. Proses perancangan urusan turut mengenal pasti sumber yang diperlukan dalam jangka sederhana untuk melaksanakan dasar-dasar baharu. Perspektif yang berbeza daripada pelbagai fungsi menyumbang kepada perancangan sumber yang lebih berkesan, kejelasan mengenai peranan yang saling bergantung dan pengurusan risiko yang lebih baik.

Pada tahun itu, langkah-langkah telah diambil untuk terus menggabungkan elemen strategi urusan, risiko, modal insan dan sumber kewangan bagi mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh mengenai pengurusan prestasi organisasi dan membuat lebih banyak keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Pertama, data prestasi organisasi dan individu diperkemas untuk memastikan prestasi diukur dengan lebih terperinci berbanding dengan sasaran yang sejajar dengan matlamat dan mandat Bank. Kedua, penunjuk risiko yang baharu telah dibangunkan untuk menilai risiko terhadap pencapaian matlamat yang dihasratkan, dan menekankan strategi urusan yang perlu dikaji semula. Ketiga, disiplin kewangan Bank diperkukuh dengan kawalan yang memerlukan penjajaran belanjawan projek baharu berbanding dengan keutamaan urusan Bank, yang membawa kepada pengurusan kos yang lebih baik dan juga pengutamaan projek di seluruh Bank. Ini diperkukuh dengan semakan terhadap dasar dalaman untuk memudahkan pengumpulan sumber kewangan bagi membolehkan peruntukan dan perbelanjaan sumber kewangan digunakan secara lebih berkesan kos dan fleksibel bagi mencapai mandat Bank. Di samping itu, panduan pengurusan projek sedang disediakan untuk menangani risiko pengurusan projek serta memastikan pelaksanaan dan penyempurnaan projek yang tepat pada masanya.

Dari segi penambahbaikan berterusan terhadap peranan dan fungsi organisasi, Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran (Consumer and Market Conduct, CMC) dan Jabatan Komunikasi Strategik merupakan antara fungsi yang menjalani aktiviti penyusunan semula pada tahun 2013. Bagi CMC, aktiviti tersebut mengukuhkan fungsi pengawasan dan penyeliaan untuk menangani dengan lebih berkesan isu-isu mengenai penipuan kewangan, penjualan produk dan perkhidmatan kewangan yang tidak wajar, serta memupuk kesedaran kewangan yang lebih mendalam dalam kalangan orang ramai melalui pendidikan kewangan.

Perubahan dalam fungsi komunikasi adalah kerana Bank menjangkakan komunikasi akan menjadi semakin kompleks dari segi pengetahuan khusus dan pentingnya menguruskan kehendak orang ramai dan membolehkan pihak berkepentingan utama, termasuk orang ramai, memahami dasar dan tindakan Bank dengan lebih baik.

Pengurusan dan Pembangunan Modal Insan

Pada tahun 2013, Bank terus membina rangka kerja Kumpulan Kerja yang diperkenalkan pada tahun sebelumnya, dengan memberikan penekanan pada aspek penilaian, pembangunan, perkembangan dan pengekalan kakitangan untuk jangka lebih panjang. Tumpuan yang lebih juga diberikan pada pengukuhan inisiatif untuk membina barisan tenaga mahir yang mantap, terutamanya untuk jawatan penting yang mempunyai kesan yang lebih besar terhadap prestasi Bank. Intervensi ke arah pembangunan tenaga mahir dan keberkesanan organisasi turut dipertingkatkan melalui pelaksanaan pelbagai aspek pengurusan modal insan, di samping memberikan tumpuan pada tempoh untuk kakitangan mencapai tahap kompeten dalam fungsi-fungsi penting.

Rangka kerja pemprofilan bersepadu terus diperkukuh bagi memastikan kecekapan dan kemantapan proses penilaian untuk semua peringkat kakitangan daripada yang baru mula bekerja sehingga kepada tenaga mahir penting dalam Bank. Usaha tersebut merangkumi peningkatan kemahiran penilai dalaman bagi membolehkan proses pemprofilan dan maklum balas dijalankan secara dalaman. Rangka kerja pengurusan penggantian dilaksanakan bagi menyokong penyediaan barisan tenaga mahir yang mantap untuk jangka sederhana dan panjang. Bagi mencapai matlamat ini, tenaga mahir untuk semua jawatan kritikal misi dinilai, dipantau dan dibangun secara teratur untuk memikul peranan yang lebih mencabar. Pelaksanaan inisiatif strategik ini akan menentukan rancangan masa hadapan untuk intervensi pembangunan kepimpinan yang lebih terperinci yang disesuaikan kepada setiap pengganti. Oleh itu, rangka kerja kemajuan kerjaya yang baharu untuk setiap kumpulan kerja dan Kompetensi Kepimpinan Bank yang lebih kemas diperkenalkan untuk menentukan kehendak peranan dengan lebih baik serta memudahkan pertumbuhan dan perkembangan kerjaya individu. Pendekatan ini juga akan memberikan masa dan menyediakan sumber yang mencukupi bagi kakitangan untuk melengkapkan diri mereka

dengan kompetensi teknikal dan kepimpinan yang diperlukan secara beransur-ansur, ke arah peranan yang lebih mencabar.

Membangunkan tenaga kerja Bank: pembelajaran dan pengurusan ilmu pengetahuan

Selaras dengan matlamat strategik Bank, usaha membangunkan modal insan terus tertumpu pada keutamaan pembelajaran bagi meningkatkan kompetensi, produktiviti dan prestasi kakitangan. Ini dilaksanakan melalui kerjasama erat dengan pakar bidang untuk sama-sama mencipta pelbagai intervensi pembelajaran yang berstruktur dan tidak berstruktur.

Program pembangunan kepimpinan berstruktur telah dilaksanakan dengan tujuan meningkatkan keupayaan kepimpinan yang diperlukan untuk fungsi-fungsi kritikal. Ini dilaksanakan dengan interaksi dan penglibatan yang lebih giat antara kakitangan yang terpilih untuk peranan kepimpinan dengan jabatan-jabatan yang berkaitan. Usaha ini termasuk sesi bimbingan dan maklum balas secara individu bagi menangani jurang pembangunan kepimpinan yang khusus. Pendekatan ini juga membolehkan jabatan-jabatan mengambil tanggungjawab yang lebih besar secara berperingkat-peringkat untuk membangunkan tenaga mahir yang ada, sekali gus mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif supaya kakitangan dapat menunjukkan potensi kepimpinan mereka. Pembangunan kompetensi teknikal juga dipergiatkan pada tahun 2013 melalui pelaksanaan kurikulum berstruktur yang berorientasikan kompetensi teras kumpulan kerja yang berbeza. Melalui model pembangunan bersama ini, intervensi pembelajaran bukan sahaja menjadi lebih relevan dengan keperluan urusan, malahan lebih menepati masa dari segi membangunkan kompetensi bagi menangani isu dan cabaran yang baru timbul. Pada tahun 2013, Bank telah memulakan satu siri kurikulum berstruktur, iaitu Siri Asas Kepimpinan Penyeliaan (Supervision Leadership Essential Series) dan Siri Lanjutan Penyeliaan (Advanced Supervision Series) untuk kumpulan kerja Penyeliaan. Kedua-dua program ini bertujuan menyediakan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh para penyelia Bank supaya peranan mereka dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Bank juga memberikan tumpuan pada usaha untuk meningkatkan produktiviti kakitangan melalui program pembangunan dan keberkesanan individu dalam bidang pemikiran bersepadu dan kreatif, penyelesaian masalah, komunikasi, bimbingan, pengurusan masa, pengurusan pejabat, penulisan ucapan dan laporan serta pembentangan yang berkesan. Program-program ini disasarkan kepada peringkat pengurusan pertengahan dan juga bukan eksekutif dalam semua kumpulan kerja.

Selain program berstruktur, kakitangan juga telah menjalani proses pembelajaran menerusi pelbagai saluran tidak formal dalam bentuk siri kepimpinan, e-pembelajaran, kajian kes, kelab pengucapan awam dan acara jualan buku tahunan. Perkongsian ilmu pengetahuan dalam bentuk kandungan multimedia juga dibuat secara meluas melalui platform intranet. Pusat Pengurusan Ilmu Pengetahuan Bank terus meningkatkan pengumpulan sumber fizikal dan dalam talian untuk kakitangan dalam bidang perbankan pusat, kewangan Islam dan perkhidmatan kewangan.

Pengurusan tenaga mahir

Bank telah sekian lama melabur dalam penyediaan bekalan tenaga mahir dan menyumbang kepada pembangunan negara. Pada tahun 2013, buat julung-julung kalinya Akademi Kijang dilancarkan yang melaksanakan metodologi pemprofilan yang telah dipertingkat dan sesi maklum balas bagi pembangunan peribadi pemegang biasiswa tajaan Bank. Sebanyak 54 biasiswa telah dianugerahkan kepada pelajar cemerlang untuk meneruskan pengajian dalam program prauniversiti, ijazah pertama dan pascaijazah di universiti terpilih. Bank juga memberi peluang kepada kakitangan untuk meneruskan pengajian dalam bidang yang berkaitan sebagai sebahagian daripada strategi keseluruhan pengurusan tenaga mahir. Program perbincangan dan interaksi serta intervensi yang berstruktur juga telah diperkenalkan kepada pemegang biasiswa yang bertujuan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dan membina keyakinan diri. Hasilnya, pada tahun 2013, 39% (2012: 9%) daripada pemegang biasiswa tajaan Bank diterima masuk ke universiti-universiti terkemuka, manakala perbincangan dan interaksi yang berterusan telah meningkatkan tahap kesediaan mereka untuk menyertai Bank pada masa akan datang. Pada tahun 2013, sejumlah 76 pemegang biasiswa yang kembali ke tanah air telah berjaya ditempatkan di pelbagai jabatan berdasarkan pengkhususan dan minat mereka di samping kesuaian yang terbaik.

Biasiswa Kijang Emas berprestij yang diwujudkan pada tahun 2005 untuk menyokong pembangunan negara, telah diberikan kepada tiga pelajar cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2012 untuk meneruskan pengajian dalam bidang pilihan mereka di beberapa universiti terunggul di dunia dengan sokongan biasiswa sepenuhnya. Oleh kerana biasiswa ini demi pembangunan negara, para penerima dikehendaki kembali dan berkhidmat untuk negara apabila tamat pengajian. Sehingga kini, sebanyak 43 biasiswa Kijang Emas telah dianugerahkan kepada penerima.

Bank juga telah menyediakan langkah-langkah untuk menangani kejadian salah laku kakitangan bagi memastikan integriti dan disiplin secara keseluruhan di Bank, di samping untuk mengekalkan keyakinan orang ramai serta memelihara reputasi Bank. Bagi mencapai matlamat ini, Kod Etika Bank Negara Malaysia sentiasa dikaji semula bagi membolehkan kakitangan memahami sepenuhnya dan mematuhi tingkah laku yang dikehendaki. Kod Etika ini telah diperluas dan diperketat untuk memastikan tindakan disiplin yang sewajarnya dapat diambil sekiranya perlu.

Jumlah kakitangan

Pada tahun 2013, jumlah kakitangan meningkat sebanyak 0.5% kepada 2,834 daripada 2,820 pada tahun 2012. Jumlah ini termasuk kakitangan yang dipinjamkan atau ditempatkan ke organisasi lain sama ada untuk memberikan bantuan teknikal atau memperoleh ilmu pengetahuan. Kadar atrisi menurun sedikit kepada 4.6% (2012: 4.8%). Nisbah kakitangan eksekutif kepada kakitangan bukan eksekutif kekal pada 3.5:2. Tenaga kerja ini terus berada pada tahap yang wajar untuk Bank melaksanakan mandatnya.

Program Kerjasama Teknikal Antarabangsa


Bank terus memainkan peranan dalam bina upaya untuk komuniti perbankan pusat global. Melalui program kerjasama teknikal antarabangsa, Bank juga telah mengukuhkan hubungan serantau dan antarabangsanya. Pada tahun 2013, program-program ini meliputi bidang seperti kewangan Islam, rangkuman kewangan, kestabilan kewangan dan pembangunan organisasi, yang telah memberi manfaat kepada 841 pegawai institusi perbankan pusat daripada 78 negara yang mewakili Asia, Afrika, Timur Tengah dan Amerika Latin.

Tumpuan turut menjurus ke arah memperkukuh kerjasama dengan organisasi antarabangsa dan tempatan bagi menambah baik penyampaian dan keberkesanan program-program kerjasama teknikal dan untuk memudahkan perkongsian pengalaman serta pengumpulan kepakaran teknikal. Organisasi antarabangsa pada tahun ini termasuk *Alliance for Financial Inclusion* (AFI), Bank Dunia dan *Consultative Group to Assist the Poor*, Pusat SEACEN, *Asian Development Bank* (ADB), *Islamic Development Bank* (IDB) dan *Islamic Research and Training Institute* (IRTI).

Bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran para pembuat dasar dan pengawal selia di peringkat global untuk menjayakan usaha rangkuman kewangan yang lebih besar, Bank dan AFI telah menandatangani Perjanjian Kerjasama bagi bina upaya pada bulan Ogos 2013. Rangka kerja kerjasama dengan AFI ini merupakan satu pencapaian penting ke arah menjadikan Bank sebagai pusat bina upaya untuk rangkaian AFI. Pada tahun 2013, Bank telah bekerjasama dengan AFI untuk menganjurkan tiga program bina upaya yang telah memberi manfaat kepada 124 pegawai daripada 40 buah negara. Bank dan AFI akan menganjurkan enam program bina upaya dalam

Rajah 5.1


Program Kerjasama Teknikal: Bilangan Peserta



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.2

Program Kerjasama Teknikal: Bilangan Negara yang Menyertai



Sumber: Bank Negara Malaysia

bidang dasar rangkuman kewangan yang berkaitan bagi tempoh dua tahun yang akan datang.

Bank juga telah mempergiatkan usaha bina upaya bagi menyokong agenda integrasi kewangan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (Association of South-East Asian Nations, ASEAN) melalui pelaksanaan program kerjasama teknikal, yang disertai oleh 319 pegawai dari negara anggota ASEAN. Daripada jumlah itu, 93 pegawai adalah daripada empat buah negara ASEAN yang baru menyertai, iaitu Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam, yang menyertai program-program dengan sokongan ADB. Bagi peringkat dua hala, satu Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding, MoU) telah ditandatangani dengan Central Bank of Myanmar untuk mewujudkan rangka kerja kerjasama bina upaya dan pembangunan modal insan dengan sokongan Program Kerjasama Teknikal Malaysia anjuran Kerajaan Malaysia.

Program bina upaya dalam pembangunan sistem kewangan Islam yang berkesan dan dikawal selia dengan baik terus menjadi tumpuan utama pada tahun 2013, seperti yang dibuktikan melalui kehadiran 179 peserta daripada 28 negara dalam pelbagai program kewangan Islam yang dianjurkan sepanjang tahun itu, termasuk *Islamic Finance Workshop* yang diadakan di Muscat, Oman yang dianjurkan bersama oleh Bank dan IDB, serta *Islamic Liquidity Management Workshop* yang julung-julung kali diadakan dengan kerjasama IRTI.

Melangkah ke hadapan, Bank akan terus memberikan komitmen bagi menjayakan kerjasama teknikal antarabangsa terutamanya dalam bidang rangkuman kewangan, kestabilan kewangan dan kewangan Islam demi menyokong agenda integrasi kewangan ASEAN dan memupuk hubungan serantau dan antarabangsa yang lebih luas.

Memacu Perkhidmatan Cemerlang

Bahagian Perkhidmatan Sokongan Berpusat (Centralised Shared Services, CSS) Bank terdiri daripada Pejabat Pengurusan CSS dan lima unit perkhidmatan, iaitu Pengurusan Fasiliti, Pengurusan Keselamatan, Perkhidmatan Hospitaliti, Muzium dan Galeri Seni dan Perkhidmatan Pusat Pengurusan Ilmu Pengetahuan (Knowlegde Management Centre, KMC) serta Sumber Manusia dan Perkhidmatan Am.

Penambahbaikan struktur operasi CSS, sebagai penyedia setempat bagi pelbagai perkhidmatan sokongan profesional Bank yang dilaksanakan pada bulan April 2013, merupakan usaha berterusan pihak pengurusan untuk mengukuhkan rantaian nilai dan mewujudkan sinergi yang lebih tinggi hasil daripada langkah merasionalisasikan fungsi-fungsi tersebut. Struktur yang ditambah baik ini memberikan pihak pengurusan pengawasan yang lebih baik dalam hal-hal berkaitan tadbir urus, pengurusan prestasi perkhidmatan, pengurusan risiko dan pematuhan operasi, kewangan serta kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan.

Pada tahun 2013, CSS telah merangka strategi yang bertujuan mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih bersepadu, dengan penyeragaman yang lebih baik untuk meningkatkan kecekapan operasi dan penghasilan nilai. Sebahagian daripada tanda awal penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan termasuk proses membuat keputusan yang lebih pantas disebabkan oleh autonomi dan sinergi operasi yang terhasil daripada penjajaran proses urusan dalaman yang lebih meluas.

Perkhidmatan profesional CSS menyediakan sistem sokongan yang cekap, yang penting bagi mencapai matlamat Bank untuk menjadi pusat kecemerlangan pembelajaran dalam bidang perbankan pusat dan perkhidmatan kewangan, di samping meningkatkan tahap kesedaran pengurusan kewangan dalam kalangan orang ramai, komuniti perniagaan dan para pelajar. Pada tahun 2013, CSS telah berjaya menguruskan acara korporat dan aktiviti-aktiviti luar bank di Sasana Kijang dan Lanai Kijang, masing-masing dengan peningkatan sebanyak 32% dan 41% berbanding dengan tahun 2012. Pameran yang diadakan di Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia turut menyumbang kepada peningkatan kesedaran berhubung dengan mandat dan aktiviti Bank dengan peningkatan bilangan pengunjung pada tahun 2013 sebanyak 40,000 (2012: 27,701). Pelbagai koleksi dipamerkan termasuk di Galeri Ekonomi baharu, yang merupakan galeri keenam beroperasi. Di samping penganjuran pameran-pameran kreatif dan menarik, pelbagai program pendidikan telah diadakan untuk pelbagai lapisan masyarakat. Keseluruhan proses pengurusan fasiliti yang lebih bersepadu dengan penyelenggaraan pencegahan yang lebih proaktif telah menghasilkan penjimatan kos pengurusan fasiliti sebanyak 7%.

Bagi membangunkan tenaga kerja berprestasi tinggi dengan set minda yang mengutamakan pengguna, CSS juga telah memperkenalkan Piawaian Tahap Perkhidmatan (Service Level Agreement, SLA) yang komprehensif pada bulan April 2013. Dengan skop piawaian perkhidmatan yang lebih jelas, ini dapat memastikan adanya kawalan dan komitmen bagi penyedia perkhidmatan untuk terus memberikan perkhidmatan secara konsisten, pada tahap yang diyakini dan profesional kepada pihak berkepentingan. Langkah-langkah yang telah diambil termasuk pelaksanaan rangka kerja pengurusan kewangan yang baharu yang mampu menyokong penggunaan sumber kewangan dan pemantauan perbelanjaan yang lebih berkesan, sekali gus menguatkuasakan disiplin pengurusan kewangan yang lebih baik dalam kalangan unit perkhidmatan.

Berkuat kuasa 1 Januari 2013, CSS telah melaksanakan Pentadbiran Pihak Ketiga dan usaha tersebut telah menghasilkan penjimatan kos yang menggalakkan di samping peningkatan keupayaan Bank untuk memantau perbelanjaan perubatan dan profil kesihatan kakitangannya dengan lebih berkesan. Satu lagi perkhidmatan nilai ditambah yang diperkenalkan pada tahun 2013 ialah pelancaran Portal Perkhidmatan CSS. Portal ini akan dibangunkan secara berperingkat-peringkat, dan akan bertindak sebagai saluran rujukan bersepadu dan seterusnya akan berperanan sebagai platform penyampaian perkhidmatan dan analisis urusan yang membolehkan keputusan operasi dibuat secara efektif berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Mengekalkan Keberkesanan dan Daya Tahan Operasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Tumpuan utama perkhidmatan teknologi pada tahun 2013 ialah keberkesanan dan kecekapan operasi menerusi automasi proses urusan dan penambahbaikan proses, yang memudahkan pencapaian hasil strategik Bank.

Penambahbaikan dan inovasi infrastruktur pasaran kewangan

Penambahbaikan telah dilakukan terhadap infrastruktur ICT bagi menampung peningkatan penyertaan asing dan menggalakkan pelaburan asing dalam sistem kewangan negara. Ini termasuk peningkatan sistem untuk Sistem Automatik Sepenuhnya bagi Penenderan (Fully Automated System for Tendering, FAST) bagi memudahkan penerbitan sulung Sukuk USD Perbadanan Pengurusan Mudah Tunai Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM). Di samping itu, infrastruktur *RENTAS Information Link* (iLINK) yang selamat telah disediakan melalui Internet, dan dengan itu menyediakan akses tambahan yang selamat kepada peserta tempatan dan juga menampung peningkatan penyertaan pelabur asing dalam masa yang terdekat. Bagi pihak Bank, aliran proses dan automasi *Financial Management System* dan *Special Funds Integrated System* yang menyeluruh melalui *RENTAS Straight-Through* Processing telah mewujudkan tahap kepastian yang lebih tinggi terhadap integriti urus niaga dan pengurusan maklumat yang lebih baik.

Kemudahan ICT untuk tempat kerja berprestasi tinggi

Liputan Internet secara Wi-Fi telah diperluas dengan tujuan untuk menyediakan kemudahalihan kerja dalam premis. Infrastruktur Internet Wi-Fi jalur lebar-atas-permintaan telah disediakan untuk tetamu yang menghadiri acara-acara utama yang diadakan di Bank, sekali gus membolehkan penyediaan kemudahan Internet jalur lebar yang lebih tinggi dengan efisien dan berkesan dari segi kos.

Perkhidmatan persidangan sesawang *private-cloud* untuk komunikasi serantau dan kerjasama antara kakitangan di Ibu Pejabat Bank dengan kakitangan di Cawangan-cawangan dan Pejabat Wilayah juga diperkenalkan pada tahun 2013. Keupayaan ini, yang membolehkan perkhidmatan seperti mesyuarat maya dan perbincangan dalam talian masa nyata, telah membolehkan kerjasama yang lebih erat dan keputusan dibuat dengan lebih cepat, di samping menjimatkan masa dan kos perjalanan.

Bagi meneruskan usaha ke arah mewujudkan kemudahan tempat kerja mudah alih, satu aplikasi iPad yang memanfaatkan *private-cloud* telah diperkenalkan pada mesyuarat antarabangsa yang disertai oleh wakil daripada 11 bank pusat dari rantau Asia Pasifik Timur. Aplikasi ini boleh diakses oleh para wakil sebelum mesyuarat bermula sekali gus membolehkan akses dalam talian masa nyata kepada maklumat dan bahan pembentangan.

Infrastruktur dengan daya tahan, berskala dan keselamatan yang dipertingkat

Pengembangan dan keteguhan sistem kewangan Malaysia yang berterusan memerlukan

peningkatan teknologi secara berkala untuk memastikan prestasi, daya tahan dan kekukuhan infrastruktur kritikal ICT dalam menyokong pasaran kewangan serta operasi pembayaran. Inisiatif utama yang dilaksanakan termasuk menggantikan platform pelayan untuk FAST dengan infrastruktur berkeupayaan lebih tinggi dan berskala bagi memenuhi keperluan perniagaan yang meningkat. Selaras dengan penambahbaikan infrastruktur seperti itu, platform *Enterprise Backup, Recovery and Archival* Bank juga telah digantikan dengan infrastruktur yang lebih cekap, berskala dan boleh diperkembangkan bagi menyokong peningkatan objektif kesinambungan perniagaan dan keperluan masa tindak balas.

Susulan ancaman keselamatan siber yang meningkat, arah aliran global adalah kepada penggunaan kaedah penyulitan utuh (encryption) yang lebih mantap. Memandangkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas di Malaysia, Bank telah menambah baik Infrastruktur Kekunci Awam Enterpris (Enterprise Public Key Infrastructure, ePKI) untuk menyokong penggunaan kunci kriptografi yang lebih kukuh selaras dengan piawaian antarabangsa untuk sistem pasaran kewangan seperti RENTAS dan Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan secara Elektronik (eSPICK). Pelaksanaan sepenuhnya untuk diterima pakai dalam sistem pasaran kewangan dijadualkan pada suku pertama tahun 2014.

KOMUNIKASI

Peranan komunikasi Bank telah dipertingkatkan pada tahun 2013 sejajar dengan cabaran dan ketidakpastian yang semakin meningkat, terutamanya dalam persekitaran global. Lebih banyak perbincangan dan interaksi (engagement) diadakan dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk menjelaskan mengenai kekukuhan ekonomi Malaysia dan daya tahan sektor kewangan dalam keadaan global dan dalam negeri yang tidak menentu, termasuk kebimbangan pasaran terhadap jangkaan langkah pengecilan Pelonggaran Kuantitatif (Quantitative Easing, QE) dan hutang isi rumah yang semakin meningkat. Komunikasi juga tertumpu pada langkah untuk terus melaksanakan inisiatif strategik Bank, termasuk rangkuman kewangan, pengembangan hubungan serantau, dan perluasan jangkauan kepada orang ramai.

Meningkatkan keyakinan dalam ekonomi dan sistem kewangan Malaysia

Sepanjang tahun 2013, Bank telah berkomunikasi mengenai daya tahan ekonomi negara dan sektor kewangan domestik menerusi pelbagai platform, seperti taklimat laporan tahunan dan laporan kestabilan kewangan Bank, sidang akhbar mengenai KDNK suku tahunan, perbincangan meja bulat dengan penganalisis dan ahli ekonomi, mesyuarat dengan pengurus dana yang besar, dan wawancara pihak pengurusan kanan dengan media tempatan dan antarabangsa. Mesej-mesej utama yang disampaikan ialah pertumbuhan ekonomi yang mampan telah didorong oleh permintaan dalam negeri dalam suasana inflasi yang rendah dan stabil, serta disokong sektor kewangan yang kukuh. Bank juga menekankan peranan kewangan Islam yang semakin penting sebagai alternatif kepada perkhidmatan kewangan konvensional.

Bagi menggalakkan kestabilan kewangan, Bank telah menjelaskan mengenai rasional di sebalik dasar kehematan makro awalan untuk mengurus hutang isi rumah yang tinggi dan harga harta tanah yang semakin meningkat. Usaha ini termasuk perbincangan dan interaksi dengan pihak-pihak berkepentingan yang berbeza, termasuk pengantara kewangan bukan bank, untuk memastikan matlamat Bank difahami dengan jelas dan memudahkan pelaksanaan langkah-langkah yang berkaitan dengan lebih berkesan.

Pada tahun 2013, pelbagai mesyuarat dan bengkel telah diadakan untuk menerangkan mengenai Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang baharu dan peranannya yang penting untuk menjadikan industri kewangan dalam keadaan bersiap sedia untuk bertindak balas terhadap cabaran masa hadapan. Begitu juga, untuk terus membangunkan industri insurans hayat dan takaful keluarga di Malaysia, perbincangan dan interaksi yang meluas telah diadakan dengan persatuan industri dan persatuan pengguna berhubung dengan kertas konsep Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga yang dikaji semula.

Dalam usaha yang berterusan untuk meningkatkan sumber data bagi tujuan analisis ekonomi, Bank bekerjasama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia untuk memperkenalkan data

terlaras secara bermusim bagi ekonomi Malaysia kepada komuniti ekonomi. Usaha ini ditambah juga dengan bengkel statistik dan persidangan lain untuk memperlihatkan pentingnya mempunyai statistik yang lengkap untuk hasil analisis yang berwibawa, pengawasan yang lebih baik, dan pembuatan keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Komunikasi dasar monetari

Komunikasi dasar monetari adalah melalui Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statements, MPS) yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank selepas setiap mesyuarat MPC diadakan. Di samping itu, ulasan mengenai pendirian dasar monetari turut diberikan oleh pegawai kanan Bank melalui temu bual media, persidangan dan bengkel. Setiap MPS akan mengandungi rasional di sebalik keputusan mengenai Kadar Dasar Semalaman, yang mengambil kira perkembangan ekonomi serta kewangan global dan serantau, selain kesannya ke atas ekonomi dalam negeri dan inflasi. Pemakluman awal jadual mesyuarat MPC untuk tahun berikutnya memberikan kepastian untuk penggubalan dasar dan penggalakkan keadaan pasaran yang teratur.

Inisiatif komunikasi serantau dan antarabangsa

Komunikasi mengenai hal-hal serantau dan antarabangsa merangkumi spektrum isu yang lebih luas, daripada isu hubungan ekonomi Malaysia dengan ekonomi serantau yang semakin kukuh, pelancaran identiti jenama ikonik yang baharu, iaitu `Malaysia: Pasaran Kewangan Islam Dunia´ hinggalah penganjuran Forum Dasar Global Alliance for Financial Inclusion (AFI) oleh Bank. Kemuncak Forum yang turut dihadiri oleh Permaisuri Maxima dari Belanda ialah pengumuman *Sasana Accord* yang matlamatnya untuk memacu dasar rangkuman kewangan di seluruh dunia.

Seiring dengan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dengan Republik Rakyat China yang berkembang pesat, usaha telah dipertingkatkan untuk terus memupuk kesedaran awam mengenai penggunaan Renminbi (RMB) bagi tujuan penyelesaian perdagangan. Ini telah menghasilkan transaksi perdagangan RMB yang lebih meluas pada tahun 2013 selain bertambahnya minat syarikat-syarikat untuk menggunakan mata wang tersebut. Susulan jangkaan hubungan kewangan yang lebih besar antara kedua-dua buah negara ini, Bank telah menubuhkan pejabat perwakilannya di Beijing. Ini merupakan pejabat perwakilan Bank di luar negeri yang ketiga selepas London dan New York.

Mempercepat peralihan kepada e-pembayaran

Bagi mempercepat agenda e-pembayaran, kempen `Gunalah IBG´ atau GIRO Antara Bank ke seluruh negara, telah dilancarkan dengan kerjasama pengamal industri untuk menggalakkan entiti perniagaan dan orang ramai beralih daripada penggunaan cek kepada perkhidmatan IBG. Kempen ini meliputi jerayawara, temu bual TV, ruangan editorial media dan pengiklanan, serta kerjasama dengan institusi kewangan yang mengambil bahagian untuk mempromosikan kepada orang ramai mengenai perkhidmatan IBG ke seluruh negara. Promosi ini telah diperluas ke wilayah Utara dan Selatan negara, dengan menyasarkan para pengguna yang banyak menggunakan cek untuk beralih kepada e-pembayaran, termasuk melalui Terminal Semasa Jualan dan urus niaga dalam talian menerusi Bursa Pemprosesan Kewangan (Financial Processing Exchange, FPX).

Rangkuman kewangan dan pemerkasaan pengguna kewangan

Sejajar dengan hasrat untuk memperluas rangkuman kewangan, Bank terus melaksanakan aktiviti jangkauan kepada orang ramai bagi meningkatkan kesedaran dan memperkasa mereka dalam pengurusan hal-hal kewangan yang lebih baik. Ini dilaksanakan menerusi perkhidmatan bas MobileLINK, perkhidmatan kaunter dan kerjasama strategik dengan pelbagai persatuan pengguna bertujuan mendidik dan membolehkan masyarakat luar bandar memahami dan menggunakan perkhidmatan kewangan, terutamanya tentang ketersediaan perkhidmatan perbankan ejen. Pada tahun 2013, sebanyak 103 daerah kecil telah dilawati dengan lebih daripada 15,000 orang daripada masyarakat luar bandar mendapat manfaat daripada aktiviti jangkauan yang dilaksanakan tersebut.

Menyedari peranan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang semakin meningkat dalam ekonomi, Bank telah bekerjasama dengan badan-badan lain, termasuk SME Bank, untuk berinteraksi dan berbincang dengan PKS di seluruh negara mengenai ketersediaan pelbagai skim pembiayaan. Lebih 95% daripada bank dan PKS yang mengambil bahagian berpuas hati

dengan program komunikasi itu dan lebih 85% berpendapat program tersebut perlu diteruskan.

Sistem kewangan yang lebih terangkum dan perkasa akan mewujudkan pengguna bijak yang mempunyai keperluan yang lebih tinggi. Satu mekanisme yang penting dalam menguruskan keperluan ini ialah perkhidmatan BNMLINK Bank yang membantu orang ramai mengenai hal-hal kewangan dengan menyediakan maklumat dan menyelesaikan isu-isu dengan institusi kewangan. Bilangan terkumpul pertanyaan pengguna kewangan daripada individu dan perniagaan meningkat sebanyak 7.7% kepada 441,712 (2012: 410,163), dengan 88% daripada jumlah aduan yang telah diselesaikan.

Selain BNMLINK yang menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh pengguna pada peringkat individu, satu lagi program yang lebih berstruktur telah dilancarkan oleh Bank iaitu Kempen Kesedaran dan Pendidikan Pengurusan Kewangan. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama syarikat subsidiari Bank, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), melalui segmen radio waktu perdana, artikel media dan pertandingan media sosial. Bidang tumpuan termasuk berbelanja mengikut kemampuan dan meminta bantuan awal apabila mengalami tanda-tanda masalah kewangan.

Sebagai satu cara untuk membantu peminjam muda dan baharu untuk menguruskan hal ehwal kewangan mereka dengan lebih baik, Program POWER! AKPK telah menarik minat 171,485 peserta sejak pelancarannya pada tahun 2011. Di samping itu, AKPK telah mengendalikan sejumlah 248,491 kes kaunseling pada akhir tahun 2013 dengan 41% daripada peserta mendapatkan bantuan lanjut di bawah Program Pengurusan Hutang. Agensi ini juga menggalakkan celik kewangan dalam kalangan orang ramai melalui penyertaan program 1 AZAM (Akhiri Zaman Miskin) PEMANDU. Melalui inisiatif-inisiatif ini, AKPK berjaya mendekati sejumlah 1.4 juta pengguna pada tahun 2013.

Dari segi perkhidmatan penyelesaian pertikaian, Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau, FMB) terus memaklumi orang ramai berhubung dengan perkhidmatannya melalui pelbagai acara, pameran dan taklimat yang diadakan bersama-sama dengan agensi lain, termasuk PIDM dan AKPK. Jumlah aduan yang diterima oleh FMB pada tahun 2013 telah berkurangan kepada 1,881 (2012: 1,919). Campur tangan FMB untuk menyelesaikan pertikaian adalah lebih berkesan, dengan 2,592 aduan diselesaikan pada tahun 2013, sekali gus mengurangkan bilangan kes tertunggak kepada 1,030 (2012: 1,741). Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh kerjasama yang lebih baik antara FMB dengan Penyedia Perkhidmatan Kewangan, dan juga proses yang lebih seragam bagi pengurusan aduan.

Meningkatkan kesedaran orang ramai tentang penipuan kewangan

Pada tahun 2013, Bank telah meningkatkan inisiatif kesedaran orang ramai tentang penipuan kewangan. Inisiatif ini termasuk mengiklankan dalam media dan mengemas kini Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan (Financial Consumer Alerts) dengan menambah 52 entiti lagi dan menjadikan jumlahnya 143 entiti (2012: sejumlah 91 entiti) yang tidak dibenarkan atau tidak diluluskan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan Bank. Ini telah diperkukuh oleh pengawasan dan perkongsian risikan secara berterusan di seluruh Bank dan dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain. Kes penipuan kewangan yang dilaporkan kepada BNMLINK telah menurun sebanyak 2,511 kes (23%) kepada 8,402 (2012: 10,913).

Menyokong agenda nasional `Going Green´ (Hijaukan Alam Sekitar)

Dalam menyokong agenda nasional `Going Green´ (Hijaukan Alam Sekitar), Bank telah berinteraksi dengan orang ramai tentang perlunya menggunakan wang kertas yang sesuai untuk edaran semula semasa musim perayaan bagi membantu usaha memelihara alam sekitar. Inisiatif ini dilakukan bersama-sama dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, termasuk penyertaan aktif persatuan-persatuan daripada industri kewangan.

Komunikasi dalam talian yang semakin penting

Laman sesawang Bank terus memainkan peranan utama sebagai medium komunikasi dan interaksi. Selain menjelaskan mandat dan peranan Bank, dan juga menyediakan pelbagai data dan analisis ekonomi dan kewangan, serta perkembangan dan dasar pengawalseliaan, laman sesawang Bank juga memaklumi pengguna tentang hal-hal kewangan, seperti keperluan perbankan dan insurans, serta mengingatkan mereka tentang skim kewangan haram. Laman sesawang ini


menerima enam juta pelawat pada tahun 2013 dan telah dianugerah penarafan 5 bintang dalam penilaian tahunan Portal dan Laman Sesawang Kerajaan Malaysia untuk tiga tahun berturut-turut.

Berikutan media sosial semakin diterima dalam masyarakat, Bank telah melaksanakan inisiatif komunikasi untuk berinteraksi dengan pihak berkepentingan melalui medium ini. Hasilnya, peminat Facebook Bank Negara Malaysia meningkat kepada 28,965 (2012: 18,839) dan pengikut Twitter meningkat kepada 34,936 (2012: 14,603). Untuk berinteraksi dengan komuniti yang lebih muda, Bank kini aktif menggunakan video untuk mendidik mereka mengenai hal-hal kewangan. Dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia, Bank memanfaatkan saluran seperti YouTube untuk menyebarkan maklumat tentang jenayah kewangan.

Perkongsian ilmu pengetahuan yang lebih luas bagi meningkatkan produktiviti kakitangan

Bank terus menyokong perkongsian ilmu pengetahuan dan kerjasama dalam kalangan kakitangan dengan pelbagai kandungan dalam talian, daripada taklimat yang sangat teknikal sehinggalah kepada acara yang tidak rasmi. Ini dilengkapkan lagi dengan pelbagai interaksi rasmi dan tidak rasmi secara bersemuka, selalunya dengan penyertaan industri dan ahli-ahli antarabangsa komuniti kewangan. Semua usaha ini telah menyumbang ke arah persekitaran kerja yang semakin baik dan kondusif.

BANK NEGARA MALAYSIA
Struktur Organisasi



*Ketua (secara pentadbiran)
** Timbalan Pengarah

Berkuatkuasa 13 Februari 2014

2013

PENYATA KEWANGAN TAHUNAN

113 Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2013

114 Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

115 Nota-nota bagi Penyata Kewangan

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Saya telah mengaudit penyata kewangan Bank Negara Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan dasar perakaunan utama dan nota penjelasan yang lain.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama selaras dengan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan piawaian pelaporan kewangan berkaitan yang diluluskan di Malaysia setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata atau ketinggalan yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan bebas daripada salah nyata atau ketinggalan yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata atau ketinggalan yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan Bank Negara Malaysia dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Negara Malaysia. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta menilai persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta hasil operasi untuk tahun tersebut, dalam semua aspek yang ketara, selaras dengan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya. Penyediaan penyata kewangan ini adalah berbeza dalam beberapa aspek daripada piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Selaras dengan keperluan Seksyen 9 Akta tersebut, saya turut melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki oleh Akta telah disimpan dengan sempurna oleh Bank Negara Malaysia.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
14 MAC 2014

PERNYATAAN PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Zeti Akhtar Aziz dan Oh Siew Nam, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan ini disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2013 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

ZETI AKHTAR AZIZ
PENGERUSI

12 MAC 2014
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga Pengarah,

OH SIEW NAM
PENGARAH


12 MAC 2014
KUALA LUMPUR

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Eugene Hon Kah Weng, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 12 Mac 2014.)

Di hadapan saya,



Bank Negara Malaysia

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2013

	Nota	2013 RM	2012 RM
ASET			
Emas dan Pertukaran Asing	3	432,209,463,509	418,534,966,977
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa		3,183,163,738	2,652,752,648
Milikan Hak Pengeluaran Khas		6,488,214,835	6,043,522,017
Kertas Kerajaan Malaysia	4	1,852,122,439	2,182,809,238
Deposit dengan Institusi Kewangan	5	16,444,346,374	28,235,130,500
Pinjaman dan Pendahuluan	6	6,681,648,479	9,550,114,161
Aset-aset Lain	7	7,296,923,894	6,951,916,824
Jumlah Aset		**474,155,883,268**	**474,151,212,365**
LIABILITI DAN MODAL			
Mata Wang dalam Edaran		73,030,918,741	67,124,370,608
Deposit oleh: Institusi Kewangan		198,707,476,320	180,812,181,557
Kerajaan Persekutuan		7,106,526,875	14,708,467,629
Lain-lain	8	2,892,230,514	4,083,301,315
Kertas Bank Negara		105,897,166,260	153,129,553,960
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	9	6,790,312,388	6,326,742,220
Liabiliti-liabiliti Lain	10	25,259,228,604	19,531,802,167
Jumlah Liabiliti		419,683,859,702	445,716,419,456
Modal Berbayar	11	100,000,000	100,000,000
Kumpulan Wang Rizab Am	12	14,424,959,189	14,368,713,485
Rizab Risiko	13	39,947,064,377	13,966,079,424
Jumlah Modal		54,472,023,566	28,434,792,909
Jumlah Liabiliti dan Modal		**474,155,883,268**	**474,151,212,365**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Bank Negara Malaysia

Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

	Nota	2013 RM	2012 RM
Jumlah Pendapatan	14	**6,747,594,782**	**6,912,371,963**
Tolak:			
Perbelanjaan Berulang	15	1,120,455,560	1,151,187,009
Perbelanjaan Pembangunan	16	170,893,518	160,857,975
Jumlah Perbelanjaan		**1,291,349,078**	**1,312,044,984**
Untung Bersih		**5,456,245,704**	**5,600,326,979**
Pengagihan Untung Bersih:			
Pindahan kepada Rizab Risiko	17	3,900,000,000	4,100,000,000
Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am		56,245,704	326,979
Amaun belum bayar kepada Kerajaan Persekutuan		1,500,000,000	1,500,000,000
Untung Bersih		**5,456,245,704**	**5,600,326,979**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013

1. **Maklumat Am**

Bank Negara Malaysia (Bank) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958. Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009. Ibu pejabat Bank terletak di Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Matlamat utama Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Sehubungan dengan itu, fungsi utama Bank adalah seperti yang berikut:

(a) untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari di Malaysia;
(b) untuk mengeluarkan mata wang di Malaysia;
(c) untuk mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank;
(d) untuk mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing;
(e) untuk mengawasi sistem pembayaran;
(f) untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif;
(g) untuk memegang dan menguruskan rizab asing Malaysia;
(h) untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara; dan
(i) untuk bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan.

Lembaga Pengarah telah meluluskan penyata kewangan tahunan ini pada 11 Mac 2014.

2. **Dasar Perakaunan**

Dasar perakaunan utama yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan ini dihuraikan di bawah. Dasar perakaunan ini digunakan secara konsisten untuk kedua-dua tahun kewangan yang dikemukakan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 **Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

(a) Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards, MFRS) yang berkaitan. Seksyen 10 Akta Bank Negara Malaysia 2009 memperuntukkan bahawa, dalam penyediaan penyata kewangannya, Bank hendaklah mematuhi piawaian perakaunan setakat yang, pada pendapat Bank, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank. Dengan mengambil kira tanggungjawabnya untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari yang berkesan, Bank berpendapat bahawa penyediaan penyata kewangan ini wajar berbeza daripada MFRS dalam beberapa aspek.

(b) Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi keperluan MFRS menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian berdasarkan maklumat yang ada yang mungkin memberikan kesan kepada penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset dan liabiliti, selain penzahiran aset dan liabiliti luar jangka yang dilaporkan pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan. Walaupun anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

2.2 **Asas Pengukuran dan Perakaunan Terakru**

Penyata kewangan ini disediakan pada asas terakru, menggunakan konvensi kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.3 **Penukaran Mata Wang Asing**

(a) Penyata kewangan disediakan mengikut nilai ringgit Malaysia, iaitu mata wang bagi persekitaran ekonomi utama tempat Bank beroperasi.

(b) Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa pada tarikh lembaran imbangan. Urus niaga dalam mata wang asing pada tahun ini telah dinilai dalam ringgit Malaysia pada kadar pertukaran semasa mengikut tarikh nilai.

(c) Keuntungan atau kerugian bagi penilaian semula yang belum direalisasikan disebabkan oleh perubahan kadar pertukaran direkodkan dalam Rizab Risiko.

2.4 **Sekuriti dan Pelaburan**

Sekuriti dan pelaburan dinyatakan terutamanya pada kos, dan peruntukan telah dibuat bagi penyusutan nilai pada 31 Disember 2013. Instrumen kewangan yang telah diklasifikasikan sebagai Sedia Untuk Dijual direkodkan pada nilai saksama dan keuntungan atau kerugian bagi penilaian semula yang belum direalisasikan disebabkan oleh perubahan harga pasaran direkodkan dalam Rizab Risiko.

2.5 **Untung Bersih**

Untung bersih Bank diagihkan mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan hanya untung terealisasi layak diagihkan.

2.6 **Perjanjian Belian Balik (Repo) dan Repo Berbalik**

Amaun yang dipinjam di bawah perjanjian repo dilaporkan di bawah `Liabiliti-liabiliti Lain´, manakala amaun yang dipinjamkan di bawah perjanjian repo berbalik dilaporkan di bawah 'Aset-aset Lain'. Perbezaan antara amaun diterima dengan amaun dibayar di bawah perjanjian repo dan repo berbalik masing-masing diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah dan pendapatan faedah mengikut asas garis lurus.

2.7 **Aset Tetap**

Perbelanjaan modal yang ditanggung terhadap aset tetap dikurangkan kepada nilai nominal atau dihapuskan terus pada tahun perolehan.

3. **Emas dan Pertukaran Asing**

	2013 RM	2012 RM
Sekuriti Asing	370,973,012,213	369,087,355,757
Deposit Asing	13,753,641,155	10,382,364,133
Baki di Bank Pusat Lain, Bank for International Settlements (BIS) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF)	14,656,338,583	7,123,144,900
Lain-lain	32,826,471,558	31,942,102,187
	432,209,463, 509	418,534,966,977

4. **Kertas Kerajaan Malaysia**

Kertas Kerajaan Malaysia merujuk kepada pemegangan instrumen hutang Kerajaan yang merupakan sebahagian daripada instrumen yang boleh digunakan dalam operasi dasar monetari Bank.

	2013 RM	2012 RM
Sekuriti Kerajaan Malaysia	1,852,122,439	2,176,401,438
Sukuk 1Malaysia 2010	-	6,407,800
	1,852,122,439	2,182,809,238

5. **Deposit dengan Institusi Kewangan**
Deposit dengan institusi kewangan terdiri daripada deposit yang disimpan oleh Bank dengan institusi kewangan di bawah seksyen 75(i) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

6. **Pinjaman dan Pendahuluan**
Pinjaman dan pendahuluan terdiri terutamanya daripada pendahuluan yang diberikan oleh Bank kepada institusi pelaksana di bawah pelbagai skim seperti Tabung Industri Kecil dan Sederhana dan Tabung Usahawan Baharu yang bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan pertubuhan perusahaan kecil dan sederhana. Pemberian pendahuluan ini diperuntukkan terutamanya di bawah seksyen 48, seksyen 49 dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

7. **Aset-aset Lain**
Aset-aset lain termasuk pelaburan dalam saham dan bon sebanyak RM4,662,873,384 yang diperoleh di bawah seksyen 48(1) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

8. **Deposit oleh Lain-lain**
Sebahagian besar daripada deposit ini terdiri daripada deposit institusi nasional, agensi kerajaan dan pihak berkuasa awam.

9. **Peruntukan Hak Pengeluaran Khas**
Negara-negara anggota IMF diperuntukkan Hak Pengeluaran Khas (Special Drawing Rights, SDR) seimbang dengan sumbangan yang diberikan kepada IMF. Peruntukan SDR ini merupakan suatu liabiliti tidak aktif Bank terhadap IMF, dengan aset diterima dalam bentuk SDR daripada IMF. Jumlah bersih peruntukan terkumpul SDR ialah SDR1,346,143,721 yang bersamaan dengan RM6,790,312,388.

10. **Liabiliti-liabiliti Lain**
Sebahagian besar liabiliti-liabiliti lain termasuk simpanan oleh institusi kewangan di bawah perjanjian repo.

11. **Modal Berbayar**
Modal berbayar sebanyak RM100,000,000 dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

12. **Kumpulan Wang Rizab Am**

	2013 RM	2012 RM
Pada 1 Januari	14,368,713,485	14,368,386,506
Pindahan daripada Untung Bersih	56,245,704	326,979
Pada 31 Disember	14,424,959,189	14,368,713,485

13. **Rizab Risiko**
Rizab ini diwujudkan bagi merekod keuntungan atau kerugian yang belum direalisasikan berikutan perubahan kadar pertukaran mata wang asing dan harga pasaran dan untuk menampung sebarang kemungkinan kerugian pada masa hadapan disebabkan oleh keadaan yang kurang menggalakkan yang di luar kawalan Bank.

14. **Jumlah Pendapatan**
Jumlah pendapatan merangkumi hasil daripada pengurusan rizab asing termasuk faedah dan dividen, pendapatan bukan perbendaharaan, keuntungan atau kerugian modal direalisasikan, dan dinyatakan pada nilai bersih setelah ditolak pelunasan/akresi atas premium/diskaun, dan kos dasar monetari.

15. **Perbelanjaan Berulang**
Perbelanjaan berulang merupakan perbelanjaan yang ditanggung dalam pengurusan dan pentadbiran operasi harian Bank.

16. **Perbelanjaan Pembangunan**
Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan yang ditanggung terutamanya bagi membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang yang dilaksanakan oleh Bank, yang selaras dengan matlamat dan fungsi utama Bank.

17. **Pindahan kepada Rizab Risiko**
Pindahan kepada Rizab Risiko ini dibuat mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

18. **Perkara Luar Jangka dan Komitmen**

18.1 **Aset Luar Jangka**
Jumlah aset luar jangka pada 31 Disember 2013 ialah RM1,400,000,000. Aset ini terdiri daripada jumlah sumbangan Bank kepada Tabung Amanah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) berjumlah RM800,000,000 dan Tabung Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) berjumlah RM600,000,000 untuk membiayai aktiviti berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam bidang perbankan dan perkhidmatan kewangan yang dikendalikan oleh Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF dan INCEIF. Surat Ikatan Amanah memperuntukkan bahawa jumlah sumbangan tersebut akan dikembalikan kepada Bank apabila Pusat-pusat tersebut mampu berdikari pada masa hadapan.

18.2 **Komitmen**
Jumlah komitmen pada 31 Disember 2013 terdiri daripada yang berikut:

(a) **Keanggotaan dengan IMF**
(i) Bank mempunyai kewajipan untuk membayar IMF sebanyak RM5,794,633,148 dalam bentuk SDR atau mata wang boleh tukar lain yang merupakan bahagian belum bayar kuota Malaysia di IMF di bawah Artikel Persetujuan.
(ii) Pada 15 Disember 2010, selaras dengan Resolusi Lembaga Gabenor No. 66-2, IMF telah menerima pakai ``Fourteenth General Review of Quotas and Reform of the Executive Board´´ dengan kuota bagi setiap negara anggota dinaikkan. Pada 31 Disember 2013, Malaysia telah bersetuju dengan kenaikan kuotanya daripada SDR1,773,900,000 kepada SDR3,633,800,000 (bersamaan dengan RM18,329,868,326).
(iii) Bank telah menyertai Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB), iaitu satu set pengaturan kredit antara IMF dengan negara anggotanya bagi menyediakan sumber pembiayaan tambahan kepada IMF yang bertujuan untuk memelihara kestabilan sistem monetari antarabangsa. Pada 31 Disember 2013, jumlah komitmen di bawah pengaturan kredit NAB ialah SDR295,881,875 (bersamaan dengan RM1,492,508,066).
(iv) Pada 23 Julai 2012, Bank telah bersetuju memberikan sumbangan dua hala kepada IMF berjumlah USD1,000,000,000 (bersamaan dengan RM3,275,500,000) yang diperuntukkan untuk tujuan luar jangkaan dan menangani krisis kewangan.

(b) **Pelaburan dalam Bank for International Settlements**
Pelaburan sebanyak RM60,909,560 merupakan bahagian belum dipanggil daripada 3,220 unit saham yang dipegang oleh Bank dalam BIS. Jumlah ini adalah berdasarkan nilai nominal (SDR5,000) bahagian belum dipanggil dan kadar SDR pada tarikh lembaran imbangan.

(c) **Pengaturan Swap**
(i) **Pengaturan Swap ASEAN**
Bank telah menyertai Pengaturan Swap ASEAN (ASEAN Swap Arrangement, ASA) pelbagai hala bersama-sama dengan bank pusat dan pihak berkuasa monetari ASEAN lain bagi memberikan sokongan mudah tunai mata wang asing jangka pendek kepada

negara anggota yang menghadapi masalah imbangan pembayaran. Pada 31 Disember 2013, jumlah komitmen Bank ialah sebanyak USD300 juta (bersamaan dengan RM982.7 juta) dan tiada sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai di bawah ASA dari mana-mana negara anggota pada tahun kewangan tersebut.

(ii) **Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala**

(a) Pada 8 Februari 2012, Bank memperbaharui perjanjian Pengaturan Swap Mata Wang Dua Hala (Bilateral Currency Swap Arrangement, BCSA) dengan People's Bank of China yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2013, jumlah komitmen Bank di bawah BCSA ialah RM90 bilion dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BCSA pada tahun kewangan tersebut.

(b) Pada 20 Oktober 2013, Bank menandatangani perjanjian BCSA dengan Bank of Korea yang bertujuan untuk menggalakkan perdagangan dua hala dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Pada 31 Disember 2013, jumlah komitmen Bank di bawah BCSA ialah RM15 bilion dan tiada sebarang permohonan untuk mengaktifkan BCSA pada tahun kewangan tersebut.

(iii) **Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai**

Bank telah menyertai pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM) yang bertujuan untuk memberikan sokongan kewangan kepada negara anggota ASEAN+3 yang menghadapi masalah imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek. Tarikh kuat kuasa Perjanjian CMIM adalah pada 24 Mac 2010. Di bawah pengaturan CMIM, negara-negara anggota yang menghadapi masalah imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek boleh mendapatkan sokongan kewangan dalam dolar Amerika Syarikat melalui pengaturan swap terhadap mata wang negara masing-masing. Pada 31 Disember 2013, jumlah komitmen Bank ialah USD9.1 bilion (bersamaan dengan RM29.8 bilion). Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, tiada sebarang permohonan untuk sokongan mudah tunai daripada mana-mana negara anggota.

19. **Pengurusan Risiko Kewangan**

Jawatankuasa Pengurusan Rizab memantau penilaian, ukuran dan kawalan risiko pelaburan dalam pengurusan rizab supaya berada pada paras yang sewajarnya bagi memastikan matlamat melindungi modal, mudah tunai dan pulangan tercapai. Dalam melaksanakan fungsi ini, risiko utama pelaburan merangkumi yang berikut:

(a) **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran ialah dedahan pelaburan Bank terhadap pergerakan negatif dalam harga pasaran seperti kadar pertukaran asing, kadar faedah dan harga ekuiti. Risiko pasaran dinilai dan dipantau pada asas harian dan semua pelaburan serta instrumen akan dinilai mengikut pasaran. Dasar tanda aras yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang wajar. Pelaburan boleh dibuat dalam instrumen yang berbeza daripada tanda aras. Perbezaan dalam pelaburan ini dikawal melalui satu set had pengurusan risiko dan garis panduan pelaburan yang juga diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Analisis kepekaan dan ujian ketahanan dijalankan untuk menilai risiko yang akan dihadapi dan kemungkinan kerugian yang ditaksirkan mengikut pasaran, berikutan pergerakan negatif dan turun naik dalam pasaran serta keadaan mudah tunai.

(b) **Risiko Kredit**

Risiko kredit ialah risiko pelaburan yang tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau faedah, yang telah cukup tempohnya disebabkan oleh kemungkiran oleh penerbit hutang atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada Bank. Satu rangka kerja risiko kredit yang komprehensif mengawasi pelaburan dan tahap dedahan kredit yang dibenarkan oleh Bank. Ini memastikan pelaburan dibuat dengan penerbit dan rakan niaga yang mempunyai kedudukan kredit yang tinggi dan kebarangkalian kerugian yang rendah. Rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah ini juga mengambil kira penunjuk kredit berasaskan pasaran seperti penarafan yang tersirat dalam harga pasaran kewangan dan penilaian kredit dalaman. Ini menambah baik rangka kerja kredit dengan menyediakan penilaian kredit yang lebih dinamik dan berpandangan ke hadapan.

(c) **Risiko Operasi**

Risiko operasi ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu mekanisme pengawasan risiko operasi yang menyeluruh telah diwujudkan untuk membantu usaha mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi Bank supaya tindakan boleh diambil bagi mengurus jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan.

20. **Cukai Pendapatan**

Bank dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 1989.

21. **Perbandingan**

Beberapa angka perbandingan telah dinyatakan semula agar selaras dengan paparan pada tahun semasa. Berkuat kuasa tahun 2013, akaun subsidiari dan syarikat bersekutu tidak akan digabungkan dalam akaun Bank kerana pelaburan tersebut adalah kecil berbanding dengan jumlah aset Bank. Kesan daripada perubahan ini terhadap angka perbandingan adalah seperti tertera di bawah:

	Seperti dinyatakan semula	**Seperti dinyatakan sebelum ini**
	RM	**RM**
Aset-aset Lain	6,951,916,824	9,131,723,239
Liabiliti-liabiliti Lain	19,531,802,167	21,711,608,582

2013

TAMBAHAN

KANDUNGAN

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Akaun Negara

A.1 Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar Tahun 2005 MS 1
A.2 Prestasi Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar Tahun 2005 MS 1
A.3 Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2005=100) MS 2
A.4 PNK Mengikut Agregat Permintaan MS 3
A.5 Jurang Tabungan-Pelaburan MS 4
A.6 Pasaran Pekerja: Penunjuk Terpilih MS 5
A.7 Penunjuk Penggunaan Swasta MS 5
A.8 Penunjuk Pelaburan Swasta MS 7

Sektor Luar Negeri

A.9 Imbangan Pembayaran MS 8
A.10 Eksport Kasar MS 10
A.11 Eksport Komoditi Utama MS 11
A.12 Pasaran Utama Eksport Perkilangan MS 12
A.13 Pasaran Utama Eksport Elektronik MS 13
A.14 Pasaran Utama Eksport Keluaran Elektrik MS 13
A.15 Pasaran Utama Eksport Kimia dan Keluaran Kimia MS 14
A.16 Pasaran Utama Eksport Minyak Sawit MS 15
A.17 Pasaran Utama Eksport Getah MS 16
A.18 Pasaran Utama Eksport Minyak Mentah MS 17
A.19 Pasaran Utama Eksport Gas Asli Cecair MS 17
A.20 Hutang Luar Negeri dan Khidmat Bayaran Hutang MS 18

Penunjuk Monetari dan Kewangan

A.21 Indeks Harga Pengguna MS 19
A.22 Indeks Harga Pengeluar MS 19
A.23 Wang Secara Luas (M3) MS 20
A.24 Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan MS 21
A.25 Kadar Faedah (%) MS 22
A.26 Pergerakan Ringgit MS 23
A.27 Institusi Kredit Perumahan MS 24
A.28 Pinjaman Perumahan Terkumpul MS 25
A.29 Pinjaman Perumahan yang Diluluskan MS 25
A.30 Pembiayaan Ekonomi MS 26

Kewangan Awam

A.31 Kewangan Sektor Awam Disatukan MS 27

Penunjuk Terpilih Ekonomi Antarabangsa

A.32 Ekonomi-ekonomi Maju Utama: Penunjuk Ekonomi Utama MS 28
A.33 Asia Sedang Pesat Membangun: Penunjuk Ekonomi Utama MS 29

Jadual A.1

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar Tahun 2005

	2009	2010	2011	2012	2013*a*	2014*r*
	RM juta					
Pertanian	50,063	51,263	54,253	54,782	55,913	58,048
Perlombongan dan kuari	66,386	66,182	62,565	63,432	63,767	64,773
Perkilangan	152,150	170,261	178,237	186,748	193,006	199,806
Pembinaan	19,270	21,459	22,464	26,531	29,422	32,369
Perkhidmatan	335,027	359,829	385,179	409,976	433,998	460,742
Campur: Duti import	6,989	7,660	8,653	10,001	10,589	12,338
KDNK pada harga pembeli[1]	**629,885**	**676,653**	**711,351**	**751,471**	**786,696**	**828,074**
	Perubahan tahunan (%)					
Pertanian	0.1	2.4	5.8	1.0	2.1	3.8
Perlombongan dan kuari	-6.5	-0.3	-5.5	1.4	0.5	1.6
Perkilangan	-9.0	11.9	4.7	4.8	3.4	3.5
Pembinaan	6.2	11.4	4.7	18.1	10.9	10.0
Perkhidmatan	2.9	7.4	7.0	6.4	5.9	6.2
Campur: Duti import	-7.1	9.6	13.0	15.6	5.9	16.5
KDNK pada harga pembeli	**-1.5**	**7.4**	**5.1**	**5.6**	**4.7**	**4.5 ~ 5.5**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.2

Prestasi Sektor Perkhidmatan pada Harga Malar Tahun 2005

	2009	2010	2011	2012	2013*a*	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	Perubahan tahunan (%)					Sumbangan kepada KDNK (%)				
Perkhidmatan	**2.9**	**7.4**	**7.0**	**6.4**	**5.9**	**53.2**	**53.2**	**54.1**	**54.6**	**55.2**
Perkhidmatan pengantara	3.2	8.1	6.3	7.4	5.0	21.6	21.8	22.0	22.4	22.5
Kewangan dan insurans	*4.4*	*8.2*	*6.8*	*7.8*	*1.8*	*9.0*	*9.1*	*9.2*	*9.4*	*9.1*
Harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	*3.6*	*7.6*	*5.3*	*7.2*	*7.4*	*5.4*	*5.4*	*5.4*	*5.5*	*5.6*
Pengangkutan dan penyimpanan	*-3.0*	*7.1*	*5.4*	*4.9*	*4.6*	*3.7*	*3.7*	*3.7*	*3.6*	*3.6*
Komunikasi	*6.2*	*9.7*	*7.6*	*9.2*	*10.0*	*3.6*	*3.6*	*3.7*	*3.8*	*4.0*
Perkhidmatan akhir	2.6	6.9	7.5	5.8	6.4	31.6	31.4	32.1	32.2	32.7
Perdagangan borong dan runcit	*1.7*	*8.3*	*7.1*	*4.8*	*6.4*	*14.0*	*14.1*	*14.3*	*14.2*	*14.5*
Penginapan dan restoran	*4.5*	*7.0*	*6.0*	*5.4*	*5.7*	*2.4*	*2.4*	*2.5*	*2.5*	*2.5*
Utiliti	*2.0*	*7.7*	*3.4*	*4.3*	*4.1*	*2.6*	*2.6*	*2.5*	*2.5*	*2.5*
Perkhidmatan Kerajaan	*3.4*	*5.9*	*12.3*	*9.5*	*8.2*	*7.3*	*7.2*	*7.7*	*8.0*	*8.3*
Perkhidmatan lain	*3.8*	*4.4*	*4.9*	*3.9*	*5.1*	*5.2*	*5.1*	*5.1*	*5.0*	*5.0*

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.3

Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2005=100)

	2010	2011	2012	2013	2011	2012	2013
	Indeks				Perubahan tahunan (%)		
Industri berorientasikan eksport	**107.1**	**110.8**	**115.2**	**118.1**	**3.4**	**3.9**	**2.5**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**97.7**	**94.2**	**96.3**	**100.2**	**-3.6**	**2.2**	**4.0**
Elektronik	*88.1*	*77.8*	*81.1*	*89.3*	*-11.7*	*4.2*	*10.2*
Keluaran elektrik	*116.5*	*126.3*	*126.1*	*121.4*	*8.4*	*-0.2*	*-3.7*
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**113.5**	**121.9**	**127.9**	**130.1**	**7.4**	**4.9**	**1.8**
Kimia dan keluaran kimia	117.9	128.3	139.0	146.8	8.8	8.4	5.6
Keluaran petroleum	113.7	120.7	125.9	121.3	6.2	4.3	-3.7
Tekstil, pakaian dan kasut	83.8	92.5	85.7	88.1	10.4	-7.4	2.8
Kayu dan keluaran kayu	84.9	79.9	85.7	84.9	-5.9	7.2	-1.0
Keluaran getah	150.2	171.0	176.2	196.9	13.9	3.0	11.7
Pemprosesan di luar estet	110.0	119.6	119.6	121.6	8.7	0.0	1.7
Keluaran kertas	125.8	140.4	135.8	130.0	11.6	-3.3	-4.2
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**132.5**	**143.3**	**155.2**	**163.6**	**8.2**	**8.3**	**5.4**
Kelompok keluaran berkaitan pembinaan	**133.7**	**157.1**	**170.5**	**175.7**	**17.6**	**8.5**	**3.0**
Keluaran berkaitan pembinaan	116.8	132.0	133.1	128.5	13.0	0.9	-3.4
Keluaran galian bukan logam	*121.7*	*148.0*	*155.4*	*142.7*	*21.6*	*5.0*	*-8.2*
Keluaran besi asas dan keluli dan logam bukan ferus	*110.9*	*112.4*	*105.9*	*111.2*	*1.4*	*-5.8*	*5.0*
Keluaran logam yang direka	166.3	205.9	242.8	266.9	23.8	18.0	9.9
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**131.6**	**133.4**	**144.1**	**154.8**	**1.3**	**8.1**	**7.4**
Keluaran makanan	133.8	140.1	152.3	156.7	4.7	8.7	2.9
Kelengkapan pengangkutan	132.3	126.7	144.3	167.0	-4.3	13.9	15.8
Minuman	150.4	163.0	158.0	156.1	8.4	-3.0	-1.3
Keluaran tembakau	88.2	98.6	109.0	89.4	11.8	10.6	-18.0
Lain-lain	115.4	114.0	112.7	124.8	-1.2	-1.1	10.7
Jumlah	**112.2**	**117.2**	**123.1**	**127.1**	**4.5**	**5.0**	**3.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.4

PNK Mengikut Agregat Permintaan

	2009	2010	2011	2012	2013*a*	2014*r*
	pada Harga Semasa (RM juta)					
Penggunaan	441,185	476,273	533,325	587,065	637,856	696,780
Penggunaan swasta	*348,168*	*378,791*	*418,258*	*459,862*	*504,468*	*557,687*
Penggunaan awam	*93,017*	*97,482*	*115,067*	*127,203*	*133,388*	*139,093*
Pelaburan	156,660	179,793	197,181	241,733	264,579	294,006
Pelaburan swasta	*81,028*	*98,555*	*112,786*	*140,180*	*161,119*	*185,196*
Pelaburan awam	*75,633*	*81,238*	*84,395*	*101,553*	*103,460*	*108,810*
Perubahan dalam stok[1]	-29,517	5,955	8,656	828	-5,613	1,200
Eksport barangan dan perkhidmatan	651,671	744,034	810,221	820,159	816,338	851,360
Import barangan dan perkhidmatan	507,142	608,728	664,928	708,548	728,706	769,571
KDNK pada harga pembeli	712,857	797,327	884,456	941,237	984,453	1,073,775
Imbangan pendapatan primer	-14,215	-26,333	-21,806	-36,024	-35,189	-34,940
PNK	698,642	770,994	862,650	905,213	949,264	1,038,835
	pada Harga Malar 2005 (RM juta)					
Penggunaan	387,844	411,768	447,108	479,051	514,026	545,342
Penggunaan swasta	*309,169*	*330,385*	*352,872*	*379,990*	*408,725*	*436,927*
Penggunaan awam	*78,675*	*81,383*	*94,236*	*99,061*	*105,301*	*108,415*
Pelaburan	141,584	158,397	168,281	201,717	218,230	237,436
Pelaburan swasta	*73,231*	*86,699*	*95,836*	*116,850*	*132,782*	*149,553*
Pelaburan awam	*68,353*	*71,697*	*72,445*	*84,867*	*85,448*	*87,883*
Perubahan dalam stok[1]	-8,682	8,129	2,124	6,639	5,036	1,000
Eksport barangan dan perkhidmatan	615,024	683,391	714,793	714,070	711,983	727,120
Import barangan dan perkhidmatan	505,886	585,031	620,955	650,007	662,579	682,824
KDNK pada harga pembeli	629,885	676,653	711,351	751,471	786,696	828,074
Imbangan pendapatan primer	-21,941	-40,910	-44,457	-58,355	-58,401	-57,833
PNK	607,944	635,743	666,894	693,116	728,295	770,241

[1] Termasuk perbezaan perangkaan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.5

Jurang Tabungan-Pelaburan

	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta				
Pembentukan modal dalam negeri kasar awam	75,633	81,238	84,395	101,553	103,460
Tabungan awam	63,905	85,898	87,998	95,923	49,184
Defisit/lebihan	-11,728	4,660	3,603	-5,630	-54,276
Pembentukan modal dalam negeri kasar swasta	51,511	104,510	121,442	141,008	155,506
Tabungan swasta	173,964	187,032	220,265	203,986	247,055
Defisit/lebihan	122,453	82,522	98,823	62,978	91,549
Pembentukan modal dalam negeri kasar	127,143	185,748	205,837	242,561	258,966
(% daripada PNK)	18.2	24.1	23.9	26.8	27.3
Tabungan negara kasar	237,869	272,930	308,263	299,909	296,239
(% daripada PNK)	34.0	35.4	35.7	33.1	31.2
Imbangan akaun semasa	110,726	87,183	102,426	57,348	37,273
(% daripada PNK)	15.8	11.3	11.9	6.3	3.9

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Kewangan

Jadual A.6

Pasaran Pekerja: Penunjuk Terpilih

	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	(bilangan jawatan/orang)				
Kekosongan Jawatan Mengikut Industri[1]					
Pertanian, perhutanan & perikanan	230,303	327,670	399,522	337,466	306,542
Perlombongan & kuari	1,377	2,517	3,369	2,180	1,880
Perkilangan	695,418	693,711	689,422	598,890	456,478
Pembinaan	111,622	250,820	388,241	310,954	308,783
Perkhidmatan	507,627	512,503	778,994	369,983	329,007
Elektrik, gas & air[2]	*4,367*	*8,269*	*15,091*	*6,521*	*7,043*
Perdagangan borong & runcit; penginapan & perkhidmatan makanan	*162,270*	*147,303*	*185,577*	*109,117*	*95,966*
Pengangkutan & penyimpanan; maklumat & komunikasi	*15,090*	*17,888*	*20,100*	*17,921*	*14,864*
Kewangan & insurans; harta tanah & perkhidmatan perniagaan[3]	*148,001*	*168,067*	*372,346*	*114,099*	*96,399*
Pentadbiran awam & pertahanan; keselamatan sosial wajib	*16,128*	*20,414*	*6,897*	*5,115*	*4,020*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial & lain-lain	*161,771*	*150,562*	*178,983*	*117,210*	*110,715*
Jumlah kekosongan	**1,546,347**	**1,787,221**	**2,259,548**	**1,619,473**	**1,402,690**
Pemberhentian Pekerja Mengikut Industri					
Pertanian, perhutanan & perikanan	278	866	172	156	180
Perlombongan & kuari	78	30	24	81	117
Perkilangan	17,850	3,854	5,635	7,616	7,940
Pembinaan	503	262	290	1,002	353
Perkhidmatan	6,355	2,073	3,329	2,639	2,605
Elektrik, gas & air[2]	*156*	-	*66*	*46*	-
Perdagangan borong & runcit; penginapan & perkhidmatan makanan	*1,429*	*662*	*1,322*	*743*	*742*
Pengangkutan & penyimpanan; maklumat & komunikasi	*643*	*208*	*293*	*292*	*362*
Kewangan & insurans; harta tanah & perkhidmatan perniagaan[3]	*1,923*	*934*	*672*	*827*	*628*
Pentadbiran awam & pertahanan; keselamatan sosial wajib	*137*	*22*	*545*	*511*	*548*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial & lain-lain	*2,067*	*247*	*431*	*220*	*325*
Jumlah pemberhentian pekerja	**25,064**	**7,085**	**9,450**	**11,494**	**11,195**
Guna Tenaga Mengikut Industri ('000 orang)					
Pertanian, perhutanan & perikanan	1,471.1	1,614.9	1,410.0	1,601.7	1,713.8
Perlombongan & kuari	64.7	57.2	76.0	80.6	87.9
Perkilangan	1,807.1	2,108.5	2,222.3	2,227.9	2,230.3
Pembinaan	1,015.9	1,082.7	1,133.6	1,163.7	1,258.8
Perkhidmatan	6,540.2	7,036.4	7,442.6	7,649.2	8,045.4
Elektrik, gas & air[2]	*58.1*	*122.2*	*122.4*	*142.5*	*145.2*
Perdagangan borong & runcit; penginapan & perkhidmatan makanan	*2,632.3*	*2,744.5*	*2,941.7*	*3,073.0*	*3,266.1*
Pengangkutan & penyimpanan; maklumat & komunikasi	*592.0*	*733.6*	*812.8*	*833.2*	*812.9*
Kewangan & insurans; harta tanah & perkhidmatan perniagaan[3]	*873.4*	*1,026.7*	*1,156.7*	*1,230.6*	*1,265.1*
Pentadbiran awam & pertahanan; keselamatan sosial wajib	*813.8*	*787.7*	*749.0*	*697.6*	*771.5*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial & lain-lain	*1,570.6*	*1,621.7*	*1,660.0*	*1,672.3*	*1,784.8*
Jumlah guna tenaga	**10,899.0**	**11,899.5**	**12,284.4**	**12,723.2**	**13,336.2**
Kadar pengangguran (% daripada tenaga kerja)	**3.7**	**3.3**	**3.1**	**3.0**	**3.1**

[1] Merujuk kepada jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh majikan melalui portal JobsMalaysia. Mulai tahun 2012, data tidak boleh dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya ekoran pengelasan semula data

[2] Merujuk kepada elektrik, gas, wap, penyaman udara; bekalan air, pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan

[3] Merujuk kepada kewangan dan insurans, harta tanah, perkhidmatan profesional, saintifik, teknikal, pentadbiran dan sokongan

a Awalan

Nota: Mulai tahun 2010, data guna tenaga adalah berdasarkan anggaran populasi yang baharu dan tidak boleh dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.7

Penunjuk Penggunaan Swasta

	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Jualan kenderaan penumpang ('000 unit)	497.5	486.1	543.6	520.5	552.2	576.7
Perubahan tahunan (%)	12.3	-2.3	11.8	-4.3	6.1	4.4
Import barangan penggunaan (RM bilion)	32.3	31.4	34.5	39.5	43.7	47.5
Perubahan tahunan (%)	11.8	-2.7	9.7	14.7	10.7	8.7
Kutipan cukai						
Cukai jualan (RM bilion)	8.4	8.6	8.2	8.6	9.5	10.1
Cukai perkhidmatan (RM bilion)	3.3	3.3	3.9	5.0	5.6	5.9
Wang Secara Kecil (M1)						
Perubahan tahunan (%)	8.3	9.8	11.7	15.4	11.9	13.0
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Kredit penggunaan (tidak termasuk kenderaan penumpang)						
Perubahan tahunan (%)	2.2	19.7	12.5	13.3	-3.4	7.9
Perniagaan borong dan runcit, restoran dan hotel						
Perubahan tahunan (%)	24.5	-7.4	16.3	13.8	27.4	4.2
Jualan runcit MRA (% perubahan tahunan)	5.0	0.8	8.4	8.1	5.5	4.5[a]
Jumlah perbelanjaan kad kredit[1] (RM bilion)	63.4	68.1	78.0	86.8	91.9	98.1
Perubahan tahunan (%)	14.4	7.5	14.5	11.2	5.9	6.8
Indeks Sentimen Pengguna MIER[2]	71.4	109.6	117.2	106.3	118.7	82.4
FBM KLCI	876.8	1,272.8	1,518.9	1,530.7	1,689.0	1,867.0
Harga Komoditi						
Minyak sawit mentah (RM/tan)	2,875	2,257	2,752	3,279	2,864	2,375
Minyak mentah (USD/tong)	102.1	64.3	79.7	113.8	118.6	115.1
Getah (sen/kg)	828.8	642.8	1,069.6	1,366.5	962.4	785.9

[1] Perbelanjaan pemastautin sahaja
[2] Merujuk kepada suku ke-4
[a] Anggaran

Jadual A.8

Penunjuk Pelaburan Swasta

	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Jualan kenderaan perdagangan ('000 unit)	50.7	50.6	61.6	65.0	75.6	79.1
Perubahan tahunan (%)	14.4	-0.2	21.8	5.6	16.2	4.7
Import barangan modal (RM bilion)	69.9	65.8	73.8	80.3	96.1	98.7
Perubahan tahunan (%)	0.0	-5.9	12.2	8.9	19.6	2.8
Kelulusan oleh MIDA (Sektor perkilangan)						
Bilangan projek	919	766	910	846	804	787
Pelaburan modal (RM bilion)	62.8	32.6	47.2	56.1	41.1	52.1
Tempatan	*16.7*	*10.5*	*18.1*	*21.9*	*20.2*	*21.6*
Asing	*46.1*	*22.1*	*29.1*	*34.1*	*20.9*	*30.5*
Pelaburan baharu (% bahagian)	66.9	67.6	50.6	59.0	65.4	73.1
Pelaburan semula (% bahagian)	33.1	32.4	49.4	41.0	34.6	26.9
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Sektor perkilangan						
Perubahan tahunan (%)	12.4	-15.2	12.0	21.9	16.1	-1.6
Sektor pembinaan						
Perubahan tahunan (%)	6.8	16.6	5.5	5.4	20.5	14.4
Sekuriti Hutang Swasta (tidak termasuk Cagamas)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	49.7	58.6	52.1	69.6	121.1	83.9
Aktiviti baharu	33.3	8.7	13.5	8.4	19.5	7.5
Tawaran Awam Awal (Bursa Malaysia)						
Jumlah dana yang diperoleh (RM bilion)	1.3	12.2	19.8	7.4	22.9	8.2
Tinjauan Keadaan Perniagaan MIER						
Indeks Keadaan Perniagaan[1]	53.8	118.8	99.5	96.6	94.1	92.0
Kadar Penggunaan Kapasiti[1]	74.4	81.4	82.9	81.2	80.9	80.0
Syarikat Berstatus MSC						
Bilangan syarikat	242	284	218	215	213	236
Pelaburan yang diluluskan (RM bilion)	1.8	2.2	1.5	2.5	2.9	3.0

[1] Merujuk kepada suku ke-4

Jadual A.9

Imbangan Pembayaran

	2010			2011		
	+	-	Bersih	+	-	Bersih
	RM juta					
Barangan[1]	**641,135**	**504,384**	**136,751**	**699,591**	**548,026**	**151,565**
Perkhidmatan	**102,900**	**104,344**	**-1,444**	**110,630**	**116,902**	**-6,272**
Pengangkutan	15,696	38,087	-22,391	15,482	40,546	-25,064
Perjalanan	58,350	26,733	31,617	60,146	31,187	28,959
Perkhidmatan lain	28,572	38,741	-10,168	34,723	44,367	-9,644
Urus niaga Kerajaan t.t.t.l.	281	783	-502	279	803	-524
Imbangan barangan dan perkhidmatan	**744,034**	**608,728**	**135,306**	**810,221**	**664,928**	**145,293**
Pendapatan primer	**38,322**	**64,655**	**-26,333**	**52,491**	**74,297**	**-21,806**
Pampasan pekerja	3,550	5,632	-2,082	3,707	6,038	-2,331
Pendapatan pelaburan	34,772	59,023	-24,251	48,785	68,260	-19,475
Pendapatan sekunder	**1,920**	**23,711**	**-21,790**	**4,683**	**25,744**	**-21,061**
Imbangan akaun semasa	**784,276**	**697,094**	**87,183**	**867,395**	**764,969**	**102,426**
% daripada PNK			**11.3**			**11.9**
Akaun modal			**-111**			**-133**
Akaun kewangan			**-19,946**			**23,265**
Pelaburan langsung			-13,977			-9,337
Aset			*-49,163*			*-55,324*
Liabiliti			*35,186*			*45,987*
Pelaburan portfolio			48,467			26,139
Aset			*-23,176*			*-18,522*
Liabiliti			*71,643*			*44,661*
Derivatif kewangan			-698			-76
Pelaburan lain			-53,738			6,539
Sektor awam			*119*			*-1,337*
Sektor swasta			*-53,856*			*7,876*
Imbangan akaun modal dan kewangan			**-20,057**			**23,132**
Kesilapan dan ketinggalan			**-69,754**			**-30,876**
antaranya:						
Penambahan (+) / pengurangan (-) nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing			-32,641			7,566
Imbangan keseluruhan (lebihan + / defisit -)			**-2,628**			**94,682**
Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia, bersih[2]						
RM juta			328,649			423,331
USD juta			106,518			133,610
Rizab sebagai bilangan bulan import tertangguh			8.6			9.6

[1] Diselaraskan untuk penilaian dan liputan bagi asas imbangan pembayaran
[2] Semua aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada ringgit mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira dan penambahan/pengurangan nilai juga ditunjukkan dengan sewajarnya dalam akaun Bank

a Awalan
r Ramalan
t.t.t.l. Tidak tercatat di tempat lain
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

2012			2013*a*			2014*r*		
+	-	Bersih	+	-	Bersih	+	-	Bersih
			RM juta					
703,152	**577,538**	**125,614**	**690,867**	**588,191**	**102,677**	**714,593**	**620,894**	**93,700**
117,007	**131,010**	**-14,003**	**125,471**	**140,516**	**-15,045**	**136,766**	**148,677**	**-11,911**
13,665	41,677	-28,012	14,373	44,727	-30,354	15,677	47,810	-32,133
62,548	35,654	26,893	66,225	37,648	28,576	73,970	40,249	33,721
40,536	53,006	-12,470	44,620	57,648	-13,028	46,746	60,171	-13,425
257	672	-415	253	492	-239	373	447	-74
820,159	**708,548**	**111,611**	**816,338**	**728,706**	**87,632**	**851,360**	**769,571**	**81,789**
42,323	**78,348**	**-36,024**	**47,453**	**82,643**	**-35,189**	**51,826**	**86,767**	**-34,940**
4,076	7,116	-3,040	4,400	8,259	-3,859	4,086	8,920	-4,833
38,247	71,232	-32,985	43,053	74,384	-31,331	47,740	77,847	-30,107
6,848	**25,087**	**-18,239**	**7,337**	**22,506**	**-15,169**	**7,000**	**23,000**	**-16,000**
869,330	**811,982**	**57,348**	**871,128**	**833,855**	**37,273**	**910,186**	**879,337**	**30,849**
		6.3			**3.9**			**3.0**
		159			**-48**			
		-23,037			**-15,048**			
		-21,748			-4,080			
		-51,910			*-40,622*			
		30,162			*36,542*			
		58,388			-2,766			
		-21,455			*-31,901*			
		79,843			*29,135*			
		954			-101			
		-60,632			-8,101			
		-1,702			*-3,933*			
		-58,930			*-4,169*			
		-22,878			**-15,096**			
		-30,597			**-7,528**			
		-7,686			18,611			
		3,873			**14,649**			
		427,204			441,853			
		139,715			134,902			
		9.5			9.5			

Jadual A.10

Eksport Kasar

	2011	2012	2013*a*	2012	2013*a*	2013*a*
	RM juta			Perubahan tahunan (%)		% bahagian
Perkilangan	**504,127**	**519,897**	**549,606**	**3.1**	**5.7**	**76.4**
antaranya:						
Elektronik, jentera dan peralatan elektrik	261,006	256,471	264,004	-1.7	2.9	36.7
Elektronik	182,159	178,789	186,594	-1.8	4.4	25.9
Separa konduktor	107,090	101,789	111,194	-4.9	9.2	15.4
Kelengkapan dan komponen elektronik	75,069	77,000	75,399	2.6	-2.1	10.5
Jentera dan peralatan elektrik	78,847	77,682	77,411	-1.5	-0.3	10.8
Perkakas dan jentera elektrik perindustrian	27,659	29,204	31,067	5.6	6.4	4.3
Keluaran elektrik perindustrian dan komersial	24,508	25,480	24,117	4.0	-5.3	3.4
Keluaran elektrik pengguna	22,866	18,714	18,230	-18.2	-2.6	2.5
Peralatan elektrik isi rumah	3,814	4,285	3,997	12.3	-6.7	0.6
Kimia dan keluaran kimia	47,767	47,318	52,152	-0.9	10.2	7.2
Keluaran petroleum	36,654	52,785	66,827	44.0	26.6	9.3
Keluaran logam	31,011	29,475	34,928	-5.0	18.5	4.9
Kelengkapan optik dan saintifik	18,760	22,928	20,814	22.2	-9.2	2.9
Keluaran getah	17,516	19,466	18,222	11.1	-6.4	2.5
Tekstil, pakaian dan kasut	10,939	9,488	10,216	-13.3	7.7	1.4
Keluaran kayu	8,563	8,456	8,455	-1.2	...	1.2
Pertanian	**91,426**	**77,343**	**64,230**	**-15.4**	**-17.0**	**8.9**
antaranya:						
Minyak sawit	60,310	53,067	41,774	-12.0	-21.3	5.8
Getah	13,481	7,864	7,027	-41.7	-10.6	1.0
Mineral	**90,604**	**92,974**	**96,488**	**2.6**	**3.8**	**13.4**
antaranya:						
Gas asli cecair	52,049	56,129	59,193	7.8	5.5	8.2
Minyak mentah dan kondensat	32,452	31,951	31,639	-1.5	-1.0	4.4
Lain-lain	**11,705**	**12,428**	**9,491**	**6.2**	**-23.6**	**1.3**
Jumlah	**697,862**	**702,641**	**719,815**	**0.7**	**2.4**	**100.0**

a Awalan
... Terlalu kecil
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.11

Eksport Komoditi Utama

	2011	2012	2013*a*	2011	2012	2013*a*
	Jumlah dan nilai			Perubahan tahunan (%)		
Eksport komoditi (RM juta)	**182,031**	**170,317**	**160,718**	**28.2**	**-6.4**	**-5.6**
Eksport pertanian (RM juta)	**91,426**	**77,343**	**64,230**	**33.0**	**-15.4**	**-17.0**
antaranya:						
Minyak sawit						
('000 tan)	18,448	17,890	17,819	8.9	-3.0	-0.4
(RM/tan)	3,269	2,966	2,344	23.8	-9.3	-21.0
(RM juta)	60,310	53,067	41,774	34.8	-12.0	-21.3
Minyak isirong sawit						
('000 tan)	1,083	1,294	1,124	6.1	19.5	-13.1
(RM/tan)	3,557	1,901	1,926	42.6	-46.6	1.3
(RM juta)	3,853	2,460	2,165	51.2	-36.2	-12.0
Getah						
('000 tan)	946	771	846	5.0	-18.5	9.7
(sen/kilogram)	1,425	1,020	831	39.4	-28.4	-18.5
(RM juta)	13,481	7,864	7,027	46.4	-41.7	-10.6
Kayu balak						
('000 meter padu)	3,315	3,013	3,142	-23.4	-9.1	4.3
(RM/meter padu)	589	561	595	19.0	-4.7	6.0
(RM juta)	1,952	1,691	1,870	-8.9	-13.3	10.6
Kayu siap digergaji						
('000 meter padu)	2,085	2,043	1,964	-3.1	-2.0	-3.9
(RM/meter padu)	1,560	1,558	1,613	3.5	-0.1	3.5
(RM juta)	3,252	3,183	3,168	0.3	-2.1	-0.5
Biji koko						
('000 tan)	25.4	47.7	42.9	7.3	87.5	-10.0
(RM/tan)	10,038	8,364	8,368	-13.0	-16.7	0.1
(RM juta)	255	399	359	-6.6	56.3	-10.0
Eksport mineral (RM juta)	**90,604**	**92,974**	**96,488**	**23.8**	**2.6**	**3.8**
antaranya:						
Minyak mentah dan kondensat						
('000 tan)	12,506	11,863	11,816	-23.6	-5.1	-0.4
(USD/tong)	111.67	114.98	111.68	45.9	3.0	-2.9
(RM juta)	32,452	31,951	31,639	5.5	-1.5	-1.0
Gas asli cecair						
('000 tan)	24,848	23,769	25,252	8.3	-4.3	6.2
(RM/tan)	2,095	2,361	2,344	24.1	12.7	-0.7
(RM juta)	52,049	56,129	59,193	34.3	7.8	5.5
Timah						
('000 tan)	42.3	37.2	36.4	25.5	-12.1	-2.2
(RM/tan)	76,460	64,794	69,453	23.7	-15.3	7.2
(RM juta)	3,234	2,410	2,526	55.2	-25.5	4.8

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.12

Pasaran Utama Eksport Perkilangan

	2009	2010	2011	2012	2013*a*	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta					% bahagian				
ASEAN	**114,026**	**130,666**	**138,797**	**155,027**	**169,277**	**26.4**	**26.8**	**27.5**	**29.8**	**30.8**
Singapura	70,183	78,370	81,856	88,719	94,650	16.2	16.1	16.2	17.1	17.2
Thailand	24,148	28,285	28,521	30,679	32,876	5.6	5.8	5.7	5.9	6.0
Indonesia	13,016	15,675	18,925	25,473	31,356	3.0	3.2	3.8	4.9	5.7
Filipina	5,218	6,992	7,959	8,171	7,966	1.2	1.4	1.6	1.6	1.4
Brunei Darussalam	1,462	1,344	1,536	1,985	2,429	0.3	0.3	0.3	0.4	0.4
Kesatuan Eropah	**52,830**	**58,527**	**58,707**	**50,402**	**56,545**	**12.2**	**12.0**	**11.6**	**9.7**	**10.3**
Belanda	15,301	16,389	13,564	12,939	16,266	3.5	3.4	2.7	2.5	3.0
Jerman	13,739	15,408	16,128	14,216	15,183	3.2	3.2	3.2	2.7	2.8
United Kingdom	6,657	6,801	6,587	6,351	6,531	1.5	1.4	1.3	1.2	1.2
Lain-lain	17,133	19,929	22,428	16,896	18,564	4.0	4.1	4.4	3.2	3.4
Republik Rakyat China	51,254	61,027	63,749	67,332	76,781	11.9	12.5	12.6	13.0	14.0
Amerika Syarikat	56,897	55,604	51,027	54,962	53,595	13.2	11.4	10.1	10.6	9.8
Jepun	30,204	35,596	37,987	35,733	33,270	7.0	7.3	7.5	6.9	6.1
Hong Kong SAR	28,293	31,548	30,262	29,166	30,533	6.5	6.5	6.0	5.6	5.6
Timur Tengah	20,659	21,273	22,646	22,978	23,343	4.8	4.4	4.5	4.4	4.2
Australia	13,927	13,154	14,037	15,160	16,237	3.2	2.7	2.8	2.9	3.0
Korea	9,895	12,313	12,996	14,150	14,014	2.3	2.5	2.6	2.7	2.5
India	8,319	11,508	14,220	14,734	12,516	1.9	2.4	2.8	2.8	2.3
China Taipei	10,216	13,357	13,506	12,949	12,469	2.4	2.7	2.7	2.5	2.3
Negara-negara Amerika Latin	7,362	9,063	9,849	9,727	9,583	1.7	1.9	2.0	1.9	1.7
Kanada	2,630	2,977	2,589	2,788	2,388	0.6	0.6	0.5	0.5	0.4
Negara-negara Lain	25,668	30,237	33,756	34,788	39,055	5.9	6.2	6.7	6.7	7.1
Jumlah	**432,179**	**486,849**	**504,127**	**519,897**	**549,606**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.13

Pasaran Utama Eksport Elektronik

	2009	2010	2011	2012	2013*a*	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta					% bahagian				
Republik Rakyat China	34,862	38,326	38,644	38,101	38,461	19.3	19.7	21.2	21.3	20.6
Singapura	28,049	32,027	28,304	27,913	31,688	15.5	16.5	15.5	15.6	17.0
Hong Kong SAR	20,283	22,500	21,464	21,307	23,562	11.2	11.6	11.8	11.9	12.6
Amerika Syarikat	28,170	24,605	20,384	21,651	21,007	15.6	12.7	11.2	12.1	11.3
Thailand	9,352	9,344	8,782	10,635	11,779	5.2	4.8	4.8	5.9	6.3
Jepun	9,565	9,936	9,469	10,118	9,880	5.3	5.1	5.2	5.7	5.3
Belanda	9,493	10,264	6,086	6,687	8,927	5.3	5.3	3.3	3.7	4.8
Jerman	7,658	8,413	8,019	5,544	6,634	4.2	4.3	4.4	3.1	3.6
China Taipei	5,851	6,242	5,696	6,080	5,706	3.2	3.2	3.1	3.4	3.1
Korea	3,547	4,369	5,281	3,940	3,596	2.0	2.2	2.9	2.2	1.9
Lain-lain	23,912	28,386	30,029	26,812	25,354	13.2	14.6	16.5	15.0	13.6
Jumlah	**180,743**	**194,412**	**182,159**	**178,789**	**186,594**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.14

Pasaran Utama Eksport Keluaran Elektrik[1]

	2009	2010	2011	2012	2013*a*	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta					% bahagian				
Amerika Syarikat	12,979	12,484	11,666	12,679	13,391	19.0	16.3	14.8	16.3	17.3
Kesatuan Eropah	9,454	9,281	10,882	9,485	9,626	13.9	12.1	13.8	12.2	12.4
Singapura	8,190	8,470	8,419	8,890	9,061	12.0	11.0	10.7	11.4	11.7
Jepun	6,961	9,251	9,507	7,115	6,885	10.2	12.1	12.1	9.2	8.9
Timur Tengah	5,089	6,479	6,762	6,843	5,946	7.5	8.4	8.6	8.8	7.7
Indonesia	2,471	2,491	3,316	3,677	4,078	3.6	3.2	4.2	4.7	5.3
Thailand	2,601	3,427	3,530	4,077	3,910	3.8	4.5	4.5	5.2	5.1
Republik Rakyat China	3,201	3,972	4,238	4,222	3,741	4.7	5.2	5.4	5.4	4.8
Australia	4,122	4,285	3,365	3,164	3,113	6.0	5.6	4.3	4.1	4.0
Lain-lain	13,138	16,595	17,162	17,529	17,659	19.3	21.6	21.8	22.6	22.8
Jumlah	**68,205**	**76,734**	**78,847**	**77,682**	**77,411**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk mesin dan peralatan
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.15

Pasaran Utama Eksport Kimia dan Keluaran Kimia

	2009	2010	2011	2012	2013*a*	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta					% bahagian				
Republik Rakyat China	5,348	6,772	8,051	8,815	10,781	15.7	16.3	16.9	18.6	20.7
Indonesia	3,070	4,012	4,610	5,233	5,391	9.0	9.7	9.7	11.1	10.3
Thailand	2,764	3,295	4,185	4,236	4,519	8.1	7.9	8.8	9.0	8.7
Singapura	3,299	3,756	3,906	3,873	4,271	9.7	9.0	8.2	8.2	8.2
Jepun	2,286	3,093	4,015	3,611	3,477	6.7	7.4	8.4	7.6	6.7
India	2,011	2,490	2,831	2,922	2,926	5.9	6.0	5.9	6.2	5.6
Korea	1,230	1,420	1,710	1,852	2,100	3.6	3.4	3.6	3.9	4.0
Amerika Syarikat	1,166	1,339	1,543	1,383	1,835	3.4	3.2	3.2	2.9	3.5
Belanda	1,083	1,324	1,755	1,349	1,646	3.2	3.2	3.7	2.9	3.2
Filipina	1,117	1,331	1,572	1,482	1,564	3.3	3.2	3.3	3.1	3.0
Lain-lain	10,704	12,725	13,589	12,562	13,643	31.4	30.6	28.4	26.5	26.2
Jumlah	**34,079**	**41,557**	**47,767**	**47,318**	**52,152**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.16

Pasaran Utama Eksport Minyak Sawit

	2009	2010	2011	2012	2013*a*	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	'000 tan					% bahagian				
Republik Rakyat China	4,059	3,463	4,034	3,484	3,651	25.0	20.4	21.9	19.5	20.5
India	1,263	1,184	1,723	2,628	2,281	7.8	7.0	9.3	14.7	12.8
Kesatuan Eropah	1,979	2,104	2,187	2,419	2,323	12.2	12.4	11.9	13.5	13.0
Belanda	1,117	1,133	1,293	1,511	1,549	6.9	6.7	7.0	8.4	8.7
Itali	151	188	212	291	251	0.9	1.1	1.1	1.6	1.4
Sweden	54	119	158	99	125	0.3	0.7	0.9	0.6	0.7
Sepanyol	120	107	156	183	125	0.7	0.6	0.8	1.0	0.7
Lain-lain	537	557	369	335	273	3.3	3.3	2.0	1.9	1.5
Timur Tengah	1,364	1,864	1,775	1,505	1,481	8.4	11.0	9.6	8.4	8.3
Pakistan	1,764	2,134	1,851	1,359	1,408	10.9	12.6	10.0	7.6	7.9
Amerika Syarikat	866	1,032	1,045	1,022	1,013	5.3	6.1	5.7	5.7	5.7
Jepun	528	542	551	557	499	3.2	3.2	3.0	3.1	2.8
Singapore	438	468	467	599	472	2.7	2.8	2.5	3.3	2.7
Bangladesh	113	171	149	249	374	0.7	1.0	0.8	1.4	2.1
Korea	299	322	365	371	355	1.8	1.9	2.0	2.1	2.0
Filipina	114	210	521	291	190	0.7	1.2	2.8	1.6	1.1
Lain-lain	3,469	3,451	3,778	3,406	3,771	21.3	20.4	20.5	19.0	21.2
Jumlah	**16,256**	**16,945**	**18,448**	**17,890**	**17,819**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.17

Pasaran Utama Eksport Getah

	2009	2010	2011	2012	2013*a*	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	'000 tan					% bahagian				
Republik Rakyat China	272	348	409	307	391	38.7	38.6	43.2	39.7	46.3
Kesatuan Eropah	184	270	275	232	199	26.2	30.0	29.1	30.0	23.5
Jerman	*82*	*118*	*114*	*112*	*104*	*11.6*	*13.1*	*12.0*	*14.5*	*12.2*
Finland	*4*	*11*	*17*	*15*	*18*	*0.5*	*1.2*	*1.8*	*2.0*	*2.1*
Portugal	*17*	*23*	*21*	*18*	*14*	*2.4*	*2.5*	*2.3*	*2.4*	*1.7*
Perancis	*18*	*22*	*16*	*12*	*12*	*2.6*	*2.4*	*1.7*	*1.6*	*1.4*
Belgium	*5*	*6*	*14*	*12*	*10*	*0.7*	*0.7*	*1.4*	*1.6*	*1.1*
United Kingdom	*8*	*12*	*18*	*12*	*9*	*1.1*	*1.3*	*1.9*	*1.5*	*1.0*
Lain-lain	*59*	*91*	*93*	*61*	*42*	*8.4*	*10.1*	*9.8*	*7.9*	*5.0*
Timur Tengah	54	64	55	55	75	7.7	7.1	5.8	7.1	8.9
Iran	*32*	*39*	*28*	*33*	*55*	*4.5*	*4.3*	*2.9*	*4.2*	*6.5*
Turki	*17*	*20*	*21*	*16*	*14*	*2.4*	*2.2*	*2.3*	*2.0*	*1.7*
Lain-lain	*6*	*5*	*6*	*6*	*6*	*0.8*	*0.6*	*0.6*	*0.8*	*0.7*
Amerika Syarikat	28	40	34	33	36	4.0	4.4	3.6	4.3	4.2
Brazil	23	27	21	23	29	3.3	3.0	2.3	2.9	3.4
Korea	47	49	44	32	25	6.7	5.4	4.6	4.1	3.0
China Taipei	13	14	11	10	11	1.9	1.5	1.2	1.4	1.3
Lain-lain	80	89	97	80	79	11.4	9.9	10.3	10.4	9.4
Jumlah	**703**	**901**	**946**	**771**	**846**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.18

Pasaran Utama Eksport Minyak Mentah

	2009	2010	2011	2012	2013*a*	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	'000 tan					% bahagian				
Australia	3,321	5,166	3,729	4,521	4,297	20.2	31.5	29.8	38.1	36.4
India	2,872	2,320	2,454	1,952	2,251	17.5	14.2	19.6	16.5	19.0
Thailand	2,767	2,262	2,042	1,901	1,906	16.9	13.8	16.3	16.0	16.1
Jepun	469	616	922	1,115	922	2.9	3.8	7.4	9.4	7.8
New Zealand	214	539	409	544	776	1.3	3.3	3.3	4.6	6.6
Korea	877	950	865	498	477	5.3	5.8	6.9	4.2	4.0
Republik Rakyat China	1,429	1,382	944	581	357	8.7	8.4	7.5	4.9	3.0
Singapura	1,428	896	169	170	283	8.7	5.5	1.4	1.4	2.4
Filipina	561	946	297	305	146	3.4	5.8	2.4	2.6	1.2
Lain-lain	2,475	1,296	677	276	400	15.1	7.9	5.4	2.3	3.4
Jumlah	**16,412**	**16,373**	**12,506**	**11,863**	**11,816**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.19

Pasaran Utama Eksport Gas Asli Cecair

	2009	2010	2011	2012	2013*a*	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	'000 tan					% bahagian				
Jepun	12,877	13,990	15,416	14,808	15,528	58.3	60.9	62.0	62.3	61.5
Korea	5,659	4,839	3,972	4,152	4,317	25.6	21.1	16.0	17.5	17.1
China Taipei	2,455	2,828	3,362	2,764	2,660	11.1	12.3	13.5	11.6	10.5
Lain-lain	1,104	1,296	2,097	2,045	2,748	5.0	5.6	8.4	8.6	10.9
Jumlah	**22,095**	**22,953**	**24,848**	**23,769**	**25,252**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.20

Hutang Luar Negeri dan Khidmat Bayaran Hutang

	2009	2010	2011	2012	2013*a*
	RM juta				
Hutang jangka sederhana dan panjang:					
Peminjaman kasar	**35,839**	**53,373**	**76,887**	**86,071**	**97,989**
Kerajaan Persekutuan	*459*	*4,493*	*6,561*	*678*	*453*
Perusahaan awam	*17,900*	*4,076*	*3,043*	*8,612*	*12,482*
Sektor swasta	*17,480*	*44,805*	*67,283*	*76,781*	*85,054*
Bayaran balik dan prabayaran	**36,095**	**50,700**	**78,886**	**77,694**	**79,277**
Kerajaan Persekutuan	*6,767*	*823*	*5,978*	*694*	*783*
Perusahaan awam	*9,478*	*3,574*	*7,313*	*9,665*	*5,550*
Sektor swasta	*19,850*	*46,303*	*65,595*	*67,335*	*72,944*
Peminjaman bersih	**-256**	**1,874**	**-1,017**	**7,859**	**20,246**
Kerajaan Persekutuan	*-6,308*	*3,670*	*583*	*-16*	*-330*
Perusahaan awam	*8,422*	*502*	*-4,269*	*-1,053*	*6,931*
Sektor swasta	*-2,371*	*-2,297*	*2,669*	*8,928*	*13,645*
Hutang terkumpul	**155,312**	**147,653**	**153,611**	**159,788**	**189,967**
Kerajaan Persekutuan	*13,787*	*16,745*	*18,105*	*16,848*	*16,763*
Perusahaan awam	*75,933*	*70,383*	*69,647*	*66,034*	*76,330*
Sektor swasta	*65,591*	*60,524*	*65,859*	*76,906*	*96,875*
Hutang jangka pendek:					
Hutang terkumpul	**77,434**	**79,420**	**103,753**	**92,964**	**128,114**
Sektor perbankan[1]	*68,572*	*67,982*	*92,302*	*80,488*	*113,529*
Sektor swasta bukan bank	*8,863*	*11,438*	*11,451*	*12,475*	*14,584*
Jumlah hutang luar negeri:	**232,746**	**227,072**	**257,364**	**252,752**	**318,081**
Jumlah hutang luar negeri (USD juta)	**67,332**	**72,817**	**80,404**	**81,715**	**95,796**
% PNK	*33.3*	*29.5*	*29.8*	*27.9*	*33.5*
Perubahan tahunan (%)	*-1.5*	*-2.4*	*13.3*	*-1.8*	*25.8*
Komposisi mata wang (% bahagian)	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**
Dolar AS	*72.7*	*65.8*	*68.4*	*68.1*	*71.3*
Yen Jepun	*8.4*	*8.8*	*8.2*	*6.7*	*4.9*
Lain-lain	*18.9*	*25.4*	*23.4*	*25.2*	*23.8*
Jumlah khidmat bayaran hutang (termasuk pembayaran faedah hutang jangka pendek)	**42,284**	**56,153**	**84,123**	**82,976**	**84,061**
antaranya:					
Hutang jangka sederhana dan panjang					
Bayaran balik[2]	**36,095**	**50,700**	**78,886**	**77,694**	**79,277**
Kerajaan Persekutuan	*6,767*	*823*	*5,978*	*694*	*783*
Perusahaan awam	*9,478*	*3,574*	*7,313*	*9,665*	*5,550*
Sektor swasta	*19,850*	*46,303*	*65,595*	*67,335*	*72,944*
Bayaran faedah	**5,718**	**4,974**	**4,737**	**4,830**	**4,419**
Kerajaan Persekutuan	*931*	*558*	*492*	*840*	*673*
Perusahaan awam	*3,295*	*3,342*	*3,326*	*2,943*	*2,487*
Sektor swasta	*1,492*	*1,074*	*919*	*1,047*	*1,259*
Nisbah khidmat bayaran hutang (% eksport barangan dan perkhidmatan)					
Jumlah hutang	**6.5**	**7.5**	**10.4**	**10.1**	**10.3**
Hutang jangka sederhana dan panjang	*6.4*	*7.5*	*10.3*	*10.1*	*10.3*
Kerajaan Persekutuan	*1.2*	*0.2*	*0.8*	*0.2*	*0.2*
Perusahaan awam	*2.0*	*0.9*	*1.3*	*1.5*	*1.0*
Sektor swasta	*3.3*	*6.4*	*8.2*	*8.3*	*9.1*

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Termasuk prabayaran
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.21

Indeks Harga Pengguna

	Wajaran (%) (2010=100)	2010	2011	2012	2013
		Pertumbuhan tahunan (%)			
Jumlah	**100.0**	**1.7**	**3.2**	**1.6**	**2.1**
antaranya:					
Makanan dan minuman bukan alkohol	30.3	2.4	4.8	2.7	3.6
Minuman alkohol dan tembakau	2.2	4.0	4.6	0.4	6.0
Pakaian dan kasut	3.4	-1.4	-0.2	-0.6	-0.6
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	22.6	1.1	1.8	1.6	1.7
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	0.7	1.8	2.0	1.5
Kesihatan	1.3	1.6	2.7	2.0	1.9
Pengangkutan	14.9	1.6	4.4	0.7	2.0
Komunikasi	5.7	-0.2	-0.3	-0.6	-0.7
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	1.6	2.0	1.2	0.1
Pendidikan	1.4	1.7	2.2	2.4	2.4
Restoran dan hotel	3.2	2.0	5.9	2.9	2.5
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.3	2.7	2.4	2.0	0.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.22

Indeks Harga Pengeluar

	Wajaran (%) (2005=100)	2010	2011	2012	2013
		Pertumbuhan tahunan (%)			
Jumlah	**100.0**	**5.6**	**9.0**	**0.1**	**-1.9**
antaranya:					
Makanan	5.4	2.6	8.6	1.0	2.4
Minuman dan tembakau	0.9	-0.5	3.7	0.3	2.1
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	5.4	22.4	23.2	-10.3	-11.1
Bahan api galian, pelincir, dll.	17.4	12.8	24.2	7.0	-0.6
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	4.2	17.9	24.4	-11.7	-14.1
Bahan kimia	7.0	3.0	9.4	-0.5	0.4
Barang-barang keluaran kilang	10.9	1.8	3.2	-0.5	-0.3
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	42.9	1.2	-0.6	0.8	-0.5
Pelbagai barang keluaran kilang	5.4	0.6	2.5	0.6	0.1
Pelbagai urus niaga dan barangan	0.5	12.2	6.2	1.3	-2.3
Pengeluaran tempatan	65.6	7.7	12.0	-0.2	-2.3
Import	34.4	1.4	2.3	0.7	-0.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.23

Wang Secara Luas (M3)

	Perubahan tahunan					Pada akhir
	2009	2010	2011	2012	2013	2013
	RM juta					
Wang secara luas (M3)[1]	85,439	68,791	155,581	111,211	109,504	1,462,390
Mata wang dalam edaran[2]	3,015	4,246	5,142	3,971	5,819	62,617
Deposit permintaan	14,707	18,449	28,854	26,998	32,053	264,537
Separuh wang secara luas	67,717	46,096	121,585	80,242	71,633	1,135,237
Deposit tetap	*23,347*	*27,038*	*72,789*	*60,894*	*66,957*	*681,006*
Deposit tabungan	*10,050*	*2,675*	*10,728*	*8,070*	*8,025*	*131,765*
NID	*-8,583*	*-4,115*	*-1,239*	*-1,392*	*18*	*15,816*
Repo	*898*	*655*	*-1,701*	*2,150*	*100*	*2,260*
Deposit mata wang asing	*15,283*	*1,432*	*13,125*	*14,090*	*4,877*	*88,114*
Deposit lain	*26,721*	*18,412*	*27,883*	*-3,570*	*-8,345*	*216,276*
Faktor Penentu M3						
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	25,808	-8,119	2,803	-3,311	21,394	69,984
Tuntutan terhadap Kerajaan	*35,919*	*-3,116*	*4,839*	*896*	*16,025*	*124,629*
Tolak: Deposit Kerajaan	*10,110*	*5,003*	*2,035*	*4,207*	*-5,370*	*54,645*
Tuntutan terhadap sektor swasta	50,957	84,847	116,431	128,389	119,534	1,323,876
Pinjaman	*46,481*	*91,981*	*111,787*	*105,512*	*109,445*	*1,189,755*
Sekuriti	*4,476*	*-7,134*	*4,644*	*22,877*	*10,089*	*134,121*
Aset asing bersih	22,462	31,785	103,372	19,419	14,865	523,704
Bank Negara Malaysia[3]	*7,343*	*-1,793*	*94,530*	*4,095*	*14,185*	*435,063*
Sistem perbankan	*15,119*	*33,578*	*8,842*	*15,325*	*680*	*88,642*
Pengaruh lain	-13,789	-39,722	-67,025	-33,287	-46,289	-455,174

[1] Tidak termasuk deposit yang disimpan sesama institusi perbankan
[2] Tidak termasuk pemegangan oleh sistem perbankan
[3] Termasuk kerugian/keuntungan penilaian semula kadar pertukaran
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan

Jadual A.24

Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan

	2009		2010		2011		2012		2013	
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%	RM juta	%
Mata wang dalam edaran	3,015	7.5	4,246	9.8	5,803	12.2	3,907	7.3	5,449	9.5
Deposit permintaan dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam	14,855	10.4	19,221	12.2	28,769	16.3	26,872	13.1	32,318	13.9
M1[1]	17,869	9.8	23,467	11.7	34,572	15.4	30,779	11.9	37,768	13.0
Deposit lain dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam[2]	68,044	9.4	47,343	6.0	120,878	14.5	87,005	9.1	73,696	7.1
Deposit dalam institusi perbankan lain[3]	-475	-1.7	-2,020	-7.2	131	0.5	-6,574	-25.2	-1,959	-10.0
M3[4]	85,439	9.2	68,791	6.8	155,581	14.3	111,211	9.0	109,504	8.1

[1] Terdiri daripada mata wang dalam edaran dan deposit permintaan sektor swasta

[2] Terdiri daripada deposit tabungan dan tetap, instrumen deposit boleh niaga (negotiable instruments of deposits, NID), repo dan deposit mata wang asing sektor swasta dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam

[3] Terdiri daripada deposit tetap dan repo sektor swasta dalam syarikat kewangan, bank saudagar/bank pelaburan dan syarikat diskaun. Juga termasuk deposit tabungan dalam syarikat kewangan, NID dalam syarikat kewangan dan bank saudagar/bank pelaburan, deposit mata wang asing dalam bank saudagar/bank pelaburan dan deposit panggilan dalam syarikat diskaun. Tidak termasuk deposit yang disimpan sesama institusi perbankan

[4] Terdiri daripada M1 ditambah deposit lain sektor swasta dalam bank perdagangan dan bank-bank Islam serta deposit sektor swasta dalam institusi perbankan lain, iaitu syarikat kewangan, bank saudagar/bank pelaburan dan syarikat diskaun

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan

Jadual A.25

Kadar Faedah (%)

	Pada akhir tahun						Pada akhir bulan tahun 2013											
	2007	2008	2009	2010	2011	2012	Jan.	Feb.	Mac	Apr.	Mei	Jun	Jul.	Ogos	Sept.	Okt.	Nov.	Dis.
Antara bank semalaman	3.49	3.25	1.99	2.72	2.99	3.00	2.99	2.99	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	3.00	2.93	2.98	3.00	2.99
Antara bank 1 minggu	3.52	3.27	2.02	2.77	3.01	3.01	3.01	3.01	3.01	3.01	3.01	3.01	3.01	3.02	3.01	3.01	3.02	3.02
Antara bank 1 bulan	3.56	3.30	2.07	2.83	3.05	3.06	3.07	3.07	3.10	3.06	3.08	3.08	3.06	3.10	3.07	3.06	3.07	3.20
Bank perdagangan																		
Deposit tetap																		
3 bulan	3.15	3.04	2.03	2.74	2.99	2.97	2.97	2.97	2.97	2.97	2.97	2.97	2.97	2.97	2.97	2.97	2.97	2.97
12 bulan	3.70	3.50	2.50	2.97	3.22	3.15	3.15	3.15	3.15	3.15	3.15	3.15	3.15	3.15	3.15	3.15	3.15	3.15
Deposit tabungan	1.44	1.40	0.86	1.00	1.15	1.03	1.00	1.01	1.01	1.01	1.02	1.02	1.01	1.02	1.01	1.01	1.01	0.99
Kadar pinjaman asas (BLR)	6.72	6.48	5.51	6.27	6.53	6.53	6.53	6.53	6.53	6.53	6.53	6.53	6.53	6.53	6.53	6.53	6.53	6.53
Bil perbendaharaan (91 hari)[1]	3.39	2.94	1.98	2.82	2.99	3.04	3.04	3.04	3.04	3.02	3.01	3.01	3.00	3.01	3.00	3.00	3.00	3.00
Sekuriti Kerajaan																		
1 tahun	3.53	2.89	2.12	2.85	2.82	3.01	3.00	3.00	2.97	2.95	2.98	3.10	3.11	3.11	3.06	2.95	2.98	3.03
5 tahun	3.78	3.00	3.79	3.39	3.23	3.24	3.23	3.25	3.22	3.15	3.28	3.41	3.68	3.68	3.56	3.37	3.60	3.66
Sekuriti hutang swasta																		
AAA																		
3 tahun	4.07	4.17	3.72	3.63	3.65	3.53	3.54	3.55	3.56	3.54	3.51	3.57	3.66	3.71	3.67	3.65	3.69	3.71
5 tahun	4.28	4.48	4.32	4.07	3.99	3.80	3.81	3.81	3.81	3.80	3.75	3.79	3.88	3.94	3.97	3.86	3.91	3.96
AA																		
3 tahun	4.39	4.95	4.50	4.34	4.29	4.04	4.04	4.05	4.04	4.01	3.96	3.99	4.10	4.09	4.11	4.09	4.12	4.16
5 tahun	4.64	5.31	5.07	4.75	4.65	4.30	4.30	4.31	4.30	4.27	4.21	4.22	4.33	4.33	4.34	4.31	4.38	4.41
A																		
3 tahun	6.06	6.90	6.80	6.90	6.57	6.34	6.32	6.33	6.32	6.34	6.34	6.37	6.39	6.34	6.33	6.34	6.34	6.32
5 tahun	6.51	7.43	7.57	7.53	7.11	6.98	6.97	6.96	6.93	6.98	7.02	7.04	7.03	7.03	7.00	7.02	7.01	7.02
BBB																		
3 tahun	9.71	10.32	10.18	10.40	10.21	10.06	10.06	10.08	10.06	10.06	10.01	10.02	10.02	10.03	9.94	10.02	10.01	10.02
5 tahun	10.72	11.36	11.32	11.43	11.24	11.14	11.15	11.16	11.15	11.17	11.14	11.14	11.14	11.18	11.05	11.13	11.12	11.17
BB & ke bawah																		
3 tahun	11.92	12.68	12.58	12.78	12.62	12.53	12.48	12.57	12.56	12.57	12.53	12.55	12.54	12.55	12.43	12.52	12.50	12.52
5 tahun	13.16	13.86	14.02	14.51	14.13	13.76	13.69	13.79	13.76	13.82	13.80	13.82	13.77	13.78	13.64	13.71	13.71	13.70

[1] Merujuk kepada data daripada FAST, Bank Negara Malaysia

Jadual A.26

Pergerakan Ringgit

	RM berbanding dengan satu unit mata wang asing[1]			Perubahan tahunan (%)		Perubahan (%)
	2005	2012	2013	2012	2013	21 Jul. '05 - Dis. '13
	21 Jul.[2]	Akhir Dis.				
SDR	5.5049	4.6791	5.0481	3.9	-7.3	9.0
Dolar AS	3.8000	3.0583	3.2815	3.9	-6.8	15.8
Dolar Singapura	2.2570	2.5030	2.5943	-2.4	-3.5	-13.0
100 yen Jepun	3.3745	3.5576	3.1281	15.2	13.7	7.9
Paun sterling	6.6270	4.9420	5.4076	-0.9	-8.6	22.6
Dolar Australia	2.8823	3.1804	2.9299	1.3	8.6	-1.6
Euro	4.6212	4.0412	4.5263	1.7	-10.7	2.1
100 baht Thai	9.0681	9.9910	9.9757	0.2	0.2	-9.1
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0317	0.0269	9.2	17.8	43.4
100 won Korea	0.3665	0.2865	0.3108	-4.2	-7.8	17.9
100 peso Filipina	6.8131	7.4446	7.3908	-2.7	0.7	-7.8
100 dolar Taiwan Baharu	11.890	10.533	11.009	-0.5	-4.3	8.0
Renminbi China	0.4591	0.4909	0.5422	2.5	-9.5	-15.3

[1] Kadar dolar Amerika Syarikat ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Antara Bank Kuala Lumpur
Kadar bagi mata wang selain dolar Amerika Syarikat ialah kadar silang yang diperoleh daripada kadar mata wang asing tersebut berbanding dengan dolar Amerika Syarikat dan kadar RM/dolar Amerika Syarikat

[2] Ringgit bertukar daripada kadar pertukaran tetap berbanding dengan dolar Amerika Syarikat kepada apungan terurus berbanding dengan sekumpulan mata wang

Jadual A.27

Institusi Kredit Perumahan

	Tahun penubuhan	Objektif	Kadar pinjaman untuk pinjaman perumahan baharu (%)		Bilangan cawangan	
			2012	2013	2012	2013
Bank perdagangan	-		4.30[1,2]	4.27[1,2]	4,228[3]	4,341[3]
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	1970	Menyediakan pinjaman perumahan untuk kakitangan Kerajaan	4.00[1]	4.00[1]	1	1
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	1954	Sebuah koperasi yang mengambil deposit dan menyediakan kemudahan perbankan berlandaskan prinsip Syariah	6.30[1]	4.50[1]	140	144
Malaysia Building Society Berhad	1950	Untuk menjadi institusi kewangan yang berasaskan pengguna dengan menawarkan aktiviti pinjaman harta benda dan pengambilan deposit, ke arah mewujudkan pengurusan kekayaan untuk pelanggannya	7.35 ~ 7.41	7.09 ~ 7.33	38	43
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	1958	Menyediakan pinjaman perumahan khusus untuk kakitangan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak	6.75 ~ 7.50	6.75 ~ 7.50	2	2
Bank Simpanan Nasional	1974	Untuk menggalakkan dan menggembleng simpanan terutamanya daripada penyimpan kecil serta memupuk tabiat berjimat cermat dan suka menyimpan	4.64[1]	4.81[1]	396	400
Sabah Credit Corporation	1955	Untuk meningkatkan pembangunan sosioekonomi rakyat Malaysia di Sabah melalui akses kepada kredit kewangan yang mudah	3.00 ~ 7.50	3.00 ~ 7.50	12	12

[1] Kadar pinjaman purata 12 bulan
[2] Tidak termasuk bank-bank Islam
[3] Termasuk bank-bank Islam

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.28

Pinjaman Perumahan Terkumpul

	2012	2013*a*	2012	2013*a*	2012	2013*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)		% bahagian	
Bank perdagangan[1]	288,501	325,047	12.8	12.7	86.3	87.5
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	32,982	32,464	5.7	-1.6	9.9	8.7
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	2,978	2,569	-11.9	-13.7	0.9	0.7
Malaysia Building Society Berhad	5,409	5,394	4.8	-0.3	1.6	1.5
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	641	660	-1.7	2.8	0.2	0.2
Bank Simpanan Nasional	3,806	5,074	15.4	33.3	1.1	1.4
Sabah Credit Corporation	96	81	-17.9	-15.8	…	…
Jumlah	**334,413**	**371,289**	**11.6**	**11.0**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
… Terlalu kecil

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.29

Pinjaman Perumahan yang Diluluskan

	2012	2013*a*	2012	2013*a*	2012	2013*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)		% bahagian	
Bank perdagangan[1]	87,807	111,406	-1.1	26.9	88.4	90.2
Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	8,316	9,042	22.4	8.7	8.4	7.3
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	39	566	-29.1	1351.3	0.0	0.5
Malaysia Building Society Berhad	800	435	56.3	-45.6	0.8	0.4
Borneo Housing Mortgage Finance Berhad	91	171	74.7	86.7	0.1	0.1
Bank Simpanan Nasional	2,237	1,829	114.6	-18.2	2.3	1.5
Sabah Credit Corporation	0	0	…	…	…	…
Jumlah	**99,290**	**123,449**	**2.1**	**24.3**	**100.0**	**100.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam
a Awalan
… Terlalu kecil

Sumber: Bank Negara Malaysia dan pelbagai institusi kredit perumahan

Jadual A.30

Pembiayaan Ekonomi

Mengikut pelanggan / Mengikut jenis pembiayaan/institusi	Perusahaan perniagaan[1]		Isi rumah	Kerajaan	Jumlah Pembiayaan
	Jumlah	antaranya: PKS[2]			
	RM juta				
Perubahan Bersih dalam Pembiayaan (2012)					
Pengantara Kewangan					
Institusi Perbankan	38,861	23,782	63,949	1,656	104,465
Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)[3]	2,915	(91)	7,291	-	10,205
Pengantara Domestik Lain[4]	(12,480)	(36)	2,689	-	(9,792)
Pasaran Modal					
Pasaran Bon[5]	60,374	-	-	47,937	108,310
Pasaran Ekuiti	27,405	-	-	-	27,405
Pembiayaan Luar					
Pelaburan Langsung Asing	31,117				31,117
Pinjaman Luar[6,7]	12,072			(4,870)	7,201
Jumlah	**160,261**	**23,655**	**73,928**	**44,723**	**278,911**
Perubahan Bersih dalam Pembiayaan (2013*a*)					
Pengantara Kewangan					
Institusi Perbankan	47,165	22,639	74,130	(3,609)	117,687
Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)[3]	3,422	1,295	5,491	-	8,913
Pengantara Domestik Lain[4]	(928)	145	(81)	-	(1,010)
Pasaran Modal					
Pasaran Bon[5]	29,012	-	-	41,925	70,937
Pasaran Ekuiti	16,027	-	-	-	16,027
Pembiayaan Luar					
Pelaburan Langsung Asing	38,774				38,774
Pinjaman Luar[6,7]	22,078			10,211	32,288
Jumlah	**155,550**	**24,079**	**79,540**	**48,527**	**283,617**

[1] Perusahaan perniagaan termasuk institusi kewangan bukan bank, entiti bukan perusahaan perniagaan tempatan dan entiti asing
[2] Diselaraskan untuk memasukkan PKS yang dikelaskan semula sebagai syarikat besar
[3] Merujuk kepada IKP di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan, 2002
[4] Pengantara domestik lain termasuk syarikat insurans, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), institusi kredit perumahan, syarikat pemajakan dan pemfaktoran, dan Bahagian Pinjaman Perumahan Perbendaharaan
[5] Merujuk kepada perubahan bersih dalam sekuriti hutang swasta (PDS) terkumpul dan semua Sekuriti Kerajaan Malaysia. Data tidak termasuk bon Cagamas dan terbitan pelabur asing. PDS termasuk stok pinjaman tidak boleh tebus, boleh tukar dan tidak dilindungi (ICULS) dan nota jangka sederhana (MTN) yang diterbitkan oleh sektor korporat
[6] Berdasarkan klasifikasi baharu hutang luar yang telah ditakrifkan semula untuk mengambil kira entiti di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemastautin, mulai suku pertama tahun 2008
[7] Pembiayaan luar Kerajaan termasuk pembiayaan kepada perusahaan awam bukan kewangan (PABK)
a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan

Jadual A.31

Kewangan Sektor Awam Disatukan

	2010	2011	2012	2013*a*	2014*r*
	RM bilion				
Hasil[1]	127.2	160.7	189.0	195.1	205.4
% pertumbuhan	*-4.3*	*26.3*	*17.7*	*3.2*	*5.3*
Perbelanjaan mengurus	167.1	196.1	226.0	234.1	239.7
% pertumbuhan	*-2.0*	*17.3*	*15.2*	*3.6*	*2.4*
Lebihan semasa PABK[2]	123.2	107.0	129.7	85.2	99.5
Lebihan semasa	**83.2**	**71.5**	**92.7**	**46.2**	**65.2**
% daripada KDNK	***10.4***	***8.1***	***9.9***	***4.7***	***6.2***
Perbelanjaan pembangunan bersih[3]	103.0	101.3	135.2	180.2	164.3
% pertumbuhan	*-8.2*	*-1.7*	*33.5*	*33.3*	*-8.9*
Sektor Kerajaan[4]	53.7	51.8	50.8	50.3	53.0
PABK	49.3	49.5	84.4	130.0	111.3
Imbangan keseluruhan	**-19.8**	**-29.8**	**-42.5**	**-134.1**	**-99.0**
% daripada KDNK	***-2.5***	***-3.4***	***-4.5***	***-13.6***	***-9.4***

[1] Tidak termasuk bayaran pindahan dalam Sektor Kerajaan
[2] Merujuk kepada 30 PABK bermula dari tahun 2004 dan seterusnya
[3] Mengambil kira bayaran pindahan dan pinjaman bersih dalam sektor awam
[4] Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan berkanun
a Awalan
r Ramalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK)

Jadual A.32

Negara-negara Maju Utama: Penunjuk Ekonomi Utama

	2009	2010	2011	2012	2013*a*	2014*r*
	Perubahan tahunan (%)					
KDNK BENAR						
Amerika Syarikat	-2.8	2.5	1.9	2.8	1.9	2.8
Jepun	-5.5	4.7	-0.5	1.4	1.5	1.7
Kawasan euro	-4.4	2.0	1.6	-0.7	-0.5	1.0
Jerman	*-5.1*	*4.0*	*3.3*	*0.7*	*0.4*	*1.6*
United Kingdom	-5.2	1.7	1.1	0.2	1.8	2.4
INFLASI						
Amerika Syarikat	-0.4	1.6	3.2	2.1	1.5	1.5
Jepun	-1.4	-0.7	-0.3	0.0	0.4	2.9
Kawasan euro	0.3	1.6	2.7	2.5	1.4	1.5
Jerman	*0.2*	*1.2*	*2.5*	*2.1*	*1.6*	*1.8*
United Kingdom	2.2	3.3	4.5	2.8	2.6	2.3
	% daripada tenaga kerja					
PENGANGGURAN						
Amerika Syarikat	9.3	9.6	8.9	8.1	7.4	6.3 - 6.6
Jepun	5.1	5.1	4.6	4.3	4.0	4.3
Kawasan euro	9.6	10.1	10.1	11.4	12.1	12.2
Jerman	*7.8*	*7.1*	*5.9*	*5.5*	*5.3*	*5.5*
United Kingdom	7.6	7.8	8.0	7.9	7.6	7.5
	% daripada KDNK					
IMBANGAN AKAUN SEMASA						
Amerika Syarikat	-2.6	-3.0	-3.0	-2.7	-2.7	-2.8
Jepun	2.9	3.7	2.0	1.0	1.2	1.7
Kawasan euro	-0.2	0.1	0.1	1.3	2.3	2.5
Jerman	*6.0*	*6.3*	*6.2*	*7.0*	*6.0*	*5.7*
United Kingdom	-1.4	-2.7	-1.5	-3.7	-2.8	-2.3
IMBANGAN FISKAL[1]						
Amerika Syarikat	-12.9	-10.8	-9.7	-8.3	-5.8	-4.7
Jepun	-10.4	-9.3	-9.9	-10.1	-9.5	-6.8
Kawasan euro	-6.4	-6.2	-4.2	-3.7	-3.1	-2.5
Jerman	*-3.1*	*-4.2*	*-0.8*	*0.1*	*-0.4*	*-0.1*
United Kingdom	-11.4	-10.1	-7.7	-6.1	-6.1	-5.8

[1] Merujuk kepada imbangan fiskal kerajaan am
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Federal Reserve (Ramalan Dec 2013) dan Pihak Berkuasa Negara

Jadual A.33

Asia Sedang Pesat Membangun: Penunjuk Ekonomi Utama

	2009	2010	2011	2012	2013*a*	2014*r*
KDNK BENAR	Perubahan tahunan (%)					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	9.2	10.4	9.3	7.7	7.7	7.5
Korea	0.3	6.3	3.7	2.0	2.8	3.7
China Taipei	-1.8	10.8	4.2	1.5	2.1	3.8
Singapura	-0.6	15.1	6.0	1.9	4.1	3.4
Hong Kong SAR	-2.5	6.8	4.8	1.5	2.9	4.4
Malaysia	-1.5	7.4	5.1	5.6	4.7	4.5 ~ 5.5
Thailand	-2.3	7.8	0.1	6.5	2.9	3.5
Indonesia	4.6	6.2	6.5	6.3	5.8	5.5
Filipina	1.1	7.6	3.6	6.8	7.2	6.0
INFLASI	Perubahan tahunan (%)					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	-0.7	3.3	5.4	2.6	2.6	3.0
Korea	2.8	2.9	4.0	2.2	1.3	2.3
China Taipei	-0.9	1.0	1.4	1.9	0.8	2.0
Singapura	0.6	2.8	5.2	4.6	2.4	2.7
Hong Kong SAR[1]	0.5	2.4	5.3	4.1	4.3	3.5
Malaysia	0.6	1.7	3.2	1.6	2.1	3 ~ 4
Thailand	-0.9	3.3	3.8	3.0	2.2	2.1
Indonesia	4.8	5.1	5.4	4.3	7.0	7.5
Filipina	4.2	3.8	4.6	3.2	3.0	3.5
IMBANGAN AKAUN SEMASA	% daripada KDNK					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	4.8	4.0	1.9	2.3	2.0	2.7
Korea	3.9	2.9	2.3	3.8	4.6	3.9
China Taipei	11.4	9.3	8.9	10.5	10.0	9.6
Singapura	17.7	26.8	24.6	18.6	18.5	17.6
Hong Kong SAR	9.9	7.0	5.6	1.6	2.3	2.5
Malaysia	15.5	10.9	11.6	6.1	3.8	2.9
Thailand	8.3	3.1	1.7	0.0	0.1	-0.2
Indonesia	2.0	0.7	0.2	-2.8	-3.2	-3.1
Filipina	5.6	4.5	3.1	2.8	2.5	2.2
IMBANGAN FISKAL[2]	% daripada KDNK					
Negara Serantau						
Republik Rakyat China	-2.3	-1.7	-1.1	-1.7	-1.9	-2.1
Korea[3]	0.0	1.7	1.8	1.9	1.4	1.7
China Taipei[3]	-6.2	-5.0	-4.0	-4.3	-3.2	-3.0
Singapura[3]	-0.5	7.4	9.6	7.4	5.3	4.8
Hong Kong SAR[3]	1.5	4.2	3.9	3.2	2.6	3.3
Malaysia	-6.7	-5.4	-4.8	-4.5	-3.9	-3.5
Thailand	-4.4	-1.5	-1.6	-4.4	-2.7	-3.2
Indonesia	-1.6	-0.7	-1.1	-0.8	-2.2	-2.5
Filipina	-3.7	-3.5	-2.0	-2.3	-0.8	-0.8

[1] Merujuk kepada indeks harga komposit
[2] Merujuk kepada imbangan fiskal kerajaan pusat
[3] Merujuk kepada imbangan fiskal kerajaan am
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Pihak Berkuasa Negara, Economist Intelligence Unit (EIU) dan anggaran Bank Negara Malaysia